



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT PERTAMA**

# K A N D U N G A N

## **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

## **RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 (Halaman 23)

Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan  
(Langkah-langkah Khas)(Pindaan) 2015 (Halaman 44)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan 2015 (Halaman 117)

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 (Halaman 184)

## **USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan  
Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 21)

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan  
Ketiga Rang Undang-undang (Halaman 44)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 46)

Menyerahkan Rang Undang-undang  
Kepada Jawatankuasa Pilihan (Halaman 102)

Merentikan Kuat Kuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat (Halaman 176)

Menangguhkan Bacaan Kali Yang Kedua dan  
Ketiga Rang Undang-undang (Halaman 209)

### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

### MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P., S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRs
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] – PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] – UPKO
34. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
35. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mah Siew Keong, A.M.P., D.P.M.P. [Telok Intan] – GERAKAN

**TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO
6. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
9. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
11. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun - *Senator*
14. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
17. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
19. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Lee Chee Leong - *Senator*
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC

23. Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
25. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
27. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

#### AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M., S.S.A.P., P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato' Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
21. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
22. “ Dato' Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO

23. Yang Berhormat Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
24. " Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
25. " Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
26. " Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
27. " Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
28. " Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
30. " Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
31. " Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
32. " Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO
33. " Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
34. " Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
35. " Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
36. " Datuk Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
37. " Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] – UPKO
38. " Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
39. " Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
40. " Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M [Masjid Tanah] - UMNO
41. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
42. " Tuan Haji Mohd Fasihah bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
43. " Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
44. " Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
45. " Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
46. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
47. " Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
48. " Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
49. " Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
50. " Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
51. " Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
52. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
53. " Dato' Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
54. " Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
55. " Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO

56. Yang Berhormat Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
57. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
58. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
59. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
60. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
61. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
62. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB
63. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] - UMNO
64. “ Datuk Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
65. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
66. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
67. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
68. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
69. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
70. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
71. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
72. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
73. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
74. “ Datuk William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
75. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
76. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
77. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
2. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
3. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
4. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
5. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
6. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
7. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
8. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
9. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]



10. Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
11. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
12. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
13. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
14. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]
15. “ Dato’ Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
16. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
17. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
18. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
19. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
20. “ Datuk Mohd Idris bin Jusi, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
21. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
22. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
23. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
24. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
25. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
26. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
27. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
28. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
29. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
30. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

#### AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
8. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
9. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
10. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
11. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
12. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
13. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
14. “ Dato’ Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]

15. Yang Berhormat Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
16. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
17. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
18. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]
19. “ Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
20. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
21. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
23. “ Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]
24. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
25. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
26. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
27. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
28. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
29. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kempas]
30. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
31. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
32. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
33. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarajevo]
34. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
35. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
36. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

#### **AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]

15. Yang Berhormat Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**BEBAS**

1. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]

**DEWAN RAKYAT****Ketua Pentadbir Parlimen**

Tuan Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS****CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah binti Md. Nasir

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KETIGA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Rabu, 8 April 2015**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed)]*

***mempengerusikan Mesyuarat***

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang mengkaji kaedah pengagihan BR1M dalam bentuk kupon atau baucar yang hanya boleh ditebus untuk barangan tertentu sahaja untuk memastikan penerima bantuan membelanjakan wang untuk tujuan yang sepatutnya sahaja seperti Program Bantuan Khasiat Tambahan (SNAP) di Amerika Syarikat.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Soalan mengenai Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Jumlah penerima BR1M, penerima RM350 ialah 2,706,350 orang yang berjumlah RM947,222,500. Ini angka untuk BR1M 2015. Penerima RM750 ialah 410,608 orang berjumlah RM307,956,000. Penerima RM950 pula ialah 4,169,310 orang berjumlah RM3,990,844,500. Jumlah penerima BR1M untuk tahun 2015 ialah 7,286,268 orang berjumlah RM5,216,023,000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak BR1M diperkenalkan sejak tahun 2012 kerajaan telah berjaya menghulurkan wang secara tunai kepada semua penerima yang layak. Pada tahun 2015 kerajaan telah memperbaiki pelaksanaan tersebut di mana pemberian BR1M disalurkan sebanyak tiga kali setahun kepada penerima kategori isi rumah bagi membolehkan mereka membuat perancangan perbelanjaan yang lebih baik. Ini juga dapat memastikan segala bantuan BR1M dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam tempoh setahun. Pecahan pemberian BR1M 2015 mengikut kategori adalah seperti berikut:

- (a) Isi rumah RM3,000 dan ke bawah nilai BR1M RM950, 15 Januari – RM300, 28 Mei – RM300, 28 September – RM350;
- (b) Isi rumah pendapatan bulanan RM3,001 hingga RM4,000. Nilai BR1M RM750, Januari – RM200, Mei – RM200, September – RM350;
- (c) Individu bujang pendapatan bulanan RM2000 dan ke bawah. Nilai BR1M RM350 diberi pada 15 Januari, RM350 keseluruhannya.

Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menukarkan bantuan BR1M kepada baucar barangan dan mengambil kira keutamaan keperluan rakyat serta kemudahan infrastruktur setempat. Antara sebab utama setakat ini kita tidak akan tukar kepada baucar barangan kerana janji kerajaan dalam masa lima tahun BR1M akan dinaikkan kepada RM1,200. Janji itu adalah dalam bentuk tunai bukan dalam bentuk

barang. Tambahan pula jika dalam bentuk barang penerima tidak akan peroleh nilai yang tepat kerana pembekal mengambil sejumlah peratusan keuntungan. Kemungkinan juga baucar boleh dijual dengan harga yang lebih rendah dengan nilai sebenar untuk dapatkan wang tunai secara segera. Terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, saya ucapkan banyak terima kasih kepada pihak Kementerian Kewangan kerana mewujudkan pejabat baru LHDN di dalam Parlimen Kuala Selangor. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapa saya membangkitkan persoalan ini mengenai mengkaji kaedah pemberian BR1M, ini adalah kerana selepas saya membaca pelbagai laporan mengenai penyalahgunaan wang BR1M yang sering berlegar-legar dalam masyarakat.

Apatah lagi terdapat juga pendedahan bahawa ramai penerima BR1M menyalahgunakan wang yang diberikan untuk tujuan perjudian termasuk juga dalam laporan audit yang terkini. Kementerian Kewangan dikatakan kerugian RM3.34 juta apabila seramai 6,577 orang membuat tebusan kedua bagi penerima BR1M 2012, 2013 dan 2014. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, dengan situasi sedemikian, apakah tindakan daripada pihak Kementerian Kewangan terutamanya mereka yang menunaikan baucar BR1M sebanyak dua kali dan adakah pihak kementerian ingin menyenaraihitamkan mereka dan juga mengambil tindakan undang-undang? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kenapa boleh dikeluarkan dua baucar?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Ya, memang kita bina satu pejabat baru Lembaga Hasil Dalam Negeri di Kuala Selangor kemungkinan kita akan rasmi dalam beberapa ketika lagi. Dahulu pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini tidak ada berapa ramai orang hendak datang Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini penuh sebab merayu BR1M, mohon BR1M, itu juga kebaikan rapat dengan pemungut cukai.

Kemudian salah guna wang BR1M. Saya ada statistik di sini. Pada tahun 2012 bilangan penerima lebih daripada sekali ini 2,188 orang daripada 4,179,062 orang, peratusan 0.05%.

#### ■1010

Untuk BR1M 2013, penerima lebih daripada sekali seramai 2,490 orang daripada 6,802,423 orang penerima BR1M dengan peratusan 0.04%. Untuk BR1M 2014, penerima BR1M lebih dari sekali seramai 1,899 orang daripada penerima 6,959,549 atau 0.03%. Jumlahnya 6,576 orang dan ini adalah 0.04% daripada 17,941,034 orang.

Mengapakah perkara ini berlaku? Ada dua sebab tetapi kedua-dua sebab itu rasanya kerana mereka itu ingin menipu. Minta maaf saya sebut di sini. Satu kejadian misalnya apabila ramai sangat menerima baucar BR1M ini di tempat-tempat yang tertentu, dalam dewan besar, dalam tempat-tempat yang seumpamanya, ada yang berbaris dua kali, Tuan Yang di-Pertua. Tujuannya menipu hendak dapat dua kali. Itu satu sebab yang pertama.

Kedua, satu lagi tujuan yang tidak baik, tidak beretika, mengaku baucar itu hilang dan kemudian pergi ke pejabat daerah minta gantian kepada baucar itu. Ini juga tidak bagus dan tidak beretika sama sekali.

Kita telah memberi surat kepada mereka kerana mereka tahu siapa mereka. Kita dah dapat bayaran balik daripada 6,576 orang itu, yang kita dapat balik ialah seramai 1,806 orang dah bayar balik. Jumlah RM948,850 daripada RM3,337,200 mereka sudah pulang. Mana-mana yang tidak memulangkan – ada juga yang merayu supaya bayar secara ansuran. Kita bagi jugalah peluang itu. Akan tetapi yang tidak bayar langsung, *confirm* Yang Berhormat Kuala Selangor, nama mereka disenaraihitamkan daripada penerima BR1M untuk tahun-tahun berikutnya. *Blacklist*, tidak akan dapat terima lagi BR1M sebab menipu dan apabila kita minta pulang, mereka tidak pulang.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan perkara ini berterusan untuk tiga tahun, jika saya tidak salah yang diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang tuntutan dua kali, ingin saya tanya

apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk mengelakkan ia berlaku pada tahun ini dan tahun akan datang? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan lebih jelas tentang langkah-langkah yang telah diambil?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Dari segi angka itu kelihatan menurun. Tahun 2012, 0.05%; tahun 2013, 0.04%; dan tahun 2014, 0.03%. BR1M ini tujuannya ada tiga. Ada yang tidak suka BR1M di luar sana membuat kenyataan-kenyataan tidak suka BR1M tetapi kita bagi BR1M ini atas tiga tujuan.

Pertama, untuk membantu mengurangkan sedikit sebanyak belanja barang dapur seharian, tiga kali. Itu yang pertama.

Kedua, untuk membantu merancakkan ekonomi setempat kerana mereka menggunakan wang tunai itu untuk berbelanja. Maka kedai runcit, pasar tani, pasar malam, pasar lambak dan sebagainya itu jadi laku dan kegiatan ekonomi itu berputar dengan baik. RM1 yang dibelanjakan itu, mengikut teori ekonomi, ia bertambah kepada tiga kali atau empat kali ganda *multiplying effect* untuk merancakkan kegiatan ekonomi. Itu yang kedua.

Ketiga ialah apabila kita masukkan dalam akaun mulai tahun sudah dan tahun ini, sebahagian mereka tidak keluarkan langsung daripada akaun itu atau mereka keluarkan sebahagian. Jadi ia boleh menambah tabungan rakyat, menambah simpanan rakyat. Jadi ini tiga perkara kenapa kita laksanakan BR1M.

Teguran Audit ini kita ambil perhatian, Yang Berhormat Kota Melaka. Oleh kerana itulah maka untuk mengelakkan perkara yang berlaku itu berlaku lagi, maka kita salurkan ke akaun penerima dengan menggalakkan pemohon untuk mengemukakan nombor akaun bank semasa mengemaskinikan permohonan atau semasa membuat permohonan bagi pemohon baru. Kemudian, kita juga membuat hebahan media.

Juga, pada masa akan datang, kita tidak bagi lagi baucar. Kita bagi surat saja, bukan dalam bentuk baucar. Baucar kalau ada pun kita bagi, maka kita akan ada *security*, baucar itu ada keselamatan. Apabila dia fotostat baucar itu, tidak kira fotostat berwarna atau apa, keluar salinan, perkataan 'salinan' di atas fotostat itu. Jadi itu juga kaedah untuk mengelakkan. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. BR1M ini adalah cukup baik sekali khususnya untuk meringankan kos sara hidup yang tinggi terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Dalam masa yang sama, BR1M ini juga telah membantu untuk kita merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dengan merangsang pertumbuhan dan juga *consumption*.

Walau bagaimanapun, ada beberapa kelemahan. Apa yang terjadi pada ketika ini ialah BR1M kita berikan RM900 kepada semua ketua isi rumah tanpa mengira berapa tanggungan mereka. Kalau tanggungan satu pun RM900 juga. Kalau tanggungan sepuluh pun RM900 juga.

Jadi saya hendak tanya pada kerajaan, adakah kerajaan akan memikirkan supaya pemberian BR1M ini adalah berdasarkan daripada per kapita? Ini kerana kalau kita dapat memikirkan satu kuantum kepada satu tanggungan, kemungkinan ia benar-benar bertepatan dan lebih adil kepada mereka yang mempunyai tanggungan yang besar.

Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik iaitu memberi mengikut tanggungan, bilangan anak mereka. Sekarang ini memang betul lah apa yang disebut oleh...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bagi tiap-tiap bulanlah. Yang Berhormat, bagi tiap-tiap bulan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, dah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tiap-tiap bulan ya? Dulu kita bagi setahun sekali, lepas itu kita bagi tiga kali setahun. Itu juga telah menunjukkan bahawa kita mendengar pandangan-pandangan. Namun, tiap-tiap bulan ini belum lagilah.

Cuma, saya ingin respons kepada Yang Berhormat Jasin tadi. Itu satu cadangan untuk masa depan. Kalau anak mereka jumlah yang tertentu, lima ke bawah atau lima ke

atas misalnya, ada jumlah-jumlah yang berbeza. Itu satu pandangan dan cadangan yang baik daripada Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

**2. Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa kerajaan masih memberi kontrak kepada MyEG untuk pengurusan permit kerja asing walaupun sudah ada sistem NERS. Adakah kerajaan masih meneruskan perkhidmatan MyEG ini walaupun menerima banyak kritikan. Apakah sebabnya.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sistem NERS dan MyEG merupakan dua sistem yang berbeza di mana sistem NERS bertujuan bagi merekodkan data biometrik warga asing yang terdiri daripada kategori pelawat, pekerja asing dan pemegang pas jangka panjang di semua pintu masuk darat, laut dan udara negara. Melalui sistem NERS ini juga, cap jari serta biodata setiap warga asing yang keluar dan masuk akan disimpan secara elektronik.

Hasilnya, kerajaan mempunyai profil setiap warga asing yang memasuki dan berada di dalam negara ini. Profil tersebut akan dimuatkan ke dalam pangkalan data yang boleh diguna pakai secara holistik oleh agensi-agensi selain dari Jabatan Imigresen Malaysia di mana rujukan silang sentiasa dapat dilakukan dengan pangkalan data agensi masing-masing bagi tujuan pelbagai.

Manakala pelaksanaan penyeragaman pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian, *online*, oleh MyEG adalah bagi membolehkan permit pembaharuan pekerja asing bagi semua sektor akan dibuat secara *online*. Ia secara dasarnya adalah untuk menangani isu penyelewengan dan persepsi negatif terhadap Jabatan Imigresen Malaysia, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan kesesakan di pejabat imigresen.

#### ■1020

Pelaksanaan ini diharap dapat membuktikan keupayaan untuk meningkatkan kemudahan dan menilai nilai tambah kepada penggunaan dan pihak kerajaan. Bermula 1 Disember 2014, pihak Kementerian telah bersetuju untuk melaksanakan *Proof of Concept* ataupun eksperimen Yang Berhormat, dalam bahasa biasanya. Bagi penyeragaman pembaharuan pas lawatan kerja sementara untuk semua sektor pekerja asing menerusi perkhidmatan atas talian, adalah didapati bahawa kesesakan masalah berbaris panjang di kaunter telah dapat dikurangkan sebanyak 50% sepanjang tempoh eksperimen ataupun percubaan tersebut ataupun *Proof of Concept* tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas jawapan tersebut tadi. Saya difahamkan daripada jawapan tersebut Syarikat MyEG dipertanggungjawabkan untuk permohonan ataupun pembaharuan permit pas lawatan kerja sementara tetapi sebenarnya Syarikat NERS Sdn. Bhd. juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan pas tersebut. Saya difahamkan bahawa kerajaan akan membayar RM50 untuk setiap pas dan data tersebut ada dalam laporan kewangan tahun lepas semasa dibentangkan dalam bajet.

Jadi saya tidak faham mengapa sebuah syarikat yang sudah diperuntukkan lebih kurang RM100 juta setiap tahun iaitu NERS untuk melaksana kerja-kerja ini termasuk kerja merekodkan dan mengeluarkan pas lawatan kerja sementara tidak diberikan juga mandat untuk pembaharuan. Sebaliknya mandat tersebut diberikan kepada satu syarikat baru dan syarikat tersebut dapat mengaut keuntungan yang saya rasa macam atas angin.

Jadi soalan saya yang kedua ialah bolehkah minta Menteri secara bertulis berikan tarikh setiap pembayaran oleh MyEG kepada kerajaan dan jumlah bayaran pada setiap tarikh tersebut bagi segala bayaran ataupun fi dan yuran untuk pembaharuan permit pekerja migrain yang baru dilaksanakan? Juga permohonan permit pembantu rumah yang telah dilaksanakan melalui MyEG sejak dua tahun lalu. Minta kerjasama Menteri memberikan statistik tersebut. Terima kasih.



**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat kembali pada zaman 1994, usaha kerajaan untuk menubuhkan *Multimedia Super Corridor* dan menubuhkan undang-undang multimedia dan juga melaksanakan ICT di negara ini ialah untuk membantu negara ini, membantu syarikat-syarikat pengusaha, peniaga dan berbagai-bagai lagi menerusi teknologi-teknologi ICT. Itulah kenapa kalau Yang Berhormat baca *literature* ditulis khususnya Jack Wells banyak menulis soal *intellectual economy* pada ketika itu, pada tahun 80-an, 70-an ditulis. Jadi kerajaan tidak tinggal di belakang. Kiranya kerajaan melaksanakan *computerization* dengan perkataan yang mudah difahami.

Ini lah salah satu daripada sistem *computerization* yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk memudahkan pengusaha-pengusaha berurusan dengan kerajaan, dengan tidak payah datang ke jabatan-jabatan ataupun ke kaunter-kaunter jabatan kerajaan. Dalam masa yang sama, ini juga akan mengurangkan kesesakan di kaunter dan yang pentingnya sekali Tuan Yang di-Pertua, banyak tuduhan mengatakan penglibatan pegawai-pegawai dan pihak luar dalam sudut pengeksploitasian penggunaan sistem datang ke kaunter itu. Ini yang mana syarikat tidak datang sendiri dan menggunakan ejen-ejen yang dibayar di antara RM300 ke RM500 untuk satu pekerja. Ini bukan datang *free*. Dia akan kena kepada majikan, majikan kena pada pekerja. Jadi yang kena eksploitasi ini pekerja. Apabila pekerja lari, kita tuduh dia menjadi pendatang haram. Kalau dia jadi pendatang haram, lagi ada tuduhan lain sebagai *human trafficking victim*.

Jadi ini kita hendak elakkan...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [Bangun]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, duduk. Saya cakap Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kalau perlukan sistem talian *online*...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti...

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jabatan Imigresen boleh buat. Mengapa perlu syarikat lain yang mengaut keuntungan?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, duduk. Yang Berhormat, berapa lama sudah jadi Ahli Parlimen? Yang Berhormat baca peraturan. Saya tidak ganggu orang Yang Berhormat. Kalau saya bercakap, saya cakap *you* jangan ganggu ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Soalan tidak jawab. Itu fasal saya terpaksa sebab soalan tidak jawab.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** *Computerization* ini hendak dilaksanakan. Itulah kenapa MyEG dalam kalangan beberapa buah syarikat yang telah menunjukkan produk-produk mereka kepada kerajaan. Itulah kenapa *Proof of Concept* ataupun eksperimen *period* itu dilaksanakan untuk menguji kecekapan dan kebolehan MyEG ini melaksanakan tugas mereka. Didapati bahawa MyEG ini telah boleh mengurangkan 50% daripada kesesakan di kaunter. Ini juga boleh mengurangkan - ada kena pelaksanaan MyEG ini ejen-ejen orang tengah dan apa yang dikatakan ulat-ulat datang ke kaunter dapat komisen daripada majikan. Ia juga mengurangkan tuduhan kepada pegawai-pegawai Imigresen yang terlibat dengan ulat-ulat dan ejen-ejen ini.

Jadi banyak perkara yang kita selesaikan dalam sudut ini. Orang inilah yang membuat rungutan, buat *complaint*, kritikan kepada pelaksanaan *online* ini sebab industri ulat-ulat ini telah diputuskan oleh kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan fakta saya akan bagi secara bertulis.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak adil...

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya minta secara bertulis. Saya minta *sent* notis, minta fakta kerana fakta ada dalam ini, saya tidak hendak baca. Terima kasih.

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, setelah pelaksanaan

MyEG untuk menguruskan pendaftaran pekerja asing mulai Januari 2015, sejauh manakah sistem yang diguna pakai ini dilihat lebih efisien berbanding dengan sistem sebelum ini? Banyak juga rungutan daripada syarikat-syarikat swasta bahawa jika sekadar untuk mengurangi beban di kaunter-kaunter Imigresen sebelum ini, ia sebenarnya berpunca daripada kurangnya kakitangan Imigresen. Mengapa perlu kita pindahkan pendapatan itu kepada pihak lain bagi satu masalah yang boleh diselesaikan dengan menambah jumlah kakitangan imigresen? Sekian terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Cadangan Yang Berhormat itu baik iaitu tambah anggota Imigresen. Saya mohonlah pihak JPA, pihak kebenaran, luluskan sumber kewangan kita, beri banyak anggota. Saya setuju tetapi Yang Berhormat berucap ada atau tidak sokong minta pegawai Imigresen ini ditambah? Tidak adapun. Jadi Yang Berhormat, tidak semudah apa Yang Berhormat sebut, hendak tambah anggota-anggota dalam jabatan-jabatan kerajaan. Itulah sebab kita cari sudut mana yang kita tidak berbelanja. Sebenarnya kerajaan tidak ada bayar satu sen pun dengan MyEG ini. Apa yang berlaku ialah yang RM38...[*Dewan riuh*]

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** [*Bangun*]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Jangan ganggu saya. RM38 yang dibayar itu adalah daripada *processing fee* yang bakal dibayar kepada kerajaan. *Processing fee* ini dipotong daripada itu, arahan kerajaan adalah dipotong daripada *processing fee*, maknanya kerajaan tidak keluar duit sebenarnya kepada MyEG. Ini konsep *privatization* yang mana mereka akan buat *service* dan dapat langganan daripada syarikat, *instead of* bayar RM500 ke RM300 tiap-tiap orang, dia bayar hanya RM35 sahaja.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Dia sudah jadi ulat besar.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Alternatif.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi ulat kecil dihapuskan. Ini sudah jadi ulat besar ambil RM38.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, ini bukan peraturan mesyuarat Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, ini bukan pasarlah Yang Berhormat.

[*Soalan No.3 – Y.B. Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) tidak hadir*]

**4. Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah lagi alasan pihak kerajaan untuk tidak menyerahkan jawatan pengerusi Majlis Keselamatan Negeri Kelantan kepada Menteri Besarnya untuk memastikan tindakan segera yang lebih lancar ketika saat kritikal operasi menyelamat dan memindah mangsa banjir.

■1030

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, "apa yang hendak, kita dapat, ini dia jawapan soalan nombor empat".

Merujuk kepada arahan Majlis Keselamatan Negara, nombor 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara dan Peraturan Tetap Operasi dengan jelas menyebut bahawa Pengerusi Jawatankuasa Bencana. Dalam kes ini, khusus untuk banjir ialah Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Sementara di peringkat daerah ialah pegawai daerah. Pegawai daerah dan juga setiausaha kerajaan mempunyai kuasa penuh untuk menentu, menyelaraskan dan mengarahkan semua agensi pelaksana di peringkat pentadbiran masing-masing untuk melaksanakan tindakan-tindakan perlu pada peringkat persediaan dan kesiapsiagaan sebelum bencana, semasa operasi tindak balas bencana dan tindakan pemulihan pasca bencana.

Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana ini perlu memahami peranan mereka serta bertindak untuk mempersiapkan kawasan di bawah tanggungjawab mereka dalam menghadapi banjir. Berdasarkan PTO yang baru ini, pengurusan banjir di semua negeri yang terjejas seperti Pahang, Terengganu, Perak, Johor, Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak telah berjalan dengan baik.

Walau bagaimanapun, bagi negeri Kelantan, banjir yang berlaku pada kali ini ialah banjir yang amat luar biasa. Di mana jentera pengurusan bencana di peringkat daerah dan negeri telah lumpuh dan memerlukan bantuan dan penglibatan Kerajaan Pusat. Ini dibuktikan dengan penubuhan Jawatankuasa Bersama Pengurusan Bencana Banjir yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan bagi menguruskan situasi banjir tersebut.

Sehubungan dengan itu, keadaan banjir tersebut telah dapat dikawal dan diuruskan dengan jayanya, terutama sekali dalam pengendalian pusat-pusat pemindahan. Pada peringkat pasca banjir, mangsa-mangsa yang terjejas ini telah diberikan perhatian yang luar biasa juga oleh kerajaan dengan pemberian bantuan seperti penyediaan rumah kekal, bantuan pembaikan rumah rosak serta bantuan wang ihsan sebanyak RM500 bagi penerima-penerima yang layak. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]:** Terima kasih jawapan dari Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu, saya mengambil kesempatan untuk meraikan kehadiran rombongan daripada DUN Kelantan yang diketuai oleh Yang Berhormat Dato' Ustaz Hassan Mahmud, Timbalan Exco Pelancongan Negeri Kelantan dan rombongan. *[Tepuk]*

Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya ingin mengemukakan soalan tambahan yang berkaitan dengan janji kerajaan untuk pembinaan sejumlah 1,028 buah rumah di jajahan Kuala Krai. Ada yang telah pun bermula pembinaannya, namun dalam kuantiti yang sangat sedikit berbanding dengan jumlah sasaran yang disasarkan. Saya ingin memohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Apakah halangan-halangan lain selain daripada yang sedia ada, sedangkan kerajaan negeri sudah pun menyediakan seluas 57 ekar tanah di salah satu mukim. Mukim Enggong di Kuala Krai. Namun, sehingga ke hari ini, tidak ada satu pun bekas—tidak terbekas lagi pembinaan rumah-rumah itu. Soal bantuan lain, kita berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan juga kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Arau dan Yang Berhormat Baling serta sebagainya yang banyak turun membantu.

Namun, dalam soal banyak-banyak bantuan ini, yang paling penting ialah soal rumah. Yang Berhormat Menteri, bayangkan kita hadir kenduri, duduk dalam khemah sekejap sahaja. Ada kipas, boleh makan-makan, boleh minum. Kita sudah tidak tahan sudah. Inikan pula rakyat yang terpaksa tinggal dalam khemah dalam jangka masa yang lama dengan cuaca yang panas pada hari ini.

Sudah pasti sangat membebankan kepada rakyat. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri selepas habis sidang Parlimen esok, ikut saya dan juga Yang Berhormat Baling—dia tidak ada dalam sini, ikut saya. Kita pergi tengok dekat Kuala Krai itu bagaimana kesengsaraan yang dilalui oleh mangsa-mangsa ini yang tidak tahu bila rumah mereka akan siap dan tidak tahu bila mereka akan berpindah ke rumah yang baru. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang sangat. Saya bagi peluang sahaja. Bagi peluang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, prinsipnya ialah tanah kena ada. Ada tanah, kita boleh bina rumah. Peruntukan untuk bina rumah ada. Tidak kurang. Sekarang ini proses untuk pembinaan ini berjalan terus dan bukan Yang Berhormat sahaja rasa gelisah. Saya pun rasa gelisah. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga gelisah. Akhirnya, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melawat Kelantan pada hari Sabtu ini, selepas Parlimen. Selepas Parlimen dan selepas esok hari. Esok hari kita akan habis awal, *insya-Allah* tetapi kalau hendak habis lewat pun tidak ada masalahlah. Kalau boleh habis awal, lagi bagus sebab kita akan pergi lebih awal ke Kelantan untuk meninjau pasca banjir sehingga kini.

Sekarang ini, Kerajaan Pusat sampai ke tahap kalau tidak dapat tanah, sebab Kerajaan Negeri Kelantan pun kita lihat banyak bagi tanah kepada individu. Sampai ke tahap kalau sekiranya kita sudah habis beras bekal, orang Perlis kata. Bukan beras bekal

tetapi '*beras bekai*', sudah habis usaha, kita terpaksa beli tanah dan kita terpaksa berbuat demikian. Kita cukup prihatin. Bukan main-main ini. Dapat tanah, kita terus bina. Kalau sudah ada tanah seperti Yang Berhormat katakan tadi, sudah pasti pembinaannya akan bermula dengan secepat mungkin dan kita tengok laporan yang akan kita dapat pada hari Sabtu nanti. Hari Sabtu nanti, Yang Berhormat juga boleh hadir di mana kita akan membuat lawatan menyeluruh di seluruh negeri Kelantan. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan melawat beberapa tempat dan saya akan pergi semua tempat yang terlibat dengan pembinaan rumah ini.

Kita cukup prihatin dan kita juga simpati yang luar biasa kepada semua sekali mangsa banjir yang tidak berumah.

Tanah memang kerajaan negeri telah sediakan di Cherulong, Kuala Krai, Bertam, Gua Musang, di Berangan Mek Nab di Machang. Tempat ini, dengan izin, ia akan *take-off*. Tidak ada masalah. Jadi, masalah kita yang lain ini untuk melengkapkan jumlah rumah itu ialah kita perlukan tanah. Seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah umumkan baru-baru ini bahawa kalau sudah habis beras bekal, tidak ada lagi, kita terpaksa beli tanah, kita akan beli tanah. Yang paling penting ialah rakyat Kelantan yang terlibat dengan bencana banjir sehingga kehilangan rumah baru-baru ini, dapat diberi pembelaan. Yang Berhormat, kita tidak tidur tentang masalah ini dan Yang Berhormat Bachok adalah sahabat baik saya.

Sudah pasti bila Yang Berhormat timbulkan benda ini, saya sudah pasti akan tergesa-gesa ke sana. Yang Berhormat Ketereh sahabat lama saya dan juga sahabat baik, juga saya akan pergi ke sana serta-merta habis Parlimen sebab masalah besar. Kalau tidak saya hendak pergi hari ini tetapi esok saya terpaksa bentangkan satu yang besar untuk Ahli Parlimen, jadi saya terpaksa tunggu. Akan tetapi Ahli Parlimen tidak ramai datang esok, mungkin saya akan bentangkan pada penggal yang akan datang. Akan tetapi kalau ramai datang esok, kita akan bentangkan esok.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Sila Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, apakah mungkin satu daripada kelambatan ini berpunca daripada mangsa-mangsa berkenaan yang tidak mahu berpindah ke tapak-tapak tertentu yang telah disediakan? Oleh kerana mereka lebih selesa berada di kampung, di tempat-tempat yang berkenaan. Daripada tinjauan saya, saya dapati kebanyakan mereka ini yang tinggal di tebing-tebing sungai dan ada juga yang tinggal di tanah-tanah kerajaan yang mana mereka telah pun membayar deposit. Mereka telah duduk di situ berpuluh-puluh tahun tetapi masih juga tidak diluluskan tapak itu seperti mana yang mereka pohon.

Apakah Yang Berhormat nanti dapat berbincang dengan pihak kerajaan negeri supaya mangsa-mangsa yang terlibat yang menduduki atas tanah kerajaan yang belum dikeluarkan *title* mungkin pembinaan boleh disegerakan apabila kerajaan negeri memberikan kerjasama meluluskan tapak sedia ada kepada mereka.

Kedua Yang Berhormat Menteri, satu daripada punca kelambatan yang saya nampak adalah kerana teknik pembinaan rumah itu masih menggunakan cara konvensional. Cara biasa, sedangkan sekarang ini banyak sekali teknologi dan kaedah-kaedah pembinaan rumah yang mana rumah boleh dibina dengan lebih cepat, macam mana yang saya telah buktikan di Manek Urai. Saya membina rumah dalam masa 48 jam dan boleh disiapkan. Akan tetapi kita masih lagi hendak menggunakan prosedur yang panjang seperti mana yang dikendalikan oleh JKR pada masa ini.

#### ■1040

Saya dapati kapasiti JKR dalam membina rumah dalam situasi sekarang tidak cukup efisien.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang pertama tadi iaitu ada kemungkinan masalah mereka yang telah memohon tanah, tidak dapat tanah dan sebagainya. Itu ialah termasuk daripada permasalahan yang kita hadapi. Walau bagaimanapun Yang

Berhormat, kita ingin mendapatkan semua maklumat berhubung dengan apa Yang Berhormat telah sebutkan nanti bila kita mengadakan mesyuarat kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan pasca banjir pada hari Sabtu. Sebenarnya di seluruh Kelantan ini, Kerajaan Persekutuan akan membina 1,346 rumah dan 572 akan dibina oleh kerajaan negeri.

Jadi saya minta supaya kerajaan negeri dapat menyegerakan masalah tanah ini. Yang Berhormat telah sebut tanah yang telah disediakan masih tidak mencukupi seperti yang kita akan bina iaitu sebanyak 2,070 buah rumah semuanya. Jadi yang ini kita akan bincang dengan kerajaan negeri dan kalau kerajaan negeri dapat mempertimbangkan seperti Yang Berhormat telah sebutkan tadi, sudah pasti ianya dapat dipercepatkan. Berhubung dengan kemampuan JKR dan juga pengenalan rumah pembinaan cepat ini, Yang Berhormat saya minta tolong bentangkan dalam mesyuarat kita pada hari Sabtu ini. Kalau Yang Berhormat, saya percaya Yang Berhormat juga terlibat dan kita hendak dengar semua benda ini.

Yang paling penting ialah kita hendak percepatkan pembinaan rumah. Kalau ada sistem bina cepat 48 jam ini, ini sesuatu yang cukup menarik. Yang Berhormat boleh bincang dengan Yang Berhormat Menteri dan saya percaya dia terbuka dalam hal ini kerana kita hendak yang cepat. Cara konvensional memang tidak boleh siap dalam masa tiga bulan tapi kalau ada pendekatan baru yang kita dengar cadangan dari pelbagai pihak, yang ini akan diberi pertimbangan. Tidak mungkin kita menutup ruang untuk kita mencadangkan perkara-perkara baru yang boleh mempercepatkan pembinaan rumah. Tapi yang paling penting di sini saya hendak bagi tahu bahawa kita cukup-cukup prihatin kepada mangsa banjir yang dihadapi oleh orang-orang Kelantan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Banyak sudah isu banjir ini. Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dahsyat sekali, banyak bertanya ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pasal Exco Kerajaan Negeri turut hadir. Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan. Alasan disebut Yang Berhormat Menteri kelewatan pembinaan kerana alasan tanah. Saya ingin penjelasan, kita tidak ada tanah yang persendirian dan tanah-tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kenapa tanah-tanah ini tidak didahulukan pembinaan dan apakah ada birokrasi untuk mendapatkan, berebut kontraktor dan sebagainya yang kita dimaklumkan menyebabkan timbulnya kelewatan. Kenapa setiap kali kalau kita bangkitkan terutama berkaitan dengan tebatan banjir, alasan yang diberi adalah tidak ada kelulusan daripada pihak Kabinet.

Jadi kenapa isu ini berlaku sedangkan kerajaan benar-benar serius katanya untuk menangani isu banjir. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya sedar, *favorite* soalan Yang Berhormat ialah tebatan banjir. Oleh kerana soalan itu tak termasuk dalam soalan pada hari ini dan tebatan banjir pun saya telah jawab dari semasa ke semasa. Tetapi tebatan banjir yang sebenarnya terletak di bawah kementerian yang berasingan. Jadi Yang Berhormat telah timbulkan dan telah pun diberi jawapan. Berhubung dengan perkara birokrasi dan sebagainya, ini kita ketepikan.

Kalau sekiranya sudah kita dapat ini, Yang Berhormat Exco Kelantan pun hadir bersama, kita dapat tanah, kita akan percepatkan. Sebab kita telah kenal pasti semua kontraktor yang boleh membina secara konvensional dan hari ini kita dengar daripada Yang Berhormat dari Ketereh menyebut bahawa pendekatan pembinaan baru, konsep baru yang boleh dibina 48 jam. Ini semua akan diambil kira dan sudah pasti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang cukup prihatin tentang perkara ini, dia akan membuat sesuatu keputusan yang baik mengenainya.

Yang Berhormat saya minta kerajaan Kelantan bekerjasama dengan tanah dan kita akan berusaha untuk membinanya secepat mungkin walaupun kita telah berjanji sebelum puasa dan sebelum raya, benda itu masih lagi orang kata mengiang-ngiang di kepala kita untuk mempercepatkannya secepat mungkin. Kita tahu kepada kawan-kawan kita yang berada dalam khemah dan juga menumpang di pelbagai tempat, menghadapi

tekanan dan juga masalah, kita bersimpati dan kalau diizinkan Allah, kita akan cuba sedaya upaya untuk mempercepatkannya.

Jadi saya minta semua Yang Berhormat bekerjasama dalam hal ini dan kerajaan negeri juga mempermudah pemberian tanah termasuk juga permohonan-permohonan tanah yang telah disebutkan itu dapat dipertimbangkan.

**5. Dato Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa unit Perumahan Rakyat dicadang di Sarawak pada tahun 2015.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Mukah. Tidak akan hendak pakai hijau. Terima kasih kepada Yang Berhormat Mukah, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat mereka kata tidak perlu *mike*, suara Yang Berhormat sudah kuat.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Saya ada dengar tadi pakai warna kuning.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Sebab itu saya jawab gitu. Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Mukah, perancangan dan pelaksanaan sesebuah PPR di seluruh negara pada dasarnya adalah melalui data keperluan perumahan yang diberikan oleh kerajaan negeri. Maknanya permohonan itu dibuat oleh kerajaan negeri dan seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan merancang berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan setiap negeri di seluruh negara. Pelaksanaan projek kelak akan bergantung kepada kelulusan peruntukan daripada kerajaan dan juga peruntukan kesediaan tanah yang akan disediakan oleh kerajaan negeri.

Bagi makluman Yang Berhormat dari kawasan Mukah, di negeri Sarawak bagi tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara merancang untuk melaksanakan tujuh projek, 1,681 unit projek Program Perumahan Rakyat yang baru. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 439 unit projek PPR di Sungai Tengah, Kuching Sarawak akan dimulakan pembinaannya pada akhir bulan April 2015 ini Yang Berhormat dan perincian projek-projek masih di peringkat perancangan untuk dilaksanakan dalam tahun 2015 adalah seperti berikut:

- (i) PPR Saratok, Betong, Sarawak – 68 unit;
- (ii) PPR Tabuan Melayu, Kuching, Sarawak -140 unit;
- (iii) PPR Sri Aman, Sarawak -123 unit;
- (iv) PPR Samarahan, Sarawak -219 unit;
- (v) PPR Petra Jaya, Kuching, Sarawak -192 unit; dan
- (vi) PPR Landeh, Kuching, Sarawak – 500 unit.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam pada kerajaan terus merancang untuk pelaksanaan pembinaan PPR bagi tahun 2015, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Mukah bahawa terdapat lima projek yang telah pun diselesaikan pembinaannya iaitu PPR di Sarawak;

- (i) PPR Seri Wangi, Kuching – 200 unit;
- (ii) PPR Batu 5, Matang, Kuching – 816 unit;
- (iii) PPR Seduan, Sibuan – 500 unit;
- (iv) PPR Kemena, Bintulu – 1,000 unit; dan
- (v) PPR Batu Gong, Sibuan – 500 unit.

iaitu sebanyak 3,016 unit telah pun selesai dan siap projek yang dibina di bawah kemudahan menyediakan perumahan rakyat kepada rakyat iaitu PPR di Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan terperinci. Cuma saya ingin tahu sekarang ada kan dua skim perumahan itu yang satu yang dimiliki dan satu yang disewa. Saya ingin tahu selain daripada kadar sekarang, adakah kadar sewa yang dikenakan pada masa kini dan juga adakah mereka ini untuk memiliki rumah ini layak untuk mengambil pinjaman sepenuhnya dari bank.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat saya ingin menjelaskan sedikit kepada Yang Berhormat. Tugas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan Negara, peruntukan diberikan oleh Kerajaan Pusat, tanah diberikan oleh kerajaan negeri dan kementerian di bawah Jabatan Perumahan Negara, kita bina rumah itu. Bila projek perumahan itu siap, kita akan serahkan kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri yang akan membuat pemilihan ya Yang Berhormat kepada sesiapa yang layak untuk menduduki kepada mana-mana perumahan PPR yang ada, itu yang pertama.

Keduanya PPR ini dia terdiri daripada dua. Satu dimiliki dan satu disewa dan dasar yang telah pun diputuskan di pihak kementerian pada hari ini iaitu semua PPR yang kita bina adalah untuk disewa bukan lagi dimiliki.

#### ■1050

Itu juga tertakluk kepada keperluan yang diperlukan oleh kerajaan negeri. Sekiranya kerajaan negeri memikirkan kuat desakannya dan keperluannya untuk menjadikan PPR yang dibina di negeri mereka itu sebagai PPR yang dimiliki, maka keputusan itu perlu dibawa balik kepada Kabinet untuk Kabinet membuat keputusan sama ada setuju atau tidak untuk dijadikan PPR dimiliki atau pun disewa.

Bagi PPR yang disewa Tuan Yang di-Pertua, kadar sewaan rendah Yang Berhormat iaitu RM124. Sekiranya ada di antara mereka ini tidak mampu untuk membayar kadar sewaan kepada kadar RM124 itu ada kemudahan yang disediakan di bawah Bahagian Kesejahteraan Bandar iaitu memberikan kemudahan bantuan untuk membayar sewa sebanyak 124 unit. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab. PPR ini sangat dialu-alukan terutama sekali oleh orang muda yang baru bekerja dengan kerajaan. Boleh tidak Yang Berhormat Menteri meyakinkan pemuda belia yang mendapat pekerjaan yang baru bergaji RM2,000, RM3,000 dibuatkan juga di luar-luar bandar seperti di kawasan saya untuk mereka benar-benar dapat memiliki rumah untuk masa depan. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, kita sudah mulakan dengan Projek Perumahan Transit dan Projek Perumahan Transit ini kita mulakan di PPR Bukit Jalil dengan jumlah sebanyak 632 unit. Ini adalah merupakan projek perintis. Kita mulakan di bandar-bandar besar dahulu dan keperluan kepada belia-belie yang ada ini peruntukan yang disediakan oleh kementerian memberikan keutamaan terutama kepada pasangan-pasangan muda yang baru kahwin. Itu untuk rumah-rumah transit muda yang disediakan seperti yang saya sebutkan di PPR Bukit Jalil.

Satu lagi skim yang telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tuan Yang di-Pertua dalam ucapan bajet yang lepas iaitu Skim Perumahan Belia. Mungkin itu bukan di bawah kementerian saya dan mungkin agaknya Yang Berhormat Sibuti boleh berbincang untuk mendapatkan sebahagian daripada kemudahan di bawah Skim Perumahan Belia yang ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk mencapai dan membina kelas prasekolah di semua SJK(T) sebelum tahun 2020. Apakah status dan pencapaian oleh KPM untuk menubuhkan kelas prasekolah di SJK(T). Berapakah kelas baru dimulakan pada tahun ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/ P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Sememangnya kerajaan berhasrat untuk memastikan semua murid mendapat akses kepada pendidikan prasekolah di semua sekolah termasuklah SJK(T) menjelang tahun 2020.

Berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menyatakan inisiatif meningkatkan kualiti prasekolah dan meningkatkan enrolmen kepada sejagat menjelang 2020 iaitu 97% penyertaan murid dalam prasekolah. Inisiatif ini dilakukan melalui penglibatan sektor awam seperti kemas dan perpaduan dan juga sektor swasta. Untuk memangkinkan sektor swasta mengambil bahagian secara aktif dalam proses perluasan pendidikan prasekolah, kerajaan telah menyediakan geran permulaan bagi prasekolah baru dan bantuan yuran murid prasekolah bagi yang layak.

Untuk tahun 2014 sahaja sebanyak 257 prasekolah swasta telah diberi geran permulaan dengan peruntukan sebanyak RM4.42 juta. Di samping itu, kerajaan juga telah menyediakan bantuan yuran kepada 41,109 orang murid yang belajar di sekolah swasta dengan peruntukan sebanyak RM36.6 juta. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perluasan kelas pra sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia dilaksanakan secara berterusan mengikut unjuran keperluan. Permohonan perluasan kelas prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia perlu dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan kelulusan peruntukan pembangunan sementara kelulusan perjawatan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

Pembinaan prasekolah baru adalah berdasarkan beberapa faktor iaitu seperti berikut:

- (i) calon murid prasekolah iaitu sekurang-kurangnya 25 orang bagi satu kelas;
- (ii) memastikan tiada prasekolah daripada agensi kerajaan yang lain seperti KEMAS dan juga PERPADUAN; dan
- (iii) keupayaan kewangan semasa kerajaan.

Perluasan kelas prasekolah ini meliputi semua jenis sekolah termasuklah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pada tahun 2015 perluasan kelas prasekolah di SJK(T) adalah berjumlah 11. Ini menjadikan keseluruhan kelas prasekolah di SJK(T) sehingga tahun 2015 sebanyak 233 kelas. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Soalan tambahan, saya ada tanya khusus kepada sekolah-sekolah Tamil dan bukan kepada sekolah-sekolah swasta tetapi saya hargai jawapan yang diberi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya memandangkan sebenarnya kerajaan mesti sedar bahawa setakat ini hanya kurang dari 33% sekolah-sekolah Tamil ada sekolah pra sekolah berbanding dengan sekolah kebangsaan yang ada lebih dari 75%. Apa yang boleh dibuat oleh kerajaan memandangkan strategi yang sedia ada atau mungkin ada *blue ocean strategy* untuk mengatasi masalah ini *and accelerate* untuk memberi satu sistem yang kalau kita memperkasakan sekolah kebangsaan kita juga memberikan keutamaan kepada sekolah Cina dan juga sekolah Tamil dan memperkasakan situasi di sana.

Dalam hal ini kita tahu beberapa tohmahan dan *accusation* telah dibuat terhadap kerajaan mengenai pandangan kepada sekolah Tamil di mana bukan sahaja sekolah-sekolah Tamil dianaktirikan tetapi tidak cukup wang untuk disalurkan seperti yang telah dijanjikan. Pada Bajet 2014 sebanyak RM100 juta telah dijanjikan oleh kerajaan, akan tetapi sebenarnya khusus untuk kaunseling, motivasi dan *diction* tetapi itu tidak *trickle* kepada murid-murid dan ini adalah satu di antara sebab di mana kerajaan tidak dapat mencapai hasrat mereka. Jadi, apa yang dibuat untuk mengatasi masalah ini, *short term* dan *long term*. Terima kasih.



**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat atas keprihatinan. Kita sama-sama berjuang dalam perkara yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada kerajaan terus memberi bantuan-bantuan peruntukan untuk membina prasekolah, malah tahun lalu kita juga telah meluluskan pembinaan tiga lagi prasekolah di Teluk Intan dan beberapa tempat.

Memandangkan peruntukan kita terhad, kita juga menggalakkan dalam satu anjakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kita juga mempelawa syarikat-syarikat swasta, badan-badan bukan kerajaan untuk bekerjasama dengan kementerian untuk menubuhkan lagi banyak lagi pra sekolah. Pada masa yang sama kita juga menggalakkan dalam pembinaan sekolah-sekolah bangunan baru, sekolah-sekolah bangunan tambahan dan sekolah SJK(T) yang baru.

Kita juga memastikan bahawa sekolah prasekolah juga dibina sekali dalam pembangunan tersebut. Ini kita tetapkan sekarang. Akan tetapi kita sedar untuk kita melaksanakan semuanya dalam masa yang singkat mungkin tidak berupaya kerana peruntukan kita terhad. Walau bagaimanapun kita memang komited untuk memastikan bahawa SJK(T) juga mempunyai sekolah-sekolah prasekolah ini. Kita juga menggalakkan kerjasama di antara NGO-NGO dan badan-badan yang lain yang sedia ada dengan kelas prasekolah bekerjasama dengan kementerian untuk membantu mereka. Geran-geran ini juga diberi kepada semua tanpa mengira latar belakang mereka.

Harapan kita ialah kita menjangkakan kita hendak lebih ramai lagi pelajar-pelajar. Kita ada tarikh yang telah ditetapkan. Atas maklumat Yang Berhormat beri sebentar tadi yang kerajaan menganaktirikan SJK(T) tidak benar sama sekali kerana sebagai contoh pada tahun 2012 walaupun kerajaan memperuntukkan RM80, juta, RM100 juta, RM20 juta untuk penyelenggaraan, RM80 juta lagi untuk 39 sekolah penambahbaikan dan bangunan tambahan baru dan bangunan baru. Kerajaan setakat ini telah pun membelanjakan RM216 juta. Kita menambah dan tidak pernah menghentikan dan kita tidak akan menganaktirikan bukan sahaja SJK(T), SJK(C), SK semua sekolah-sekolah ini diberi tumpuan yang sama rata dan semua ini kita boleh melaksanakan andainya kita ada kerjasama sepenuhnya dengan semua rakyat Malaysia termasuk Yang Berhormat sendiri juga yang sentiasa memberikan komitmen untuk pembangunan SJK(T) di seluruh negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada jawapan Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan penekanan untuk diberikan peruntukan kepada semua pra-prasekolah tidak kiralah sekolah jenis kebangsaan mahupun Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini. Cuma penambahan prasekolah ini bertujuan untuk menyediakan pendidikan awal pada murid sebelum memasuki tahun satu. Kerajaan berharap dengan adanya peruntukan seperti ini ia dijangka akan memerlukan dana yang lebih besar terutamanya kepada semua sekolah yang ada dalam negara kita ini.

■1100

Adakah bilangan guru nanti di peringkat prasekolah ini mencukupi setelah permintaan terhadap pembinaan prasekolah di SJK(T) ini dibina di seluruh negara? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Yang Berhormat. Satu soalan yang memang berkaitan dengan aspek guru-guru prasekolah sama ada berkelayakan dan juga mencukupi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, semua prasekolah akan menempatkan guru-guru sekurang-kurangnya berkelayakan diploma di setiap prasekolah. Bagi prasekolah KPM, terdapat dua kategori guru prasekolah iaitu guru yang mempunyai Diploma Pendidikan Prasekolah dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Prasekolah. Di samping itu terdapat juga dalam kalangan guru prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang memiliki kelulusan peringkat *master*. Opsyen prasekolah kita ada 7,883 orang guru, bukan opsyen pula 1,135 manakala guru yang mempunyai kelayakan *master* di prasekolah 186 orang.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen ataupun PITO kepada guru-guru bukan opsyen prasekolah. Untuk prasekolah SJK(T) sahaja Yang Berhormat ya, opsyen prasekolah SJK(T) kita ada 156 orang guru dan juga bukan opsyen prasekolah SJK(T) 75 orang guru manakala guru-guru yang

mempunyai kelayakan *master* yang mengajar di prasekolah SJK(T) adalah lima orang. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. **Tuan Anyi Ngau [Baram]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah tindakan serta usaha pihak kementerian di dalam memantau premis perniagaan di luar bandar agar tidak menaikkan harga barang serta perkhidmatan sewenang-wenangnya setelah pelaksanaan GST kelak.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Parit pada 9 April 2015 kerana ia menyentuh isu kos sara hidup selepas pelaksanaan GST.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedar berlakunya kenaikan harga oleh mereka yang tidak bertanggungjawab dan cenderung mengambil kesempatan mengeksploitasikan keadaan melalui pelaksanaan GST. Oleh itu, kementerian kini sedang mengambil langkah-langkah bagi memastikan perkara ini ditangani melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Peraturan-peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi yang Tidak Munasabah dan Margin Keuntungan Bersih) 2014. Akta dan peraturan ini memperuntukkan kaedah-kaedah bagi menentukan pencatutan semasa GST sebagai usaha memastikan tindakan penguatkuasaan yang berkesan ke atas mana-mana pihak yang mengambil kesempatan menaikkan harga atau caj bagi perkhidmatan sewenang-wenangnya dengan menggunakan GST sebagai alasan.

Kementerian sedang mengambil beberapa tindakan positif proaktif bagi menangani kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang memanipulasikan keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah. Tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, kita melaksanakan gerak gempur secara terancang dan berfokus melalui operasi penguatkuasaan ke atas seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara untuk menangani kenaikan harga barang dan caj bagi perkhidmatan yang tidak berpatutan dalam pasaran iaitu melalui Ops Catut.

Untuk makluman, mulai pada 15 Januari 2015 sepanjang pelaksanaan Ops Catut sehingga 4 Mac 2015 yang lalu, sebanyak 335,647 pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara dan daripada jumlah ini sebanyak 1,185 kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak RM384,834,62 dan nilai kompaun sebanyak RM235,986,70. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut sebanyak 1,165 kes membabitkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga, 642 kes penggunaan alat timbang sukat yang tidak ditentu sahkan dan 31 kes ke atas kesalahan petunjuk ataupun gambaran mengelirukan mengenai harga.

Kedua, kita mengadakan penguatkuasaan tindakan yang tegas melalui pengeluaran notis di bawah seksyen 21 Akta Kawalan Harga Antipencatutan 2011 sebanyak 153 notis telah kita adakan.

Ketiga, kerajaan juga mewajibkan peniaga runcit meletakkan tanda harga di atas barang-barang yang dipamerkan.

Keempat, kita mengadakan *engagement* dengan persatuan perniagaan, pengeluar dan pembekal. Ia bertujuan untuk memastikan pelaksanaan GST dapat memberi kesan yang positif kepada pengguna. Harga barangan secara tidak langsung akan membolehkan pengguna mendapatkan harga barangan dan caj bagi perkhidmatan yang lebih rendah di pasaran.

Seterusnya yang kelima, penalti-penalti telah kita maklum di dalam bila kita adakan *engagement*.

Keenam, kita juga menerbitkan buku panduan harga pengguna iaitu *shoppers guide* untuk tujuan membantu rakyat khususnya pengguna untuk dapat membuat perbandingan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Anyi Ngau [Baram]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah dibentangkan. Kita di kawasan pedalaman tidak mempunyai akses ataupun saluran-saluran yang tertentu seperti yang ada di bandar di mana aduan-aduan boleh disampaikan kepada pihak-pihak yang tertentu berkenaan dengan penyalahgunaan ataupun berkenaan dengan GST ini. Jadi di kawasan pedalaman, ada sesetengah pihak khususnya peruncit-peruncit yang mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan dan yang jadi mangsa ini adalah rakyat di kawasan luar bandar. Apabila terdapat penyalahgunaan GST ini maka mereka terpaksa melaporkan kepada pihak kementerian.

Jadi, saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, apakah saluran yang ada kepada pembeli-pembeli di kawasan luar bandar ini agar aduan berkenaan dengan GST ini dapat disampaikan kepada pihak kementerian untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Baram di atas soalan tambahan. Kita ada banyak menerima aduan-aduan daripada keseluruhan rakyat sama ada di bandar dan juga di luar bandar. Contohnya kita ada eAduan yang boleh digunakan oleh pengguna sama ada di bandar dan juga di luar bandar. Kita juga ada *hotline* iaitu 1800-886-800. Kita juga boleh buat aduan melalui *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya. Jadi, saya yakin dan saya percaya pengguna boleh dikatakan keseluruhan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar mempunyai alat-alat untuk berkomunikasi dengan pegawai-pegawai dan juga kementerian sama ada melalui *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya.

Jadi melalui aduan-aduan ini, kita akan ambil dan kita akan panjangkan sekiranya kita dapat di bilik gerakan yang diwujudkan oleh pihak kementerian selama 24 jam untuk kita sampaikan aduan-aduan ini kepada pegawai-pegawai penguat kuasa di seluruh negara. Sama ada di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung untuk terus mengambil tindakan-tindakan di atas segala aduan yang kita terima.

#### ■1110

Jadi kalau mengikut jumlah aduan ini Tuan Yang di-Pertua, begitu banyak apabila GST ini dilaksanakan mulai pada 1 April sehingga 6 April. Melalui *website* ataupun *email*, kita mendapat sebanyak 2,893 aduan. Melalui *Facebook* dan juga *Twitter* iaitu media sosial, kita ada 4,343 aduan. Melalui MyKiraGST, ini yang paling banyak Tuan Yang di-Pertua, kita dapat 71,248 aduan daripada 1 hari bulan sehingga 6 hari bulan. Begitu juga panggilan kepada bilik gerakan yang kita buka 24 jam, sebanyak 2,631 aduan. Jadi semua ini kita terima untuk kita mengambil tindakan. Jadi ini bermakna ramai pengguna mengambil tindakan untuk mengadu sekiranya terdapat pada anggapan mereka sesuatu kesalahan dilakukan oleh peniaga untuk diambil tindakan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut tentang panduan harga pengguna. Saya sebenarnya pun ada pakai tetapi soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selepas GST dilaksanakan, kementerian ada guna tak panduan harga pengguna ini dan pergi ke *supermarket* untuk semak harga sama ada harga yang dinyatakan bahawa harga sepatutnya turun dalam panduan harga pengguna ini ada turun tidak?

Ini kerana selepas GST dilaksanakan, saya pergi semak di Tesco, di Giant, di JUSCO dan mendapati bahawa sepatutnya tuala wanita yang diberitahu harganya akan turun sebanyak 2% tidak turun. Bukan itu sahaja. Untuk susu *baby* di sini dinyatakan bahawa harganya sepatutnya turun sebanyak 0 hingga 2% pun tidak turun. Untuk lampin *baby* yang sepatutnya harganya turun sebanyak 2% pun tidak turun.

Jadi saya hendak tanya, buku panduan harga pengguna ini memang boleh pakai atau tidak boleh pakai? Saya sebagai seorang pengguna, boleh tidak saya bawa buku ini

pergi ke JUSCO, pergi ke Tesco dan bayar mengikut harga yang dinyatakan di sini? Kalau tidak boleh, saya rasa panduan ini hendak suruh siapa ikut?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Okey Yang Berhormat, saya faham soalan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kalau Tesco, Giant tidak ikut, bagaimana hak kita sebagai pengguna boleh dapat dilindungi? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya faham apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengenai dengan buku panduan harga pengguna. Kita bekalkan buku itu untuk menjadi panduan kepada pengguna sekiranya mereka pergi untuk membuat pembelian sama ada di *superstore* Tesco dan sebagainya.

Contoh Yang Berhormat, saya balik ke Kedah baru-baru ini, saya bawa buku panduan saya pergi melawat di AEON Big, ada pembeli membeli satu barang iaitu minyak masak. Di dalam buku panduan itu kita telah tulis harga sama ada harga itu dia mengikut seperti harga yang telah kita sediakan. Harga itu adalah bermula daripada 1 Januari 2015, harga-harga di pasaran yang kita kutip untuk dijadikan panduan. Apabila saya buat perbandingan di Tesco Alor Setar dengan pembeli yang membeli harga yang telah dicatat di dalam resit setelah dibayar, memang harganya bersamaan dengan harga yang telah dibekalkan di dalam buku panduan harga pengguna.

Sekiranya apa yang disebut oleh Yang Berhormat terdapat sama ada tuala wanita kah, susu *baby* dan sebagainya, sekiranya didapati pada anggapan pembeli harga yang berlebihan, mereka boleh membuat aduan. Buat aduan, jangan cakap sahaja tapi tidak buat aduan. Buat aduan. Banyak sumber aduan yang boleh dibuat oleh pengguna.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Sekarang aduan di Parlimen, tolong ambil tindakan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya, tidak apalah. Tidak apalah Yang Berhormat. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita buka bilik gerakan 24 jam. Saya sudah bagi tahu 24 jam, sama ada laporan itu di KPDNKK ataupun pihak kastam sendiri. Beroperasi 24 jam bilik gerakan ini untuk menerima aduan supaya tindakan segera boleh kita ambil.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya hendak beritahu sedikit jumlah premis yang kita buat pemeriksaan mulai daripada 1 April sehingga 7 April. Jumlah pemeriksaan premis kita buat adalah sebanyak 49,703 premis. Makna kata seluruh negara. Di dalam operasi itu, jumlah operasi bersepadu dengan pihak kastam kita buat 81 operasi bersepadu. Jumlah notis, mungkin ada aduan-aduan yang kita telah tengok dan kita pastikan notis yang kita keluarkan melalui seksyen yang saya sebut tadi, 320 notis dan kes yang kita ambil sebanyak 119.

Jadi mungkin ada termasuklah apa Yang Berhormat sebut tadi. Sekiranya daripada Yang Berhormat sendiri, sila buat laporan dan kita akan ambil tindakan dengan seberapa segera yang boleh. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Laporan sudah buat. Minta satu nombor aduan.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Ya, buatlah aduan. Mungkin tidak buat aduan. Ini contoh aduan yang kita terima.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Yang Berhormat Menteri pergi *shopping* tak?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini balai poliskah hendak buat aduan ini?

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang tadi jawapan diberi panjang lebar tetapi saya mahu tambah soalan tambahan.

Sebelum soalan tambahan, saya hendak beritahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang bila kita melaksanakan GST ini, memang masalah. *Trader* kah, *wholesale* kah, memang banyak tidak turun harga. Akan tetapi masalah kita dalam mata rakyat, dia nampak kita penguat kuasa melaksanakan GST ini apa sepatut mereka mahu pantau,

kerajaan lemah tidak begitu ambil serius perkara ini. Kadang-kadang ada rakyat beritahu sama saya, dia ada beri aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, pegawai itu tidak mahu ambil tahu. So, inilah jadi satu masalah jadi huru-hara dalam perkara ini.

So, sekarang kita kementerian, macam mana kita boleh pastikan kepada rakyat, penguat kuasa memang sedia berkhidmat dan akan buat *enforcement* dari semasa ke semasa? Janganlah kita pergi satu tempat, di Kuala Lipis tidak akan 10 pegawai pergi, buat apa? Sepuluh pegawai boleh pecah tiga kumpulan. Mungkin pergi lain-lain tempat juga sekali. Janganlah kita pergi nampaknya cuma wayang sahaja.

Macam restoran, sekarang restoran dahulu kerajaan *government tax* 10%, *service tax* restoran 5%. Sekarang kita bila masuk GST 6%, dia kasi GST 6% tapi *service tax* restoran 10%. So, lagi mahal 16%. Inilah kita mesti ada satu cara macam mana kita boleh dapat *control*, contoh macam di restoran itu. Restoran ini, kita sekarang kita kata tauke-tauke restoran mesti pastikan siapa datang makan di restoran, dia mesti mahu tolong bayar dia punya pekerja restoran dia. Inilah resah daripada rakyat.

So, soalan kita sekarang, kementerian macam mana boleh melaksanakan ini penguat kuasa menjalankan tugas dengan penuh ikhlas dan efisien kepada rakyat kita untuk negara kita? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bintulu.

■1120

Kita akui memang ada kelemahan dan kita memperbaiki kelemahan-kelemahan ini. Akan tetapi kalau kata kita main wayang Yang Berhormat Bintulu, memang kita tidak main wayang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Kajian sudah buat, [*Bercakap tidak menggunakan pembesar suara*]...tidak buat kajian.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kita turun ke bawah, kita buat tindakan daripada apa yang saya sebutkan tadi jumlah pemeriksaan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Batalkan sahajalah GST itu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Semua pegawai dari KPDNKK dan juga daripada pihak Kastam. Jadi berterusan. Sekiranya Yang Berhormat, kalau ada pegawai-pegawai yang tidak mahu mengambil tindakan, kita harap Yang Berhormat boleh membantu kita melaporkan pegawai-pegawai tersebut supaya...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Bintulu, buat laporan dahulu.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Kita ambil tindakan kepada pegawai-pegawai yang tidak mahu mengambil tindakan-tindakan atas aduan...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Malaysia boleh!

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Yang dilaporkan oleh pengguna. Mengenai dengan caj perkhidmatan, Yang Berhormat Bintulu betul, terima kasih banyak. Memang sekarang ini sudah pun banyak isu mengenai caj perkhidmatan. Jadi sebab itu, kementerian telah mengambil pendekatan untuk menangani perkara ini, untuk melihat perkara ini kerana sebelum ini, tidak ada satu pun agensi yang mengambil tindakan di atas caj perkhidmatan. Ini tanggungjawab. Jadi sebab itu mulai semalam, kementerian telah pun mengeluarkan arahan Pengarah Penguatkuasa Bilangan Mengenai Tindakan Berhubung Dengan Caj Perkhidmatan kepada pengusaha-pengusaha restoran, hotel dan sebagainya. Jadi selepas ini, kita akan mengeluarkan satu perintah untuk kita melihat mengenai dengan perkhidmatan ini...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri ada baca surat khabar hari ini? Arahan itu tidak diikuti.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** Biarlah, tidak apalah. Itu saya hendak jelaskan.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** [*Bercakap tidak menggunakan pembesar suara*] Tidak mahu ikut.

**Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah:** *You* duduklah, *you* duduk. Saya hendak jelaskan pada Yang Berhormat Bintulu. Memang ada keluar di surat khabar, saya pun bawa. Akan tetapi apabila isu ini dibangkitkan, saya ingin perelaskan dan tindakan telah pun kita ambil dan satu perintah akan kita keluarkan kepada pihak-pihak yang membuat caj perkhidmatan ini supaya mengambil perhatian daripada arahan yang dikeluarkan oleh KPDNKK. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]:** Boleh soalan tambahan? Penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, sila baca peraturan. Ambil masa satu jam dahulu duduk di luar baca peraturan. Yang lain diam. Ini bukan pasar Yang Berhormat. Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Soalan saya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya ingatkan Yang Berhormat Segambut, ini bukan pasar GST. Sila hormati Dewan dan juga Tuan Yang di-Pertua. Ada yang berminat untuk berehat? *[Ketawa]*

**8. Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pusat anak, pelajar, guru dan pekerja di Pusat Anak PERMATA dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk projek PERMATA ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya kini bahagian PERMATA Jabatan Perdana Menteri telah membina dan mengoperasi sebanyak 88 buah Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di seluruh negara. PAPN mempunyai bilangan anak keseluruhan seramai 2,317 orang kanak-kanak dengan 468 orang tenaga pendidik terlatih dan berkemahiran dalam bidang Asuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak.

Bagi tahun 2015, bahagian PERMATA menerima peruntukan sejumlah RM51, 248,399. Peruntukan ini digunakan untuk pengurusan, pengoperasian 88 buah PAPN termasuk pembayaran emolumen tenaga pendidik, melaksanakan program PERMATA Pintar, PERMATA Insan, PERMATA Seni, PERKASA Remaja dan juga PERMATA Kurnia. Manakala peruntukan pembangunan sejumlah RM4,037,500 bagi pembinaan Pusat Anak PERMATA Negara baru di Parlimen Jeram, Subang, Gopeng, Kuala Krai dan juga Tanah Merah. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, nampaknya bahawa untuk membina satu Taska PERMATA yang baru kita perlulah RM800,000. Akan tetapi sebaliknya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga ada taska untuk autisme. Ini untuk budak-budak OKU. Akan tetapi kos untuk membina sebuah Taska OKU ini hanyalah RM500,000. Jadi saya hendak tanya, kenapa kos untuk membina sebuah tadika untuk OKU adalah jauh lebih rendah kalau berbanding dengan Taska PERMATA? Adakah kerana ini adalah satu *big project* untuk *First Lady of Malaysia*? Oleh sebab itu kos pembinaan untuk Taska PERMATA ini menjadi begitu tinggi kalau berbanding dengan Taska OKU. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini nampaknya berniat jahat. *[Disampuk]* Perkara jahat sering kali ditimbulkan oleh penjahat. Yang Berhormat, kos untuk membina PERMATA, semuanya mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Jadi, kita tidak boleh membuat perbandingan sedemikian rupa. Kita tengok nanti bagaimana bangunan yang dibuat untuk PERMATA dan bagaimana bangunan yang dibuat untuk OKU. Kita kena ingat bahawa PERMATA daripada pelbagai jenis PERMATA ini di peringkat awal, sebahagian besar peruntukan kita pergi kepada KEMAS dan juga Jabatan Pendidikan serta lain-lain lagi tetapi pembinaannya adalah mengikut peraturan kerajaan.

Akan tetapi Yang Berhormat kena tarik balik perkataan bahawa ini untuk *First Lady* dan sebagainya, tidak baik. Sangkaan itu adalah paling jahat di dunia. Tidak ada sangkaan yang paling jahat kecuali daripada Yang Berhormat. Tidak boleh cakap macam itu.

Sekarang seolah-olah kita mempersendakan apa-apa program yang kita buat. Kalau kita bekerjasama, kita boleh berjaya. Macam GST ini adalah untuk masa hadapan yang lebih cemerlang, kita bekerjasamalah. Kalau ada kekurangan, kita tegur. *[Disampuk]* Bukan kita pergi cari satu benda, ini melibatkan satu lubang, kemudian katakan ini semua rosak. Tidak boleh macam itu. Kalau ada kekurangan, kita perbaiki, bukan untuk kita mempersendakan sedemikian rupa. Perbuatan tersebut ialah satu benda yang tidak digalakkan untuk Ahli-ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan khususnya Datin Seri Hajah Rosmah Mansor selaku Pengerusi Yayasan PERMATA...*[Dewan riuh]*

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Ini personal juga.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** ... dan penaung program-program strategik yang bernilai tinggi dengan kerjasama Universiti-universiti Awam dan juga kementerian-kementerian. *[Disampuk]* Apa bising-bising ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Confirm* jadi Menteri, sudah *recommend*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Program seperti PERMATA Negara mempunyai hubung kait dengan UPSI umpamanya dan program seperti PERMATA Pintar, PERKASA Remaja, PERMATA Kurnia ...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Apa fasal Yang Berhormat Kinabatangan gelak sahaja?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dan juga pembinaan hospital kanak-kanak pakar UKM mempunyai hubung kait dengan universiti-universiti kerjasama. *[Dewan riuh]* Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Soalan, soalan. Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ini seiring dengan pelancaran PPPM (PT) yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam dan ucapan Menteri Pendidikan berkenaan dengan *Quadruple Helix* iaitu jaringan strategik dengan universiti-universiti tempatan dengan industri, dengan kerajaan dan juga komiti dan NGO.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Soalan saya. Sejauh manakah PERMATA Negara telah berkesan dalam membangunkan anak-anak prasekolah dan adakah kerajaan akan memperluaskan program ini ke seluruh Malaysia dan akan menambah baik modul pembelajaran ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1130

Soalan di peringkat yang pertama, kalau Yang Berhormat ingin saya menjawab, Yang Berhormat kena diam. Kalau tidak, Yang Berhormat lah jawab sendiri ya. Soalan di peringkat yang pertama itu merupakan jawapan saya. Inilah soalan yang cukup baik. *[Dewan riuh]* Di antara soalan yang terbaik pernah saya dengar.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hebatlah!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** iaitu pengiktirafan kepada idea pemikiran yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berbahagia Datin Seri Rosmah Mansor.

**Beberapa Ahli:** Ya!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini adalah benda yang baik. Kalau benda yang baik datang daripada DAP, daripada PAS, daripada PKR, kita sebut benda baik. banyak perkara yang kita bincang di Parlimen, kita mendapat persetujuan bersama. Macam esok hari, saya percaya tidak ada orang menentang. Kalau hendak tentang pun tak apa, tidak ada masalah, kita bawa usul. Jadi, kita bersetuju. Akan tetapi sekarang ini benda ini benda

baik. Ini dibuat, dicadangkan oleh seorang isteri pemimpin berhubung suatu perkara yang akan menjadi rekod sejarah di mana anak-anak yang telah melalui PERMATA ini akan menjadi bakal-bakal pemimpin negara di masa akan datang.

**Beberapa Ahli:** Setuju, setuju, setuju!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** PERMATA akan diperbesarkan dan akan dipastikan supaya tiap-tiap Parlimen. Sekarang ini kita akan buat di Kelantan, tempat yang kena banjir ini...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Seputehlah buat, Seputeh pergi buatlah PERMATA belah sini pula. Tahu cakap saja tetapi tak ada buat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Cantik! Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Baling, tepat sekali perkara itu. Pencelahan yang tepat. Banyak pencelahan tak berapa tepat, ini tepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** PERMATA akan diteruskan dan kita akan bina di tiap-tiap kawasan. Pembinaan PERMATA ini ia melibatkan *side cost* di antara RM800,000 sehingga RM1 juta ini melibatkan pembinaan fizikal, perabot, alat bantuan mengajar, alat-alat elektronik dan juga lain-lain lagi. Itu sebabnya kosnya mungkin agak tinggi sedikit untuk membolehkan pendekatan baru yang kita buat itu sesuai dengan program yang telah diatur untuk PERMATA.

Jadi, sekali lagi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, PERMATA yang begini baik, kita minta supaya dibuat di tiap-tiap Parlimen kerana ada permintaan dalam Parlimen yang lepas. Pakar PERMATA tak mari pagi ini, jadi dia tanya soalan tiap-tiap kali Parlimen berhubung dengan PERMATA. Kita hendak bagi tahu, kita akan bina di tiap-tiap kawasan. Jadi, Yang Berhormat tunggulah PERMATA datang ke kawasan masing-masing.

Yang Berhormat akan terasa kesan baiknya nanti. Jangan lagi ada niat untuk mempersenda-sendakan. *[Disampuk]* Jangan ada niat untuk mempersendakan orang yang memberi pemikiran yang begini besar. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Dewan riuh]* Terima kasih dan juga terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri. PERMATA ini adalah sesuatu yang baik. Saya minta maaf Yang Berhormat Kulai, sebab saya ada pusat saya- di tempat saya di kawasan Parlimen Parit Sulong ada satu pusat PERMATA yang dinamakan Pusat PERMATA Parit Guntong. Saya selaku Ahli Parlimen melihat sendiri bagaimana kejayaan anak-anak PERMATA ini. Di mana daripada usia tiga tahun telah berani dan menggunakan hasil kreativiti mereka. Jadinya, *[Dewan riuh]* kena bercakap dulu, kena ada dia punya *info*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, tak perlu layan Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Okey. Jadinya Yang Berhormat Menteri, saya hendak mengutarakan soalan tambahan iaitu mungkin kementerian Yang Berhormat atau pun di bawah Yang Berhormat, mungkin kita boleh buat satu- adakah kementerian boleh membuat satu kajian mengenai impak positif terhadap anak-anak yang dilahirkan di bawah pusat anak PERMATA ini dan ia dijadikan perbandingan dengan pusat-pusat lain. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lagi sekali kenyataan Yang Berhormat, di antara kenyataan yang terbaik. Saya berterima kasih sebab kesan daripada PERMATA itu kita lihat...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Menteri berapa bintang? Yang Berhormat Menteri berapa bintang bagi dia soalan itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya, Yang Berhormat. Kalau Lenggong, ya Yang Berhormat, kalau Lenggong bagi lima bintang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kesan daripada PERMATA luar biasa. Anak-anak yang dulu orang kata mungkin berlainan sedikit, tetapi bila masuk PERMATA...



**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, tadi tanya soalan pun terbaik juga, ini terbaik juga?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Program yang telah diperkenalkan, anak-anak ini jadi...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Macam mana kedua-dua terbaik?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, anak-anak ini jadi yang terbaik, jadi anak-anak yang baik. Demikian juga PERMATA mungkin kita akan ada bersama dengan FELCRA nanti, tidak ada masalah. Jadi, kita boleh buat cadangan. Berhubung dengan kajian Tuan Yang di-Pertua, ya, kajian sedang dijalankan untuk kita buat perbandingan ataupun kesan daripada program PERMATA yang begini besar maknanya. Saya percaya selepas kajian ini dibuat, kita akan bentangkan di sini. Ahli-ahli Yang Berhormat akan melihat bahawa PERMATA ini bukan lagi kita minta satu untuk Parlimen tetapi mungkin kita minta dua untuk kawasan Parlimen.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Menteri kena buat cepat sikit, boleh tutup sikit mulut-mulut ini semua. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya percaya kita boleh bentangkan dalam Parlimen yang akan datang ya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Saya jemput Yang Berhormat Menteri, Peraturan Mesyuarat 12(1).

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **USUL**

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.33 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 9 April 2015.”

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita [Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

***[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]***

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Temanya ialah kerajaan harus mengisytiharkan kecemasan nasional untuk menangani wabak denggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Klang...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Akan tetapi jawapan saya terima daripada Tuan Yang di-Pertua, amat sangat-sangat mendukacitakan dan juga paling tidak munasabah. Oleh sebab kita dapati pada masa sekarang, dalam bulan tiga, bulan ini, seramai...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...Seramai 98 orang telah mati di Malaysia. Sejumlah 98 rakyat Malaysia telah mati di Malaysia dan mengapakah kita tidak boleh bincang di Parlimen ini? Ini saya tidak faham dan juga jawapan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, langsung tidak masuk akal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Saya boleh duduk Tuan Yang di-Pertua, tetapi bila mahu bincang isu ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah terima jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua dan keputusan Tuan Yang di-Pertua dalam Kamar adalah muktamad dan Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, baca dulu peraturan Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Jawapan itu tidak munasabah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Macam mana minggu lepas rakyat Malaysia telah mati dalam tiga bulan, Januari hingga Mac..,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat baca jawapan-jawapan bahawa pihak...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** ...Tidak penting dan tidak boleh disegerakan, tidak boleh bincang dalam Parlimen ini, saya tidak faham! *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk Yang Berhormat, duduk, ya duduk. Yang Berhormat, ya sila duduk. Okey, Yang Berhormat sila rujuk Peraturan Mesyuarat 18(8). Kalau keputusan itu telah diputuskan, tidak boleh lagi dikemukakan dan tidak boleh lagi dibaca. Duduk Yang Berhormat, sila Setiausaha.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [7 April 2015]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Minta Yang Berhormat Ipoh Barat menyambung berucap.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

**11.38 pg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, semalam saya baru mula untuk berucap. Saya telah mengemukakan satu kes di mana saya terpetik dari apa yang telah dikatakan oleh Justice Raja Azlan Shah masa itu, iaitu dalam kes Lop Koi Choon dan Government of Malaysia.

Dengan izin, saya baca perkara yang berkaitan. "*The constitution embodied three basic concepts, namely the rules of law, federalism and separation of powers.*"

*The constitution is not a mere collection of pious platitude. It is a supreme law of the land embodying three basic concepts. One of them is the individual has certain fundamental rights upon which not even the power of the state may encroach. The second is the distribution of sovereign power within the states and the Federation that the thirteen states shall exercise sovereign power in local matters and the nation in matters affecting the country at large.*

*The third is there is no single man or body shall exercise complete sovereign power, but that it shall be distributed among the executive, legislative and judicial branches of government express in modern terms that we have government of laws not of man".*

■1140

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mulakan penghujahan hari ini semalam saya telah mengatakan ada empat orang Ahli Yang Berhormat telah berhujah sebelum saya tetapi yang menjadi unik dan luar biasa dan bukan luar biasa di Parlimen ini adalah di mana bila rang undang-undang ini diserahkan *or put on the table of the Members of Parliament for first reading*. Itu menjadi satu persoalan mustahak kerana kalau satu-satu rang undang-undang hanya diberi tempoh masa yang sangat minimum, tidak masuk akal. Itu nombor satu.

Nombor dua, bila ia diberi dengan *first reading* pada 30 Mac, belum 10 hari lagi kalau kata masuk kira hari bersidang tidak masuk lima hari tetapi sudah dibentangkan untuk pembacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu di antara *short coming* di mana saya masih ingat lebih kurang 10 tahun dahulu di mana kerajaan telah mengatakan bahawa kita perlu menjadi satu *first world Parliament*, perlu ada konsultasi dengan *stakeholders [Tepuk]*, perlu ada konsultasi lebih-lebih lagi dengan pengundi-pengundi. Kita ada lebih kurang 11 juta orang pengundi di negara ini. Apakah mereka tahu mengenai perkara ini? Bukankah mereka berhak sekurang-kurangnya mengetahui apa hakisan kebebasan mereka akan terjadi dengan kelulusan undang-undang yang tertentu ini.

11 rang undang-undang dikemukakan pada 30 Mac. *Does it make sense?* Kalau kita tengok *justice*, kalau kita tengok apa niat Parlimen? Semua ini terhilang. Saya hendak tanya penggubal undang-undang. Saya bukan menyalahkan mereka. Saya pun tahu ramai di antara orang lama-lama dahulu tetapi saya percaya mereka diberi arahan *at the last minute*.

Jadi maka adalah ini dikemukakan pada saat-saat yang terakhir. Akan tetapi bukannya semua *it is on to public domain*. Semua tahu bila Parlimen akan bersidang sesi ini. Tahun dahulu, lebih daripada 100 hari dahulu telah diumumkan bila *schedule* Parlimen. Bukankah itu kewajiban kementerian untuk mengambil tahu rang undang-undang ini kalau boleh lebih-lebih lagi di mana rang undang-undang terlibat satu antara rang undang-undang yang sangat teruk, hakisan *fundamental rights*.

Ini patut tidak terjadi kalau ingin memberi lebih masa untuk semua Ahli Parlimen. Saya sendiri sebelum ini empat orang Ahli Parlimen semua peguam yang *debate*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Termasuk Yang Berhormat Setiu.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya termasuk Yang Berhormat Setiu. Saya setuju, saya rasa semalam apabila Yang Berhormat Setiu pun bertanya soalan tergesa-gesa. *We are not ready. Sometimes* menjadi satu *on the spot*, tidak cukup masa.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Sungai Petani bangun. Ya Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, saya hendak minta Yang Berhormat Ipoh Barat sama ada Yang Berhormat Ipoh Barat percaya tak pandangan Majlis Peguam tidak diminta *disconsult* oleh kerajaan sebelum rang undang-undang ini dikemukakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat Ipoh Barat percaya tidak, apakah pandangan dan komen Yang Berhormat Ipoh Barat mengenai komen *consultation Bar Council was not consulted before the bill*.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Sebelum ini saya sudah beritahu *stakeholders* tidak perbincangkan. Itu saya setuju bahawa Bar Council tidak langsung. Akan tetapi kalau kita tengok *spirit the constitution*, kalau kita balik kepada tahun 1974 sebelum itu ada dalam Akta Undang-undang *Legal Profession Act* di mana semua rang undang-undang perlu dirujuk kepada pandangan Majlis Peguam kerana ada ramai di antara mereka fasih, *expert, experienced* maka pandangan mereka sekurang-kurangnya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bukankah ini boleh dibuat pada masa sekarang? Nampaknya saya minta maaf nampaknya kementerian dan lain-lain sangat sombong. *They know all or they pretend to know all*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kapar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat, sejak hari Isnin kita ada Menteri Dalam Negeri menggunakan Laporan Tahunan Lembaga Pencegahan Jenayah Kementerian Dalam Negeri Tahun 2014 untuk menjawab beberapa soalan daripada pembangkang dekat sini.

Akan tetapi dia juga bersambung dan memberitahu bahawa buku ini telah diletakkan di atas meja kita. Kita sepatutnya sudah baca, kita sepatutnya sudah teliti dan apabila bahas kita kena bahas tetapi perasan kah Yang Berhormat bahawa hari ini baru letakkan di sini. Saya rasa kementerian kelam kabut dalam meluluskan undang-undang beberapa hari ini, tidak ada kajian yang betul sampai buku baru sampai Tuan Yang di-Pertua.

Bermaksud dua hari yang lepas perbahasan kita macam mana kita hendak bahas? Mengapa tergesa-gesa, mengapakah terburu-buru?

**Seorang Ahli:** Apakah agenda?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya tak nak spekulasi lagi selepas ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya kita menjalankan tugas Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa kecewa membawa perkara ini kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Petani bangun Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Just one minute* saya jawab kepada Yang Berhormat Kapar. Saya pun hairan sebenarnya pagi ini saya nampak tidak ada masa langsung untuk baca dan kalau *look* kepada *substance* luar memang cantik, dalam semua gambar cantik, isi kandung yang mustahak tidak ada. Ini adalah satu antara perkara yang perlu diambil perhatian oleh kementerian supaya dikemukakan *report-report* macam ini seberapa awal yang boleh. Kalau boleh hantar kepada kami sebelum permulaan persidangan Parlimen. Itu lebih baik. Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat semasa menjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mengatakan bahawa ada antara seksyen-seksyen yang kita bincangkan semalam contohnya dalam membincangkan Rang Undang-undang 4/2015 Kanun Keseksaan. Malah Yang Berhormat Timbalan Menteri pun agak bersetuju dengan pandangan-pandangan kita ada seksyen-seksyen itu terlepas pandang dan malah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa beliau akan berbincang dengan AG berkenaan dengan beberapa seksyen yang agak tidak begitu cantik dan harus diperbaiki.

Jadi ini memberikan konotasi Yang Berhormat Ipoh Barat seolah-olah 'Tok Menteri' ataupun kementerian sendiri mendapat rang undang-undang ini juga dalam keadaan tergesa-gesa kerana Menteri pun baru sedar bahawa ada isu-isu yang harus dibangkitkan dan harus diselesaikan sebelum ia dibawa ke Parlimen. Jadi andaian kita mungkin juga andaian orang di luar maknanya mereka yang berada di pejabat AG ini sama ada yang pertama tidak melaksanakan tugas dengan begitu pantas atau kedua mengambil satu-satu arahan dengan keadaan tergesa-gesa menyebabkan rang undang-undang itu dibawa ke sini dan memaksa kita berbincang dalam keadaan masa yang terlalu padat, sempit dan akhirnya kita terpaksa membuat keputusan akhirnya yang akan *effect* mereka yang di luar, rakyat jelata. Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat tentang hal ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya setuju sepenuhnya dengan pandangan Yang Berhormat Sungai Petani dan saya pun hendak cakap mengenai perkara tergesa-gesa. Nampaknya dengan lebih baru 30 Mac membentangkan *first reading* menunjukkan satu perbuatan tergesa-gesa oleh kerajaan. Nampaknya, "*ada udang di sebalik batu*" kerana dengan seberapa cepat, *it doesn't matter*. Parlimen menjadi satu *rubber stamp* kerana ada *brute majority*, ada majoriti dengan Barisan Nasional maka tidak mengapalah. *Do, just show* dalam Parlimen, bawa ke...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak. Kita bukan *rubber stamp* Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kita *rubber stamp*. Cap nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukan cap juga.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Cap Barisan Nasional minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Bukan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Parlimen bukan cap juga Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Parlimen Malaysia adalah cap *rubber* kepada Barisan Nasional. Saya katakan sedemikian kerana kalau tidak...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat, ini Yang Berhormat Ipoh Barat memalukan diri sendiri kalau macam ini.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kalau betul saya tidak kisah, kalau malu so what? *What's wrong?* Kalau *rubber stamp* ya saya mengaku...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tidak nampak kita *rubber stamp* sebab *those* yang tidak baik kita tolak.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No rubber stamp* Barisan Nasional. Itu saya cakap. Kita hantar, *no wait* Yang Berhormat Kinabatangan semestinya setuju kalau satu rang undang-undang sedemikian lapan hari tidak cukuplah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** *No, it's not* Dewan. Pernah satu ketika rang undang-undang dibentangkan kita lihat menganiaya rakyat kita tidak setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Rang Undang-undang Ketum Yang Berhormat.

■1150

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kalau kita tengok klausa 4, klausa 8, "*When a person is convicted for one trial of any two or more offences, the Court shall not order the sentences of imprisonment to run concurrently.*" *Fundamental change of rules and principal.* Sangat aneh, *it's very unusual.* Akan tetapi dibentangkan juga dan selepas itu semestinya diluluskan, disokong oleh Barisan Nasional.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *If it is not rubber stamp, what it is?*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Segambut. Ya, Yang Berhormat Segambut.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Segambut.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Segambut di sini. Saya setuju dengan *amendment* to seksyen 282 CPC. Ia katakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*When a person is convicted at one trial...*" perkara yang penting "*one trial of any two or more offences, the court shall*" maksudnya kena, mesti, dikehendaki "*shall not order the sentences of imprisonment to run concurrently.*" Maksudnya, dalam satu bicara itu *accused suspect* disabit salah, kesalahan, dua kesalahan, tiga kesalahan. Pada masa sekarang biasanya hakim itu akan bagi masa jalan serentak. Akan tetapi kalau *amendment* yang baru ini, tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Mandatory.*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** *Mandatory, shall.* Maksudnya kalau sepuluh tahun dua kesalahan, dia dapat 20 tahun. Kalau tiga kesalahan, dia dapat 30 tahun. Ini tidak adil. Akta Jenayah mesti mahu *encourage* untuk mengubah bagi orang yang salah itu tukar jadi orang yang baik. Akan tetapi kalau *amendment* ini diluluskan, orang jahat masuk 30 tahun, keluar lebih jahat. Ini kalau— saya minta Dewan ini *[Disampuk]* Ya, saya minta Dewan ini kalau hendak bukti kepada Yang Berhormat Ipoh Barat dengan ini bukan *rubber stamp*, silalah bantah akta ini, boleh?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Segambut, saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat Segambut. Mungkin kita boleh lontar *challenge* kepada Barisan Nasional. Memandangkan ada beberapa klausa yang tidak masuk akal, *it's against rule of natural justice.* Seperti yang saya katakan kes yang saya kemukakan di mana Hakim Raja Azlan Shah telah memberi pandangan beliau *suppression power, encouragement into the proving of the court*, tidak ada diskusi langsung dengan hakim-hakim. Kalau kita kata Parlimen ini Barisan Nasional punya *rubber stamp, court will become* bukan *rubber stamp, a sane man cannot say anything.* Macam tutup mulut menjadi *puppet, nothing can be said.* *[Disampuk]* Oleh kerana ada undang-undang, saya terpaksa ikut, bagaimana?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Balik mana?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Pasir Salak ini gila kuasa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Duduklah, kamu sudah menjadi Timbalan Menteri cukuplah. Tutup mulut. Tidak layak cakap. Apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah bergaduh Yang Berhormat. Teruskan ucapan. Ya, Yang Berhormat Seputeh bangun.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bersama dengan beberapa Ahli Parlimen termasuk saya, dalam *Select Committee* yang mengkaji *Penal Code* dan *Criminal Procedure Code* dan kami pernah melawat New Zealand dan juga *Australia Parliament*. Kami mendapati Parlimen di Australia, ia ada satu *Standing Committee*, maksudnya yang komuniti itu terdiri daripada Ahli Parlimen dan juga pegawai kerajaan, mereka dengar pandangan daripada NGO, daripada orang ramai mengenai Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Keseksaan sepanjang tahun. Supaya mereka tahu apakah *feedback* daripada masyarakat dan mereka meminda undang-undang mengikut kehendak dan juga keperluan masyarakat.

Akan tetapi kita lihat di Parlimen kita ini, walaupun Tuan Yang di-Pertua tidak setuju yang kita ini *rubber stamp*, memang *rubber stamp*. Hanya dibentangkan tidak sampai 10 hari kita sudah bahas dan kita lihat Yang Berhormat Arau mahu kita bahas sampai 9.30 malam. Macam hari itu bila kita tidak setuju POTA, dia *stop the clock* sampai 2.30 pagi. Ini cara kita meluluskan undang-undang yang penting, yang mengadakan impak yang begitu serius terhadap masyarakat kita. Kalau ini bukan *rubber stamp*, Parlimen kita ini bukan *rubber stamp*, apa lagi itu? *[Disampuk]* Cop, ini cop Barisan Nasional.

Jadi saya rasa ini kita ada – saya rasa kalau kita hendak negara kita ini jadi *first world parliament*, *first class* Timbalan Menteri. Jadi Timbalan Menteri tidak boleh berbahas dan gaduh macam itu duduk dekat sana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, *first class opposition members* sekalilah Yang Berhormat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Memang *first class*. Kita ini memang *first class*. Yang Berhormat Ipoh Barat semalam sehingga sekarang dia baca begitu banyak dokumen, jadi apa yang di sebelah sana macam – saya tidak mahu gunakan apa-apa yang – ikut suka hati saya yang kurang manislah, supaya kurangkan standard saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dengar?

**Seorang Ahli:** Dengar.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dengar baik-baik. Tidak dengar dia akan ulang balik. *[Disampuk]* Dua hal yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Nombor satu adalah di mana semua *Select Committee* yang telah pergi ke Australia mengadakan *consultation*. Di mana Yang Berhormat Seputeh pun ada, saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dan juga lain banyak Ahli Parlimen yang telah pergi.

Tadi soalan yang terwujud dari perbincangan itu Tuan Yang di-Pertua adalah apa yang telah kita pelajari dalam hal tersebut. Beberapa Ahli Parlimen telah mengemukakan di Parlimen ini bahawa Parlimen menjadi sebuah tempat di mana perbincangan, *consultation*

lebih-lebih lagi dengan pihak *stakeholders*, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Segambut dan sebagainya. Di mana kita perlu pandangan seperti *Bar Council*, seperti Ahli-ahli Parlimen yang terlibat.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri dulu menjadi *Deputy Speaker*. Sebenarnya mungkin satu di antara yang kita perlu buat, bahawa kita tidak perlu berfungsi dalam *full committee*. Perlu ada *separate committee* untuk mendapat pandangan, supaya kita boleh menghalusi apakah rang undang-undang, apakah terma-terma dalam rang undang-undang, apakah kena mengena dan *far reaching effect* mengenai rang undang-undang yang dikemukakan?

Perkara kedua yang dikatakan adalah mustahak juga. Saya harap kita belajar bahawa kehendak rakyat adalah lebih mustahak dari apa yang dibentangkan. Kita tidak perlu jadi satu *rubber stamp*. Apabila Yang Berhormat Seputeh mengatakan *rubber stamp*, saya pun ada menyentuh mengenai perkara tersebut. So, *rubber stamp* setakat di mana kita datang ke Parlimen menjalankan tugas, mendapat arahan dari *whip*, lebih dari *whip* kerajaan di mana mereka ada majoriti maka semua rang undang-undang yang dibentangkan, diluluskan. Walaupun dalam hati ada ramai di antara Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana memberi sokongan *indirectly*, bantah kepada rang undang-undang ini, *there is meaningless*. Ini kita memberi satu ajaran, satu mesej yang salah kepada penggubal undang-undang, peguam negara, kementerian dan kerajaan.

Mereka perlu mengambil ikhtiar lebih arif dalam perkara ini. Nombor satu mengemukakan rang undang-undang ini seberapa awal yang boleh. Kalau boleh sebelum sesi mula. Ini menunjukkan bahawa tidak ada apa-apa rang undang-undang yang tergesa-gesa dibuat pada *last minute*. Nombor dua, memberi ruangan kepada *stakeholders* dan the others orang-orang untuk memberi pandangan mereka dan juga kepada Ahli Parlimen. Bukan sahaja untuk memberi *quality debate* dalam Parlimen, tetapi juga memberi pandangan-pandangan yang munasabah supaya apabila kita membentangkan pindaan kepada rang undang-undang ada *meaning*, ada makna. Itu adalah satu di antara perkara yang kehilangan pada akhir-akhir hari ini. Kalau kita tengok 10 tahun dahulu, itu lebih baik...

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Boleh saya mencelah? Tuan Yang di-Pertua, celahan. Saya rasa apa yang cuba dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat sebenarnya kembali kepada tugas dan fungsi Ahli-ahli Parlimen di sini. Di mana setujuakah Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa bukan sahaja rang undang-undang ini tetapi seharusnya keseluruhan rang undang-undang yang hendak diperkenalkan atau dipinda perlu melalui proses konsultasi. Di mana pihak berwajib yang ada kepentingan perlu memberi input.

Kemudian di sini yang kita telah beberapa kali suarakan perlunya wujud sebuah jawatankuasa khas bagi membincang rang undang-undang yang ada dan melihat apa kekurangan-kekurangan. Kemudian diajukan serta cadangan daripada komuniti dan dibuat konsultasi di *public*. Kemudian baru sampai di sini kita berbahas dengan satu rang undang-undang yang berkualiti. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat, jika tidak ada infrastruktur ini maka tidak ada siapa yang boleh menyalahkan bahawa persepsi Parlimen ini hanyalah *rubber stamp*. Terima kasih.

■1200

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Bagus pandangan Yang Berhormat Parit Buntar. Saya hanya hendak petik satu pandangan yang akan menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Buntar. Dengan izin, "*The first step is a solution should be found from all the organs of state to undergo a... and recognize the premise of individual over the community. This is simply because the most basic unit of a community is individual. The protection of the community can no longer be used as an excuse to curtail the fundamental liberties and protection that an individual entitled to. It is therefore felicitous to argue that the operation of an individual will result in a healthier and safer community*".

Apa maknanya ialah di mana kita membawa rang undang-undang ini di mana saya khuatir, saya setuju as a *matter of principle* bahawa orang-orang jahat, orang-orang yang menyebabkan kesalahan tindakan akan diambil. *There is no question about it* tetapi sekurang-kurangnya *there must be right. Why? Why do I say right?* Ini kerana *it is the state*



*against the individual. Individual* dia tidak ada *bargain position*, dia tidak boleh bertanya lebih dari apa yang diberi oleh kerajaan, yang diberi oleh kementerian.

Maka itu adalah kewajiban oleh sesuatu kerajaan, kewajiban oleh kementerian supaya memperkasakan hak asasi seseorang individu. Kalau kita tengok Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang yang dicadangkan *every proviso* di sini adalah untuk mengurangkan, menghakiskan hak seorang rakyat. *There is no doubt about it.* Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu mengaku bahawa ini adalah pada *the intention* dan niat dalam rang undang-undang ini, sangat serius.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu bangun Yang Berhormat.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin hendak mengingatkan bahawasanya Parlimen kita ini berasaskan juga kepada sistem United Kingdom yang mempunyai lebih kurang 160 hari Parlimen setahun. Kita tidak pun sampai separuh dari hari-hari yang disebut tadi dan bagaimana kita boleh ada satu perbahasan atau sistem perbahasan yang mempunyai mutu yang tinggi dan juga dapat mendalami isu-isu yang dibentangkan menggunakan intelek.

Akan tetapi hari ini sedihnya kita banyak berbahas di sini dengan mengejek-ejek dan memanggil nama atau *name calling* dan tidak menggunakan intelek yang sepatutnya. Inilah hakikat sebenarnya apabila kita tidak menggunakan sistem Parlimen ini sebaik-baiknya. Kita tidak dapat mengadakan satu sistem yang dipandang tinggi dan dihormati oleh orang ramai.

Satu lagi yang saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat, adakah apa-apa perubahan atau kesan daripada *appointment* Datuk Paul Low from *Transparency International* sejak beliau dilantik sebagai seorang Menteri. Saya nampak kita banyak menjurus ke belakang atau regresif daripada pergi ke hadapan. Apakah pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat? Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara pertama, kita semua tahu bahawa bila Parlimen UK berfungsi untuk lebih 160 hari, banyak lagi di mana *committees* nya selalu bertugas tetapi di negara kita hanya *Parliamentary Select Committee* yang bertugas semasa Parlimen bersidang atau tidak. Tidak ada *committee* lain langsung, tidak diberi keutamaan oleh kerajaan kerana kerajaan takut, kerajaan rasa bahawa jika ada *committees* tersebut ia akan menyebabkan Menteri-menteri perlu menghadiri, menjawab kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dalam *committee* tersebut.

Seperti di negara India, di mana Tuan Yang di-Pertua pun semestinya pernah pergi. Ramai di antara Tuan Yang di-Pertua kita, saya sendiri pun ada pergi, di mana bila kita tengok sistem di sana lebih 520 Ahli Parlimen, 1.2 bilion masyarakat dengan lebih kurang 800 juta pengundi. Bermakna, Parlimen perlu bersidang 24 jam pun tidak cukup. Akan tetapi *not even half*, dia ada semua *committees* yang berfungsi dan *effective*. Itu adalah *first world Parliament* yang kita perlu. Itu menjawab soalan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu di mana tidak ada reaksi kita bercakap dengan telinga kanan, telinga kiri keluar.

*Nothing has been taken into account* kerana itu menyusahkan Ahli Parlimen di sebelah sana atau Menteri-menteri. Maka, mereka *do not want to have a shift in the thinking. Blue Ocean Strategy* dan sebagainya, *all lips service* diberi di negara ini. Ini adalah antara perkara yang dibangkitkan. Mengenai Senator Datuk Paul Low. Betul, sebelum jadi Menteri *he is "no, no" to kerajaan*, selepas jadi Menteri di kerajaan dia menjadi *"yes man"*. Itu beza dia. Itu sahaja, lain tidak ada apa-apa.

**Beberapa Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Before* menjadi Menteri, *everything was wrong by the government.* Lepas jadi Menteri, *everything is right by the government.* [Disampuk] Jadi, itulah *standing* seorang Senator, itu kejayaan beliau dan menjadi standard di negara ini menunjukkan bahawa perlu menjadi Menteri atau perlu menjadi Ahli di sebelah sana, maka semua perubahan, *criticism and thinking will change.* Itu satu di antara kecacatan yang ada di negara ini yang perlu diubahsuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu kenapa ini sangat lambat diberi kepada kita. *[Sambil menunjukkan dokumen]* Kenapa ia baru diberi dan tidak cukup masa untuk membaca perkara ini. Akan tetapi sedikit yang saya telah halusi. Kalau kita baca seksyen dalam rang undang-undang ini di mana semalam Yang Berhormat Bukit Gelugor mengemukakan mengenai hal *the special evidence of report by an expert on matters relating to organized crime group*.

Tuan Yang di-Pertua, yang tidak boleh kita elak tetapi perlu membuat pengakuan adalah di negara ini sekarang ramai yang ditembak mati, mati di lokap dan gengster adalah dari masyarakat India. Adakah undang-undang ini yang diluluskan boleh mengatasi masalah tersebut? *No way, nothing will change, nothing will change* Tuan Yang di-Pertua. Kerana apa? *Because the root issue* tidak diambil perhatian.

Sebelum ini *Commissioner Amar Singh*, saya percaya nama dia Amar Singh ada pernah menulis satu buku mengenai hal ini. Ada pegawai-pegawai kerajaan baca buku itu. Apa yang difahamkan, apa yang ditujukan oleh *Commissioner Amar Singh* sedalam-dalamnya mengenai perkara tersebut. Menggubal undang-undang untuk menyenangkan *prosecutor* untuk menang kes dalam *court*. Itu sahaja. *Make it life as easy as possible for this acrobat and... to come to court, present the case* menang...

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *For purposes of statistic.*

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Terima kasih, saya minta izin Yang Berhormat Ipoh Barat dan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tumpang satu pertanyaan dalam perbahasan Yang Berhormat Ipoh Barat. Soalan saya kepada kementerian dan kerajaan adalah adakah kementerian bercadang atau sanggup menubuhkan satu *law reform commission* yang ahli-ahlinya ada daripada NGO, ada pada sebelah sini pembangkang, ada wakil daripada Majlis Peguam, daripada *AG Chamber*, pihak polis, MACC dan sebagainya.

*Law reform commission* ini sangat mustahak. Ia adalah penting sebelum apa-apa akta khasnya akta-akta jenayah di *table* di Dewan ini. Mesti melalui *law reform commission*. Jadi, soalan saya adakah kerajaan bercadang sanggup menubuhkan *law reform commission*? Jawapannya ringkas sahaja, ya atau tidak. Terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya tetapi tidak boleh. Ya, kerana itu hasrat kita. Tidak boleh kerana itu yang akan dibuat oleh kerajaan sebelah sana. Kita bukan perlu *law commission*, kita perlu *raw commission*, *R.A.W or raw*. *Raw* dan masak cukup-cukup, faham sendiri sebelum dibawa ke Dewan. *That is what* yang perlu. *There must be a mindset change* dalam negara ini, baru kita boleh tengok rang undang-undang ini.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada bangkitkan perkara...

■1210

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Batu lawan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kawan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh, kawan.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin bertanya pendapat Yang Berhormat Ipoh Barat.

Beberapa bulan yang lalu kita baca dalam surat khabar berhubung dengan isu-isu kes tembak-menembak di antara geng-geng di Pulau Pinang dan Selangor. *Headlines* dalam surat khabar menyatakan kes-kes tembakan ini adalah di antara geng-geng dalam *turf war* dengan izin.

Soalan saya hari ini dan minta pendapat Yang Berhormat Ipoh Barat, mengapa pihak polis benarkan geng-geng ini terus membarah sampai dengan izin, *turf war exist, there is turf for gangs in this country. You allowed it to propagate* dengan izin, sampai

peringkat *the newspaper can say it's because of turf war. So when the police know that there are already turf that are governed or controlled by gangs, they have kept silent and allowed this shoot things to take place.* Apa pandangan Yang Berhormat Ipoh Barat berhubung dengan isu ini?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Sebelum saya jawab soalan itu, saya teringat bahawa perkara yang lebih mustahak adalah di mana *special branch*, kegiatan *special branch* di negara ini, mereka semua tahu, *they* tahu apa yang kita akan buat hari ini, akan buat esok dan lusa. Lusa saya belum tahu lagi apa saya hendak lakukan, dia sudah tahu. *They know. They are expert in gathering of intelligence* lebih-lebih lagi mengenai hal ehwal pembangkang. Kenapa saya kata sedemikian? *When we have press conference* atau apa-apa, *you can see this familiar cases*, dan ini adalah di antara satu perkara yang diketahui oleh umum.

Jawab kepada soalan Yang Berhormat Batu Kawan, yes, itu saya bangkitkan adakah rang undang-undang ini akan menghapuskan gengsterisme di negara ini? *Very good language used. All these are experts, experts in your department* yang membuat ini. Mungkin mereka terlibat secara langsung atau tidak, tetapi bolehkah hapuskan? *Nothing* lah. *In terms of statistic* pun cakap kasi tembak mati, habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh, boleh, sedang digulung dari semalam.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Saya ingin minta penjelasan. Yang Berhormat Ipoh Barat, ini saya hendak tanya Yang Berhormat Barat.

Menurut laporan yang di hadapan meja kita semua ini, terkandung, "*Secara keseluruhannya, indeks jenayah negara telah menurun semenjak bermulanya bidang keberhasilan NKRA CRI. Hanya terdapat peningkatan dalam jenayah berat dan jenayah terancang*".

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Ipoh Barat, apakah keperluan kerajaan sekarang *to rush to these amendments now which is so thick within like one day?* Apakah keperluan untuk berbuat demikian? Jika kita lihat dalam ini, antara yang terkandung dalam pindaan ini, "*Activity detrimental to parliamentary democracy*". Hukumannya sampai dua puluh tahun penjara. Ini adalah sesuatu yang sangat serius. *This amendment is very serious.* Kenapa kita tidak bincang, kita tidak memperhalusi semua peruntukan di dalam ini sebelum kita *push through this whole amendment?* Apakah keperluan itu?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. *Very good.* Oleh kerana analisa telah dibuat, mungkin ada masa untuk Yang Berhormat Menteri untuk menarik balik rang undang-undang ini kerana menunjukkan bahawa tidak ada sebab-sebab tertentu, menunjukkan bahawa mungkin selepas rang undang-undang ini diluluskan, peningkatan jenayah kerana orang tidak suka kepada rang undang-undang ini.

Akan tetapi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur sangat jelas menunjukkan jika statistik kerajaan sendiri menunjukkan bahawa ada penurunan kes-kes jenayah di negara ini, maka *all the more reasons* supaya kita tidak perlukan rang undang-undang ini. Akan tetapi kalau kita tengok dan memperhalusi rang undang-undang ini sedalam-dalamnya, menunjukkan satu perkara iaitu pertama, menghakiskan *rights of the individual*.

Di dalam ini Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu peguam-peguam di mana kalau pergi ke mahkamah menunjukkan peranan yang dimainkan oleh *Public Prosecutor*, DPP dan sebagainya. Saya ingin petik dari kes *R against Stinchcombe* sedikit di mana mengatakan bahawa peranan *Public Prosecutor*, peranan *Attorney General* adalah sebagai *trustee* bila memperoleh barang kes dari mana-mana individu. Itu bukanlah hak *prosecutor*.

Saya baca dan ini akan memberi dengan jelas dengan izin... [*Membaca petikan*]

*"The fruits of investigation which are in the possession of the counsel for the Crown..." – Counsel for the prosecutor. "...Are not the*

*property of the Crown for use in securing a conviction but the property of the public to be used to ensure that justice is done. The principal has been accepted that the search of the truth is advanced rather than retarded by disclosure of relevant material”.*

Tidak *disclose material* dan sebagainya mengakibatkan *miscarriage of justice* semasa rang undang-undang membawa pemindaan kepada seksyen 51A. Apa yang *the reality* dalam mahkamah? Walaupun membawa rang undang-undang supaya pihak sebelah sana dalam kes-kes akan diberi semua dokumen berkaitan dengan kes, tidak dibuat oleh Peguam Negara. Sebenarnya hakikat rang undang-undang tersebut, 51A, adalah kemukakan dokumen-dokumen atau *exhibit-exhibit* sebelum perbicaraan tetapi semasa perbicaraan, lagi menjalankan *investigation*, lagi masa itu hanya memberi dokumen-dokumen dan barang-barang kes menunjukkan bahawa ketidaksediaan oleh *public prosecutor*.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin tambah sedikit sahaja. Dalam membawa rang undang-undang ini, kita perlu ingat bahawa apa yang dikatakan oleh masyarakat India di negara ini di mana sangat marah kepada kegiatan gengsterisme. Sangat teruk, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah Yang Berhormat ya.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya hendak habiskan tapi pasal selepas Yang Berhormat Ipoh Timur merujuk kepada ini, saya baru tengok ada berkaitan. Saya terpaksa baca dan hujah semasa – *two in one... [Disampung] Three in one*. Itu Nescafe...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bagi peluang pada yang lain Yang Berhormat.

**Tuan Lim Lip Eng [Segambut]:** Wah, *multitasking*, dahsyat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain pun hendak berhujah juga, Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ya, macam mana mahu hujah kalau dokumen-dokumen yang sangat penting ini hanya dihantar pada hari terakhir? Nasib baik Yang Berhormat Segambut cari jalan dan Yang Berhormat Ipoh Timur baru...

Saya hendak tunjuk tahanan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebelum baca itu, duduk sebentar Yang Berhormat. Ada tetamu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah Mr. Choida Jamtsho, Pengerusi *Public Accounts Committee* (PAC) Malaysia-Bhutan dan delegasi. Kepada Mr. Choida, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran beliau dan delegasi ke Dewan yang mulia ini. *[Tepuk]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Thank you Members of Parliament of Bhutan. I hope you have an enjoyable stay here. One of the most beautiful and wonderful country of the world. Only the rights of the individual is going down a bit... [Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlulah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh tak boleh? *Cannot say? Must say all good about Malaysia to others?* Tarik baliklah, tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlu macam itu, Yang Berhormat. Kita hormat pada pelawat kita Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** *Speak the truth and shame the devil*. Dalam Dewan tidak boleh cakap, mana-mana tempat lain mahu cakap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskanlah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dalam buku merah yang cantik ini, laporan tahunan apa saya pun tidak tahu, tetapi di sini ada tunjuk peratusan di mana tahanan mengikut kaum. Masyarakat Melayu, 37%; masyarakat Cina, 3.4%; masyarakat India lebih kurang 17%. Ini menunjukkan bahawa ramai di antara masyarakat yang tertinggi adalah dari masyarakat India di mana terlibat dalam kes-kes *criminal* di mana Yang Berhormat Batu Kawan dengan khusus telah mengatakan *turf war* dan sebagainya.

Saya harap tindakan diambil untuk mengatasi masalah ini kerana sangat serius di kalangan masyarakat India di mana bukan sahaja *the highest alcoholic rate in the country, highest single mothers, highest unemployed, highest dropout from school* dan semua ini berkaitan dengan masyarakat India. *This is the core of the issue* di mana kita dapat ramai di antara masyarakat ini terlibat dalam gengsterisme.

#### ■1220

Tidak ada apa-apa walaupun menunjukkan bahawa *evidence of report by an expert of matters relating to organize criminal report* menunjukkan - saya baca Tuan Yang di-Pertua. Saya khuatir "*Notwithstanding any other return law, where evidence or report is given by an expert on the activities, structure, ritual, ceremonies, hand sign, insignia, characteristic of an organized criminal group or any other matters relating to an organized criminal group the Court shall admit the evidence as conclusive proof of the facts*". Tidak perlu mahkamahlah. Lebih baik *certificate* itu hantar mereka ke dalam penjara. *Nothing for the court to take a part.*

*This shows* Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali yang mana *encroachment into this discretion of mahkamah*. Ini yang kita perlu berhenti. Kita perlu beri perhatian kepada bidang kuasa mahkamah, lebih-lebih lagi bidang kuasa hakim-hakim di negara ini. Percayalah mereka arif, mereka faham apa yang patut, yang boleh diambil kira. Maka perkara-perkara ini ada satu di antara kehakisan *human rights* kepada... Terima kasih, *nandri vanakam*.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh! Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habislah. Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Boleh, boleh sedikit.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia belum duduk lagi. Tanya sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah habis sudah. Yang Berhormat Kuala Krai sudah terlepas kapal terbanglah, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah, sudah. Duduklah. Yang Berhormat Kinabatangan.

#### 12.21 tgh.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun ingin turut ...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh mencelah Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mengambil bahagian...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, orang baru bangun.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru mukadimah sahaja.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mencelah dahulu sebelum mula.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Baru mukadimah, baru mukadimah. Sebetulnya, memang negara kita ini memerlukan undang-undang, memerlukan juga peraturan. Saya sejak kebelakangan ini, melihat kita telah meluluskan akta anti keganasan, kita telah meluluskan akta anti keganasan luar negara, ini penting. Akan tetapi dalam negara kita ini, kita harus menghormati *separation of authority* itu, *separation of power*. Kalau kita *divide* sendiri, *divide the rule*, rasa saya itu sudah bercanggah dengan pendirian kita. Oleh sebab itu tadi saya bercanggah dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya kata Parlimen *is not a rubber stamp*. Siapa kata kita *rubber stamp*? Terus terang, mana-mana akta yang saya rasa saya tidak selesa, rakyat tidak selesa, bermakna kita akan bantah. Sebab itu saya berdiri di sini.

Saya ingat lagi, akta yang sama ini di bentang pada tahun 2013 dan kita minta ditarik balik untuk disemak dan diperbetulkan tetapi akta yang sama, dimasukkan untuk kita bahas. Seterusnya saya tidak boleh menerima akta yang sebegini. Ini penuh penganiayaan, terus terang. Di mana kesalahan aktiviti *detrimental to Parliamentary Democracy* kena minta 20 tahun. Ini betul-betul tidak bolehlah. Jadi saya mahu mintalah kementerian, Menteri kita Ahli-ahli Parlimen...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bangun]

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Putatan dan Yang Berhormat Pengerang di belakang.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kita tidak selesa. Ya, sila Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya pasang *microphone* Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tiba-tiba tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat Kinabatangan itu, seolah-olah kita betul-betul ini tidak setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat bahawa yang bawah ini, kita ini *rubber stamp*. Kita bukan *rubber stamp*. Kita *civilize society* dengan izin, kita tahu kita mewakili rakyat. Jadi rakyat di sana mendengar Tuan Yang di-Pertua yang bahawa kalau ada undang-undang yang tidak begitu disenangi oleh rakyat, kita tolak. Begitu Yang Berhormat? Jadi soal bila kita melihat hujah-hujah daripada para peguam, ini pertama kali saya setuju dengan pembangkang. Saya setuju dengan pembangkang bahawa - bukan pembangkang tetapi *lawyers* daripada pembangkang ini, sama *lawyers* daripada Barisan Nasional, sama-sama kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan, kita punya peguam iaitu Yang Berhormat Setiu pun dalam nada yang sama juga Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya setuju dengan peguam itu, saya setuju. Saya setuju peguam dari Yang Berhormat Pengerang, saya setuju sebab mereka ini adalah pengamal undang-undang. Jadi di sini saya melihat juga - saya turut lembar demi lembar akta ini, saya melihat betul, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan bahawa banyak kekurangan ataupun yang kita bahas ini yang kita masih banyak persoalan dalam undang-undang ini. Saya mohon daripada Yang Berhormat Kinabatangan kalaulah boleh *direview* balik undang-undang ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Hakikatnya, kita sebuah kerajaan yang beri keutamaan kepada kepentingan rakyat dan kita tahu bahawa banyak rang undang-undang yang kita bawa dalam Dewan ini semuanya mempunyai hasrat dan impian untuk memastikan bahawa pembelaan kita berikan sebaik mungkin kepada rakyat. Tentunya rang undang-undang yang kita bawa, umpamanya akta iaitu Kanun Tatacara Jenayah dan Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012 ini, kita berhasrat supaya pembelaan diberi dan tentunya kuasa-kuasa kepada hakim, mahkamah dan polis mesti diberi supaya keadaan undang-undang itu dapat ditadbir, dibuat dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Tidak mungkin rang undang-undang yang kita bawa ini akan memberi kuasa kepada satu pihak dan satu pihak lagi mendapat kuasa lebih dan akhirnya undang-undang berkenaan tidak baik dan sebagainya. Oleh sebab itu kalau kita lihat dalam rang undang-undang ini, kita tengok seksyen baru 407B misalnya, fasal 12, kemudian fasal 15 dan juga kalau kita rujuk pindaan seksyen 430, banyak perkara dalam ini nampaknya tidak begitu baik. Saya bukan bersetuju apa yang dibawa kerana pembangkang bawa perkara ini Yang Berhormat Ipoh Timur dan sebagainya tetapi ini atas semangat akta ini dibawa. Oleh sebab itu, apakah Yang Berhormat Kinabatangan juga bersetuju supaya kerajaan melihat semula akta ini atau ada keperluan untuk ditarik balik dan sebagainya? Ini bagi menjamin supaya kita dilihat sebagai sebuah kerajaan yang mampu dan bawa rang undang-undang yang begitu baik kepada rakyat. Pandangan.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak tanya sedikit. Kenapa dalam kewujudan rang undang-undang ini, tidak adanya satu perbincangan yang mendalam? Jangan cakap pembangkanglah, kita dalam Barisan Nasional pun. Ini sebab isu-isu yang disebut yang mana saya dengar sahabat saya daripada pembangkang dan juga kita daripada kerajaan. Sebagai bekas peguam, saya tengok agak tidak adil dalam banyak perkara. Saya agak terperanjat kenapa - bukanlah hendak kata kezaliman tetapi kenapa terlampau ghairah sangat hendak melaksanakan undang-undang sampai proses melupai tentang perlunya apa yang disebut tentang peranan hakim, hendak disebut tentang peranan agensi dan sebagainya.

Jadi saya agak terperanjat keadaan kelam kabut ini sebab kita sudah dua hari ini kita sudah bincang tentang Akta POTA dan sebagainya. Saya tengok kerajaan dan saya menerima kerana isu keganasan tetapi dalam isu sedemikian ini, saya minta sangatlah Yang Berhormat Kinabatangan kalau boleh, kita mintalah kepada Yang Berhormat Menteri tarik balik, bincang balik supaya rakyat selesa bahawa undang-undang ini janganlah begitu zalim sangat. Terima kasih.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sedikit sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti dan menyambut baik pandangan daripada Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat 'Lenggong', Yang Berhormat Kinabatangan yang semuanya rasa undang-undang zalim ini...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** 'Lenggong'. Sebut betul-betul, 'Lenggong'.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tidak menerusi satu proses rundingan yang matang tetapi telah pun dibawa ke Dewan yang mulia ini. Boleh atau tidak buat pertama kali di sejarah Parlimen, Yang Berhormat Kinabatangan kita setuju semua bawa usul supaya kita luluskan usul tarik balik rang undang-undang ini supaya ia tidak menzalimi rakyat. Setujukah? Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Taiping. Sebetulnya, kita hidup dalam dunia ini kena ada prinsip, kena ada undang-undang tetapi undang-undang itu kita jangan ambil hak orang lain. Biar hakim dengan tugas-tugas dia, pendakwa raya dengan kerja dia, polis dengan kerja dia. Kita di sini menegakkan undang-undang untuk rakyat. Kerja Tuhan kita jangan ambil, jangan ambil kerja orang lain. Oleh sebab itu rasa saya kita tidak perlu ada usul, cuma kita meminta tarik balik untuk kepentingan rakyat, untuk kepentingan negara. Kalau tidak, saya sendiri tidak akan mengundi usul ini, terus terang. [Tepuk]

Biarlah apa yang berlaku, apa terjadi, terjadilah. Saya hendak marah, marahlah sebab saya melihat akta ini ada unsur-unsur penganiayaan. Kalau saya tidak silap, Menteri pada satu ketika telah menarik dirinya daripada menjadi hakim, daripada memegang kuasa.

■1230

Akan tetapi di sini masih tersemat iaitu dengan menggantikan perkataan '*in court*' dengan perkataan '*the Minister*'. Ini bahaya. Menteri sendiri pun tidak mahu ada kuasa macam ini. Kenapa letak lagi kuasa menteri? Jadi, saya mintalah perkara ini kita tarik balik, kita rujuk dan kita bincang. Kalau boleh undang-undang yang melibatkan rakyat, walaupun kita tidak berminat dengan *Bar Council* sebab *Bar Council* terlalu *bias*, bincang dengan kita. Kita ada peguam-peguam yang bagus. Yang Berhormat Ipoh Barat ada, Yang Berhormat Pengerang ada. Macam-macam ada. Kita ada bekas hakim.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak sebut Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, siapa?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang janganlah, Yang Berhormat Sepang janganlah. Orang lain. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Setiu. Yang Berhormat Setiu pun ada.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Taiping pun ada. Akan tetapi jangan Yang Berhormat Sepanglah. Yang Berhormat Sepang tidak berapa kuat. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Sepang dia tidak faham. Yang Berhormat Sepang tidak faham. Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam peguam, Yang Berhormat Shah Alam peguam.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam ada, Yang Berhormat Mersing ada. Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya, sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya kita bukan menentang. Saya tidak menyebut di sini bahawa kita menentang akta ini. Cuma yang kita sebut ialah kita telah bawa beberapa rang undang-undang dalam Dewan ini. Oleh sebab itu sebarang rang undang-undang yang kita bawa mestilah lengkap melengkapi antara satu sama lain. Jangan ada undang-undang yang kita bawa sebelum ini ia mengatasi pula yang lain tetapi mesti menjadi pelengkap. Kita lihat ada beberapa fasal. Umpamanya, dalam rang undang-undang ini berkaitan dengan kita beri kuasa yang begitu tinggi dan berlebih-lebihan kepada- Kenapa tengok saya, Yang Berhormat Kota Kinabalu? Tidak boleh cakapkah? *[Ketawa]*

Kita beri berlebihan kepada polis. Ini saya fikir perlu dilihat semula dan ada dalam rang undang-undang ini yang kita lihat bahawa hilang kuasa mahkamah dan hakim itu sendiri. Ini agak tidak baik dan perlu diperhalusi. Oleh kerana itu kita bersetuju dan berharap supaya kerajaan melihat semula perkara ini dan berhati-hati. Ini kerana yang penting bagi kita di sini ialah bukan kita menolak tetapi kita hendak jaga kepentingan rakyat dan dalam waktu yang sama kita bagi kuasa-kuasa kepada hakim, kepada polis. Supaya semua badan dan institusi penguat kuasa ini berkemampuan untuk melaksanakan undang-undang yang kita bawa ini dengan begitu baik dan berkesan sekali. Ini pandangan saya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sikit, sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Atas cadangan Yang Berhormat Kinabatangan tadi menunjukkan bahawa kita ini di pihak kerajaan sebenarnya ada, bukanlah yang dikatakan pengikut yang *rubber stamp* yang disebut oleh Yang Berhormat



Ipoh Barat tadi. Jadi, saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kinabatangan ini. Kadang-kadang bila kita terlampau terus kadang-kadang, kita takut selepas ini di pihak pembangkang, terutamanya Yang Berhormat Sepang, dia pergi keluar nanti, dia bercerita. Tengok kerajaan buat tidak betul. Kita *fight* di dalam Parlimen. Kita kata bahawa ini kita tarik balik kerana *political mileage* ini pergi kepada mereka. Agak-agaknyalah. Itu pertanyaan sahaja. Agak-agaknya ada atau tidak benda-benda ini akan berlaku?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Setiu, perkara sebegini memang tidak dapat dielakkan. Cuma, terserah kepada rakyat untuk menilai sebab rakyat pun tahu. Bagi saya, kita ikhlas. Sebab itu awal-awal lagi saya telah menyatakan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Perkataan Parlimen *rubber stamp* itu salah dan memalukan diri sendiri sebab kita di sini terus terang mana tidak kena, kita perbetulkan. Jadi, rasa saya perkara ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohonlah kita tarik balik, perhalusinya sebab jangan menganiaya rakyat. Rakyat kalau dianiaya, dia akan bangkit menentang kerajaan.

Jadi, saya selaku wakil rakyat melihat bahawa perlu ada penegasan dalam soal-soal sebegini. Sila, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kinabatangan, kita sebagai wakil rakyat ini ada tanggungjawab yang begitu berat. Kalau soal undang-undang yang jadi *viral* oleh rakyat di akar umbi, maka kita ada tanggungjawab memperbetulkan undang-undang yang boleh diterima oleh rakyat. Tidak perlulah mendengar dengan Yang Berhormat Sepang. Kalau dibandingkan Yang Berhormat Sepang dengan Yang Berhormat Setiu, saya fikir Yang Berhormat Sepang, dia punya standard belum sampai sebab dia tidak pernah jadi hakim. Yang Berhormat Setiu jadi hakim. Yang Berhormat Ipoh Barat mungkin ada sikit, sikit. Jadi, itu tidak perlulah puji dengan pembangkang, tidak perlulah puji dengan Yang Berhormat Kota Kinabalu, tidak perlulah puji dengan Yang Berhormat Penampang.

Tuan Yang di-Pertua, ini bagi pihak Sabah. Tidak perlulah puji semua. Bab ini kita sama-sama dalam Dewan Rakyat yang mulia ini, tanggungjawab kita sama-sama. Yang Berhormat Kinabatangan dari Sabah. Jadi, rakyat kita ini mendengar. Yang Berhormat Pengerang, kami pun minta bantu sebab Yang Berhormat Pengerang pun seorang peguam yang bertauliah. Jadi, ini bagi pihak rakyat, bolehkah Yang Berhormat seru sekali lagi dengan suara yang kuat kasi *withdraw* dulu undang-undang ini sebab ini membahayakan kita sebagai wakil rakyat.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Yang Berhormat Kinabatangan, minta maaf ya. Yang Berhormat Kinabatangan, saya hendak tekankan kepada sebagai contoh, fasal 8 yang mana seksyen 282, kanun dipinda. 282 bila disebut (b), perenggan (e), *'when a person is convicted at one trial of any two or more offences, the court shall not order the sentences of imprisonment to run concurrently'*.

Saya bukan hendak cakap dalam suara peguam tetapi kita tengok contohnya dari segi penghukuman. Dengan dengar sahabat sebelah sana sebut. Saya pun tengok dalam keadaan macam ini, kita tidak boleh menganggap bahawa bila hendak bercakap tentang orang bersalah atau tidak bersalah sebab kita tidak tahu siapa yang boleh menjadi mangsa, boleh jadi penahan. Kita tidak tahu. Dengan izin, *we don't know*. Jadi, bila kita tengok kepada cadangan ini, saya agak takut sebab kita macam seolah-olah mengikat tangan sistem. Apa gunanya ada hakim kalau semua tidak boleh? Ini bukan negara komunis. Ini negara demokrasi. Akan tetapi kalau kita ini Ahli Parlimen Barisan Nasional dan juga pembangkang tidak sama-sama membela demokrasi dalam Dewan Parlimen ini, saya hendak cakap dengan Yang Berhormat Kinabatangan, saya takut. Tidak payahlah panggil kerajaan demokrasi. Panggil sahajalah kita kerajaan komunis. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak balun. Tidak balun, jangan takut. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih kerana setelah dua hari mendengar hujah-hujah daripada Pakatan Rakyat, nampak hari ini sudah mula sedar. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiu ada berucap semalam, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu, *relax* Yang Berhormat Setiu. Betullah. Saya cakap apa salahnya. Saya bercakap semalam dalam hujah-hujah. Semua kita bagi *facts*, kita bagi prinsip undang-undang. Tidak apalah, tidak mahu puji tidak ada masalah. Saya pun bukanlah hendak sangat pujian itu tetapi saya hendak kata beginilah. Tadi saya dengar Yang Berhormat Pengerang cakap. Kalaulah Yang Berhormat Pengerang boleh— hujah itu memang betul, Yang Berhormat Pengerang. Kalau dalam kes yang CPC ini, kita mengikat tangan hakim, dalam kes POTA ini kita potong tangan dia. *It's even worst*. Kita tidak benarkan langsung. Sebenarnya, hujah daripada Yang Berhormat Pengerang itu sepatutnya digunakan juga, di *extended* kepada POTA yang mana para hakim langsung tidak diberi peranan langsung.

Akta Hasutan nanti mungkin akan dibentangkan. Jadi, demokrasi itu, hujah Yang Berhormat Pengerang, saya setuju cumanya saya rasa lebih-lebih lagi perlu dalam POTA. Sebab itu lagi kita tidak ada peluang langsung untuk dibicarakan. Bagaimanapun terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Kinabatangan, saya tabiklah sampai sanggup tidak mengundi. Ini kita boleh ini sudah. Kalau sekiranya kerajaan teruskan juga, saya harap Yang Berhormat Kinabatangan betul-betul *walk the talk*. Betul-betul. Ambil tindakan tidak apa, hilang jawatan pun tidak apa demi rakyat. Setuju, Yang Berhormat Kinabatangan?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah Yang Berhormat Sepang. Terima kasih Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Sepang. Seperti awal-awal saya kata, Akta POTA saya sokong sebab untuk pencegahan demi keharmonian rakyat dan negara. Untuk pencegahan anti keganasan. Siapa mahu keganasan? Adakah kita macam mahu di Amerika. Anak-anak kita di sekolah tiba-tiba orang bawa M16, ceroboh dan tembak dia habis .

#### ■1240

Di Australia, di Paris pun begitu. Sebab itu kita perlu ada Akta POTA tetapi akta ini, pada saya ini pencabulan hak orang lain. Sebab itu jangan ambil kerja orang lain. Polis tidak boleh ambil kerja hakim. Polis tidak boleh ambil kerja pendakwa raya. Polis tidak boleh ambil kerja saya, kerja kita. Sebab itu saya kata, saya tidak setuju akta ini. Bukan kerana kita mendengar hujah, kalau hujah dari sana bagus, saya dengar. Tapi kalau hujah macam Yang Berhormat Sepang...

**Seorang Ahli:** Tidak bagus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia ambil *advantage*. Seolah-olah sebab dia berhujah, maka kita dengar. Dia berhujah Akta POTA sampai 2 pagi pun saya tidak dengar sebab saya rasa akta itu perlu tetapi akta yang ini, dia tidak hujah pun Yang Berhormat Ipoh Barat hujah sudah cukup. Saya sudah faham. Sebab itu saya berdiri, saya menyatakan bahawa kerajaan, pemerintah perlu tarik balik sebelum apa-apa tindakan kita ambil. Sebab tidak boleh. Jangan ambil hak kita. Hak kita untuk menentukan rakyat terjamin.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Hakim-hakim rasa bebas untuk membuat keputusan, bukan rasa tertekan. Sebab hari ini hakim yang membuat keputusan bagus pun, pembangkang cakap tidak bagus. Ini masalah kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiawangsa.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, sila.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Kinabatangan saya hendak tanya. Disebabkan kita mengambil masa yang agak lama untuk membahaskan satu-satu isu yang kadang-kadang kita juga mengambil keputusan untuk menarik balik. Adakah Yang Berhormat Kinabatangan bersetuju dengan saya bahawa sudah sampai masanya kita memikirkan supaya kita berbincang dengan pihak sebelah sini untuk mendapatkan persetujuan bersama terutamanya melibatkan kepentingan rakyat supaya kita tidak lagi membuang masa. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Sebetulnya perkara sebegini, cadangan itu baik dan saya tidak tahu sama ada perkara ini boleh berlaku, saya masih dalam Dewan kah ataupun mungkin saya bukan lagi wakil rakyat tetapi itulah inspirasi kita sebetulnya selaku wakil rakyat sebab kita melihat bahawa kerja kita di sini tidak ada lain, politik, saya kata kelmarin kita akan bertembung setiap saat, setiap waktu, setiap ketika. Kita tidak bertembung waktu tidur masing-masing.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Itu bertembung lain lah Bung.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Itu pertembungan lain. Jadi ini sebab pada saya perlu sudah sampai, *Insyah-Allah* saya cukup yakin Malaysia akan menuju ke arah itu sebab kita lihat sistem perundangan yang kita ada ini cuma di negara kita. Di negara lain tidak ada, dia sudah berubah. Jadi saya tidak tahu kapan kita boleh berubah. Sampai kapan lagi kita menanti saat-saat yang kita inspirasi kan sendiri.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya masih lagi sebut bahawa banyak rang undang-undang yang kerajaan bawa baik, tiada ada dan terbukti pun. Sebenarnya apa yang kita buat selama ini dan amalan yang kita buat memang telah pun di praktik dan di lakukan sejak sekian lama. Tidak menjadi kesalahan. Cuma yang sebut hari ini bukan kita menolak 100% rang undang-undang yang kita bahaskan hari ini berkaitan dengan Kanun Tatacara Jenayah. Cuma ada beberapa perkara, fasal dalam ini yang kita lihat tidak membawa kebaikan kepada sistem kita ini. Itu saja yang kita sebut dan bukan secara total kita menolak, tidak.

Mungkin kerajaan menarik balik, kaji semula dan membentangkan semula pada masa akan datang. Itu yang kita inginkan. Malah sebelum ini kita bermatian-matian memang perlu POTA dibawa dalam Dewan ini, melihat kepada keadaan hari ini, melihat kepada ancaman *Islamic State* (SI) yang bukan hanya selama ini kita lihat berlaku di luar negara tapi sudah menjadi ancaman kepada Malaysia, kepada Indonesia, kepada Selatan Filipina. Ini ancaman besar dan kerana itu memang kita sokong dan malah dilulus pun dalam Dewan ini berkaitan POTA.

Ini penting kerana semangat yang kita bawa ialah merangka undang-undang untuk melindungi rakyat. POTA dirangka untuk melindungi rakyat, bukan melindungi kerajaan, rakyat dan oleh kerana undang-undang ini kita lihat ada beberapa fasa yang saya sebutkan tadi dan disebut oleh Yang Berhormat Pengerang dan rakan-rakan tadi yang kita sendiri akui bahawa memberi lebih tinggi kepada kuasa kepada satu pihak dan menghilangkan kuasa satu pihak, ia tidak baik kepada kerajaan sebenarnya dan mengundang persepsi yang buruk kepada sistem yang kita ada. Itu saja pandangan kita.

Bukan saya punya pandangan kita menolak, maka jangan bawa langsung rang undang-undang ini, tidak. Tapi menarik sementara dan mungkin dikaji balik dan dibawa semula ke Dewan ini pada masa akan datang. Itu saja pandangan saya Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat Lenggong memang berpandangan jauh. Dia berjiwa rakyat. Sebab itu apabila kita berjiwa rakyat, pilihan raya rakyat sokong kita. Tidak perlu kita bekerja orang kata bermati-matian. Sebelum pun pilihan raya kita bekerja untuk rakyat, meyakinkan rakyat. Apa pun yang kita bawa, apa pun undang-undang yang kerajaan mahu bawa ianya kenalah bersifat melindungi rakyat. Jangan ada undang-undang yang kita lihat hak orang lain kita ambil. Mengambil hak ini tidak boleh.

Sebab itu mana-mana agama pun tidak menggalakkan mana-mana orang mengambil hak orang lain. Ya, Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini mengambil hak orang lain. Kalau kita melihat pindaan rang undang-undang ini, ini lindungan awam pun sebenarnya mengambil hak tanggungjawab orang lain. Bayangkan polis terpaksa menjadi *valuer*, menjadi saintis, bayangkan. Jadi ini hak orang lain ini terhakis. Jadi apa guna kita ada golongan yang pakar-pakar penilai ini kalau polis juga jadi penilai. Jadi ini terpulanglah. Ini dia punya kebijaksanaan polis. Jadi ini mungkin disalah gunakan Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi sini soal benda-benda yang digeledah di

tempat-tempat yang disyaki. Digeledah ini dia ambil barang apa saja dia ambil. Lepas itu dia jual. Boleh tidak Yang Berhormat.

Ini saya kira kalau ini, kalau banyak kuasa kepada polis, ini tidak boleh. Jadi itu satu. Satu daripada undang-undang seksyen yang dipinda ini adalah seksyen 430 yang memberi kuasa secara mutlak kepada polis. Kuasa hakim sudah tidak ada. Yang Berhormat Setiu kalau jadi hakim balik, tidak kuasa sudah. Semua polis. Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat kalau jadi *lawyer* tutup *firm* lah. Ini yang sebenarnya pihak-pihak peguam ini membantah ini kerana mungkin ada kemungkinan dia *business* sebagai pendakwa raya agak berkurangan. Tapi itu agenda yang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Ipoh Barat Presiden ya ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Tersimpan. Agenda yang dalam *attempt* itu. Tapi yang sebenarnya kita tidak mahu undang-undang yang menghakis peranan-peranan *authority* masing-masing.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Jadi kalau kita tengok yang hujung sekarang ini, penalti Yang Berhormat Kinabatangan yang kononnya aktiviti. Apa yang aktiviti yang *detrimental to Parliamentary Democracy*. Adakah Yang Berhormat Ipoh Barat selalu minta gunting atau Yang Berhormat Kota Kinabalu minta gunting buat tukang gunting di pintu masuk Parlimen itu menjadi aktiviti dan dipenjarakan 20 tahun. Kasihanlah sahabat saya dari Kota Kinabalu. Kasihan ya. Jadi kalau ini kita mahu tahu apa jenis *activities* yang *detrimental to Parliamentary Democracy*. Yang Berhormat Ipoh Barat tahulah. Ini terpulang kepada polis yang mohon *inter-practice* kan undang-undang ini dan banyak lagi. Ini *attempt* sama juga penalti, sampai 20 berapa, *attempt* berapa, sampai 15 tahun. Hoi, bahaya.

Jadi kalau kita salah masuk, terikut, bergambar dengan pembangkang yang selalu buat kacau di Parlimen itu, saya pun kena 15 tahun. Saya tidak hendak. Disyaki sebagai terlibat *detrimental to Parliamentary Democracy*. Ini bahaya. Saya cadangkan tarik dulu lah undang-undang ini Yang Berhormat ya. Sorry Yang Berhormat.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Boleh sikit Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan sikit, sikit. Okey.

■1250

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Pada kebelakangan ini saya nampak hujah-hujah Yang Berhormat Kinabatangan sangat rasional. Kena pada tempatnya. Saya setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat puji Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan puji Yang Berhormat Ipoh Barat. Baguslah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Bukan, saya percaya bahawa kita sesama dalam pendirian bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada *Criminal Procedure Code* ini. saya pohon agar adakah Yang Berhormat setuju bahawa waktu telah datang bahawa supaya bukan sahaja menarik balik rang undang-undang ini tetapi juga memberi ruang supaya lebih diskusi di antara *stakeholders* iaitu di antara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang supaya *we will come out with the better output out of it*. Terima kasih.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.itu Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya cuma hendak menambah bahawa hujah-hujah yang saya dengar daripada Yang Berhormat Kinabatangan daripada saya di luar tadi *really make sense* kalau kita hendak sebut. Pada saya itu ialah hujah-hujah yang baik juga Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Ipoh Barat.

Kalau boleh saya rumuskan bahawa apa yang kita pertikaikan bukanlah keperluan menentang keganasan dan keperluan memperbaiki keadaan yang ada sekarang daripada segi pencegahan jenayah. Cuma kita mahu *supremacy of the law* kalau boleh saya sebut

itu sentiasa dihormati, demokrasi hak-hak asasi manusia juga kedaulatan undang-undang itu sentiasa kena ada. Kita ada hakim-hakim yang kita sebut Yang Arif.

Maka kenapa kita tidak gunakan mereka untuk rujuk. Kita tidak boleh menyalahkan pihak polis kerana polis tidak dilatih untuk membuat keputusan-keputusan yang kita mahu mereka buat melalui pindaan-pindaan ini. Polis sudah tentu buat kerja lain. Maka kita serahkan kepada Yang Arif-Yang Arif dan kita ada Yang Amat Arif pula untuk melakukan tugas mereka. Mereka memang dilatih khusus untuk itu daripada segi undang-undang dan juga menghormati hak asasi manusia dan lain-lain lagi.

Satu lagi, *last point* apa yang kita buat hendaklah sentiasa mengambil kira hak asasi manusia. Tidak boleh kita lakukan sesuatu secara *mutually exclusive*. Maksudnya kalau kita memerangi keganasan maka hak asasi manusia kita tidak hormati. Kalau kita memerangi jenayah maka kita abaikan hak asasi manusia, itu tidak boleh. Kita tidak boleh memadamkan api dengan menyalakan api yang lebih besar. Terima kasih.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kuala Kedah. Saya nampak Yang Berhormat Puchong tadi baru masuk tapi dia sibuk sedikit. Jadi sebetulnya memang hasrat dalam jiwa kita ini ingin adakan satu peraturan undang-undang tapi undang-undang itu biarlah kita lihat ianya benar-benar menjadi landasan undang-undang. Ada keadilan sejagat, ada unsur-unsur perlindungan kepada rakyat, kepada mana-mana individu sebab kalau tidak akhirnya undang-undang yang kita putus ini, tangan kita ini menjadi tangan kotor yang mencetuskan darah yang tidak berdosa di luar.

Oleh kerana itu pada saya, memang selaku wakil rakyat Barisan Nasional kita kena menjaga rakyat. Rakan-rakan kita di sana pun jaga rakyat. Yang peguam-peguam kita di samping jaga rakyat, jaga perniagaan. Kalau peguam sudah tidak boleh *participate* macam mana hendak berniaga? Tidak ada *business*. Buat apa kita menghantar anak-anak kita belajar jauh-jauh untuk mendapat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bila sebut jaga perniagaan ramai senyum fasal apa? Yang Berhormat Kinabatangan sebut sahaja jaga perniagaan ramai senyum fasal apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Puchong bangun, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Kuala Krai ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Kinabatangan, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa mengalihkan pandangan kepada hal ehwal peguam-peguam untuk menarik balik rang undang-undang ini tidak comellah, macam perlu dekat peguam-peguam. Saya rasa peguam ini ada banyak tugas yang lain.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kinabatangan, cuma bagaimana kita hendak melaksanakan dalam Dewan kita pada hari ini. Mungkin kita mempunyai rasa kalau kita menyokong ditarik balik kita *concede* kepada pembangkang ataupun pembangkang akan mengatakan ini adalah *effort* mereka. Saya hendak memberikan satu cadangan supaya seperti dalam POTA juga kita membawa hujah menentang POTA tetapi di penggulungan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri meyakinkan Dewan di sebelah sana, sebelah sini tidak yakin bahawa janji Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini boleh dipakai.

Yang Berhormat Menteri tidak akan menganiaya, peganglah cakap Yang Berhormat Menteri bahawa orang-orang politik tidak akan kena. Itu janji Yang Berhormat Menteri. Kalau saya dibenarkan mencadangkan saya hendak minta biar jangan tarik tapi biar Yang Berhormat Menteri menjawab dahulu dengan janji-janji dia bahawa segala kekeliruan yang kita timbulkan hari ini tidak akan berlaku selagi ada bulan dan bintang contohnya. Lepas itu setelah dihujah itu baru...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Macam ceramah-ceramah di kampung, tuan-tuan dan puan-puan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** ..Barulah ditarik. Dia akan berhujah dahulu dia menjamin tidak akan ada salah guna kuasa. Selepas itu baru dia tarik. Jadi dua-dua dia dapat. Jadi Yang Berhormat Menteri mana hendak buat itu saya tidak tahulah. Tengoklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kuala Krai, itu cadangan dan pandangan Yang Berhormat Kuala Krai. Akan tetapi pada saya itu kurang manislah. *[Ketawa]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, sebenarnya saya hendak betulkan sedikit kekeliruan. Sebenarnya kalau daripada segi *lawyer* kami lebih suka undang-undang ini diluluskan sebab kita dapat banyak *business*. POTA semua ini sebenarnya kalau ikut *lawyer* makin banyak *new act, new offence* ini, *it's good for our business*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** POTA sudah lulus Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, itulah saya katakan. Jadi maknanya kenapa kami di sini menentang benda-benda itu. Maknanya menunjukkan bahawa kita *lawyer* ini kita bukan fikir untuk *business* sahaja. Kita ada benda lain yang juga kita fikirkan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tapi fikir jugalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Oleh sebab berdasarkan pengalaman kami undang-undang seperti inilah yang akan menyebabkan orang tidak *trust* kepada *government*. Oleh sebab itulah kita hendak betulkan. Sebenarnya kalau kami ini hanya *business* sahaja kami akan minta lulus lagi banyak undang-undang. Jadi saya rasa kena betulkan sedikitlah persepsi yang tersilap itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebetulnya bukanlah itu yang saya maksudkan. Cuma saya ini pun ramai kawan peguam, *lawyer*. Dia kata kawan-kawan juga, *business first*. Oleh sebab itu saya kata *business first*. Akan tetapi Yang Berhormat Puchong tidak, dia sudah okey. Yang Berhormat Puchong memang *first class* punya *lawyer* dalam Malaysia ini. Tidak ada tandingnya. Dia kalau ada orang yang salah, panggil Yang Berhormat Puchong. Kalau saya pun ada apa-apa di mahkamah saya memang panggil Yang Berhormat Puchong sebab saya yakin dengan dia.

Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Sepang macam mana?

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Sepang jangan, bahaya. *[Ketawa]* Yang Berhormat Sepang bahaya. Dia tidak konsisten. Orang tidak konsisten bahaya. Kita boleh kalah belum bicara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua sebab itu...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kapar lagi. *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong, duduklah Yang Berhormat Lenggong.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Ya, boleh, boleh. Kita kena pandang secara holistik. Kita ada pandangan kedua-dua pihak. Pandangan daripada peguam...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lain macam sahaja senyum itu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** ...Pandangan daripada bukan peguam. Akan tetapi walaupun kita telah bawa beberapa akta seperti yang saya kata tadi kita nampak daripada bicara kita semalam dan juga pagi ini bahawa ada kepincangan dalam undang-undang ini. Apa pendapat Yang Berhormat kalau saya cadangkan bila kita bawa undang-undang sebegini kita bincang secara terbuka, dua-dua pihak, yang ada kepakaran dan juga daripada pandangan umum pihak-pihak pembangkang dan juga Barisan Nasional. Lepas itu kita bawa undang-undang sebegini.

Kita ada dua undang-undang dalam masa seminggu hingga dua minggu ini. Satu ialah tentang daun ketum, satu lagi ialah tentang ini. Yang kita bahas dari sudut yang tidak memberangsangkan. Saya rasa *precedent* sebegini tidak patut diteruskan dalam sidang-sidang yang akan datang. So, saya minta perbincangan lebih awal dari kedua-dua pihak supaya benda macam ini kita boleh hakiskan sama sekali. Pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Oleh sebab itu awal-awal saya katakan kita dalam Dewan ini saya bukan tidak setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat menyatakan bahawa kita *rubber stamp*, tidak. Cop pun bukan. Oleh sebab walaupun saya bukan peguam saya meneliti satu demi satu di mana undang-undang ini saya rasa tidak begitu meyakinkan saya. Benda yang tidak meyakinkan kita maka perlu kita tolak. Oleh sebab itu saya kalau boleh selepas kita tarik balik akta ini, bincang. Kalau di Parlimen lain dia ada '*committee*' .

*Law committee* undang-undang perundangan tetapi kita tidak ada. Justeru itu kena panggil kedua-dua pihak untuk mungkin merealisasikan. Kalau betul undang-undang ini diperlukan maka perlu kita halusi di antara pembangkang dengan Barisan Nasional untuk kepentingan rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya dengan tegasnya ingin meminta undang-undang akta ini ditarik balik dan tidak dibincangkan. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

*[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya jemput Menteri Dalam Negeri untuk Peraturan Mesyuarat 62. Sila.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M 62**

- **Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015**
  - **Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di No.1 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di No.3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang. Sekian terima kasih.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN KESELAMATAN (LANGKAH-LANGKAH KHAS) (PINDAAN) 2015**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan rangka perundangan pembanterasannya keganasan Malaysia diperkasakan seperti mana yang telah dibentangkan pada sesi ini, pindaan turut dicadangkan kepada Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 iaitu Akta 747. Pindaan yang dibentangkan pada sesi ini adalah bertujuan untuk meluaskan pemakaian akta ini kepada Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan Luar Negara 2015 dengan memasukkan akta itu dalam Jadual Pertama kepada akta ini.

Selain itu akta ini juga dipinda untuk memastikan permohonan untuk melindungi identiti saksi diputuskan oleh mahkamah dan keputusan mengenainya dimaklumkan pada pihak pendakwa dalam masa tujuh hari daripada siasatan yang dibuat oleh mahkamah. Permohonan ditolak oleh mahkamah, pihak pendakwa raya boleh merayu terhadap keputusan tersebut.

Selain itu pindaan yang dibuat membolehkan kenyataan tertuduh yang dibuat sama ada secara lisan atau bertulis dan juga komunikasi semasa perkahwinan dibuat oleh seseorang suami ataupun isteri boleh dipakai sebagai keterangan di mahkamah berhubung sesuatu kesalahan keselamatan. Pindaan ini juga membolehkan kebolehterimaan komunikasi yang dipintas, maklumat pemantauan, penjejakan atau pengawasan diterima sebagai keterangan semasa perbicaraan bagi sesuatu kesalahan keselamatan.



Maklumat yang diterima melalui komunikasi yang dipintas sama ada dalam bentuk naratif atau kata demi kata sama ada dalam bahasa asal atau sebagai terjemahan dalam bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris juga boleh diterima pakai sebagai keterangan melalui pindaan.

Peruntukan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) (Pindaan) 2015. Elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut;

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai permulaan berkuat kuasa akta ini.

Fasal 4 dan 10 masing-masing bertujuan untuk membenarkan akta ini terpakai bagi Akta Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015.

Fasal 5 bertujuan untuk memperjelaskan kewajipan mahkamah untuk memberitahu pihak pendakwaan mengenai keputusan berhubung dengan permohonan pihak pendakwaan untuk melindungi identiti saksi, dalam masa tujuh hari dari hari siasatan. Selain itu juga yang memperuntukkan bagi rayuan bagi pihak pendakwaan jika mahkamah menolak permohonan itu.

Fasal 6 memperuntukkan bahawa bagi kes kesalahan keselamatan, pernyataan seorang tertuduh yang dibuat pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan. Selain itu juga ia memperuntukkan bahawa seorang suami atau isteri terpaksa menzahirkan apa-apa komunikasi yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan oleh mana-mana orang yang masih atau pernah dikahwini.

#### ■1440

Fasal 7 dan 8 memperuntukkan kebolehterimaan dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperolehi sama ada sebelum atau selepas orang itu telah dipertuduh atas sesuatu kesalahan keselamatan dan kebolehterimaan senarai pengeledahan dokumen dan benda itu.

Fasal 9 bertujuan untuk meluaskan peruntukan mengenai kebolehterimaan komunikasi yang dipintas dan maklumat pemantauan, penjejakan dan pengawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ada sesiapa yang menyokong?

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebelum itu Yang Berhormat Ipoh Barat, saya menjemput Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1). Duduk dahulu Yang Berhormat Ipoh Barat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Oh, saya ingat saya Menteri. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *You* angan-angan cukup besarlah.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *No, I have a dream.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, tetapi jangan *viral* kan yang ini ya. Ini kenyataan. Jangan seperti yang dibuat kepada saya semalam, *diviral* kan dengan orang yang saya tidak duduk dengan dia, dia bubuh gambar.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.41 ptg

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), tanpa menghiraukan Usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan DR 18/2015 Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di nombor 8 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 9 April 2015”.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Jailani bin Johari]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Ipoh Barat untuk berbahas.

2.43 ptg.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya ucap pagi ini, semua rang undang-undang ini adalah yang telah dibentangkan kali pertama pada 30 Mac iaitu kurang dari 10 hari dari sekarang. Saya telah pada sesi pagi memberitahu, satu di antara *first world parliament* di mana kerajaan sendiri telah berjanji pada tahun 2004 di mana adalah unsur-unsur keikhlasan, transparensi dan juga memberi lebih ruang masa kepada Ahli-ahli Parlimen untuk melibatkan dalam peranan pembinaan negara.

Satu di antara cara yang terbaik dan bukan lain ialah apabila rang undang-undang itu diberi, diserahkan kepada kami supaya kami dapat memberi pandangan yang ikhlas supaya kerajaan dapat maklum apa tindakan yang perlu diambil. Keadaan yang sama seperti pagi ini, ini pun rang undang-undang yang sangat mustahak. Satu rang undang-undang yang sangat serius, yang dikatakan sangat zalim, yang teruk.

Sebenarnya saya hendak berterus terang dengan Tuan Yang di-Pertua, saya baru menyentuh klausa-klausa dalam rang undang-undang tersebut. Saya tidak ada masa sebelum ini. *There is no breathing space* dalam hal ini di mana tidak cukup masa untuk kita meneliti satu demi satu rang undang-undang yang ada di hadapan kita. *So, you have* satu situasi di mana *secondhand type of argument or second class type of argument* di Dewan ini.

Walhal, kita dipercayai oleh akar umbi kita memerlukan kita bukan sahaja berfungsi sebagai Ahli Parlimen semata-mata tetapi menyuarakan pandangan mereka, *vested interest*, pandangan *stakeholders* supaya perkara itu dapat ditimbang sedalam-dalamnya. Saya kecewa, walaupun ini telah diketahui oleh kementerian dan kerajaan tetapi tergesa-gesa pada saat-saat yang terakhir pada 30 Mac, baru rang undang-undang ini diserahkan untuk *first reading* kepada kita. Mungkin Yang Berhormat Arau yang mengarahkan mereka tetapi saya harap ini bukanlah satu tindakan yang baik. Jadi, ini ada satu perkara yang kita perlu ambil perhatian bahawa bukan membawa satu tindakan yang baik.

Dalam hal ini, saya nampak walaupun tergesa-gesa – saya tahu sebelum ini saya telah menggunakan perkataan *rubber stamp*. Perkataan itu sama juga dalam keadaan hari ini di sebelah petang. Kalau ia boleh diguna pakai sebelah pagi, semestinya kena juga pada sebelah petang. *Why should there be any discrimination*, kalau satu rang undang-undang atau dua rang undang-undang boleh tarik balik. Ia berkaitan. *The issues are the same*, lebih kurang. Ini lebih teruk.

*Fundamental issue* di mana bila saya masuk mahu belajar undang-undang di UK masa itu, satu di antara *special privileges* dalam Akta Keterangan adalah di mana apa-apa perbincangan di antara suami dan isteri tidak boleh, *cannot be disclosed to the court*. Akan tetapi ini ada *amendment*. Ini sangat serius. *Husband and wife are been involved*. Macam mana? Kenapa? Apa asas dia? Siapakah yang menggubal cadangan ini?

Ini adalah satu cadangan yang luar biasa pada pandangan saya, *going into the fundamental root of family life* di mana kalau mahu ambil tindakan terhadap penjenayah-penjenayah, ambil tindakan dari segi undang-undang yang dibenarkan tetapi bukan satu cara di mana sekarang menggunakan suami isteri supaya keterangan-keterangan dapat diterima, supaya keterangan diberi oleh isteri terhadap suami dia, suami memberi keterangan kepada isteri dia. *This is something unheard of in the common law* yang lepas itu menjadi satu dalam Akta Keterangan.

*Very fundamental*, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya tengok fasal 6 dengan izin, *“Seeks to introduce a new sections 18A and 18B to Act 747. Section 18A provides that in security offence cases, statements of an accused made at any time are admissible in evidence”*. Itu tidak apa. *“Section 18B provides that a spouse shall be compelled to disclose any communication made to him during marriage by any person to whom he is or has been married.”*

Ini sangat *draconian* kalau saya boleh katakan. Satu luar biasa. Apakah sebab kita perlukan ini? Apa dia punya asas, apa dia punya rasional? Kalau kita pergi kepada penyiasatan yang dibuat oleh pihak polis, mungkin tidak menyeluruh. Boleh tanya banyak kes-kes yang kita buat di mahkamah. Banyak-banyak penyiasatan, *is not up to the max*. Ya, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang mahu bincang kesalahan Ahli Parlimen. *[Beredar keluar meninggalkan Dewan]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu tidak boleh bincang di sini. Buat banyak-banyak.

Jadi, itu adalah satu saranan saya di mana memandangkan ia membawa satu *shift*, bukan *shift in the state of the mind* seperti yang saya kata pagi ini *blue ocean strategy* dan *new mindset* dan sebagainya. Ini dia masuk kepada *real husband and wife*. Ini ada satu yang saya rasa ganjil, luar biasa dan bertentangan kepada prinsip-prinsip akta dan sistem yang diikuti oleh kita di *Evidence Act* dan sebagainya.

■1450

Saya percaya, mungkin ada sebab-sebab yang tertentu kerajaan berfikir ini perlu dan apakah pada tahap penyiasatan yang sedia ada sekarang, kita nampaknya tidak cukup atau kita punya penyiasatan itu tidak menyeluruh. Kalau pada pengetahuan saya, *I stand to be corrected*, di negara-negara lain terutamanya di Barat dan sebagainya, tidak ada pada pengetahuan saya, *I stand corrected* yang mana Akta Keterangan yang memberi *the sanctity of marriage*, the komunikasi di antara *husband* dan *wife* tidak boleh *disclose* di mahkamah, tidak boleh dipaksa satu parti di antara *husband* dan *wife* mendisclosekan apa yang telah dibincangkan tetapi telah dibenarkan di sini, *it goes to the sanctity of marriage* yang saya rasa satu perkara bukan luar biasa, banyak luar biasa yang kalau ada faktor-faktor yang kuat, sebab-sebab yang tertentu.

Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menyatakan bahawa ada perundangan rang undang-undang ini yang dicadangkan untuk meminda tetapi asas dan faktor-faktornya tidak diberi keterangan. Saya harap kerajaan dapat fikir balik.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Bangun]*

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini adalah satu di antara yang saya rasa tidak boleh diterima langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai bangun. Ya, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya hendak mohon penjelasan kerana saya bukan daripada bidang undang-undang. Yang Berhormat Ipoh Barat mengatakan bahawa belum pernah berlaku kenyataan-kenyataan ataupun komunikasi suami isteri dijadikan sebagai suatu paksaan untuk di *disclose* dalam suatu penyiasatan atau di mahkamah. Apakah ini memang tidak pernah berlaku ataupun ada tempat-tempat yang berlaku yang dibolehkan?

Keduanya, adakah seseorang boleh untuk tidak menjadi saksi atau tidak boleh dipaksa menjadi saksi dalam mana-mana perbicaraan? *Can a person decline to be a witness in any trial* ataupun apabila diminta mesti menjadi seorang saksi? Saya hendak minta penjelasan itu sahaja.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sebenarnya pada pengetahuan saya, *I stand corrected*, tidak ada undang-undang macam ini di negara-negara yang lain yang *maybe in the British Commonwealth* pada pengetahuan saya.

Saya rasa pada pengetahuan saya juga, di mahkamah-mahkamah, semua saksi di kes penyiasatan perlu memberi keterangan. Itu tidak ada pilihan. *You cannot* pilih untuk tidak memberi keterangan jika dapat sapina daripada pihak polis. Akan tetapi soal di sini ialah di antara suami dan isteri, yang mana suami tidak boleh dipaksa atau isteri tidak boleh dipaksa untuk memberi keterangan terhadap *partner* dia atau *husband* atau *wife* dia.

Itu adalah yang terkandung dalam *Evidence Act*. Jadi, ini sedikit luar biasa tetapi *this is the rule, because of the sanctity of marriage, sanctity of husband and wife* kerana *we cannot dissociate. You* tidak boleh macam- ini manusia, *you cannot just compartmentalize them*. Isteri is Mrs 'A' dan lagi satu, *husband is Mr. 'B' and* dia boleh dipaksa antara satu sama lain. *They cannot be looked* tetapi lebih dari itu yang mana isu penglibatan dan mereka di antara suami dan isteri, mereka ada anak *and family life destroyed* dan ini adalah satu antara perkara. Kalau tengok *in 1956*, dan sebagainya sebelum ini, bila Akta Keterangan digubal. Ini ialah faktor-faktor yang telah diambil kira, *the sudden shift. That is something very wrong, very gravely wrong*.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Ipoh Barat. Bolehkah? Di belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya hendak hujah, saya hendak juga bertanya, dalam seksyen 18B, "*A person who is marriage shall be compelled...*". "*Compelled*"- ini juga satu perkataan, dalam perkataan Bahasa Malaysia pun dipakai perkataan, "terpaksa menzahirkan". Jadi apakah erti itu? Apakah yang akan dibuat untuk *compell* mereka? Adakah- katakan seorang isteri tidak hendak sebut apa-apa, *just keep quiet*, adakah dia akan dihukum oleh sebab dia tidak bagi *information* atas *husband* dia?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke *real more speculation*. Akan tetapi saya percaya bahawa bila rang undang-undang ini digubal, nampaknya ada unsur-unsur yang mana dalam penyiasatan polis dan sebagainya, kerajaan berfikir bahawa kemungkinan satu di antara orang di rumah iaitu isteri kemungkinan tahu mengenai latar belakang perkara ini dan dia tidak boleh menjadi seorang saksi. Maka sekarang dengan *amendment* ini, membenarkan. *That is why I said, is a paradigm shift* yang sangat teruk, dan ini betul Yang Berhormat Sungai Siput, bahawa ia akan memaksa mana-mana orang untuk memberi keterangan. Jika tidak, mereka boleh disabit atau dimasukkan dalam penjara.

Saya juga nampak satu perkara yang *also* luar biasa. Saya rasa *this is elementary* yang kita tidak boleh terima langsung. *It does not make sense, no logic at all*. Ini *clause 7* dan *8*. Saya pun tidak tahu mungkin atas arahan kementerian atau pegawai-pegawai penyiasat. *Does not make sense at all*. Lebih baik- okey, saya baca dahulu, selepas itu saya akan- *Act 747, "Respectively to provide for the admissibility of documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for"* atau

*"security offence and the admissibility of the search list of such documents and things". This goes to the very rude of accuse right.*

Mana *protection* dari *the state*? No *protection at all*. Semua hentam sama orang lain juga *because the state is so strong, the state is so empowered. They can do what they like. Does not make sense*. Saya sebelum ini saya ada kata, kita ada *Special Branch, a Special Branch is very special in nature*, dia semua tahu. Dia *will know* apa yang kita akan buat dua hari atau tiga hari selepas ini. Saya belum fikir lagi apa hendak buat, dia boleh tahu. *I am sure* pihak polis mesti ada semua keterangan ini. Kenapakah kita perlu ini? Saya bantah sepenuh-penuhnya. Nombor satu.

Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, saya percaya *this goes to* lagi satu prinsip yang mana *illegally obtain evidence*. Inilah walaupun mahkamah kebelakangan ini ada kata bahawa, *they are not concern with the admissibility as long as it is relevant to court case*. Itu tafsiran yang- tetapi itu dibenarkan di beberapa kes. Akan tetapi yang lebih mustahak adalah ini dengan *by law. By common law is different, by law, the sanctity of law is given power to the addressees, to the state players* untuk mereka membawa *illegal, wrong evidence* atau *evidences* atau barang kes-barang kes yang dipaksa ambil, telah diambil daripada orang yang kena tuduh, dia boleh diserahkan di mahkamah, mahkamah perlu mengambil kira, tidak kisah.

So lagi satu persoalan, persoalan *discretion*, yang mana *the intrusion of the executive* dalam bidang kuasa seseorang hakim. Sekarang hakim menjadi seorang *puppet*. Dia tidak ada ruangan. Bila undang-undang ini ditunjuk, ya okey, okey, dibenarkan. Salah tidak ada salah, curi tidak ada curi, tidak kisah, asalkan ini pihak polis, dia ambil tindakan terhadap seseorang dan di bawah akta ini maka semua keterangan, tidak kisah macam mana ia diperolehi. Dengan paksa atau dengan secara *illegal*, ugut atau macam-macam caralah pun patut dibenarkan. Hakim, apa jadi pada hakim? Hakim menjadi seorang *puppet*. No, tidak ada *discretion* langsung. Tidak masuk akal. *Then no need* hakimlah. Lebih baik pihak polis, satu orang buat keputusan. Dia salah, masuk dalam *jail*lah, lagi baik. *No need what?* Lagi senang.

Lagi satu saya nampak, juga dalam hal ini, *"...before or after a person has been charged for a security offence and the admissibility of the search list..."* Search list pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru baca. *"...search list of such documents and things..."* Bermakna dalam Bahasa Malaysia, apa itu? Apa- bongkar?... *What is this? List bongkar...* [Disampuk] Dia tidak perlu bagi. Fasal apa tidak perlu bagi, kenapa? Pegawai polis is *above the law*.

#### ■1500

Dengan meluluskan ini menunjukkan bahawa kita menyerahkan satu keadilan, satu hak seorang yang kena tuduh, haknya kepada polis untuk tidak mengikut *the negative is given, not the positive*. Sepatutnya undang-undang ini patut mengatakan jika mengambil barang-barang secara salah, itu tidak boleh digunakan. Itu satu. Nombor dua, kalau barang kes, *list* tidak diberi, itu satu kesalahan di mana kes boleh dibuang. *That is a safeguard* kepada pihak-pihak yang kena tuduh. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa isu...

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Ipoh Barat, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Klang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Ipoh Barat, tadi saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat mengenai satu konsep baru yang dikemukakan iaitu *puppet* hakim ataupun hakim yang *puppet*, patung. Adakah ini bermaksud bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak sama hormati institusi kehakiman pada masa kini. Itu satu dan juga tidak menghormati apa yang dipanggil *separation of powers* antara kehakiman, eksekutif dan juga legislatif. Adakah ini bermaksud bahawa *we are deteriorating in the quality of democracy* di Malaysia? Minta pandangan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Klang, pagi ini saya telah merujuk kepada satu kes, Loke Koi Chun dan Government of Malaysia. Di mana *the basic concept, rule of law, federalism and separation of powers*. Saya telah mengatakan bahawa

di antaranya, saya ingin beritahu juga Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita mahu atasi? *These matters* bukan baru, *very long ago*, dengan izin, *since there is an inherent equality of powers that exists within the state and the individual. It is only fair that the privilege will be made available to the individual. So, as to tilt the scale slightly in favour of the individual in order to have a fair, balanced scale of justice.* Tambi, ini macam mana?

*This* tidak masuk akal langsung. Saya minta maaf, *I have to use- because*, tidak bolehlah. *Actually*, dalam seluruh dunia, satu-satu kerajaan memberi lebih ruang kepada seorang yang kena tuduh atau *individual* atau sebagainya. Di sini nampaknya *we are becoming into a police state*, mungkin kerana kehendak beberapa orang atasan. Ini macam mana? Adakah menteri baca perkara-perkara ini? *Have they really noted and understand?*

Ini Tuan Yang di-Pertua, kita boleh kata orang jahat saya kenallah. Ini orang jahat *anytime can change from jahat to be good pula in a second.* Ini yang kita khuatir dan kenapa ini perlu? Ini akta yang sedia ada sudah ketat, sudah pada pandangan peguam-peguam ada keterlaluan, kenapakah kita perlu lagi menyekat hak kebebasan seorang individu? Itu akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menegaskan bahawa kehakisan *human rights*, hak asasi seseorang itu. Itu adalah satu yang patut- *the state should be the bigger player in the bigger picture.* Dia patut memainkan peranan yang lebih supaya menegakkan peranan kerajaan, peranan kementerian terhadap seseorang individu atau seorang- *a bunch of people.*

Akan tetapi nampaknya *the shift* dari *openers is becoming close and bulldozing* macam akta rang undang-undang ini baru diberi pada 30 Mac dan semua kita bukan robot. Kita macam bukan penggubal undang-undang, *maybe with respect, the highest respect*, tidak ada kerja lain, *with so many things*, tidak boleh buat kerja. Jadi, paksa supaya rang undang-undang diluluskan. *Come what may, it doesn't matter.* Tidak kisah. *We are not rubber stamp.* Kita hendak beritahu, *we want to be very clear.* Ini mungkin tidak jadi kepada orang-orang yang menggubal atau orang-orang yang menyuruh penggubalan undang-undang ini. Kalau kena kepada mereka, baru mereka tahu. Itu nombor satu.

Nombor dua, prinsip undang-undang. *Violent, disregard of basic principles of law.* Macam mana kita boleh *say this is a transparent country, open, moderate, fair.* Semua ini cakap satu, bikin lain dan ini saya rasa perlu difikirkan sedalam-dalamnya walaupun saya percaya daripada pihak sini dan ramai di antara peguam-peguam akan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat gulung.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Saya kalau boleh saya gulung mereka tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, hendak gulung siapa?

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Semua orang yang menyuruh menggubal undang-undang ini. Saya rasa ini menyeksakan saya punya *thinking*, seksa. *It caused a lot of internal pain*, mendera saya. Ini peguam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini perkara yang saya harap- bukan saya harap, saya rasa penggubal undang-undang tidak akan tidur. Balik, selepas esok hari, bila dilulus dan diubah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Padang Serai. 20 minit ya.

**3.06 ptg.**

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang kita sedang bincang sekarang ini suatu rang undang-undang yang amat serius dan membawa walaupun pendek hanya beberapa fasal sahaja, 10 fasal. Akan tetapi impaknya adalah amat besar. *It's very deceptively put in* rang undang-undang, dengan izin.

Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kecewa bahawa sekali lagi walaupun banyak kritikan dibuat terhadap SOSMA selepas ia diluluskan sebelum ini tetapi kritikan-kritikan ini tidak diambil kira. Suatu rang undang-undang pindaan dibawa, di mana kritikan-kritikan itu dilupakan. Termasuk kritikan bahawa tidak ada *bail* atau jaminan bagi seseorang yang dituduh di bawah Rang Undang-undang SOSMA, cara dengan mana keterangan diambil di mahkamah. Semua ini menimbulkan isu-isu yang penting mengenai hak orang yang tertuduh dan juga hak asasi rakyat tidak diambil kira.

Akan tetapi melalui rang undang-undang ini, ada lagi seksyen-seksyen yang menjadikan undang-undang ini lagi menindas dan lagi teruk lagi. *In increase, a worsening situation*. Dalam menyebut perkara ini saya rasa kita melihat satu trend pada masa ini, di mana seolah-olah semua rang undang-undang mengenai pentadbiran keadilan, kesemuanya begitu keras, begitu menindas, menambah kuasa polis, menambah hukuman. Seolah-olah satu *trend has over taken* Kementerian Dalam Negeri dan kerajaan dalam isu sistem keadilan jenayah kita.

Ini sesuatu yang tidak memberi satu imej yang baik bagi negara. Di luar negara juga kita lihat Undang-undang POTA yang diluluskan beberapa hari lagi menjadi *number three top global news* untuk *for all the wrong reasons* Malaysia ada dalam berita dunia. Apabila Rang Undang-undang Hasutan dikeluarkan semalam, ia juga menjadi *global news* tetapi dalam cara yang tidak memberi imej yang baik kepada negara. Ini kerana memberi imej seolah-olah bahawa tidak ada kebebasan di negara ini dan semua ini akan menakutkan *investor*. *It is going to effect*, dengan izin, *the investors confidence* kalau kita terus seperti ini, dalam trend seperti ini.

Saya kembali kepada rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok, saya mula dengan Fasal 6. Fasal 6 tadi telah disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat mengenai *communications during marriage*. Tuan Yang di-Pertua, memang ini satu perubahan yang amat besar yang kita tidak pernah tengok dalam trend undang-undang kita sebelum ini. *Communication during marriage*. Bagaimanakah perkara ini boleh dibenarkan, terutamanya (2) *such person shall be permitted disclosed any conviction, notwithstanding that the person who made it does not consent*. Apakah impaknya kepada institusi perkahwinan Tuan Yang di-Pertua? Walaupun saya masih bujang, saya boleh memahami perkara ini.

Menteri yang membawa pindaan ini saya rasa sudah berkahwin. *How is it that he does not understand the institution of marriage* dan ini adalah sesuatu isu polisi yang sebenarnya difikirkan betul-betul oleh pihak kerajaan sebelum pindaan seperti ini dibuat.

#### ■1510

Saya tidak akan sebut lagi, telah dinyatakan secara jelas oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tapi kita perlu ingati sejak kurun ke-18 lagi di dalam *Commonwealth*, sejak zaman *Black Stone* lagi adalah jelas bahawa *spousal communication* ini adalah *privilege* dan tidak boleh diganggu tetapi yang lebih serius juga di bawah fasal 6 18A pindaan baru, *any statement by an accuse whether orally or in writing to any person at any time shall be admissible evidence*. Tuan Yang di-Pertua, saya terkejut apabila saya melihat pindaan ini yang sama seperti Yang Berhormat Ipoh Barat, saya pun baru nampak, baru mempunyai peluang untuk meneliti rang undang-undang ini kerana terlalu banyak rang undang-undang yang dibawa sekali gus oleh pihak kerajaan.

Apa makna 18A ini? Bermakna Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada CPC sebelum ini yang mana *confession* ataupun pengakuan oleh seseorang tertuduh itu telah pun dipinda keluar daripada undang-undang. Pengakuan tidak lagi dibenarkan *adduce* di bawah Kanun Acara Jenayah untuk sebab yang baik kerana selagi pengakuan dibenarkan, bermakna ada peluang untuk seksa, dera dan sebagainya, sebab itu tidak ada pengakuan tetapi dalam SOSMA melalui 18A, pengakuan sekali lagi telah dibawa. *A statement by an accused*, ini yang penting. Kenyataan oleh seorang yang tertuduh walaupun *orally in writing to any person shall be admissible*.

Perkataan, "*any person*", apa makna perkataan, "*any person*"? Maknanya juga melibatkan anggota polis. Sebarang kenyataan oleh tertuduh kepada anggota polis akan diterima *at any time*. *At any time*, maknanya Tuan Yang di-Pertua, sebelum tangkapan dan juga selepas tangkapan. Ini bermakna...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun].**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh saya dapat pencelahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya nak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat, sama ada kalau seseorang itu membuat kenyataan kepada seorang bukan pegawai polis sama ada secara tidak serius dan orang itu pergi lapor kepada polis, bolehkah pengakuan itu dianggap sebagai satu pengakuan kesalahan? Katakanlah seorang itu beritahu kawan itu sesuatu kenyataan dan kawan dia pergi lapor kepada polis atau maklum kepada polis, adakah ini dalam pindaan ini membenarkan kenyataan seperti ini dijadikan satu bukti? Terima kasih.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Indera Mahkota belakang minta sikit.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila-sila.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tadi daripada Yang Berhormat Ipoh Barat yang menyatakan bahawasanya biasanya apa yang saya faham dengan izin, *a man is innocent until proven guilty* tapi kaedahnya sekarang ini kita tengok bahawasanya *a man is guilty unless proven innocent*. Saya kira kalau ini sedemikian rupa, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat tadi ertinya kita menuju ke arah *police state*. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Padang Serai, ada tak dalam dunia ini negara yang mengamalkan penindasan, penekanan kepada rakyatnya yang boleh *survive* sama ada di Timur ataupun di Barat. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, terima kasih. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota, saya rasa itu masalahnya. Falsafah ataupun prinsip bahawa *a person is innocent until proven guilty* telah dilupakan apabila kita lihat ada pindaan seperti fasal 6 seksyen baru 18A seperti ini, yang disebut oleh Yang Berhormat Batu, ya. Sebab itu seksyen ini sesuatu yang *departure* daripada undang-undang jenayah kita yang sebelum ini. Ini kerana ia menyatakan *to any person*, bermakna bukan sahaja anggota polis, kepada sesiapa pun jika ada *communication* oleh pihak tertuduh walaupun secara verbal, *orally* ataupun secara lisan ataupun tertulis, ia boleh diterima sebagai keterangan di dalam mahkamah. So saya sendiri tidak tahu kalau ada apa-apa *precedent* ataupun undang-undang lain di sini atau di negara lain seperti UK dan sebagainya yang ada seksyen seperti ini, memang tidak ada di *jurisdiction commonwealth* yang lain setahu saya.

So ini membuatkan undang-undang SOSMA ini undang-undang yang paling menindas daripada segi prosedur jenayah dan juga daripada segi perjalanan sesuatu perbicaraan jenayah terutamanya apabila kita melihat kepada hak-hak seseorang yang tertuduh. Bermakna apabila seksyen menyatakan *at any time shall be admissible* bermakna selepas ditangkap juga. Ini bermakna walaupun tertuduh itu diseksa, didera atau apa-apa pun oleh seorang anggota polis atau beberapa orang anggota polis, kenyataan itu boleh diterima dan yang lebih teruk Tuan Yang di-Pertua adalah di bawah CPC dulu, seksyen 113, Tuan Yang di-Pertua tahu 113.

Sekurang-kurangnya walaupun pengakuan boleh diterima di bawah undang-undang, tetapi ada *safeguard* iaitu *voluntariness*. Maknanya 113 yang lama dulu menyatakan bahawa kenyataan yang dibuat oleh tertuduh itu mestilah dibuktikan oleh pihak pendakwa sebagai tidak dibuat secara suka hati, secara *voluntarily* dan tidak disebabkan oleh paksaan atau apa-apa cara lain oleh anggota polis atau sesiapa yang lain.

Di bawah 18A, *that safeguard is also missing*, dengan izin, tidak ada *safeguard* pun. Lebih teruk daripada CPC yang lama dan lebih teruk daripada mana-mana undang-undang yang lain. Tuan Yang di-Pertua, 18A *open season* untuk menyebabkan *custodial abuse* ataupun penderaan dalam *custody police*. Ini lesen, 18A- lesen untuk membolehkan penderaan tertuduh semasa berada di dalam *custody police*. Tuan Yang di-



Pertua, kita tahu mana-mana pasukan polis pun ada yang baik tetapi selalu ada *rude police officers*.

Disebabkan itulah kita ada kes-kes seperti kes A. Kugan, N. Tarmendran dan banyak kes di mana tertuduh dipukul dan diseksa sehingga mati. Kita mahu tindakan diambil ke atas kes-kes tersebut dan kita juga perlu pastikan undang-undang tidak memberi peluang kepada anggota polis melakukan perkara-perkara seperti berikut iaitu *the rude police officers* yang ada di mana-mana anggota badan polis yang mungkin mengambil peluang untuk menyalahgunakan kuasa tetapi dengan 18A, dengan izin, *all the law of evidences and procedure that we know is thrown out of the window*. Begitu *radical and revolutionary departure from the existing system*, 18A, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak mencukupi masa untuk berhujah mengenai banyak lagi aspek 18A yang mempunyai kesan yang begitu besar. Kalau kita lihat sebelum itu fasal 5 (2)(a), *the court shall notify the prosecution of this decision to protect the identity of the witness within seven days of the inquiry*. Selagi lagi Tuan Yang di-Pertua, kuasa mahkamah dihakis di mana ini kali pertama saya tengok mahkamah pun dikenakan *time limit* untuk melakukan sesuatu. Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita serahkan kepada mahkamah. Mahkamah boleh mengambil tindakan, boleh memberitahu keputusan dan mahkamah tahu bila dan bagaimana nak lakukan perkara ini tetapi kalau kita lihat di bawah 2A, *the court should notify. Even the court is being given directions*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan 2B, *within seven days of the decisions, the prosecution may appeal against a refusal by the court to protect the identity of the witness*.

Sekali lagi satu lagi prosedur rayuan yang khas didirikan di bawah 2B yang di luar prosedur biasa dengan mana pihak tertuduh ataupun pendakwa raya membuat rayuan. *There's a new appeal process now under 2B*. So kalau dia nak buat rayuan di bawah 2B boleh walaupun walau apapun yang dinyatakan oleh undang-undang biasa dan kes-kes yang telah diputuskan mengenai rayuan, di bawah 2B, mereka mempunyai *special provision* untuk membuat rayuan. Kita lihat juga dalam fasal 7, fasal 8 dan semuanya yang menyatakan bahawa *any documents how so ever obtain*, fasal 7, seksyen 20, yang baru.

#### ■1520

*"All documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence and the contents of the documents or things shall be admissible as evidence."* Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna ini membuka *Pandora box*, memberi lesen kepada anggota polis dan pihak yang menyiasat untuk menggunakan apa-apa cara walaupun menentang undang-undang, cara yang tidak betul, dera, seksa apa-apa untuk mengambil atau *seize* apa-apa dokumen dan barangan-barangan yang pada tanggapan mereka diperlukan untuk apa-apa siasatan jenayah.

Jadi kita lihat seksyen-seksyen ini seksyen 8, saya tidak akan ulang sama juga. Undang-undang satu *list* dokumen pun sudah mencukupi untuk menunjukkan bahawa dokumen-dokumen tersebut wujud. Maknanya kalau kita lihat fasal 8, seksyen 22 yang baru ini, kesemua undang-undang mengenai keterangan dan *safeguards* dibuang, *throw out of the window*. Dengan menggunakan satu *list* dokumen sahaja, kewujudan sesuatu dokumen itu dibuktikan menurut seksyen 22. Saya pun tidak faham Tuan Yang di-Pertua bagaimana dan siapa yang menggubal seksyen-seksyen ini yang seolah-olah *they just make it up as they go along*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Melihat kepada ini, yang paling membimbangkan adalah bahawa peruntukan-peruntukan ini nampaknya satu *departure* yang begitu radikal daripada Undang-undang Keadilan Jenayah yang kita ketahui sebelum ini. Ini termasuk sistem undang-undang bertulis iaitu Kanun Acara Jenayah, Akta Keterangan dan sebagainya dan juga undang-undang *common law*, secara *case law* dan sebagainya yang sebelum ini kita ketahui. Tiba-tiba kita lihat melalui undang-undang seperti SOSMA dan sebagainya, kesemua yang kita ketahui sebelum ini, undang-undang yang kita hormati sebelum ini untuk pastikan bahawa hak tertuduh tidak dicabuli, semuanya telah dilupakan.

Seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, penulis atau penggubal undang-undang ini, *are starting with the fresh sheet of paper*. Seolah-olah penggubal itu langsung tidak tahu apa-apa mengenai Kanun Acara Jenayah, Akta Keterangan atau Undang-undang Jenayah di Malaysia ini dan mengambil satu kertas secara di mana dia- *as he likes*, cuba menulis atau menggubal undang-undang seperti SOSMA dan peruntukan-peruntukan baru seperti yang dikandung di dalam SOSMA ini. So, itu yang membawa kepada kebimbangan.

Dalam peringkat dasar ini Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak menyatakan bahawa dengan pastinya rang undang-undang ini tidak boleh diterima oleh mana-mana Ahli Parlimen walaupun di sebelah sini atau di sebelah sana. Masalah-masalah jelas daripada isu-isu yang saya telah sentuh tadi, jelas. Seperti saya katakan, kita hendak SOSMA dipinda juga tetapi dipinda supaya hak sesiapa pun tidak dicabuli bukan dipinda seperti menjadikannya lebih teruk.

Jadi saya menggulung Tuan Yang di-Pertua dengan menyatakan dan meminta kepada Yang Berhormat Menteri supaya menarik balik rang undang-undang ini dan menelitinya dengan betul. Mungkin merujuknya kepada sebuah jawatankuasa terpilih dan juga mengambil kira aduan-aduan sebelum ini mengenai Akta SOSMA 2012 dan membawa satu pindaan yang lebih mengambil kira hak tertuduh dan sistem keadilan negara kita yang menurut prinsip-prinsip keadilan dan juga prinsip-prinsip *common law* yang begitu lama kita telah menerima dan menerima pakai di negara ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong.

**3.25 ptg.**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan juga saya mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini juga dikenali sebagai SOSMA undang-undang yang telah pun disebut sebagai *draconian*. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa terdapat kerisauan, bahawa kuasa-kuasa yang diberikan menurut ataupun di bawah undang-undang ini terlalu ketat dan boleh memudaratkan apa yang dikatakan *fairness to the accused*. Apabila kita pada mulanya menimbangkan akta asal, terdapat beberapa perkara yang dimasukkan dalam bil ini kononnya untuk memastikan bahawa terdapat *fairness*.

Jadi apabila saya dengar hujah daripada Yang Berhormat Menteri dahulu, dikatakan misal kata kalau kita lihat kepada seksyen 6 Tuan Yang di-Pertua, perkataan yang digunakan di situ adalah *police officer*. Seksyen 6 Tuan Yang di-Pertua, berkisar kepada isu *interception* maklumat iaitu ia memberi kuasa kepada pihak polis untuk *intercept* dengan izin, maklumat yang diperlukan untuk siasatan. Apabila ia digunakan pada masa itu ialah takrifan "*police officer*". Ini kerana di situ dinyatakan terdapat gerenti bahawa *police officer* tersebut itu seorang pegawai undang-undang, pertama. Kedua, beliau itu terikat dengan peruntukan-peruntukan undang-undang sedia ada. Misalnya CPC ataupun undang-undang lain yang ada. Seseorang pegawai polis itu difikir akan bertindak menurut undang-undang dan beliau juga dikatakan terikat dengan undang-undang.

Akan tetapi selepas undang-undang ini diluluskan, sekarang kita lihat rang undang-undang baru dan apa yang rang undang-undang baru ini hendak buat Tuan Yang di-Pertua, ia ingin melonggarkan lagi peruntukan tersebut yang kita sebut dulu pun sudah menjadi satu peruntukan yang boleh membawa kepada ketidakadilan.

Jadi di mana dulu diperlukan seorang *police officer* atau pegawai polis dibenarkan untuk mengambil atau *intercept* maklumat, sekarang diberikan kepada *police officer or any other person*. Apakah yang dimaksudkan dengan *any other person* ini Tuan Yang di-Pertua? Kenapakah ada perkataan, "*any other person*", di sini? Apakah gerenti yang diberikan oleh kerajaan bahawa orang ini tidak akan menyalahgunakan kuasa?

Tuan Yang di-Pertua kita kena faham, apabila kita sebut berkenaan dengan undang-undang ini memang kita ada kerisauan bahawa seseorang tersebut itu tidak boleh membawa masalah dia ke muka pengadilan. Maknanya *the access to the judicial review* Tuan Yang di-Pertua adalah terhad. Ini adalah apa yang disebut sebagai *draconian* dalam undang-undang ini.

Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, kenapa apabila satu undang-undang sebegini sudah ketat tetapi dulunya dinyatakan ada *guarantee of some fairness*, kenapakah sekarang ia juga dilonggarkan? Apakah yang dimaksudkan dengan *any other person*? Siapakah *any other person* ini? Apakah undang-undang ini akan mengawal *any other person* ini? Adakah beliau seorang yang kita boleh dipercayai? Adakah dia seorang yang

mana kita tahu latar belakang dia, yang mana beliau boleh disiasat ataupun dilihat sebagai seorang yang memberikan maklumat yang betul dan tepat? Adakah beliau bertanggungjawab kepada sesiapa? Jadi apakah niat kerajaan untuk memasukkan seksyen ini? Saya mahu satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan perkara ini.

Berbalik kemudian kita kepada- yang kemudian iaitu seksyen 18. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kepada seksyen 6 rang undang-undang ini. Kalau kita lihat kepada apa yang disebut di situ, ia melibatkan saya baca dengan izin, *The principal Act is amended by inserting after section 18 the following sections; a statement by the accused 18A* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“Any statement by an accused whether orally or in writing to any person at any time shall be admissible in evidence.”*

Saya hendak merujuk kepada bil yang asal kalau dibenarkan Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah penting. Ini kalau kita lihat kepada bil yang asal- ini komputer slow sedikit minta maaf- apa yang kita ada seksyen 27 pada undang-undang asal. Dalam seksyen 27 undang-undang asal kuasa diberikan Tuan Yang di-Pertua kepada seorang hakim mahkamah seksyen yang dia membaca sedemikian, *“Power to record statement and confession.”* Ini *Sessions Court Judge, may record any statement or confession made to him at any time before the commencement of trial.”*

#### ■1530

*“Such statement or confession shall be recorded in full, in writing by the Sessions Court Judge to whom it is made and then shall be forwarded to the court before which the case is to be tried”.* Kemudian ada dinyatakan, ini penting *“No Sessions Court Judges shall record any such statement or confession unless upon questioning the person making it, he is satisfied that it was made without a threat, inducement or promise at that particular time”.* Jadi ada, ada dinyatakan di situ, apa yang kita dalam undang-undang sebut sebagai *safeguards*. Ada. Seorang hakim diminta untuk ambil kenyataan daripada seseorang tertuduh ataupun suspek, beliau ada kuasa untuk ambil *statement* tapi kuasa itu terhad kerana beliau mempunyai tugas untuk pastikan bahawa apa yang dinyatakan di situ adalah, *“Without threat, inducement, or promise at that particular time.*

Kemudiannya subseksyen 4, ada peruntukan khusus kepada Hakim Mahkamah Sesyen yang berbunyi sebegini. *“When the Sessions Court Judge records any confessions, he shall make a memorandum at the foot of such record to the following effect. “I am satisfied that this confession was made without threat, inducement or promise, it was taken in my presence and hearing and was read over to the person making it and admitted by him to be corrected and it contains a full and true account of what he said”.*

Lepas itu ia ditandatangani dan apa yang perlu di situ adalah bahawa ia dibuat secara bersumpah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, apabila kita ada peruntukan dalam seksyen 27. Seksyen 27 wujud kerana kita nak melindungi seseorang suspek daripada satu keadaan di mana beliau dikatakan menyatakan sesuatu tetapi sebenarnya tidak menyatakan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dalam kes-kes sebegini, seseorang yang masuk ke dalam lokap, ada banyak cara bagaimana beliau boleh, dengan izin, *in law is called, be broken down*. Beliau boleh dipecahkan semangat beliau supaya beliau menyatakan apa-apa juga. Ada kalanya kita lihat banyak kes, dahulunya saya rasa Yang Berhormat Menteri juga tahu dan fasih. Kita ada peruntukan di bawah seksyen 24, Akta Keterangan yang hampir sama di mana peruntukan dibuat untuk *confession* diambil oleh seorang majistret.

Banyak kes yang kita lihat di mana seseorang itu mengatakan bahawa beliau semasa ditahan, didera dan sebagainya, tidak boleh tahan lagi deraan, paksaan daripada pihak polis, ugutan, kerap kali kita dengar. Misal kata dalam kes-kes di mana lebih daripada seorang tahanan itu ditangkap, ditahan. Pihak polis dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya, *I stand corrected here*, Yang Berhormat Menteri *can correct me*. Ada banyak kes di mana kita lihat suami isteri ataupun ahli-ahli keluarga ditahan. Apa berlaku di situ? Di situ apa yang berlaku pihak polis ataupun pegawai yang berkenaan minta supaya pengakuan diberikan di atas janji bahawa sekiranya ada pengakuan ahli keluarga beliau itu dapat dibebaskan. Itu satu.

Selain daripada itu, ugutan, deraan dan sebagainya. Kalau kita ada seksyen 27 dalam peruntukan ini, ini adalah satu *safeguard* di mana seorang hakim ditugaskan untuk

mengambil *statement*. Tujuan hakim itu ada di situ adalah supaya sekiranya seorang suspek itu ada sebarang aduan, beliau akan membawa aduan itu kepada hakim. Apa-apa kenyataan yang dibuat hasil daripada ugutan, janji dan paksaan tersebut tidak boleh diterima dalam mahkamah. Itu satu.

Kedua, beliau ada usaha ataupun ada haluan, ada jalan dalam mana beliau boleh menghadapi seorang Hakim dan membuat aduan tersebut. Akan tetapi kalau kita bawa sekarang seksyen 18A. Seksyen 18A itu *general* yang menyatakan, "*Any statement by an accused, whether orally or in writing to any person at any time shall be at admissible in evidence*". So, bukannya ini bercanggah dengan seksyen 27? Bukankah ini bercanggah dengan perlindungan yang diberikan oleh seksyen 27? Bukankah ini bercanggah dengan apa yang dikatakan oleh pihak kerajaan masa dulu? Apabila membawa rang undang-undang yang asal, dikatakan bahawa seksyen 27 ada di situ. *Don't worry* Yang Berhormat, Yang Berhormat, kita ada seksyen 27. Kalau kita nak ambil *statement* daripada seseorang itu, kita bawa kepada hakim. *There is a guarantee*, tak ada masalah. Beliau ada haluan untuk membuat aduan, itu satu.

Kedua, kita boleh lihat kepada *statement* itu sebagai *statement* yang betul kerana pihak yang merakam *statement* itu seorang hakim. Itu menjadi *guarantee* dalam dewan ini. *Bill* tersebut, rang undang-undang itu diluluskan atas dasar ini. Akan tetapi sekarang kita ada seksyen 18A yang menyatakan apa sahaja yang dikatakan kepada sesiapa. Bermakna pihak polis boleh datang ke mahkamah dengan mengatakan apa jua sahaja dan ia menjadi satu perkara yang *admissible*, yang boleh digunakan. So, *where is the protection?* Bagaimana kita sebagai Dewan Rakyat boleh meluluskan satu pindaan sebegini...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sebentar Yang Berhormat Setiu. Menyatakan bahawa kita di sini, kita rasa selamat bahawa undang-undang ini tidak akan disalah gunakan. Di mana kita tahu bahawa *the only way* seseorang itu boleh membuat aduan itu sekarang dikeluarkan daripada peruntukan undang-undang. Ya, sahabat saya dari Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya ingin bertanya sedikit sahaja ini kepada orang yang arif, ya. Kalau Yang Berhormat Sepang saya tak tanya sudah. Tidakkah kita lihat bahawa 18A ini merupakan suatu pengecualian seperti mana yang kita tahu dalam seksyen 24 ada pengecualian, walaupun tak disebut tetapi dalam kes-kes undang-undang yang telah diputuskan, seperti mana kes Ahmad bin Ali, kalau tak silap saya, tahun 1937.

Pernah diputuskan, maknanya ada *exception* pada seksyen 24 itu sendiri yang mengatakan bahawa kalau apa-apa *statement* kepada orang yang bukan *person in authority*. Bermaknanya boleh diterima masuk. Katalah dia beritahu kawan dia, dia kata "*Semalam aku bunuh orang ini*". Maknanya boleh diterima masuk. Mungkin ini yang sebenarnya apa yang nak cuba dinyatakan bawah 18A. Pengecualian kepada undang-undang yang asal. Minta penjelasan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Setiu, seorang bekas hakim yang saya hormati pandangannya. Yang Berhormat Setiu, itu benar. Kita ada seksyen 24, Akta Keterangan di mana takrifan di situ seperti mana Yang Berhormat Setiu sebutkan tadi. Ia melibatkan senario yang berbeza, khususnya senario sebelum seseorang itu ditangkap. Makna apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, adalah apabila berlakunya sesuatu kesalahan ataupun satu kemusykilan, dalam masa itu kalau dibuat kenyataan kepada pihak-pihak tertentu maka apa yang disebut pada masa itu boleh diterima masuk melainkan orang tersebut itu adalah *person in authority*, kalau saya tak silap, Yang Berhormat Setiu. Itu perkataan yang digunakan.

Oleh sebab masa itu apa yang difikirkan adalah bahawa kalau *person in authority*, bila orang itu dibawa balik dalam tahanan dan sebagainya *and I stand corrected*, Yang Berhormat Setiu, saya rasa ini falsafah di sebalik peruntukan tersebut. Jadi, apa yang berlaku Akta Keterangan ini digubal awal. *It was there earlier, it was Evidence Ordinance at first*.

So, di situ ada dinyatakan ataupun dilihat kepada keadaan di mana seseorang itu masih bebas membuat kenyataan, ia berbeza apabila beliau sudah ditangkap. Bila sudah ditangkap, maknanya beliau di bawah tahanan pihak polis. Di sinilah masuknya isu

berkenaan dengan deraan, isu berkenaan dengan paksaan, isu berkenaan dengan janji dan sebagainya kerana beliau dalam tahanan. Mahkamah tidak mahu ada satu keadaan di mana apa yang dinyatakan oleh seseorang itu hasil daripada paksaan. Maknanya ia tidak benar tetapi dinyatakan kerana orang yang kena tahan itu hendak membebaskan diri. *I will come to you, one minute* Yang Berhormat Sepang. Itu menjadi konsepnya pada masa wujudnya seksyen 24.

Akan tetapi Yang Berhormat Setiu, selepas daripada itu kalau saya tak silap *and I stand corrected again*. Ada dimasukkan seksyen 113 yang khusus untuk kita *codify*, dalam bahasa Inggeris. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. *Codify* atau mengkodifikasikan *codify* bahagian undang-undang tersebut. Jadi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, ada peruntukan di mana dinyatakan. Pertama sekali, kalau hendak dibuat pengakuan semasa dalam tahanan, maka orang tersebut, orang yang kena tahan tersebut kena dibawa ke hadapan Majistret ataupun Hakim Mahkamah Sesyen yang jawatannya sama, *First Class Magistrate*. Di situ boleh diambil keterangannya.

Saya rasa apa yang kita lihat dalam seksyen 27 itu, adalah lebih kurang. Kita dapat dilihat dia punya huraian lebih kurang sama. Kita berbalik sekarang kepada masalahnya. Masalahnya kalau kita lihat kepada seksyen 18A Yang Berhormat, kita lihat kepada cara dalam mana ia digubal, *any statement*. Maka itu bermakna, kalau saya tak silap, Yang Berhormat Menteri, kalau mungkin juga boleh dijelaskan *"Any statement whether oral or in writing" I think it's both, it's stated there as well*.

#### ■1540

*"By an accused whether orally or in writing to any person."* Selepas itu, *"At any time shall be admissible"*. Maknanya ia *covers the entire scenario*- sebelum ditangkap, semasa ditangkap, semasa perbicaraan. Itu menjadi masalahnya. So manakah jaminan seksyen 27 dalam keadaan ini iaitu menjadi asas apabila kita luluskan undang-undang ini dahulu di dalam Dewan yang mulia ini, dinyatakan bahawa perlindungan itu ada di situ. *"You don't have to worry Yang Berhormat, there will not be an operation* dengan izin, tidak ada kerana hakim akan mengambil *statement* tersebut." Akan tetapi sekarang ia dikeluarkan ataupun seksyen 18A membolehkan apa yang dikatakan sebagai *safeguards* dalam seksyen 27 tersebut itu diketepikan sama sekali. Jadi itu menjadi masalahnya Yang Berhormat Setiu dalam pandangan saya.

Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Puchong. Oleh sebab Yang Berhormat Puchong yang bercakap, saya tanyalah. Kalau Yang Berhormat Setiu, mungkin saya tidak tanya. Relakslah, Yang Berhormat Setiu.

Saya mendengar dengan penuh minat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Puchong tadi tetapi saya rasa apa yang dikatakan *protection* di bawah seksyen 27 itu, saya mungkin berbeza sedikit dengan Yang Berhormat Puchong. Saya rasa daripada awal lagi *protection* itu telah pun ditiadakan. Bukan sahaja dengan *amendment* seksyen 18 ini. Ini kerana seksyen 17 SOSMA sampailah seksyen 26 itu, ia seksyen yang berkaitan dengan *evidence*. Kalau kita lihat Yang Berhormat Puchong, seksyen 17 SOSMA yang asal itu, yang tidak ada pindaan dalam ini, mengatakan, *"This part shall have effect notwithstanding anything inconsistent with Evidence Act 1950"*.

*So in other words*, tidak ada *umbrella* punya *provision* ini, *so they can do anything*. *They can put anything in this part, they don't have to be worry*. Dia tidak perlu bimbang apa sahaja yang bertentangan dengan *Evidence Act*. So bagi saya, saya tolong jawab bagi pihak Menteri lah. Yang Berhormat Puchong, sebenarnya *protection* itu memang daripada awal sudah tidak ada. Apa komen Yang Berhormat Puchong?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Setiu juga, kedua-dua mereka sama arif tetapi memang Tuan Yang di-Pertua yang lebih arif daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu perkara yang kita dapat lihat dalam mukadimah kepada rang undang-undang ini- kalau saya boleh minta juga mungkin penjelasan diberikan daripada Menteri, ini satu undang-undang yang digubal di bawah Artikel 149. Maknanya, bila ada Artikel 149, *protection* dalam *Federal Constitution* semua tidak ada. So, kita tidak

perlu lihat kepada Akta Keterangan sahaja. Kita tidak ada perlindungan di bawah Artikel 5, kita tidak ada perlindungan dalam Artikel 8.

Akan tetapi apa yang penting kepada saya ialah walaupun kita ada seksyen 17 yang luas yang menyatakan bahawa Akta Keterangan itu tidak terpakai tetapi kita lihat sekarang bagaimana seksyen 18A itu menjadi satu seksyen yang spesifik yang membenarkan kenyataan daripada tahanan itu pada bila-bila masa untuk dimasukkan. Saya berasa bahawa ini satu peruntukan yang bercanggah dengan seksyen 27 yang saya sebut tadi dan ini menjadi satu masalah yang mana saya harap Menteri dapat memberi perhatian dan juga jawapan kepada saya apabila menjawab nanti.

Tuan Yang di-Pertua, *last point* kalau diizinkan sebelum saya gulung. Saya hendak bawa perhatian kepada fasal 7. Fasal 7 adalah berkaitan dengan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 20 akta asal. Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut di situ, kita boleh berbicara kerana disebut di situ dalam bahasa Inggeris, saya minta izin, "*Documents or things seized or howsoever obtained. All documents or things seized or howsoever obtained...*" Ini perkataan yang penting kerana yang asal itu tidak ada '*howsoever*'. "*All documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence and the contents of the documents or things shall be admissible as evidence.*"

Jadi ini juga menjadi satu perkara yang kita perlu melihat kerana dulu ada *protection* di mana kita lihat orang itu ditahan- bila orang itu ditahan, pihak polis sudah tahu. Misalnya Tuan Yang di-Pertua, kes-kes di mana barang kes melibatkan mungkin senapang ataupun *fire arms*, pihak polis dalam siasatan mereka sudah tahu mana sebenarnya barang-barang ini disimpan. Mereka tangkap seseorang suspek itu dan mereka bawa suspek itu ke tempat itu. Bawa suspek ke tempat itu dan minta suspek untuk cam kan. Suspek cam kan kerana ditunjuk adakah ini senapang, dia kata ya ini senapang. Apa yang berlaku di mahkamah dinyatakan bahawa suspek yang menunjukkan di mana barang itu diperoleh. Ia membawa kepada pengetahuan kepada pihak suspek kalau misalnya kesalahan itu kesalahan memiliki barang bersalah. Itu bermakna bahawa keterangan itu boleh diterima untuk menunjukkan bahawa suspek yang membawa polis kepada barang itu, suspek yang tahu berkenaan dengan barang salah tersebut.

Di sini dulu kita ada Tuan Yang di-Pertua, seksyen 27, Akta Keterangan di mana dalam seksyen tersebut ada perlindungan untuk memastikan bahawa suspek-suspek itu tidak dikenakan keadaan atau tindakan sedemikian apabila dalam siasatan. Akan tetapi kalau kita lihat kepada seksyen 20 sekarang, fasal 7 yang cadangan baru kepada seksyen 20, ia sangat senang untuk di*abuse* ataupun disalahgunakan. "*All documents or things seized or howsoever obtained.*" Maknanya kalau kita memperolehi sesuatu itu walaupun kita memperolehi secara salah, secara deraan, secara paksaan kita membuat seseorang itu mengaku, *howsoever obtained, shall be admissible as evidence*.

Ini penting Tuan Yang di-Pertua, dalam masa sekarang kita ada DNA. Kalau kita lihat kepada apa yang disebut sebagai *evidence of DNA*, kalau kita hendak kaitkan seseorang itu kepada barang kes misalnya, cukup senang untuk kita ada barang yang telah pun digunakan oleh beliau dan dibawa ke tempat tersebut, diletakkan di situ dan ia digunakan. *The trickery*.

Undang-undang seperti mana yang saya fahamlah, Tuan Yang di-Pertua, memang tidak membenarkan perkara ini. Walaupun ini undang-undang di bawah Artikel 149 di mana dinyatakan bahawa oleh sebab keadaan-keadaan tersebut- *draconian*, saya setuju, saya sebut banyak kali dah. Ia *draconian* tetapi perlu untuk Dewan ini melihat kepada undang-undang yang ada sekurang-kurangnya sedikit ruang untuk seorang suspek itu membela diri, ada undang-undang yang melindungi beliau.

Saya di sini menyatakan bahawa undang-undang asal yang kita sebut *draconian* itu, kalau kita lihat kepada pindaan itu lagi *draconian* sehingga saya tidak boleh lihat apakah yang terkandung dalam *bill* ini ataupun undang-undang asal yang melindungi seorang suspek yang ditahan di bawah undang-undang ini. Jadi saya minta kepada Menteri supaya memberi penjelasan dan supaya *perhaps to reconsider*, masukkan ke dalam undang-undang ini satu fasal atau klausa yang menunjukkan bahawa ini ada peruntukan atau perlindungan diberikan kepada seseorang suspek itu.

Dalam masa yang sama, sebelum undang-undang ini dipinda atau diluluskan, saya minta supaya pertimbangan diberikan supaya ia ditarik balik dahulu. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Setiu tidak ada? Sila Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Teragak-agak hendak bagi Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tengok Yang Berhormat Setiu ada atau tidak.

### 3.48 ptg.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu kawan lama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya turut serta dalam membahaskan pindaan ke atas *Security Offences (Special Measures) Act 2015, SOSMA*.

Bagi saya, apabila kita melihat kepada pindaan ini, apa yang saya boleh simpulkan ialah memang ia, dengan perkataan lain, cuba membantu pihak pendakwa untuk mendapatkan, *at all cost, conviction*. Maknanya apabila kes dibicarakan, pendakwa ini dengan pertolongan daripada Parlimen ini minta supaya segala ruang yang boleh mereka gunakan untuk dapatkan *to secure conviction* di bawah SOSMA ini mereka inginkan. Walaupun SOSMA yang asal itu sebelum pindaan ini dah mengandungi banyak *draconian provision*.

Saya dah bentangkan semalam bagaimana kalau saya jadi pendakwa, saya amat seronok apabila mendakwa di bawah SOSMA ini sebab kerja lebih mudah secara relatifnya dibandingkan kalau kita membicarakan kes-kes biasa walaupun kes itu kes yang melibatkan jenayah yang serius juga.

### ■1550

Saya merasakan bahawa di sinilah kita akan melihat adanya unsur *inequality*. Sedangkan Artikel 8, Perlembagaan, *equality before the law*. Itu adalah asas bahawa semua rakyat Malaysia ini, *infact* semua manusia sepatutnya, mestilah diperlakukan dengan adil. Itu prinsip asas. Ini disebabkan kita ini *kullu minal Adam*. Kita daripada Nabi Adam, tidak ada beza antara Cinakah, Indiakah, Melayukah. *So, that is why* ada *principle of humanity* itu. Akan tetapi sekarang ini apabila seseorang yang disyaki, kita tidak boleh kata orang ini terlibat sebab apabila kita bicarakan orang, orang itu dipanggil tertuduh, belum lagi didapati bersalah, dia hanya disyaki. Bila disyaki, orang yang disyaki membunuh di bawah seksyen 302 dengan orang yang disyaki terlibat dengan *terrorist* ini, daripada segi perundangan, mereka statusnya sama, kedua-duanya adalah orang yang disyaki. Mereka tidak boleh dikata orang bersalah lagi.

Oleh sebab itu saya pun sebenarnya tidak tahulah. Semalam kita sudah buat POTA untuk memberikan *power* yang begitu besar kepada pihak Lembaga untuk menahan orang tanpa bicara. Saya telah hujahkan, sebenarnya bila sudah ada SOSMA, tidak perlu POTA. Akan tetapi walaupun sudah ada SOSMA, walaupun sudah ada POTA semalam, tidak cukup lagi. Pinda pula SOSMA, ketatkan lagi skru itu. Maknanya, kalau orang yang dituduh ini dan peguam bela seperti saya, dengan Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Padang Serai dan rakan-rakan khususnya peguam ini, kalau kita bela kes ini, kita tidak tahu macam mana kita hendak berlawan dengan kes seperti ini. Memang susah. Semua pintu nampak macam ditutup sudah, semua ruang semua telah ditutup. Kalau kita hendak *challenge* pula daripada segi ...

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Selalunya bila kita mengadakan satu pindaan ialah sebab di dalam mahkamah, dalam bicara, terdapat ada satu kelemahan. Akan tetapi SOSMA ini, satu bicara pun belum diadakan, bagaimana kerajaan hendak tahu bahawa SOSMA asal yang ada itu tidak berkesan dan hendak diubah? Apakah pendapat Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang yang juga seorang peguam. Itu yang semalam saya bangkitkan. Semalam,

kerajaan kata kita dapati tidak cukup SOSMA itu. Oleh sebab itulah kita buat POTA ini. Sedangkan seperti mana saya kata tadi, kes pertama yang akan dibicarakan ialah kes Yazid Sufaat yang akan dibicarakan sama ada bulan ini ataupun bulan depan. Maknanya belum ada lagi kes yang dibicarakan secara habis sempurna. Jadi kita tidak boleh lagi dapat memastikan SOSMA yang lama itu tidak efektif lagi.

Walau bagaimanapun, dalam SOSMA ini, walaupun sesi perbahasan saya tidak setuju betul sebab banyak pindaan ini nampak *draconian*. Akan tetapi saya masih lagilah kata orang itu kalau dibandingkan dengan POCA, saya masih lagi boleh terima selagi mana orang itu boleh dibicarakan. Sekurang-kurangnya, mereka dibawa ke mahkamah, mereka tahu apa kesalahan mereka didakwa. Dengan ada *charged* itu kita tahu apa dakwaannya dan mereka masih boleh membela. Kata orang itu *bare minimum* yang ada pada seseorang yang dituduh.

Walau bagaimanapun, saya merasa terperanjat hari ini apabila melihat pindaan yang *massive*. Saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Serai tadi, walaupun hanya beberapa seksyen yang hendak dicadangkan itu dipinda tetapi daripada segi impaknya, daripada segi kesannya, ia begitu luas, begitu mendalam. Ia menafikan semua segala prinsip *fairness of trial*. Prinsip-prinsip yang saya telah bahas dengan panjanglah dalam POCA dahulu, dalam POTA dan sebagainya dan saya tidak bercadang untuk ulang lagi di sini.

Saya hendak bangkit sedikit kepada contoh seperti mana yang kita *counsel* seksyen 18A dan 18B. Dalam perundangan ini, seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat Padang Serai, *evidence* ini mesti diberi secara sukarela. Oleh sebab itu dalam perundangan dalam kes-kes jenayah, kalau sekiranya *voluntariness of the statement*, of *confession whatever* dipersoalkan, kita akan buat satu dipanggil *trial within trial*, perbicaraan dalam perbicaraan, untuk hendak menentukan *voluntariness* itu.

Ini disebabkan prinsipnya begitu mudah, falsafahnya begitu mudah, rasionalnya begitu mudah iaitu apabila kita mendapatkan sesuatu *statement confession* dalam keadaan orang yang memberi *statement* tidak suka rela memberinya, dipaksa, diinduce, dipujuk, dirayu, bermakna dia mungkin bercakap satu benda yang dia tidak buat. Dia mengaku contohnya dia mengebom walaupun dia bukan pengebom. Ini sebab apa? Ini sebab ada unsur-unsur luaran yang mempengaruhi kesukarelaan itu. Oleh sebab itulah mahkamah tidak boleh terima.

Akan tetapi sekarang ini- sebab itulah dalam undang-undang juga, kita dahulu ada diperkenalkan *caution statement*. *Caution statement* ini bermakna kita bagi amaran, "*Kalau awak hendak mengaku, hendak bercakap, mestilah faham dahulu apa kesannya*". Oleh sebab itu dalam undang-undang, kita tahu bahawa apabila seseorang ditangkap sahaja, dia ada *right to remain silent*. Dia ada hak untuk berdiam diri. Ini sebab apa?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, hanya berkenaan dengan *trial within trial* seperti mana Yang Berhormat Sepang sebut menjadi saluran dalam mana isu berkenaan dengan *voluntariness* ataupun kesukarelaan seseorang ataupun keterangan yang diberikan oleh seseorang itu. Itu ialah satu aspek kepadanya. Maknanya *trial within trial* itu wujud untuk pastikan bahawa seseorang tertuduh atau suspek itu memberi keterangan yang sukarela dan ia keterangan yang benar, itu satu.

Akan tetapi juga saya hendak tanya Yang Berhormat Sepang, pandangan, bukankah ia juga satu cara dalam mana undang-undang memastikan bahawa pihak-pihak yang menyiasat itu, mereka pun akan berjaga-jaga? Ini kerana mereka tahu tindakan mereka itu boleh dijadikan asas perbicaraan itu. Jadi apa yang mereka lakukan itu boleh dibawa ke hadapan kerana ada saluran melalui *trial within trial*. So, it puts the officers also in check. Akan tetapi sekiranya *trial within trial* ataupun perlindungan itu ditiadakan lagi, maka officers tersebut juga iaitu mereka akan berbuat sesuka hati mereka kerana tidak ada sebarang saluran atau sebarang forum yang mana tindakan atau tingkah laku mereka ini boleh dikaji selidik. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?



**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya memang bersetuju. Saya rasa lepas POTA ini POCA semua ini telah diluluskan lepas ini, kalau ini pun diluluskan, berkemungkinan pihak polis akan *celebrate* buat *dinner*, buat *party*. *Is victory, victory to the police*. Kerja kita sudah mudah sudah. Sekarang kita akan *Twitter* 24 jam. Kita sudah tidak ada kerja lain.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Sepang. Ya kalau polis boleh *celebrate*, itu mungkin satu perkara yang baik tetapi ada asasnya. Saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Sepang, ada asasnya, ada falsafahnya kenapa kita tidak mahu *induce* sesuatu *evidence* itu melalui paksaan kerana keseriusan SOSMA ini. Kita menentang bukan pencuri biasa, kita bukan bertentangan dan berdepan dengan perompak yang rompak satu atau dua buah keluarga. Akan tetapi ini kumpulan yang mengancam, mungkin beratus atau beribu orang. Kalau kita hanya *extract information* melalui paksaan, bagi satu gambaran yang satu khayalan, seolah-olah masalah itu telah diselesaikan.

Bukankah ini sebenarnya akan mengancam keselamatan dan ini *defeat the purpose of having this law* kerana kita hendak orang dapatkan *information* yang sah supaya kita boleh membela, menjaga keselamatan. Akan tetapi ini rupa-rupanya akan *defeat the purpose* dengan mendapatkan *evidence* atau menyelesaikan sesuatu perkara dengan mudah. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat Sepang, bersambung. Terima kasih, kerana penting Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, silakan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Semalam Yang Berhormat Sepang, saya hendak maklum ada beberapa Ahli Parlimen daripada sebelah Barisan Nasional yang mendabik dada mengatakan Amerika Syarikat ada *Patriot Act*. Banyak negara mempunyai akta-akta yang memang membolehkan kita melaksanakan POTA dan juga POCA, pindaan POCA.

■1600

Akan tetapi saya hendak maklumkan di sini, bila masa kita bercakap tentang seksaan, *torture*, *the issue of torture*. Yang Berhormat Sepang tadi kata *torture*, akhirnya menghasilkan pembuktian ataupun kesaksian yang berdasarkan *falsehood*. Mereka takut, mereka terpaksa dalam keadaan dipukul. Saya hendak rujuk kepada laporan *The Senate* Amerika. Mereka ada laporan *authoritative*. Laporan Disember lepas yang menyatakan bahawa seksaan yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dalam beberapa kes, tidak berfungsi. Tidak menghasilkan pembuktian yang boleh diguna pakai.

*The exact words*, Yang Berhormat. *The torture tactics either produce false, not intelligent evidence or fabricated information*. Jadi, kalau kita hendak merujuk katakan gunakan undang-undang negara lain tetapi menerusi maklumat yang kita dapati, laporan *The Senate* Amerika jelas bahawa cara-cara ini, seksaan sebegini tidak mungkin dapat membantu Malaysia menjadi lebih selamat. Saya pohon pandangan Yang Berhormat dalam hal ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Tentang Yang Berhormat Batu tadi, saya setuju dan saya juga setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai itu. Yang Berhormat Batu ini walaupun dia bukan seorang peguam, a *law maker* tetapi oleh sebab *regulanya* pergi masuk keluar mahkamah ini, dia pun mahir dalam undang-undang. Saya cadangkanlah kalau puak-puak Barisan Nasional ini kalau hendak faham undang-undang, jadilah *regular*. Pergi kena dakwa dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, boleh jadi peguamkah macam itu, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Peguam yang tidak berlesenlah tetapi kemahiran undang-undang itu sudah mula meresap dalam badan dia. *Anyway*, saya hendak kata begini. Sebab itulah unsur kesukarelaan (*voluntary*) itu asas dalam undang-undang *evidence*. Oleh sebab saya hendak ambil contoh dalam perundangan Islam. Dalam perundangan Islam, saya hendak bagi contoh, kenapa konsep *voluntary* ini satu yang amat-amat ditekankan. Dalam perundangan Islam, sebagai contoh dalam kes zina. Dalam kes zina ini, kalau kita lihat walaupun Islam kata kena empat orang saksi tetapi dalam sejarah perundangan Islam, tidak pernah. Dalam zaman Nabi pun tidak pernah orang dikenakan hukuman zina ini kerana empat orang saksi. Sebab *it's almost impossible* hendak tengok orang lihat dalam keadaan bilik dan sebagainya. Yang ada kes yang melibatkan pengakuan. *Confession*. Dalam Islam dia kata ikrar.

Akan tetapi apabila sabitan dilakukan berdasarkan ikrar, dia ada prinsip-prinsip yang amat ketat yang patut dipatuhi. Dalam kes MAIS, dalam kes salah seorang wanita dipanggil al-ghamidiah, ini kes di mana seorang itu mengaku bersalah berzina. Dalam Islam kalau berzina ini hukumannya adalah keras. Banyak hendak kena hujah. Dia mengaku. Empat kali dia mengaku. Kali pertama datang, dia kata saya berzina. Rasulullah tidak pandang. Rasulullah kata baliklah. Kali kedua datang lagi. Rasulullah tanya, kamu ini betulkah? Tanya kepada kawan dia. Dia mungkin ada masalah mental. Dia mungkin tidak faham. Balik lagi. Yang ketiga, datang lagi. Rasulullah kata, kamu ini tahu atau tidak zina itu apa? Mungkin kamu setakat- saya guna ayat ringan-ringan sahajalah. Hendak mudah faham, bercium sahaja. Tidak buat apa-apalah. Kali keempat dia datang, barulah diterima pengakuannya.

Sebab itu kalau ikut Mazhab Hanafi, kalau dalam kes zina mesti empat kali pengakuan baru boleh jatuhkan hukuman. Empat kali pengakuan dalam empat kali majlis. Maknanya, *four hearings* berbeza. Dalam kes itu oleh sebab dia mengaku salah, dia sudah berkahwin, hukuman dalam Islam, kena hukum rejam. Semasa direjam itu, tiba-tiba dia lari. Ketika *execute, when the convict was to be executed*, tengah *execute* tu dia lari. Orang kejar dia. Tangkap dia dan ikat dia balik. Rasulullah tidak tahu. Selepas itu baru Rasulullah diberitahu. Rasulullah kata, kenapa kamu tidak biarkan dia lari? Berdasarkan itu, ulama mengatakan hatta dalam ketika hendak *execute* hukuman, tiba-tiba dia tarik balik pengakuan, dia *retract confession*, tidak boleh diteruskan. Kerana apa?... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Hendaklah kamu tarik balik hukuman. Hendak tunjukkan bahawa pengakuan, *statement* yang macam ini tidak mudah diterima tetapi dalam kes ini, saya hendak tanyalah. Manalah ustaz-ustaz dalam Barisan Nasional ini? Kata indeks syariahlah dan sebagainya. Di manakah kamu letak syariah ini?

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Saya ustaz di belakang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota di belakang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Indera Mahkota. Ini mungkin ustaz ini.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Tadi Yang Berhormat Sepang membawa cerita Rasulullah, bila seorang perempuan datang mengaku dia berzina. Saya juga baca dalam buku-buku agama. *Even Christianity*. Nabi Isa a.s, satu ketika telah menoreh-noreh di dalam sebuah gereja. Tiba-tiba datang seorang perempuan, "*Oh Jesus I've committed adultery...*" dengan izin. Nabi Isa a.s buat-buat tidak dengar. Sekali, dua kali, "*Oh Jesus, I've committed adultery.*" Tidak dengar juga. Kali yang ketiga, barulah Jesus bertanya, siapa di dalam *congregation* ini *the one without sin, please cast the first stone*, dengan izin. Seorang demi seorang keluar, sehingga akhirnya tidak ada orang. Maka, Jesus beritahu kepada perempuan itu. Dia kata, *you go back home and sin no more*. Hanya saya hendak cerita sedikit sahaja. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat. Undang-undang ini kalau kita tengok pindaan dengan SOSMA, POTA, pindaan itu pindaan ini, dengan pinda Akta Hasutan. Mula-mula saya tidak nampak apa gambarannya. Dia cat kuning sikit, merah sikit, biru sikit. Akan tetapi bila semuanya dibuat, barulah saya nampak bahawasanya kita sedang menuju ke arah satu keadaan di mana rakyat akan ditekan. Satu.

Kedua, saya hendak tanya. Penggubalan undang-undang ini mesti dibuat oleh *proper draftsman*. Kita punya *legal draftsman* dalam Jabatan Perdana Menteri orang-orang yang hebat dan berpengalaman. Saya bukan daripada *legal fraternity* tetapi saya nampak bahawasanya undang-undang ini dibuat oleh, minta maaf saya cakap Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya seolah-olah dibuat oleh *student* yang baru belajar undang-undang. Oleh sebab ia bagi sayalah, pandangan saya yang tidak ada latar belakang guaman. Nampak macam dibuat bertentangan dengan Perlembagaan. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada sahabat daripada Indera Mahkota. Saya hendak menyatakan beginilah. Yang tentang Kristian itu saya tidak arif, saya tidak berani hendak membuat komen. Tentang tadi kata wujudnya akta ini akan menekan rakyat. Sebenarnya sudah ditekan pun. Kita sudah ditekan. Dengan wujud benda ini, lagi ditambah- tambah lagi tekanan itu.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Klang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Minta pandangan dan juga penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sepang. Tadi dalam mukadimah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sepang yang mengatakan bahawa undang-undang ini ditulis untuk mendapatkan *conviction* oleh DPP. Oleh sebab itu, undang-undang itu disusulkan ataupun di *develop in such a way*. Diketatkan supaya mendapat *conviction at all cause*, tadi yang diujahkan oleh Yang Berhormat Sepang.

Soalan saya sekarang ialah kalau pandangan itu betul, apakah akan jadi kepada status kehakiman ataupun kualiti status kehakiman di Malaysia? Berbanding dengan apa yang kita amalkan di Malaysia iaitu *separation of powers* antara kehakiman dan juga eksekutif. Nampaknya sekarang polis telah menjadi lebih berkuasa daripada sistem kehakiman. Itu pada saya dengar daripada semua *lawyer* dan juga Ahli Parlimen yang membahaskan isu ini. *Are the police have become more powerful than the judicial system?* Baru-baru ini kita dapati bahawa Yang Berhormat Lembah Pantai pun telah dipanggil oleh polis dengan apa yang beliau hujah di Parlimen. *So, is there a systematic abused by the police and the government of the system of judicial system of the country?* Minta pandangan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sebelum saya respons kepada Yang Berhormat Klang, saya tambah lagi daripada Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya rasa saya bersimpati dengan *draftsman* ini daripada Peguam Negara. Kita tidak boleh hendak salahkan mereka. Pertamanya, mereka ini pun dipaksa. Sebenarnya, mereka pun di 'SOSMA' kan juga oleh Kerajaan Barisan Nasional ini. *In other words*, di 'SOSMA' kan oleh kata mereka juga dipaksa buat. Okey, sekarang ini kehendak.

Sebenarnya undang-undang ini adalah apa yang dikehendaki oleh. Undang-undang ini *represent the wills of the government of the day*. So, kehendak kerajaan sekarang ini, kami hendak berkuasa terus. Kalau boleh sampai kiamat. Macam mana caranya? Maka, dia kata kita kena buat undang-undang yang- kami hendak undang-undang yang *draconian*. So, kami minta kamu buat. Macam mana kamu hendak draf pun kami tidak tahu tetapi kami hendak kamu buat. Ini masalahnya. Kita hendak salahkan mereka pun tidak boleh sebab mereka pun- kalau mereka bersama dengan Kerajaan Pakatan Rakyat, mungkin mereka lebih mudah sikit. Tidak perlu kena bekerja buat undang-undang seperti ini.

#### ■1610

Akan tetapi, oleh sebab mereka Barisan Nasional, kita harus bersimpati dengan mereka. Sebab itu kita minta mereka, tidak apa buat kerja. Dalam dinasti Firaun pun dalam itu ada orang-orang yang beriman yang sanggup lawan Firaun secara senyap. Jadi kita harap orang-orang yang buat undang-undang ini jangan salahkan mereka. Kita kasihan kepada mereka tetapi kita hendak beritahu bahawa sebenarnya undang-undang seperti ini dia tidak boleh sebab dia tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah yang kita cuba pertahankan ini. Tentang daripada Yang Berhormat Klang tadi, apabila undang-undang dibuat ini, mahkamah ini dia kena orang kata *you have to interpret the black letter of the law*. *The black letter* maknanya ayat-ayat dalam perundangan.

Kalau ada hakim yang mungkin dia ada unsur dia jelas dan mungkin dia tidak berfahaman positivistis, kalau kita belajar *jurisprudence*, ini dia ada banyak mazhab pemikiran. Ada positivistis, ada naturalis sebab orang yang berfahaman naturalis dia kata undang-undang ini kalau tidak ada *justice is not a law*. Bagi orang positivistis, *law is any law* yang *command of the sovereign back distention*. Maknanya apa undang-undang yang dibuat oleh kerajaan ada ini kita kena buat, undang-undang itu zalim, tidak zalim itu soal nombor dua.

Jadi yang saya lihat sekarang ini, undang-undang ini daripada segi spirit dia pun bertentangan dengan perundangan daripada segi *latest of the law* itu, daripada segi ayat-ayat dia pun bertentangan dengan prinsip-prinsip keadilan. Yang Berhormat Shah Alam ya, celah ya, jangan berceramah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Ketawa] Hari ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kawan pun faham, kawan sendiri pun faham. Okey la itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang boleh gulung lepas ini Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hari ini untuk peguam-peguamlah ya. Kita beri keutamaan kepada peguam, kita tidak berhujah ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sepang, saya bukan apa tapi fasal istilah-istilah yang kita gunakan ataupun kalimat-kalimat yang kita gunakan kadangkala mengelirukan. Bila kita kata kita undang-undang yang seperti ini tidak memberikan perlindungan kepada yang tertuduh. Ada juga di yang kalangan MP-MP Barisan Nasional dia kata hendak beri perlindungan pada penjenayah buat apa. Ini yang masalahnya kerana mereka tidak faham bahawa persoalan perlindungan kepada yang tertuduh itu kerana dia belum lagi dibuktikan sebagai orang yang bersalah. Maka perlindungan kepada yang tertuduh ini, ia bertujuan untuk menjamin keadilan. Ini yang terpenting.

Akan tetapi apabila kita lihat kepada rang undang-undang yang kita dok bahas dua-tiga hari kebelakangan ini, saya merasakan persoalan keadilan itu bukan lagi jadi isu. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Sepang tadilah. Saya rasa saya pun boleh bersetuju. Ia dirancang dengan tujuan untuk mendapatkan, disabitkan kesalahan walau dengan apa cara sekalipun. Hendak disabitkan kesalahan. Maka perlindungan itu yang bertujuan untuk menentukan dan menjamin keadilan ini diketepikan dengan sepenuhnya supaya orang yang tertuduh itu terdedah kepada segala kekuatan institusi perundangan kerajaan yang bertujuan untuk menyatakan dia bersalah.

Adakah konsep yang sebegini Yang Berhormat Sepang bersesuaian dengan perintah Allah Azzawajala yang berbunyi... [Membaca sepotong ayat al-Quran] Ini merupakan satu perintah yang bagi kita, kita kena tentukan bahawa sistem pengadilan itu akan menjamin keadilan dan bukan menjamin sabitnya kesalahan walau dengan apa cara sekalipun. Apakah pandangan Yang Berhormat Sepang?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang boleh gulung.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Gulung ya. Okey, terima kasih. Terima kasih pada Yang Berhormat Shah Alam. Ini salah seorang lagi *the regular* yang kena tangkap, yang memahami undang-undang dengan baik. Selepas kena tangkap pukul 3.20 pagi, ilmu dia makin-makin mendalam tentang undang-undang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu macam hendak beri galakan supaya ditangkap. Saya minta tarik balik lah Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Ketawa] Okey saya bersetuju dengan- maknanya memang kalau dalam Al-Quran pasal keadilan ini terlalu banyaklah... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Saya sudah kata tadi keadilan ini dalam Islam ini sampai ke peringkat diri kita sendiri pun, peringkat dengan musuh. Ini *superb*. Sebab itu dikata dalam Islam *justice is absolute. Absolute in the sense that ever it's come. You* kena *depends justice* ini. Sebab itu dalam perundangan Islam hatta apabila dalam keadaan satu-satu kawasan di mana orang-orang Yahudi dengan orang Islam bermusuhan. Tiba-tiba turun

ayat Al-Quran yang membebaskan orang Yahudi daripada tuduhan dibuat oleh orang Islam. Ayat dalam Surah An-Nisa' 105... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Bacalah dia punya tafsir. Dia kata siapa. Ini kisah seorang Islam nama Tuq'ma Ibnu Ubairiq. Dia ini curi baju orang, dia curi baju, dia orang Islam curi baju besi lepas itu dia letak baju besi ini ke rumah orang Yahudi.

Ketika itu hubungan orang Islam dengan orang Yahudi dalam keadaan gawat, tegang, bermusuhan. Tiba-tiba orang Yahudi ini dikenakan tuduhan yang palsu. Patutnya kalau Islam berdasarkan *nationalism*, berdasarkan bangsa perkauman, kita akan memihak kepada orang Islam tetapi ketika itu Rasulullah menjatuhkan hukum dan turunnya wahyu berkata, "Hendaklah kamu hukum berdasarkan kebenaran, jangan kamu jadi pembela orang-orang yang khianat". Orang Islam yang khianat kita tetap akan lawan. Dia bukan masalah bangsa, bukan masalah agama. Kalau kamu Islam sekalipun, buat undang-undang yang zalim ini kami tidak boleh terima walaupun kamu sama-sama Islam *[Tepuk]*

Ini prinsip dalam perundangan Islam. Sebab itu Allah kata... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya jangan jadi kamu penolong, pembantu. Sebab itu dalam Islam, Islam tidak boleh *compromise* kezaliman... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya janganlah kamu cenderung kepada kezaliman. Cenderung pun tidak boleh wahai Yang Berhormat Tanjong Karang. Cenderung pun tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak ada dalam Dewan. Tidak apa, biar dia dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Barat ada.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Cenderung pun tidak boleh. Sebab itu apabila seorang yang berpangkat besar pukul rakyat biasa. Sayidina Omar panggil. Sayidina Omar kata... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Sejak bilakah kamu memperhambakan sesama manusia dalam keadaan mereka dilahirkan dalam keadaan bebas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Itu sudah semangat ceramah itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu yang saya takut itu. Panjang nanti.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak katakan kalau hari ini tadi saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan, dia kata CPC ini banyak yang bertentangan dengan prinsip *[Tepuk]* Saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Kinabatangan dan juga rakan-rakan sewaktu dengannya. Kalau kamu bandingkan pindaan CPC...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan cakap kamu ya. Kamu, kamu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, minta maaf. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat merasakan bahawa pindaan CPC itu banyak kezaliman dia, saya hendak katakan yang SOSMA ini lagi teruk. Lagi banyak pindaan ini yang mencekam, yang boleh disalah gunakan. Kalau sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang dihormati, yang sudah mula sudah tahu apa dia *justice* setelah Pakatan Rakyat memberikan ceramah dua hari di sini. Tolonglah. Tolong bersama kami. Tadi kami sokong kamu. Tadi kami sokong Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, sekarang tolong kami, sokong pula kami. Kami minta tarik balik ini.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota bangun.

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]:** Sebelum dia menggulung, sikit sahaja. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Saya ini tidak reti undang-undang, hendak tanya kalau sekiranya undang-undang terlaksana, adik-beradik Yang Berhormat Menteri kah, anak-beranak Yang Berhormat Menteri, pak sedara Yang Berhormat Menteri kah, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional boleh kena tidak undang-undang ini. Saya hendak tanya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Reply* ya. Terima kasih. Dia boleh terpakai kepada semua orang. Sebab itu semua orang terbela daripada ancaman. Bayangkanlah kalau seorang suami dengan isteri. Dia kalau, bukan saja kalau katakan sudah bercerai sudah, dia dalam ayat undang-undang dia kata. Kita tengok seksyen 18B ya. *The person who is or have been married shall be compelled to disclose any communication make to him during marriage by the person to whom he is or he has been married.* Maknanya kalau sudah saja berlaku perceraian itu sendiri, dia masih lagi boleh dipaksa. Kalau dia sudah kahwin baru kah, ada isteri duakah, isteri tigakah, empat pun. Perkahwinan pertama itu pula adanya maklumat, dia boleh paksa untuk dedahkan.

Ini terang-terang bagi saya, saya mungkin orang, kita kena lihat dari sudut syariah, adakah ini boleh dibenarkan dan ini bagi saya tidak payah cakap pasal ini sudah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Sepang, ini kalau isteri yang dicerai, dia marah suami dia. Dia hendak kenakan bekas suami dia. Peluang keemasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Undang-undang ini memberikan ruang, memberikan segala ruang untuk perkara itu boleh berlaku.

#### ■1620

Yang terakhir saya kata tadi kalau kita lihat tengok seksyen 20 itu dia *revamp everything. All documents*, dahulu *document* sahaja. Asalnya pindaan ini, asal Akta Ibu hanya *all documents* tetapi dia kata *all documents or things seized what so ever obtained. Howsoever* bermakna dengan apa cara sekalipun, cara yang sah, cara yang betul, cara tidak betul. Kita kena faham contoh seseorang ditahan di bawah Kanun Keseksan terlibat dengan Akta Keganasan. Kemudiannya ditangkap di bawah POTA.

Di bawah POTA semalam kita telah bincangkan *enquiry officer* boleh ambil *evidence* dengan apa sahaja sekalipun. Selepas itu dia lepaskan orang itu. Dia dakwa pula orang ini di bawah SOSMA ini. Jadi, *on fusion* apa yang dia dapat dalam ini semua dia boleh gunakan. *Documents things seized.* Maknanya akta ini dia memberikan segala ruang untuk kita mendapatkan apa sahaja bentuk *evidence*. Bayangkan sampai perkataan ini pula *shall be admissible*, kalau *maybe admissible* masih lagi *okay* lagi. Maknanya boleh lagi ditolak sebab dia ada *discretion* di situ, ada lagi budi bicara, dihormati lagi.

Akan tetapi sekarang ini bila *shall* ini tangan pihak hakim ini diikat. Dia terpaksa terima benda itu. Oleh sebab semua digunakan dengan *shall, shall, shall*. Ini yang menyebabkan kita rasa kalau sekiranya kita pinda benda ini kita suka tidak suka kita sebenarnya merestui kezaliman.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Sepang, *one minute*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ada soalan yang penting. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa *all documents or things seized or however obtained*. Adakah dalam definisi *however obtained* termasuk *phone tapping*? Minta penjelasan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *However, whatever, wherever, whenever...*

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Walaupun itu *illegal*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, *illegal, yes*.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Ya, *okay that's the point*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *It is because* dalam seksyen ini dia memberikan segala-galanya. *Illegality*. Dalam undang-undang sekarang pun memang kalau

*evidence* itu didapati secara *illegal* kita boleh saman tidak boleh *challenge* daripada segi dekat *evidence* *retender* sebab undang-undang kita tidak macam di Amerika.

Di Amerika ini dalam perlembagaan itu ada diperuntukkan. Walaupun Amerika itu yang memerintah itu bukan orang Islam pun tetapi mereka di situ lebih adil. Oleh sebab itu keadilan itu dia *transcend* agama, *transcend* kaum. Oleh sebab itu bila orang Islam di *torture* di Makkah itu, Rasulullah suruh dapatkan *assailant* dekat mana? Di kalangan orang Kristian yang memerintah sebab di sana ada kerajaan yang tidak zalim. Ini menunjukkan bahawa konsep *justice* ini *transcend religion*. Oleh sebab itu saya hendak katakan bahawa di sini kalau undang-undang ini dia merestui, maknanya dia menggalakkan, dia bagi *license*, is a *license*. Kita hendak kawal *terrorist* tetapi kita mewujudkan *terrorist* berlesen iaitu pihak polis ataupun pihak-pihak yang mengambil *evidence* secara tidak bertamadun ini, secara tidak mengikut undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Bermakna, *we want to fight against terrorism, against terrorist by resulting terrorist* punya cara. Maknanya kita cara mereka tangkap Mat Sabu itu dengan pakai *ISIS*- saya pun tidak tahu siapa yang sebenarnya *terrorist*. Polis-polis pun sudah jadi macam *terrorist* dah cara mereka bertindak. Oleh sebab itu kita risau bila seksyen ini dibenarkan percayalah pihak polis akan menggunakan apa sahaja. Mereka tidak perlu takut, tidak perlu risau, tidak perlu bimbang sebab mereka telah dilindungi oleh undang-undang.

Jadi, kalau ini kita luluskan kita mungkin sekarang seronoklah tetapi anak kita, cucu kita, cicit kita akan datang mungkin kubur kita mereka akan kencing. Mereka kata inilah bapa-bapa aku dahulu yang teruk dia kata iaitu bapa-bapa di Barisan Nasional. Jadi tolong Barisan Nasional, jangan sampai cucu-cucu kamu akan menghina kamu.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak percaya? Kalau tidak percaya silakan lulus. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, masa kamu sudah habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masa Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kubur Yang Berhormat Sepang kena kencing.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ha kubur, tidak apa, kubur saya hendak kencing itu kalau orang Barisan Nasional saya tidak kisah lah tetapi jangan sampai cucu-cucu kita, cicit-cicit kita. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** Kubur kamu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

#### 4.24 ptg

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bukan seorang peguam tetapi saya rasa ini satu isu yang begitu penting. Saya tidak akan ambil banyak masa. Saya hendak pergi ke seksyen 20 di mana perkataan yang dipakai di sini berkenaan dengan *all documents* dikata, *shall be admissible as evidence*. Ertinya, jika bukti itu dibawa ke mahkamah harus diterima oleh hakim. *All documents or things seized or howsoever obtained shall* dan Bahasa Malaysia pun dia pakai perkataan hendaklah.

Jadi, kuasa hakim untuk meneliti. Adakah ini bukti sah? Adakah dia *genuine*? Apakah cara dia dapat? Tidak ada. Kuasa hakim tidak ada. Jika dibawa oleh polis ataupun pendakwa raya, ini dokumen kita, inilah rakaman kita harus, mesti, wajib diterima. Kenapa tidak boleh masukkan perkataan boleh diterima jika hakim berpuas hati terhadap kesahihan

bukti itu. Kenapakah tidak boleh masukkan itu? Kenapakah kita kurangkan kuasa *discretion* para hakim? Jadi, kita percaya hakim kita boleh fikir kah?

Sama juga fasal 8, seksyen 22. Ini *list of the document*, senarai dokumen sama. *Shall be admissible evidence* ertinya *shall*. Dalam bahasa Inggeris *shall* adalah harus, wajib. Jadi, kuasa hakim untuk ...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Minta penjelasan. Harus dengan wajib itu beza Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Hendaklah, hendaklah berbeza dengan boleh. Boleh diterima, *may be accepted if the judge*. So, ini saya rasa dia punya *drafting*. Tidak tahu dia silap *draft* kah atau pun sengaja draf ini untuk ikat tangan hakim. So, *this is something* saya rasa agak serius. Kita tengok dalam Fasal 9 subseksyen 4 ini dikatakan di sini "*No person or police officer shall be under any obligation to disclose in any proceedings*". Jadi, juga di mahkamah pun jika hakim mahu soal polis bagaimana kamu dapat bukti ini? Apakah cara dia? Apakah kesahihan dia?

Jadi, kuasa mahkamah untuk meneliti, untuk timbang *the evidence being presented* amat disekat. So, saya rasa ini *is worrying* lah kerana *you* tengok dalam mukadimah Akta Ibu itu Akta 747 disebut Perkara 149, kerana kita tahu bila kita bawa akta macam ini dia mungkin sekat hak-hak asasi 59 disekat. Akan tetapi untuk kepentingan, ketenteraman negara kita, kita katakan perlulah hak individu boleh disekat untukelihara keamanan negara. Pada masa yang sama adanya tanggungjawab kita untuk memastikan kita buat sekadar itu, *minimize* itulah, kurangkan itu. Satu cara untuk kurangkan itu adalah untuk membolehkan mahkamah untuk *serve as check and balance*.

Akan tetapi pindaan ini kurangkan lagi kuasa mahkamah kita untuk pakai kuasa *discretion* mereka untuk tengok adakah sah ini, adakah *police going overboard*. *This is very worrying*. Saya ingat kita luluskan ini, *we are making very draconian laws*. Jika tujuan kita adalah untuk kawal *terrorist*, penganas, ini boleh *back fire you know*. Bila kita tunjukkan wajah kerajaan, wajah pentadbiran kita begitu kuku besi, begitu keras, tidak bagi orang bincang, tidak ada ruang. *Then*, orang muda rasa *this Parliamentary process, democratic process* ini hanya satu hiasan, cakap-cakap sahaja tetapi tidak ada isi dia dan mereka buat keputusan hanya cara saya boleh dapat suara saya didengar adalah untuk ambil senapang untuk letupkan bom. *We are making the problem worst* daripada apa yang ada.

Jika kita ini hendak *control terrorism*, saya rasa *this is over doing it* lah. *I think I really feel* ini ada masalah *and* saya rasa kita boleh terima ini dengan pindaan. Macam saya katakan tadi macam dalam seksyen 24 subseksyen 4 kita boleh kenakan syarat-syarat di mana mahkamah jika dia hendak soal polis untuk cek kesahihan bukti itu, kita ada syarat-syarat bagaimana ini boleh buat di camera di dalam *closed* supaya *information* yang sensitif tidak dikeluarkan.

#### ■1630

Ini kita boleh buat tetapi *the way it's drafted now, I am sorry to say*, sangat kasar dan tidak buat tanggungjawab kita untukelihara hak-hak asasi *while at the same time* kita jugaelihara keamanan negara. *We are not balancing it*. Ini kekhuatiran saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor.

#### 4.31 ptg.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita hari ini berbahas berkenaan dengan cadangan-cadangan atau pindaan kepada SOSMA ini. Ia merupakan satu *statue* Tuan Yang di-Pertua yang *is preventive in nature*. Kalau kita lihat kepada rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kita akan *we will notice* satu perkara yang ketara di dalam hampir kesemua pindaan dalam rang undang-undang ini.

Apa yang ketara itu adalah setiap pindaan ini ataupun hampir setiap pindaan ini mempunyai '*Shall*'. Apabila kita mempunyai perkataan '*shall*' itu mengeluarkan ataupun



mengikat tangan mahkamah. Contohnya pindaan untuk membolehkan *confession* diambil ataupun *statement* daripada seorang *accuse*. Itu adalah dalam fasal 6. Saya membaca dengan izin dalam bahasa Inggeris, "*The principal Act is amended by inserting after section 18 the following sections. Statement by accused or accuse- 18A - any statement by an accused whether orally or in writing to any person at any time shall be admissible in evidence.*"

Tadi Tuan Yang di-Pertua, apabila rang undang-undang ini dibahaskan, pada awalnya saya dapati Yang Berhormat Setiu tidak berada di dalam Dewan. Akan tetapi sekarang saya tengok, beliau telah hadir. Beliau ada di Dewan sekarang. Yang Berhormat Setiu merupakan seorang bekas hakim Mahkamah Seksyen, saya faham. Itu adalah satu tanggungjawab Yang Berhormat Setiu ada untuk memberi pandangan berkenaan dengan pertama sekali sama ada seksyen 18A yang baru ini merupakan satu seksyen yang bertentangan dengan jaminan terhadap seorang tertuduh untuk mencabar kesukarelaan *statement* yang diberi kepadanya yang merupakan satu perkara yang *trait* dan termaktub di bawah undang-undang.

Semua peguam di sini Tuan Yang di-Pertua, akan tahu bahawa apabila satu *confession* cuba dimasukkan ke dalam keterangan di mahkamah, tertuduh mempunyai hak untuk mencabar *confession* tersebut. Kenapa hak itu wujud Tuan Yang di-Pertua? Hak itu wujud oleh sebab kita tahu *we know* dengan izin *what the police is capable of*. Kita tahu apa yang berlaku *behind the close doors*. Kita tahu cara mereka memaksa untuk mendapat *confession*, memukul.

Akan tetapi dia tidak akan tinggalkan tanda apabila dipukul. Dia bijak, polis. Dia pukul di bawah tapak kaki. Apabila *you* pukul di bawah tapak kaki, tidak ada kesan. Itu bermakna tidak dapat membuat aduan. Akan tetapi itu tujuan kita mempunyai *safe guard* untuk membolehkan hakim menentukan sama ada *statement* ataupun *confession* tersebut dibuat secara sukarela ataupun dengan izin, *voluntary*.

Mengikut Pindaan 18A ini Tuan Yang di-Pertua, hakim tidak ada kuasa, langsung tidak ada kuasa untuk mempersoalkan *statement* tersebut. *In other words*, dengan izin, dalam erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, *even in obvious cases in which a statement is taken involuntarily the court is powerless*. Langsung tidak berkuasa untuk bertindak untuk menolak *statement* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat apakah prinsip utama di belakang kes-kes jenayah. Prinsip utamanya adalah ini bahawa *a man is innocent until proven guilty* dan merupakan satu prinsip utama Tuan Yang di-Pertua bahawa merupakan beban di atas bahu pendakwa untuk membuktikan kesalahan terhadap seseorang tertuduh.

Peguam Negara telah pun membuat pindaan kepada Kanun Tatacara Jenayah baru-baru ini untuk mengecualikan penggunaan *caution statement*. Kenapa dia buat cadangan tersebut? Itu dibuat disebabkan Tuan Yang di-Pertua ada dalam pengetahuan luas bahawa *confession* itu banyak kali diperolehi melalui paksaan.

*So in the same spirit*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kenapakah di bawah satu undang-undang yang lain *public prosecutor* boleh *recognize* keperluan mengadakan *safeguard* terhadap *confession* tetapi bukan di dalam peruntukan ataupun undang-undang yang lain. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Setiu untuk membuat pandangan nanti. Saya menjemput Yang Berhormat Setiu sebagai bekas hakim untuk memberi pandangan. Ini perkara serius Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Ya, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Seputeh tidak perlu sokong macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *No, no, no*. Sokong atau tidak sokong tidak kira. Yang penting pandangan. Memberi pandangan memandangkan beliau merupakan seorang bekas hakim dan mempunyai pengalaman. Saya pasti beliau telah membuat bicarakan kes-kes jenayah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, dia tengah meneliti rang undang-undang.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tidak berapa banyak, empat *page* sahaja. Sekejap. Akan tetapi, saya pasti, Yang Berhormat Setiu telah

membuat ataupun membicarakan banyak kes jenayah. Dalam pengalaman perbicaraan-perbicaraan tersebut, saya pasti Yang Berhormat Setiu telah pun menolak *statement* atas jasa ataupun sebab *statement-statement* tersebut diperolehi secara paksa.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bangun]*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya sebenarnya rasa agak hairan. Pindaan undang-undang ini semua yang bahas sebelah sini. Sebelah sana kita ada bekas hakim, kita ada *lawyer*, kita ada akademik, kita ada akauntan, profesor Yang Berhormat Lenggong.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tadi sudah bahas bah tadi pagi.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sama punya maa, tadi Yang Berhormat Sepang sudah pun puji Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan tahu begitu serius...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang tidak faham Yang Berhormat Seputeh sahaja, kita sudah faham.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** ...Yang impaknya besar, haruslah sokong juga. Tidak ada seorang pun bahas, macam mana boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kita dengar dari Yang Berhormat Kinabatangan sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya setuju dengan Yang Berhormat Seputeh. Nampaknya kebanyakan perbahasan rang undang-undang ini datang dari sebelah sini. Ini satu perkara penting Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan satu perkara berkenaan *evidence* yang boleh dipakai kepada kami di Dewan ini tidak kira sebelah mana.

#### ■1640

Dalam rang undang-undang ini, kita pergi juga kepada seksyen 7. Saya membaca dalam versi Inggeris dengan izin "*The principal act is amended by substituting for section 20 the following section: Documents or things seized or howsoever obtained.*"

20. *All documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence and the contents of the documents or things shall be admissible as evidence.*

Now, apakah tujuan peruntukan ini Tuan Yang di-Pertua? Tadi Yang Berhormat Klang ada menimbulkan persoalan bagaimana pula dengan *evidence* yang *illegally obtained*? Kita ada peruntukan ataupun kes-kes yang termaktub sekarang Tuan Yang di-Pertua, di mana ia menyatakan bahawa "*Illegal evidence is admissible nonetheless. It is not admissible merely because it is illegal.*" Jadi, sekiranya satu *evidence* itu didapati secara tidak ikut undang-undang mahkamah masih boleh menerimanya tetapi undang-undang sekarang memberi budi bicara kepada hakim untuk menolak keterangan *illegal* tersebut apabila mengambil kira keadaan sekeliling. *Depending on the facts and circumstances of the case.*

Undang-undang kami sudah lama terpakai. Kita ikut kes DPP *versus* Kuruma satu kes *Privy Council* di UK. Itu membuat prinsip tersebut di mana *illegal evidence* boleh diterima tetapi hakim mempunyai budi bicara untuk menolaknya. Dalam kes Anwar Ibrahim baru-baru ini Hakim Mahkamah Tinggi menolak keterangan yang diterima secara *trick* di peringkat Mahkamah Tinggi. Walaupun beliau *reverse his ruling* selepas itu, itu kita terima. Beliau boleh *reverse*, beliau boleh membuat *ruling* tetapi apa yang penting ialah beliau mempunyai budi bicara. Apa akan berlaku pada masa depan sekiranya peruntukan macam ini dibenarkan Tuan Yang di-Pertua?

Saya boleh bagi contoh. Kita minum satu *cup of coffee*. Apabila minum *cup of coffee* tersebut sudah tentu *saliva* kita ada pada *cup* tersebut. Kita tinggalkan *cup* tersebut di meja. Selepas itu polis datang ambil *cup* itu, ambil *swab* daripada *saliva* tersebut, ada DNA kita.

DNA kita itu diletak atas satu bom ataupun senjata. So, kita sudah *connected to the item of which form a subject matter of the charge*. Tuan Yang di-Pertua, bukankah saya mempunyai hak untuk mempersoalkan proses tersebut sekiranya saya mengesyaki bahawa DNA saya yang terdapat di atas bom tersebut diperoleh secara syak. *Do I have a right to question it? Do I have the right to ask the court to inquire as to how my DNA is on that bomb?* Sudah tentu *any person with the same mind whether you are from BN, whether you are from the opposition. Any sane person will know* peruntukan *like this* dengan izin *is draconian. That is why I challenge Yang Berhormat Setiu for example. I challenge any sane person from that side to tell me whether this is not draconian.* Sama ada *confession* itu pun kita tidak boleh pertikai.

Kita lihat kepada seksyen 9 Tuan Yang di-Pertua, khususnya subseksyen 2. Saya membaca apa yang dinyatakan di sana di bahagian ataupun versi Inggeris dengan izin *"Admissibility of intercepted communication and monitoring, tracking or surveillance information. 24(2) The information obtained through an interception of communication under section 6 shall only be admissible where tendered under a certificate by the public prosecutor stating that the information so obtained had been authorized by the public prosecutor"*.

Di bahagian 24(3) *"A certificate by the public prosecutor issued under subsection (2) together with any document or thing that may be exhibited or annexed to the certificate shall be conclusive"*. Ini penting. *"Shall be conclusive evidence that the interception of communication had been so authorized"*. Yang lebih memeranjatkan kita *do not even need the signature of the public prosecutor* atas *certificate* tersebut. So, just cut and paste. Bila dia hendak pakai *evidence of intercepted communication public prosecutor* mengeluarkan satu sijil. *Public prosecutor* menyatakan dalam sijil tersebut *they are certify*. Maklumat di dalam *intercepted communication* tersebut telah pun dibenarkan ataupun di *authorize*.

Then subseksyen 24(3) menyatakan sijil tersebut merupakan *conclusive evidence*. Itu bermaksud tidak boleh dipertikaikan. *It is conclusive. Conclusive evidence that the interception of communication has been authorized.*

Tuan Yang di-Pertua, ini bermaksud bahawa isu *voluntariness* tidak akan timbul di mana-mana kesalahan di bawah peruntukan ataupun *legislation* ini. Ini merupakan satu perkara yang amat serius. *It removes the power of the court and places that power into the hands of the public prosecutor directly*. Kenapa kita perlu bagi kuasa sebegitu banyak kepada *public prosecutor*, apakah tujuan? Adakah kita tidak yakin kepada hakim? *Have we lost such confidence in the judiciary when we don't even want to give them the power to decide cases anymore?* Kenapa hendak ada mahkamah? Terus pergi ke AG Chambers bicara sana. Dia boleh bagi keputusan. Terus! *What's the point of having a court?* [Tepuk] Orang macam Yang Berhormat Setiu, dia akan hilang gaji kalau dia hakim sekarang. Tidak perlu mahkamah. *We don't need. We just go to Ghani Patail atau Shafee.*

*We ask Shafee, we ask Ghani Patail, "Please tell me whether I am guilty or not, forget the court"*. Tidak perlu. Masalah di sini Tuan Yang di-Pertua adalah malangnya Ahli-ahli Yang Berhormat dari BN tidak berani untuk mempertikaikan ataupun mempersoalkan undang-undang zalim seperti ini. *That is the sad reality of the nation today* [Tepuk] Langsung tidak berani! Akan tetapi saya bagi satu pengecualian kepada Yang Berhormat Kinabatangan [Tepuk] Itu kita bagi pengecualian. Hari ini dia membuat satu *stand* yang berani. Untuk itu saya pun tepuk [Tepuk] Ya, saya tepuk.

Akan tetapi yang penting Tuan Yang di-Pertua, *it is this is obvious*, adalah amat jelas bahawa peruntukan-peruntukan seperti ini langsung menentang *directly contradict the safeguard in our cherish Federal Constitution*. Itu isunya di sini. *Why is that so hard to understand? Why do I have to debate this?*

■1650

Kenapa saya perlu berdiri di sini cuba mahu buat dia orang fikir, cuba buat dia orang faham *something so basic? Why am I doing this? We shouldn't be debating this.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dengan izin ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dengan izin, minta maaf.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai bangun.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Silakan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bukit Gelugor membuat puji-pujian kepada Yang Berhormat Kinabatangan dan kita juga berasa *performance*, dengan izin, Yang Berhormat Kinabatangan pagi tadi telah antaranya menyebabkan rang undang-undang pagi tadi ditarik balik... [Tepuk] Akan tetapi untuk rang undang-undang yang sekarang kita bahaskan ini, nampaknya Yang Berhormat Kinabatangan belum bangun untuk memberikan sokongan... [Disampuk] Belum lagi. Yang Berhormat Bukit Gelugor, ini kerana dalam rang undang-undang ini, dalam bab mengambil maklumat daripada isteri, bagi Yang Berhormat Kinabatangan ini, ini masalah ini. Isteri-isteri ini. Jadi Yang Berhormat Kinabatangan lebih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan masuk soal peribadi, Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tak. Bagi saya, saya rasa ini masalah besar kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi sepatutnya Yang Berhormat Kinabatangan bangun dulu untuk berbahas. Apakah pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Berkenaan dengan bini dan sebagainya, saya tak tahulah, *sorry*. Itu semua saya tak boleh nak komen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ya. Kalau tahu pun jangan masuk campur Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Akan tetapi, berkenaan dengan peruntukan ini saya nak komen. Peruntukan yang tersebut adalah di bawah seksyen 18B yang menyatakan *communications during marriage*. Seksyen 18B(1) dengan izin, "A person who is or has been married shall be compelled to disclose any communication made to him during marriage by any person to whom he or is or has been married".

Ini erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, mengatakan bahawa komunikasi antara suami isteri ataupun bekas suami isteri boleh digunakan atau diterima sebagai keterangan, *evidence*. Ini merupakan sekali lagi satu perkara yang bertentangan dengan undang-undang yang termaktub.

Dalam kes-kes *divorce* di mana terdapat penceraian antara *husband and wife*, ada banyak *safeguard* untuk menentukan *communication* di antara isteri dan suami tidak boleh digunakan sebagai keterangan. Ada tujuan untuk prinsip tersebut, Tuan Yang di-Pertua. Tujuan untuk prinsip tersebut adalah oleh sebab *when the grass is green, it is always lush* tetapi bila musim kemarau, *the grass became brown*. Dalam erti kata lain, *when the marriage is good* dengan izin, semuanya cantik tetapi bila cerai, semuanya teruk.

So tadi ada isu yang dibangkitkan, bolehkah kita menyalahgunakan peruntukan seperti ini? Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, saya kata ia boleh disalahgunakan. Contohnya, apabila hubungan antara suami isteri *become sour*, dengan izin, *can one party fixed the other up by the use of this provision?* Akan tetapi kita balik kepada isu pokok, Tuan Yang di-Pertua. Dalam rang undang-undang ini saya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sikit, sikit.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya, boleh.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Yang Berhormat Bukit Gelugor, dengan izin, *even* kalau sekiranya perkahwinan itu pun baik, perkahwinan itu tak ada apa-apa masalah, tetapi dengan penggunaan perkataan *compelled* atau dipaksa itu, bermakna seorang suami atau isteri, salah satu itu, mereka juga terpaksa dedahkan. Kalau tidak, ia jadi satu kesalahan sebab dalam seksyen 18 itu menyatakan sampailah isu *of consent* tidak timbul langsung. Jadi kalau perkahwinan dah rosak, dah *become sour* itu dah satu hal lah. Yang perkahwinan tengah bahagia pun ini, kerana benda ini, mungkin daripada bahagia jadi tak bahagia. Setuju tak dengan saya?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ya, memang itu satu *observation* yang penting. Peruntukan-peruntukan seperti ini boleh memecahbelahkan satu perkahwinan. Sudah tentunya satu perkahwinan yang bahagia boleh pecah sekiranya suami perlu atau terpaksa bagi tahu *information*, apa yang dia bincang sama isteri kepada polis. Dia terpaksa buat macam itu. Kalau dia tak buat macam itu, dia akan kena kesalahan. Akan tetapi apa yang penting Tuan Yang di-Pertua, kita balik kepada isu pokok berkenaan dengan keseluruhan rang undang-undang ini. Keseluruhan rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada polis dan mengambil kuasa daripada pihak mahkamah. *That is the essence* dengan izin, rang undang-undang ini.

Itu satu perkara yang amat menakutkan. Oleh sebab sekiranya peruntukan-peruntukan ini dibenarkan tanpa cabaran daripada Ahli-ahli BN yang tak berani menyebut, *we are heading to a police state*, dengan izin. Ini akan menjadi negara *police state* di mana polis yang menjalankan negara ini.

Jadi saya akhiri ucapan saya atas dasar tersebut tetapi sebelum saya akhiri ucapan saya, saya sekali lagi...

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ya.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya beberapa hari ini mengikuti kelas pengajian undang-undang.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Baru nak belajar?

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Baru nak belajar. Kalau boleh, saya merumuskan iktibar ataupun *wisdom* yang saya dapat daripada dua tiga hari ini.

Kita mengetahui adanya pengasingan tiga kuasa iaitu *Executive*, *Judiciary* dan juga *Legislative*. Kalau kita lihat daripada semangat undang-undang yang dikemukakan untuk dua tiga hari ini terutama yang terakhir ini, akhirnya, apakah betul kalau saya merumuskan, kuasa pihak Eksekutif untuk mencapai cita-cita mereka, menggunakan polis dan menggunakan kehakiman, lepas itu mereka pun *wash their hands clean*? "*Ini bukan saya, bukan tujuan saya Pekan untuk ini semua.*" Ataupun siapa sahaja yang jadi Perdana Menteri nanti. "*Ini kehakiman, ini polis.*" Jadi *they wash their hands clean even though they are very dirty*. Macam mana pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor?

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih. Berkenaan dengan pandangan tersebut, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Batu Pahat yang menimbulkan isu yang penting Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan isu pengasingan kuasa atau *separation of powers*.

Kita tahu itu merupakan satu isu *basic* di mana kuasa diagihkan kepada tiga buah badan yang utama iaitu *Executive*, *Legislative*, *Judiciary*. Ini merupakan tiga buah badan asing yang mempunyai peranan ataupun tujuan-tujuan yang tertentu. Misalnya, peranan hakim bukannya untuk menggubal undang-undang, peranan hakim ialah hanya berperanan untuk *interpret* undang-undang. Itu merupakan satu prinsip *separation of powers*. *In other words*, dia tidak campur tangan. Sebuah badan tidak akan campur tangan dengan badan yang lain.

Masalahnya di sini ialah Menteri Dalam Negeri faham doktrin ini, dengan izin, *he understands that the Executive does not interfere with the cops and vice versa*.

■1700

Dia faham itu dan oleh sebab itu, dia membuat pindaan seperti ini untuk mengurangkan kuasa di tangan hakim. *That is the purpose*, dengan izin *of such amendments to deprive the courts over its powers to the point that those powers are solely in the hands of the executive or the police*. Itu tujuan undang-undang seperti ini. Kalau kita lihat ataupun meneliti undang-undang seperti ini dengan lebih terperinci, kita akan fikir dan kita akan tahu ini akan menimbulkan satu *police state* dalam masa yang terdekat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya tanya dan saya menyeru kepada Yang Berhormat Setiu, menyeru *is...*[*Disampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Urge*, ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Saya menyeru kepada Yang Berhormat Setiu, saya minta Yang Berhormat Setiu *honest serious note* untuk beri pandangan *especially* berkenaan dengan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau dia bangun saya panggil dia berucap, Yang Berhormat.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Boleh. Sebelum saya akhiri, *especially* berkenaan dengan peruntukan *confession* tersebut, *statement by accuse* tersebut di seksyen 18A, bagi pandangan, pandangan yang bebas, objektif, pandangan seperti seorang bekas hakim yang pernah membuat kes-kes seperti ini, seorang bekas hakim yang pernah menolak *statements* yang diambil secara paksa. Bagi pandangan adakah ini satu peruntukan yang kita boleh terima? Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Setiu [*Tepuk*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cabaran demi cabaran, berkali-kali cabaran. Saya menerima cabarannya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat sekarang bukan hakim, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ahli Parlimen [*Ketawa*].

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itulah saya kata sekarang ini- tadi Yang Berhormat Bukit Gelugor ada bertanya kepada saya, sebelah sini... [*Merujuk kepada blok kerajaan*] Tidak berbahas, sebelah sana... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Akan tetapi ini memang tugas sebenarnya, sebelah sana sebab ramai peguam... [*Merujuk kepada blok pembangkang*] Sebelah sini tidak ramai sangat... [*Merujuk kepada blok kerajaan*] [*Disampuk*] Sebelah sana memang peguam, memang kerja dia...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Bangun*]

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mencari untuk membela. Itu yang sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar bangun Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak memperjelaskan. Boleh Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Nanti sekejap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia belum masuk gear lagi Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya sekarang ini adalah sebagai MP, bukan lagi sebagai hakim dan masa tugas sebagai hakim, hanya mendengar sahaja. Jadi tidak mengapa, saya terima cabaran. Tidak mengapa. Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Menunjukkan isyarat tangan*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hidup Yang Berhormat Setiu!

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Melihat kepada perbahasan pada hari ini, banyak bertumpu kepada fasal 6 berkenaan dengan 18A. Jadi 18A ini pada saya, bukan maknanya kita terus tarik balik kepada semua *bill* yang kita bentangkan hari ini. Bukan semua kita perlu tarik balik sebab semalam pun ada pihak kementerian, pihak Menteri...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh Yang Berhormat Setiu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya Yang Berhormat Setiu, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebetulnya saya ini pun bukan peguam. Akan tetapi saya mendengar hujah rakan-rakan, memang benar yang di sebelah sini rata-rata ramai peguam, cuma ada peguam yang *first class*, ada yang *second class*, ada yang *third class*... [Disampuk]. Yang Berhormat Shah Alam tidak boleh masuk...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah sebutlah Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Shah Alam kosong terus, tidak boleh [Ketawa] Kalau macam Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Puchong, itu okey. Kalau Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Kapar, itu ada bawah sedikitlah [Ketawa]

Jadi saya meneliti Yang Berhormat. Memang benar mungkin ....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kinabatangan, kamu bukan peguam macam mana kamu boleh takrif? Kamu sendiri pun bukan peguam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh sampuk Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan tengah mencelah, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Inilah contohnya. Saya bagi contoh, dia tidak tahu undang-undang langsung.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Dia *no trust*.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia terus *interrupt*, tiada minta apa-apa pun. Kalau Yang Berhormat Ipoh Barat dia sopan sebab dia tahu undang-undang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini pecah-belah, pecah-belah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** [Disampuk] [Ketawa] Jadi, apakah Yang Berhormat Setiu melihat bahawa mungkin akta ini boleh diterima, cuma mungkin perlu ada perubahan. Apa yang saya lihat iaitu mungkin terhadap pindaan seksyen 6 yang berbunyi "*Apa-apa penyertaan oleh seseorang tertuduh sama ada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana orang...*". Ini bermakna, "*mana-mana orang*" - ini bahaya. Semua orang boleh. Jadi mungkin ditukar kepada 'orang yang mempunyai autoriti, yang mempunyai kuasa'. Itu mungkin boleh. Kalau "*mana-mana orang*" ini Yang Berhormat Menteri, susah kita. Kalau kita jumpa penyamun, kita pun adu sama dia, payah juga.

Selepas itu mungkin jika seksyen 18B(1) iaitu, "*Seseorang yang sedang atau pernah berkahwin terpaksa...*". Kalau boleh janganlah '*terpaksa*', perkataan 'boleh'. Mungkin itulah antara lainnya, kalau terpaksa ini, susah juga kalau dipaksa-paksa ini. Hidup pun tidak boleh dipaksa Yang Berhormat Menteri. Kalau kita paksa sesuatu benda yang kecil kita sumbat benda yang besar, pecah juga dia [Ketawa] Jadi terpaksa. Kenapa tidak perkataan mungkin 'boleh'? Jadi mungkin Yang Berhormat Setiu ke arah itu untuk memperbetulkan dan ada dua perkara atau tiga perkara lagi saya minta Yang Berhormat Setiu untuk mencadangkanlah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau dua hari lepas Yang Berhormat Shah Alam diiktiraf sebagai yang lebih hebat daripada peguam-peguam. Hari ini saya juga iktiraf Yang Berhormat Kinabatangan juga hebat [Tepuk] Betullah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi, saya bersetujulah.

Cuma saya belum habis 18A. 18A ini kalau kita boleh pinda, kita letakkan '*kepada mana-mana orang*' ini yang bukan seseorang yang dalam kuasa, yang ada kuasa tidak kiralah sesiapa sama ada poliskah atau sesiapa, tidak boleh. Maknanya kita masukkan dalam 18A. Maknanya boleh dan masa bukan '*bila-bila masa*' lah. Sebelum tangkapan, selepas tangkapan, berbeza. Makna *statement* sebelum, kebiasaannya sebelum. Kalau selepas tangkapan ini, kita sudah kira lain.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Setiu

...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Baru hendak *explain*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi lagi Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Jadi maknanya kita tidak boleh hendak kata kita terus tarik tetapi kalau pihak Menteri boleh sahkan bahawa boleh dipinda-macam semalam kita luluskan dengan Aku Janji untuk pinda, saya rasa boleh dibuat. Jadi saya cadangkan supaya dipinda macam itu, dipinda tadi tidak kepada '*mana-mana orang*'. Maknanya pindaan kepada mana-mana orang yang bukan berkuasa.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [*Bangun*]

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Mana satu ini? Mana yang dahulu, yang lebih hebat daripada *lawyer* ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak tahu mana yang hebat daripada *lawyer*. Yang Berhormat Shah Alam agaknya ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baiklah terima kasih Yang Berhormat Setiu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia sudah buat lawak, saya lupa apa hendak cakap [*Ketawa*] Akan tetapi beginilah, ini mungkin antara sebab masalah yang kita hadapi apabila kita diberikan rang undang-undang yang bertimbun-timbun. Semua hendak dibahaskan dengan segera sehingga cadangan-cadangan untuk pindaan tidak dapat kita kemukakan. Kalau kita faham sepertimana yang pernah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, hendak pinda ini bukan senang. Ada prosedurnya.

Kalau benda-benda ini kita sudah dapat lebih awal dan tempoh untuk perbincangan kita diberikan taklimat dan selepas itu barulah kita datang ke Dewan untuk hendak bahas dan sebagainya, kita boleh sediakan cadangan untuk pindaan-pindaan yang kita boleh bentangkan hari ini juga dan kita boleh bahas hari ini juga dan kita boleh buat pindaan itu dan selepas itu baru kita luluskan. Sampai bilakah kita hendak gunakan kaedah Aku Janji bahawa pindaan akan dibuat? Itu sekali bolehlah. Itu mungkin atas keadaan-keadaan yang tertentu tetapi kalau setiap kali kita buat perbincangan, selepas itu ada masalah, selepas itu tidak boleh pinda, selepas itu kita hendak kena luluskan dahulu, selepas itu ada Aku Janji akan dipinda, *this is low class Parliament*lah.

■1710

Tadi Yang Berhormat Kinabatangan bercakap tentang *lawyer* ada kelaslah, dia sendiri pun bukan *lawyer*, dia hendak tetapkan kelas *lawyer* macam mana bukan? [*Ketawa*] So, kita hendak sebagai Ahli Parlimen, kita hendak Parlimen kita ini *world class*.

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kita hendak undang-undang yang diluluskan tidak ada kecacatan, tidak ada kekurangan. Kita tak boleh luluskan atas aku janji daripada Yang Berhormat Menteri bahawa akhirnya ia akan dipinda. Sekali mungkin, semalam itu orang semua dah letih dah. Kita berilah kan, *but* saya rasa jauh lebih baiklah, kita tarik balik sahaja dan kita pinda betul-betul dan kita bentangkan kembali pada bulan enam ini [*Tepuk*] Itu adalah yang terbaik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bulan Mei.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya rasa Yang Arif ataupun mantan Yang Arif, mantan Yang Arif, sekarang Yang Berhormat. Sekarang ini Yang Berhormat, boleh bersetujual dengan cadangan saya. Saya harap Yang Berhormat Kinabatangan pun boleh bangun, beri *green light* kepada Yang Berhormat Setiu, beri *signal* kata membenarkan Yang Berhormat Setiu untuk mencadangkan supaya ia ditarik balik supaya Yang Berhormat Setiu pun dia senang hendak cakap. Kalau tidak, dia hendak cakap itu, dia teraba-raba, dia tak tahu hendak cakap apa, takut-takut dia kena bantai dengan dia punya kumpulan *backbencher-backbencher*.



**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Shah Alam memang pandailah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya minta..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Undang-undang pandai, agama lebih hebat daripada Presiden PAS pengetahuannya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ha, itu dia. Ini pun seorang layar buruk. Saya pun tak tahu [*Ketawa*] Saya minta, supaya Yang Berhormat Setiu cadangkanlah, ya. Kalau kita cadangkan, mungkin masalah. Kita pun faham. Biarlah wakil rakyat daripada Barisan Nasional seperti mana pagi tadi Yang Berhormat Kinabatangan, tarik baliklah, buat betul-betullah, jangan buat cara macam inilah ya. Lulus dengan aku janji, hendak tukar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, balik kepada Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa pandangan Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Boleh Yang Berhormat Setiu? Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ha, yang ini saya memang tak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam [*Ketawa*]

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Boleh?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, Yang Berhormat Jelebu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Jelebukah, Bukit Gelugor?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Jelebu dahulu.

**Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan sebagai bekas hakim, dari sudut pemahaman orang biasa tentang pindaan 18(a) ini, berkaitan dengan keterangan.

Jadi, saya bercakap bukanlah sebagai peguam, ini orang biasa. Apa yang saya faham, apa yang dimaksudkan oleh pindaan ini ialah untuk memperkukuhkan soal pembuktian iaitu orang yang tertuduh, seorang yang tertuduh ini biasanya bila disiasat, tidak akan *reveal facts* dan fakta yang sebenar. Dia akan cuba beralih dan sebagainya. Oleh sebab itu, kalau dalam sepanjang pergaulan, persahabatan atau dalam tempoh siasatan itu, tertuduh ini mungkin bercakap secara tak sengaja ataupun tidak sedar kepada mana-mana pihak sama ada dia pegawai ataupun orang biasa dan setakat hari ini, yang saya difahamkan bahawa kenyataan yang begitu tidak boleh dijadikan sebagai *evidence* di dalam mahkamah.

Jadi, oleh sebab itu, dengan akta baru ini membolehkan orang yang berkenaan yang mendengar secara tidak langsung cakap-cakap orang yang tertuduh ini berkaitan dengan kes itu, kalau ia boleh dijadikan *evidence*, maka prosedur dan proses untuk mengemukakan kepada mahkamah sebagai *evidence* baru, saya fikir ini yang cuba dicapai oleh undang-undang dan pindaan ini bagi mencari keadilan dan kebenaran. Tidak timbul soal mengambil kuasa hakim. Ini yang saya faham tetapi membantu hakim bagi memudahkan hakim membuat keputusan. Bagaimanakah pandangan hakim dalam isu yang berkaitan ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Sekejap, saya jawab dahulu ya, saya jawab yang Yang Berhormat Shah Alam sebab...

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bukit Gelugorkah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor, saya jawab yang Yang Berhormat Shah Alam dulu. Oleh sebab belum habis ya,

sebab saya tak bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam tadi. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Shah Alam, berbeza kalau bawah 18(a) ini dengan yang semalam ini, apa yang kita tarik balik itu sebab berbeza. Yang itu sudah ada kuasa hendak hadkan kuasa seseorang hakim.

Dalam ini bukan ada had daripada segi *confession* dan sebagainya. Cuma kita kata apa-apa *statement* ataupun kenyataan itu dibuat kepada yang sesiapa tadi, ini jawapan kepada Yang Berhormat Jelebu, boleh diterima sebenarnya dalam undang-undang ini. Maknanya, bukan kepada seorang yang berkuasa boleh diterima. Jelas, dalam akta keterangan sendiri. Jadi, maknanya kita pinda. Jangan kita tarik ya.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ataupun Yang Berhormat Setiu, saya tadi tanya berkenaan dengan peruntukan seksyen 6 tersebut. Jawapan Yang Berhormat Setiu adalah berkenaan dengan kepada siapa *statement* itu diberi kepada, *whether a person in authority, for example* kalau saya, dengan izin, faham. Akan tetapi itu bukan isunya Yang Berhormat Setiu. Isunya, masalah dalam peruntukan ini bukan setakat kepada siapa *statement* itu diberi tetapi masalah di belakang peruntukan ini adalah bahawa ia *shall be admitted. In other words*, dalam erti kata lain Tuan Yang di-Pertua, isu *voluntariness*nya itu tidak timbul. Itu isunya di sini, bukan isu kepada siapa *statement* itu diberi. So, kalau kita pinda kepada siapa yang diberi, tidak mengatasi masalah asasnya iaitu bahawa *statement-statement*, termasuk *confession* mesti diterima walaupun ia tidak diberi secara sukarela. Itu isunya, wajib diterima. *How do we amend this*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak boleh dipinda. Ini sepatutnya ditarik balik, minta pandangan Yang Berhormat Setiu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Setiu, sebelum...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bagi saya jawab dulu, nanti lupa.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Tak, sebelum, lebih kurang sama ya. Boleh ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Saya telah meneliti hujah-hujah yang diberikan oleh kedua-dua pihak dalam perbahasan rang undang-undang ini. Apabila dilihat respons ataupun tindak balas daripada rakan-rakan sebelah *backbenchers* mengenai rang undang-undang ini, kelihatannya seolah-olah rang undang-undang ini sebagaimana Yang Berhormat Ipoh Barat sebut, baru diberi 30 hari bulan Mac. Nampaknya di sebelah *backbencher* pun ada masalah juga. Timbul macam *stress* sikit. Sedangkan di sebelah sana, saya rasa Yang Berhormat Muar seorang peguam, Yang Berhormat Beaufort seorang peguam. Sebelah sini Yang Berhormat Tanjong Karang peguam, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Mas Gading...

**Seorang Ahli:** Ramai.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Pengerang. Siapa lagi? Banyak peguam yang...

**Seorang Ahli:** Baling, Baling...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya rasa kalau sekiranya *bill* ini telah dibentangkan dengan begitu baik di peringkat *backbencher*, tidak jadi resah dan *stress* macam ini. Jadi, saya rasalah, adalah cukup elok, saya menyokong cadangan daripada Yang Berhormat Shah Alam tadi dan juga yang lain-lain supaya *backbencher* ini mencadangkan ditarik balik sahaja atas dasar yang baik untuk rakyat semua. Tak ada alasan untuk kita teruskan pinda dan sebagainya yang jelas bertentangan dengan undang-undang yang sedia ada dan prinsip undang-undang itu sendiri. Minta pandangan Yang Berhormat Setiu. Terima kasih.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, untuk kedua-dua ini saya jawab. Yang bawah seksyen 6 tadi, yang soal tadi, saya rasa yang itu pun boleh dipinda. Kita jangan letakkan '*shall be*'. Kita tukar kepada 'boleh dikemukakan'. '*May be adduce*'. Okey? Itu kita boleh pinda-pinda itu benda-benda macam itu. Jadi, 18(a) ini, selesai ya Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ada lagi?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak puas hati juga? Hendak tarik balik juga?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak tanya Yang Berhormat Setiu, Yang Arif, yang mantan Arif, yang sekarang ini Yang Berhormat *[Ketawa]* Bagaimana hendak buat pindaan ini? Apa prosedur dia? Semalam pun, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sebut, ini Parlimen. Ada prosedur dia. Bukan kita boleh cakap sekarang ini, okey pinda, lalu kita sekarang ini sama-sama kita buat pindaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kalau hendak buat pindaan kena buat dalam usul bertulis.

■1720

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya betul, itulah prosedurnya kena buat usul, kena diserahkan berapa jam? Berapa hari sebelum?

**Seorang Ahli:** 24.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** 24 jam sebelum ia dibentangkan. Sekarang ini macam mana? Tarik balik dulu kita siapkan, kita siapkan kita punya draf pindaan, bentang balik esok. Kita bahas, kita bahas sekali dengan pindaan yang kita serahkan. Mana hendak cari prosedur dia? Ia tidak boleh main cakap *or* kita hendak dapatkan akur janji daripada Yang Berhormat Menteri ia akan dipinda dan atas dasar itu kita luluskan bersama, tidak boleh sudah. Ini yang dikatakan tidak ambil kuasa, makan masa. Rasa Yang Berhormat Setiu pun sudah sebutkan tadi, gantikan yang hendaklah itu dengan bolehlah- "*Shall*" itu dengan "*may*" ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, balik kepada Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi pindaan itu Yang Berhormat, dan juga selain daripada itu saya rasa apabila ia disebut ya, bila-bila masa. Bila-bila masa tadi saya rasa Yang Berhormat Puchong pun sudah nyatakan. Kenyataan yang diambil pada bila-bila masa...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Siapa punya *floor* ini? Sudahlah, *floor* Yang Berhormat Setiu. Saya pun tidak cakap sekarang ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, beri balik pada Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sabar, sabar, sabar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini? Berilah dia cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sabar, sabar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah banyak kali cakap, buang masa. Bagilah Yang Berhormat Setiu cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Setiu bagi saya laluan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Selepas ini saya hendak cakap pula, buang masa saya. Saya hendak cakap selepas ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, ya. Yang Berhormat Setiu bagi saya laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Akan tetapi memang betul Yang Berhormat, beri kepada Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, poin yang terakhir.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Poin yang terakhir, poin yang terakhir.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya sudah bagi tahu tadi pasal semalam pun sudah diteruskan dengan undang-undang itu, dengan aku janji. Bukan akur janji ya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak akan kita hendak buat begitu?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Dengan aku janji...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Setiap hari hendak buat begitukah?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Akan tetapi bersetuju boleh bersetuju, kenapa hari ini pula tidak boleh...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bolehkah begitu meluluskan undang-undang dan aku janji daripada Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat Setiu. Masa Yang Berhormat Setiu sudah habis Yang Berhormat .

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu pun dipinda, itu lebih teruk daripada dokumen-dokumen kan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu boleh gulung Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Setiu sikit, minta penjelasan. Bukan *lawyer* ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Setiu, Kota Melaka boleh?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Setiu mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, mencadangkan supaya rang undang-undang ini melalui proses yang lulus, gazet, bawa balik ke Dewan satu masa akan datang. Akan tetapi kalau kita sudah mengenal pasti, mengesan suatu kesilapan di dalam *bill* ini, kalau diluluskan juga dalam tempoh untuk dibawa semula ke Dewan ini akan berlaku kezaliman terhadap mereka yang terkesan kerana kesilapan ini. Mana boleh kita boleh biarkan Tuan Yang di-Pertua diluluskan. Dia mesti tarik balik, pinda, bawa balik ke Dewan dan kalau comel kita boleh mempersetujui bersama. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu boleh gulung.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Setiu, sedikit?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Pindaan ini sebelum diwartakan, maknanya boleh lulus tetapi tidak diwartakan. Ia berkuat kuasa...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Baik Yang Berhormat Setiu, boleh dapat penjelasan? Satu lagi perkara. Satu lagi perkara baru Yang Berhormat...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kena faham itu ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu ini boleh dapat penjelasan?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Arahan daripada Tuan Yang di-Pertua minta saya gulung.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Sebelum itu Yang Berhormat Setiu saya sikit.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sebelum itu berkaitan, bolehkah Yang Berhormat Setiu- sedikit sahaja minta pandangan.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sedikit sahaja, isu kenapa perlu ditarik balik? Ini kerana lain-lain seksyen yang hendak dipinda pun tidak mengikut prinsip keadilan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** *No, no.* Yang Berhormat Beruas belum lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya bagi kepada rakan sayalah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Dia hendak bagi dekat yang bukan *lawyer* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya tidak perlu untuk kita *amend* apa yang kita sudah buat. Dia memang di *design* supaya ia menjadi satu undang-undang yang kuat. Oleh sebab keadaan, keadaan sekarang yang memerlukan negara kita mempunyai undang-undang yang kuat, SOSMA seperti apa yang telah kita hadapi dan kita *extend* kalau kita ada *flavor policing state* sikit-sikit itu pun, ada *flavor* sikit-sikit pun tidak apa. Yang penting kita kena pastikan negara ini negara yang boleh menangani ancaman-ancaman yg baru.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini *law maker* cakap...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Dengan itu...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Mana boleh sikit-sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu...

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Saya tidak bersetuju...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Biarkan dia Yang Berhormat.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Untuk perkara ini *diamendkan*. Kita kena teruskan juga.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *May and shall* ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Setiu. Duduk Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang sangat beza. Tidak boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu duduk dulu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sikit-sikit. Apabila *may* dan *shall* itu bermaksud lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, berucap atas kapasiti mana ini Yang Berhormat?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Law maker* tetapi tidak faham undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Berucap atas kapasiti mana ini? Mencilah? Mencilah Yang Berhormat Labuan, tidak boleh Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Setiu boleh? Ada berkaitan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Berkenaan dengan Yang Berhormat Labuan, saya rasa sudah cukup jelas sudah ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah cukup ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa saya hendak, apa yang sebelah sana hendak ya, sudah jelas. Tentang soalan Yang Berhormat Labuan saya tidak boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Labuan lah ya. Jadi saya boleh dipinda dan tidak mesti- kalau kita teruskan dengan undang-undang itu, tidak semestinya kita boleh terus jalankan. Hendak apa hendak masukkan ini? Apa lagi...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiu. Jadi nampak Yang Berhormat Setiu sangat mempunyai pemikiran yang agak terbuka. Memperakui tentang satu perkara yang salah telah berlaku dan, tetapi saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Setiu tadi kerana dia kata, "Tidak apa, kita terima dulu selepas itu pinda." Jadi ini akan memalukan Yang Berhormat Setiu orang akan mempersoal. Macam mana dia jadi hakim dulu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jatuh hukum selepas itu kata silap. Rupanya hendak jatuh hukum itu sudah silap. Jadi orang kata banyak kes dia jadi tidak betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak perlu macam itu, tidak perlu macam itu Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak jatuh kemaluan saya. Dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pokok Sena, tidak jatuh kemaluan saya ya. Oleh sebab jelas, bukan makna kita terus, makna kita terus meluluskan undang-undang ini, terus jalan. Tidak jalan terus. Kena pergi ke Dewan Negara dulu dengar apa dulu kan. Maknanya apa yang- pindaan boleh dibuat sebelum pada itu. Jadi jelaslah, okey...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Setiu saya cadangkan *BN backbenchers* duduk berbincang keluarkan satu pendirian yang konsisten baru senang Yang Berhormat Setiu hendak berhujah. Pasal saya nampak itu...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu pendirian saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dengan sebelum tadi itu pun bercanggahlah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Kalau yang pagi ini- yang petang tadi yang itu memang kita minta tarik balik. Oleh sebab memang bertentangan dengan undang-undang yang ada. Sekarang tidak adalah bertentangan sangat. Cuma caranya sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Niat bertentangan tetapi tidak bertentangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Niatnya itu baik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena duduk.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak bertentangan sangat itu memang bertentangan tetapi...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Cuma caranya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduk, duduk, duduk Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Niat yang baik Yang Berhormat Pokok Sena. Jadi yang akhirnya saya hendak beritahu fasal 18B sikitlah, 18B ini kalau kita baca- ini pun saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Tukar perkataan “*may*” tadi. Akan tetapi kalau kita baca dalam bahasa Inggerisnya lain pula ia punya makna mungkin berbeza dengan yang bahasa Melayunya. Oleh sebab kalau ikut bahasa Inggerisnya, “*shall be compelled to disclosed*.” Akan tetapi dalam 18B ini, ia kata terpaksa. Maknanya sepatutnya hendaklah dipaksa untuk menzahirkan. Maknanya sikit perbezaan dalam ini ya. Jadi terpaksa ini kena ubah sebenarnya. Jadi yang itu kena boleh memberi keterangan. Kita tukar yang itu boleh memberi keterangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Itu sahaja. Saya mohon menyokong... [*Dewan riuh*] Dengan pindaan.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya pun hairan, dia mohon menyokong tetapi dia mengaku kata ada pindaan tidak betul. Dia sokong benda yang tidak betul.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya sokong dengan pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah, tidak apa.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Apa ini.

**Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Dia sokong benda yang tidak betul. Apa ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak ada isu pun Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak ada isu ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya tidak sokong untuk tarik balik. Saya tidak suruh ditarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya melihat kita ada banyak *bill* yang telah diputuskan tadi sebelum kita berhenti pada hari ini. Jadi...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Panggillah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sekejap Yang Berhormat...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak boleh panggil semua yang bangun, tidak boleh panggil.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita panggil Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh ringkaskan Yang Berhormat ya?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, terima kasih. Saya cuba ringkaskan ucapan saya. Bahawa saya dengar hujah-hujah di sebelah sana, bahawa saya hendak betulkan. Ini kalau saya salah, pihak kerajaan kena betulkan. Kita tahu bahawa ini pindaan akta induk. Akta induk adalah SOSMA. SOSMA ini merupakan satu prosedur, satu prosedur. Bezanya SOSMA dengan POTA ialah di bawah POCA dan POTA apabila polis siasat, polis sudah siasat dan dapat maklumat dia bawa kepada lembaga.

Itu POTA dengan POCA. Akan tetapi ini SOSMA lain. SOSMA undang-undang prosedur ini diberikan kepada polis, betul. Untuk mendapatkan maklumat. Habis tempoh penyiasatan 29 hari, maka yang tertuduh akan didakwa di mahkamah terbuka di bawah Kanun Keseksaan. Waktu dia didakwa di bawah Kanun Keseksaan mahkamah terbuka, seperti mana yang berlaku kepada kes Yazid Supaat di mahkamah kerajaan kalah. Kemudian kerajaan *appeal*. Kes Sulu sekarang ini sedang dibicarakan. Jadi ertinya apa yang saya dengar hujah ini seolah-olah undang-undang prosedur ini dijadikan macam undang-undang biasa.

Kalau mana-mana— kalau pergi ke *open court*, kalau tidak puas hati dengan apa juga *evidence*, *evidence* apa juga maklumat yang dapat maka cabarlah di mahkamah terbuka. Ia berbeza dengan POCA dengan POTA. POCA dan POTA ia tidak pergi ke mahkamah terbuka, ia pergi kepada lembaga. SOSMA akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Kalau dia kata dia memiliki senjata api, didakwa di bawah Kanun Keseksaan di bawah senjata api.

■1730

Kalau dia mengugut keselamatan negara, mungkin dia akan didakwa di bawah ketidaksetiaan kepada Yang di-Pertuan Agong. Waktu bawa ke Mahkamah Terbuka, masa itu *challenge* lah. Benda ini betul atau tidak betul. Ini yang membantu polis dalam tempoh 28 hari untuk mendapat maklumat-maklumat sebelum tertuduh ini didakwa di Mahkamah Terbuka. Apa masalahnya? Ini prosedur. Kalau Akta POCA dan POTA betul, tidak dibawa ke Mahkamah Terbuka.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, boleh?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak dibawa ke lembaga yang telah ditetapkan. Kita pernah tengok lepas, Yazid Seman lepas. Akan tetapi bila dirayu di Mahkamah Tinggi dia didapati dia bersalah. Jadi benda yang saya dengar Yang Berhormat sebelah sana bahas, seolah-olah undang-undang yang dipakai ini sebagai satu undang-undang yang tidak boleh di *challenge* langsung.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bila pergi kepada *Open Court*, terbuka lah. Ikutlah prosedur yang biasa.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bolehkah saya....

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apakah masalahnya. Ha, sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bolehkah Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey. Saya terima. Yang Berhormat Tanjong Karang cakap, kita kena bawa ke *Open Court*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum jemput lagi.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Sorry...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bila kita bawa ke *Open Court*, ada peluang untuk orang yang dituduh untuk membela diri. Akan tetapi ini yang kita sekarang sedang mempertikaikan kerana perkataan macam "*shall be admissible*" hendaklah diterima. Ertinya sudah diberi, mahkamah tidak ada kuasa untuk mengatakan ini tidak sah kerana dia hendaklah terima apa yang diberi oleh polis. So, ini "*shall*" ada masalah dia. Kita "*may*" boleh diterima. Katakan, saya ingat ini lah yang kita pertikai kan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya faham, saya kata tadi, bahawa maklumat-maklumat di bawah SOSMA ini ialah untuk membantu, betullah polis untuk mendapatkan maklumat. Tidak semestinya apabila maklumat yang didapati di bawah SOSMA ini dibawa kepada *Open Court*, peguam tidak boleh *challenge*. Even dulu kita tengok orang-orang di bawah 113 pun dulu, orang *challenge* juga- bicara dalam perbicaraan. Bukannya- Yang Berhormat kena faham, ini prosedur, prosedur. Bila ini prosedur, bawa pada *Open Court*, *challenge* lah dekat *Open Court*. Sudah pun terbukti. Bila saya kata kes Yazid Seman dia lepas. Kemudian ini mengikut prosedur biasa. Ini memberi kuasa kepada pihak polis untuk mendapat maklumat. Itu sahaja. Hanya beza ...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Cara tidak betul. Cara dia tidak betul.



**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** POCA dengan POTA bezanya ialah POCA dan POTA ialah bila polis dapat maklumat, dia tidak bawa ke *Open Court*. Dibawa ke Lembaga.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang kita proses akta semalam. Itu soalnya. Akan tetapi yang hari ini, bila tempoh 29 hari, kalau saya tidak silap, yang *the maximum* kalau tidak silap saya, polis boleh menahan di bawah SOSMA- kalau saya salah, minta maaf. Tidak silap saya, maksimum 29 hari sahaja. Sampai 29 hari, polis tidak boleh tahan dia dah. Polis kena *produce* dia di depan *Open Court*. Semasa di depan *Open Court*, okey datanglah. Ini Yang Berhormat Sepang, hendak jadi peguam bela, siapa lagi tadi hendak jadi peguam bela, datanglah bela dia. Apa masalahnya?

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yalah, ini prosedur. Minta maaf. Saya Yang Berhormat Shah Alam ini, semua undang-undang dia kata *terror*, bab agama, kalau betul bab agama, kalah Yang di-Pertua PAS, kalah Presiden PAS. Kalah Yang Berhormat Marang. Ilmu agama dia, ulama lebih tinggi daripada ahli-ahli PAS yang lain. Semua dia tahu. Ini yang masalah semua orang semua tahu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini *Open Parliament*. Ini *Open Parliament*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *You* tidak... Minta maafilah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar orang nilailah hujah, *Open Parliament*, tidak usah takut *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, masalahnya saya berdebat dengan dia, masalah isu kalimah Allah, dia pun tidak faham apa dia cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Pula sudah *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Tajuk baru. Kembali pada tajuk asal.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tengok balik video, tengok balik video. Jadi Yang Berhormat Shah Alam jangan tunjuk pandai. Dia hendak tunjuk pandai kena tahu semua. Bab agama pun dia hendak cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang saya ingat Yang Berhormat Tanjong Karang kata kita tidak boleh debat kerana kita tidak tahu. Tidak ada orang. Yang Berhormat Tanjong Karang punya hujah, dalam debat, kita tidak boleh debat fasal kita bukan pakar. Fasal kita tidak tahu. Kita serah kepada Majlis Fatwa sahajalah. Akan tetapi dia kata, saya pula yang tidak tahu? Dia yang mengaku, dia tidak tahu, dia kata saya pula yang tak tahu. Beginilah Yang Berhormat Tanjong Karang berilah laluan kalau berani.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Shah Alam, saya nak tanya sedikit sahaja, kalau bab agama, pun dia yang akan cakap pandai.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan risau, jangan risau beri dua minit sahaja *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak payah esok. Kita bentang bab agama, hujah dia kalah daripada Yang Berhormat Marang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, terima kasih. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Macam *terror* sangat dia punya hujah. Itu sebab dalam PAS kelam kabut. Ada golongan ulama, ada golongan ulama profesional. Orang-orang macam Yang Berhormat Shah Alam ini yang buat kecoh dalam PAS sekarang ini.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oh, pula. Wah, pula *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Semua hendak tunjuk pandai. Okey, saya bagi sahabat saya. Itu sebab saya tengok walaupun dia doktor saya tengok dia adalah *basic* sahaja. Saya bagi doktor.

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kembali pada tajuk, Terima kasih.

**Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Nampak gaya, saya perhatikan bahawa Yang Berhormat Tanjong Karang untuk mencapai matlamat dia, maka buatlah apa cara pun, boleh. Ini tidak boleh menjadi kaedah di mana-mana mahkamah atau di mana-mana sistem yang bertamadun menghalalkan cara kerana hendak mencapai matlamat. Kita hendak menjaga keselamatan negara, kita hendak menangkap orang-orang yang *terrorist*, yang penjenayah ini, kita gunakan cara yang tidak betul, tidak boleh. Walau apa pun prosedur, prosedur itu mesti betul, cara yang betul. Itu, Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Sudah faham dah, sudah faham sudah, cakap sedikit saya faham sudah. Okey, tidak apa...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik sekali lagi, mana tahu kalau dah berani. Tidak?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh. Akan tetapi tolong, tadi Yang Berhormat Sepang pun sudah tegur.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak apa, tidak apa.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Masalahnya janganlah goreng. Teruslah macam Yang Berhormat Pasir Puteh.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya *direct*, saya *direct*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagus. *Direct to the point*. Saya faham dia duduk.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya, Yang Berhormat cakap, dalam sekilas ikan di air, saya sudah faham, saya tahu jantan betina.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jangan hendak ulang. Ini bukan ceramah PAS. Kalau ceramah bolehlah. Oleh sebab itulah kalau saya tidak silap dia punya sijil dulu, dia dapat ini, Yang Berhormat Shah Alam ini, dia bagi tauliah mengajar agama. Kalau tidak silap saya telah ditarik oleh JAIS. Kalau saya tidak silap. Macam mana tidak kena tarik, menyeleweng cakap pun tidak betul. Oleh sebab itulah JAIS tarik tauliah dia.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah akhirnya Yang Berhormat Tanjong Karang faham bahawa POCA dan POTA itu tidak bawa ke mahkamah. Selama ini dulu bila kita bahas, dia asyik kata, bawa depan majistret, bawa depan majistret, bicaralah itu. Hari ini dia mengaku. Walaupun lambat, dua hari baru dia faham *[Ketawa]* Akan tetapi hari ini dia mengaku, POCA dengan POTA tidak ada mahkamah terbuka. Itu nombor satu. Sabar dulu *[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Kalau hujah macam itu, memalukan. Kalau hujah itu memalukan, dia pun tidak faham rupanya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Semua orang sudah saksi sudah. Malam itu beria-ia bawa ke majistret, bawa ke majistret....*[Ketawa]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itu bicaralah tu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tidak, tidak. Saya, saya kalau macam ini punya cakap, cakap tidak ada...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang, saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Cakaplah perkara fakta. Buat malu kawan-kawan sahaja Yang Berhormat cakap. Patutlah tauliah agama kena tarik, cakap tidak tahu apa yang dia cakap.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Betul bawah SOSMA, akhirnya dibawa ke Mahkamah Terbuka. Akan tetapi hakikatnya, ini yang undang-undang ini, yang mengatakan bahawa apa-apa pernyataan oleh seseorang tertuduh sama ada secara lisan atau bertulis kepada mana-mana orang pada bila-bila masa hendaklah boleh diterima sebagai keterangan. Sudah macam mana? So, segala maklumat, segala kenyataan yang dibuat walaupun semasa dalam tahanan, dipaksa, diugut, boleh digunakan sebagai keterangan, boleh digunakan sebagai bukti di dalam mahkamah bagaimana ada peguam yang boleh...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Faham. Saya sudah faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Membela orang yang tertuduh yang sedemikian rupa?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Kapar, sila Yang Berhormat Kapar. Dia tidak faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Itulah sebabnya kita minta supaya ia dipinda...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat tidak faham. Sila Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat tidak faham apa saya cakap.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Eh. Yang Berhormat Tanjong Karang, tersasul, tersasul.

Yang Berhormat, soalan saya ringkas sahaja. Saya hendak Yang Berhormat terangkan kepada dewan yang mulia ini, perbezaan antara perkataan "*shall*" dan "*may*". Di mana situasi "*shall*" dan di mana kita guna situasi "*may*" dan kaitkan perkataan "*shall*" yang digunakan dalam Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Faham. Baik, saya hendak menjelaskan. Pertama, saya faham, "*shall*" is *mandatory*, "*may*" is budi bicara, itu kita faham. Orang bukan peguam pun faham. Ini yang kita pertikai. Hanya yang salah faham ialah kita ada beberapa undang-undang. Tadi macam Yang Berhormat Shah Alam kata, betul. Kata ISA dulu polis tangkap, polis ada kuasa 60 hari, polis tahan dia. Lepas itu, bagi pada Menteri, Menteri pula terus tahan dua tahun. Itu ISA, kita sudah batal.

POCA dengan POTA prosedur arahan sama. Tangkap, bawa kepada majistret. POCA dengan POTA saya kata. Tidak faham, POCA dan POTA yang baru kita lulus? Dia berbeza dengan ISA. ISA dulu, tangkap, terus 60 hari polis tahan dia. Sekarang ini, kalau macam ISA sekarang, macam POCA dan POTA, polis tidak boleh tahan terus 60 hari, kena bawa depan majistret dulu. Bila bawa depan majistret, dia boleh bawa peguam. Kalau kita dapati kita ada alasan...

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Untuk dia pertahan, itu yang dia boleh tahan sampai 28 hari. Lepas itu, hendak sambung sampai 38 hari, bawa sekali lagi ke mahkamah.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya, nanti. Duduk. Yang Berhormat Shah Alam dia tidak faham apa yang saya cakap.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Saya, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Setiu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Nanti, saya hendak habiskan dulu. Saya hendak habiskan hujah saya dahulu. Itu sistem, itu prosedur ISA. POCA dengan POTA..

■1740

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi majistret tak bicarakan... [Dewan riuh] Ada sahaja kenyataan majistret kena terus beri. Tak akan beri.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ini, apa ini?

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *There is no try. So, jangan lah putar belit.*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak tak, saya hendak teruskan. Saya tak bagi jalan. Yang Berhormat tak duduk, Yang Berhormat tak perlu ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya penuh sabar atas ini, ikut peraturan ya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa Yang Berhormat cakap memang betul ada logik-logiknya. Akan tetapi, apa Yang Berhormat cakap saya setuju semua sebab itu saya tak mahu kacau tadi. Semalam pun saya tak ada ganggu. Sebab saya faham, saya pun peguam. Apa yang Yang Berhormat-Yang Berhormat *interpret the law*. Kita kena akur, betul, yang saya kata semalam, saya kata patut dipinda, saya setuju. Masalahnya saya nak beritahu prosedur. Ini ialah prosedur. Hanya bezanya ialah di POCA dan POTA dia pergi majistret selepas itu bila polis sambung tahan, misal kata okey sambung tahan, tahan sampai 38 hari kalau tak silap saya, bawa ke Lembaga. Bawa ke Lembaga pada masa itu yang kita pertikai mengapa dari Lembaga tak boleh bawa kepada peguam? Itu yang kita pertikai semalam, yang sebelah sana pertikai.

Hari ini polis tahan ini, ini untuk memberikan kuasa untuk mendapatkan maklumat-maklumat. Polis ada masa 28 hari sahaja. Kalau ikut CPC biasa, polis ada maksimum tahanan 14 hari sahaja. Itu sebab itu kita okey bagi polis 28 hari. Hendak dapat 28 hari itu ada prosedur dia. Jadi untuk mendapatkan maklumat-maklumat ini supaya nanti apabila pergi ke *open court*, pendakwa raya ada lah bukti-bukti dia. Semasa sampai di *open court* nanti, tertuduh boleh bawa peguam.

Jadi peguam pertikai lah sama ada ini betul tak betul saya kata. Dahulu masa 113 kah yang memberi pengakuan. Berapa banyak kita *challenge*, walaupun kata boleh tetapi kita *challenge*, bicara dalam perbicaraan, *in a trial*. Kita *challenge*, betul kah you bagi sukarela. *Let the court decides*. Jadi yang kita hendak pergi ini ialah prosedur kita. Yang Berhormat Sepang kata, hari itu dia kata tak betul saya cakap, saya kata ini prosedur. Siapa-siapa yang ditahan di bawah ini, akan didakwa di bawah Kanun Keseksaan. Kalau macam tak silap saya, yang kes di Lahad Datu, kalau saya tak silap, didakwa di bawah Senjata Api kalau tak silap saya.

So bila hendak bawa Senjata Api, mesti mengikut peraturan-peraturan di bawah Kanun Keseksaan, buktikanlah. Akan tetapi pada masa itu, pihak pendakwa sudah dapat bukti yang cukup. Kata pendakwa raya sudah dapat bukti yang cukup daripada kata pendakwa raya dah dapat bukti yang cukup. Akan tetapi *first case Security Offences (Special Measures) Act* atau SOSMA, kita tangkap Yazid Supaat. Kalau Yazid Supaat ini Tuan Yang di-Pertua, saya tahu. Waktu saya Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Yazid Supaat ini duduk Kem C. Di ISA Kamunting ada Kem A, Kem B, Kem C. Kem B anak Nik Aziz, saya sudah lupa nama dia. Nik Azli tak silap saya itu duduk Kem B. Kem C ini termasuk Yazid Supaat, saya masih ingat waktu saya pergi dia letak kucing, letak kucing dekat atas bahu dia. Dia tengok TV. Mana bila saya pergi dekat Kem A, saya tengok memang patutlah dia Kem A, dia boleh faham mengapa dia ditahan. Pergi kepada anak Nik Aziz itu, saya borak dengan dia, saya nampak betul, dia agak ada lah, dia boleh terima.

Pergi Kem C termasuk Yazid Supaat, tak ada. Dia kata dia mesti hendak tegakkan negara Islam, kita hancurkan Malaysia ini. Dia tak akan ubah.

Jadi sebab itu, bila kita tak ada ISA dia dilepaskan. Bila dia dilepaskan, ada SOSMA tangkap balik. Bila tangkap balik, kita dakwa, bukti tak cukup sebab bawa ke *open court*. Bila bukti tak cukup maka mahkamah bebaskan dia. CIG rayu hari ini pergi ke mahkamah yang lebih tinggi. Itu prosedur dia. Akan tetapi apa yang kita hendak pertikai "*shall*" atau, "*may*", esok *open court*, *challenge* lah. Bukannya hendak bawa ke Lembaga. Kalau bawa ke Lembaga, betul, sebab dia tidak ada pembelaan kepada dia. Ini yang saya dengar bahawa pihak belah sana hendak menyamakan undang-undang ini sama seperti CPC biasa.

Jadi cukuplah. Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang ini Tuan Yang di-Pertua, sebab itu Yang Berhormat Sepang ini macam itu lah dalam Mesyuarat Majlis Tinggi PAS, dia kena tumbuk. Saya baca lah betul tak betul tak tahu lah. Betul tak Yang Berhormat? Saya tanya Yang Berhormat, betul kah? Betul kah Yang Berhormat kena tumbuk dalam mesyuarat itu? Betul? Pesuruhjaya daripada Lenggong tumbuk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya pinjam mic, mic saya tak berfungsi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak ada, saya tanya. Betul kah Yang Berhormat pernah kena tumbuk oleh Pesuruhjaya Lenggong. Betul kah, betul kah?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Biar saya jawab boleh? Saya nak jawab lah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betul kah?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan Lenggong tumbuk lah, bagi...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Betulkah? Saya nak tanya. Sebelum saya beri jalan, saya hendak tanya Yang Berhormat dahulu, betul kah Yang Berhormat kena tumbuk dengan Pesuruhjaya Lenggong, betul?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Duduk dahulu, duduk dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa duduk, ini *floor* saya. Ini *floor* saya. Saya yang boleh suruh Yang Berhormat duduk. Ini *floor* saya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tanya soalan, saya jawab lah.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hendak tanya satu, betul. Dalam Dewan yang mulia ini Yang Berhormat buat pengakuan. Betul tak Yang Berhormat ada kena tumbuk? Kalau tak mahu cakap duduk. Kalau tak mahu buat mengaku hendak diam, duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak cakap lah ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Duduk lah kalau tak mahu mengaku.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak bercakap lah ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tak, saya tanya. Ada tak pernah kena tumbuk?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, saya hendak jawab lah ini. Duduk dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa pula duduk?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mana boleh dua orang berdiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Ini orang kuat bertumbuk ini. Kata orang tak tumbuk dia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Dia paling hebat. Perangai ingat dia betul semua. Sampai orang PAS pun tak tahan lah. Sampai kena tumbuk? Betul kah Yang Berhormat Temerloh, tanya Yang Berhormat Temerloh tahu lah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lebih baik ditumbuk daripada menumbuk orang. Yang saya tahu, ada Yang Berhormat, Yang Berhormat Ng Swee Ling. Yang Berhormat apa? Sekinchan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Tumbuk, hanya orang Tanjong Karang. Lebih baik ditumbuk daripada jadi penumbuk... *[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat cukuplah Yang Berhormat. Kita balik kepada rang undang-undang Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak bagi habis. Sebab Yang Berhormat Sepang sudah cakap panjang lebar saya dengar. Saya dengar dia cakap, dia cakap panjang lebar, dia merapu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, saya minta penjelasan, seksyen 18.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Cakap tak betul. Sebab itu lah Pesuruhjaya Lenggong tumbuk dia.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Seksyen 18, seksyen 18.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Pesuruhjaya Lenggong tumbuk. Betul kah tak betul? Orang PAS semua tahu. Orang PAS semua tahu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Itu biar orang PAS ajar dia dahulu. Ajar dia dahulu. Biar orang PAS ajar dia, sekolahkan dia.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Nampak dia makin samseng ya? Nampak sangat samseng. Dia boleh terima amalan menumbuk. Samseng betul. Macam mana ini Tuan Yang di-Pertua? Minta penjelasan jenis orang macam ini...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Jadi itu saya hendak beritahu bahawa pindaan ini, kita akan ada prosedur, selepas prosedur, selepas itu terbuka kepada *open court* dengan itu saya menyokong akta ini tanpa apa-apa pindaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang. Tak makan ubat..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri sila ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang panas, Yang Berhormat Sepang panas.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■5.57 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang tak ada keluar Dewan, selain dari sini pergi keluar ke *washroom* sahaja. Kena mendengar hujah-hujah dan perbahasan..

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pergi tandas pun tak ada Datuk ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah, sudah disebut. Pergi *washroom* [Ketawa]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Itu sahaja. Jadi saya mendengar semua hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat. Dan saya mengatakan terima kasih kepada semua. Sebagaimana salah seorang daripada Yang Berhormat berkata tadi, macam ada kuliah perundangan dalam Dewan tetapi sebenarnya Dewan penggubal undang-undang, bukan interpretasi undang-undang itu sendiri. Interpretasi undang-undang itu akan dibuat oleh pihak mahkamah. Jadi jangan dahulu itu Yang Berhormat, dengar cerita saya dahulu. Itu mukadimah yang pendek sahaja. Ringkas.

Jadi sebagaimana yang kita tahu, undang-undang ini digubal di bawah Perkara 149 Perlembagaan. Jadi makna dia, memang apa yang disebut oleh salah seorang daripada ahli Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa Perkara 5, 9, 10 dan 13 adalah sedikit sebanyak terhakis oleh undang-undang ini. Akan tetapi kita berhadapan dengan masalah keganasan Yang Berhormat. Bila kita berhadapan dengan masalah keganasan, memang bukan ditujukan kepada masyarakat keseluruhannya. Ini kita nafikan. Kementerian menafikan bukan dituju kepada masyarakat keseluruhannya. Dituju kepada penganas.

Umpamanya Yang Berhormat, ada berbangkit soalan bukti kes suami isteri di bawah Seksyen 18B bahawa si suami isteri itu, *sanctity of the marriage*. Saya pun mengetahuinya sedikit Yang Berhormat. *Sanctity of the marriage* itu maknanya *communication between husband and wife*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak diterima sebagai *general principle* dalam mana-mana mahkamah. Komunikasi itu dianggap satu perkara yang patut dilindungi oleh undang-undang.

#### ■1750

Itu *general principle* tetapi di bawah undang-undang ini dibenarkan komunikasi di antara suami isteri sama ada semasa perkahwinan atau selepas perkahwinan berlaku, dibenarkan oleh undang-undang ini khusus untuk menangani masalah keganasan, masalah yang sedemikian rupa, yang mengancam negara. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, undang-undang ini fokus kepada perkara itu sahaja Yang Berhormat. Jadi, bukan *hypothetical cases* tetapi pernah berlaku. Kerajaan sebenarnya mengambil tindakan oleh sebab ada perkara telah berlaku semasa *trial* di Lahad Datu yang mana seorang isteri mahu memberi keterangan tetapi oleh sebab *protection general principle* di bawah kalau tidak salah seksyen 122, *Evidence Act*.

**Seorang Ahli:** Akta Keterangan.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akta? Saya belajar dalam bahasa Inggeris, minta maaf Yang Berhormat. Jadi oleh sebab itu, keterangan yang si isteri mahu beri itu tadi telah ditolak kerana undang-undang yang sedia ada tidak membenarkan si isteri memberi keterangan. Jadi dalam sedemikian bukan Kementerian Dalam Negeri, bukan sesiapa tetapi kerajaan memikirkan perkara ini akan tetap berlaku oleh sebab kalau kita lihat apa yang berlaku di Timur Tengah. Orang berkahwin, yang muda-muda pun dikahwinkan supaya berharapan apa sahaja komunikasi antara isteri dan suami sementara suami berjuang di Syria ataupun di Iraq bersama dengan ini akan di *protect* mana-mana komunikasi di antara isteri dan suami. Jadi, dalam keadaan sedemikianlah kita...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu Yang Berhormat. Dalam keadaan sedemikianlah makanya kerajaan memikirkan bahawa penting dalam situasi tertentu, kes yang tertentu dikehendaki bahawa undang-undang digubal supaya membenarkan keterangan suami isteri itu diguna pakai dalam mahkamah. Akan tetapi masih Yang Berhormat, dalam soal *evidence* saya cukup yakin semua peguam yang banyak saya sebut tadi. [Menunjukkan isyarat tangan] Semua di sini pun banyak, sini pun banyak, tidak dinafikan banyak juga bahawa bila sampai ke mahkamah, *the question of admissibility* itu satu. *The question* di *challenge* oleh *weight of evidence* itu masih boleh dipertikaikan juga. Selagi sama ada relevan ataupun tidak relevan pun masih boleh dipertikaikan juga apa interaksi di antara suami isteri tadi.

Jadi maknanya *case flow* ada, saya ada mempunyai *case flow* di dalam ini. Sama ada di Malaysia ataupun di *England* mengatakan bahawa *the relevancy of any evidence* itu masih boleh menilai sama ada dia boleh terima ataupun tidak. Maknanya *admissibility* di bawah statut ini, undang-undang ini masih boleh ditolak kalau tidak ada *relevancy* dengan kes yang di hadapan kita. Jadi dengan sendirinya Yang Berhormat, *argument* kita bahawa komunikasi *sanctity of* perkahwinan punya perhubungan ini ataupun komunikasi ini adalah khusus kepada itu.

Sebagaimana daripada awalnya menerima hakikat bahawa memang ada *erosion of a little bit of the sanctity* di bawah perlembagaan, di bawah undang-undang umum untuk kes-kes yang berhubung dengan keselamatan kerana situasinya berkehendak undang-undang itu digubal sedemikian rupa. Saya juga ingin menyentuh yang 18A. Seksyen 18A ini juga berlandaskan fakta yang sebenar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Timbalan Menteri, 18B boleh soal?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 18B tadi, yang Timbalan Menteri ulas tadi itu, boleh tanya soalan?

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebelum tukar saya pun. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pun sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya yang mana satu Yang Berhormat? Dua yang bangun. Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Kalau kita lihat kepada- memanglah saya akui memang seksyen 18B ini adalah *exception* daripada *general rule* yang di mana di bawah Akta Keterangan memang tidak diterima. Adakah Menteri setuju dengan saya bahawa cara perkataan-perkataan dalam seksyen 18B ini di draf menunjukkan bahawa sesuatu yang begitu luas. Saya bacakan, saya baca dalam bahasa Inggeris. "*A person who is or has been married shall be compelled to disclose any communication*". Persoalannya di sini yang kita rasa ragu daripada segi kesahan *evidence* itu ialah pertama *compelled*. Keduanya, *any communication*, perkataan '*any*' ini bermakna apa sahaja bentuk komunikasi.

Jadi, melainkan dia ada satu *condition* nya, *any communication relating to terrorist activities* kah, mungkin di situ ada satu ikatan. Akan tetapi bila dikatakan, "*Disclose any communication made to him during marriage*". Saya pun hairan, kalau kita hendak memerangi *terrorism*, kenapa kita bagi satu *sweeping statement*, *sweeping wording* macam ini yang seolah-olah apa sahaja komunikasi boleh dipaksa. Walaupun tadi Timbalan Menteri kata dalam percaraan kita boleh *challenge* benda itu tetapi kalau sekiranya seksyen yang begini yang memberikan kuasa luas ini, yang kita cabar itu pun kebarangkalian untuk nak ditolak itu amat sukar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang, saya percaya ini pun ada sebahagian daripada ucapan tadi untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Boleh saya? Perkara yang sama.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Jadi, saya minta...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Lebih kurang sama tetapi ada sedikit beza. Kalau sama 100% saya tidak sebut. Saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidak begitu relevan kerana sekarang ini kita cakap fasal *relevancy*. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut kes seorang isteri yang ingin berikan keterangan tetapi di sini, dalam undang-undang ini, ini bukan soal *voluntary information* daripada isteri, *it's compelled*. Beza antara *voluntary* dengan *compelled*, so ini merupakan satu perbezaan yang penting.

Kedua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang apa jua maklumat yang diterima sebagai bukti boleh dicabar dari sudut *relevancy* nya. Ini bukan soal *relevancy* nya, kita mempertikaikan *admissibility*nya iaitu bukti-bukti, kenyataan-kenyataan yang diambil secara paksa daripada seseorang yang dalam tahanan. So, *we are not talking about relevancy*, *we are talking about admissibility* dan sejauh mana bukti-bukti yang sedemikian rupa merupakan *evidence* yang kukuh, yang patut digunakan untuk mensabitkan



kesalahan. Saya rasa persoalan itu Yang Berhormat tidak menjawab kerana *relevancy* lain, *admissibility* lain, *we feel it should not be admissible*. Terima kasih.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh dapat penjelasan?

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya tidak mahu berbalah dengan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan tentang isu ini, isu lain, isu baru.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, tunggulah saya jawab dia dulu, dengan Yang Berhormat dari Shah Alam. Saya juga tidak mahu menjadi kontroversi dalam Dewan berhubung dengan perkara *admissibility*, *relevancy*. Apa yang saya sebutkan tadi saya faham semuanya *admissibility* dan *relevancy* ini Yang Berhormat. *Admissibility* itu, bukti ini boleh dibawa ke mahkamah dan mahkamah akan terima bukti itu *on the face value of it*. Akan tetapi selepas itu mahkamah juga mengikut *case flow* yang saya ada di sini mengatakan sama ada yang diterima oleh mahkamah itu *relevant to the case or not*. Kalau relevan kepada kes itu walaupun *admissible*, ia masih boleh ditolak oleh mahkamah. Jadi ini yang saya sebut, jadi saya minta maaf, saya bukan hendak itu, oleh sebab bidang disiplin berlainan. Oleh sebab bidang disiplin ini berlainan, pengertian kita dalam sesuatu bidang juga berlainan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini Parlimen... [*Dewan riuh*] So, kita bahaslah walaupun bidang kita berbeza. Semestinya bila diambil pengakuan yang dipaksa, dia paksa sampai orang itu kata "*Ya saya buat*". Oleh kerana apa? Kerana kalau tidak akan ditangkap isterinya, tangkap anak dia, tahan cucu dia, *of course it's relevant*.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya dah beri penjelasan kepada persoalan itu. Sila Yang Berhormat Beruas.

#### ■1800

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri kerana beri peluang kepada saya.

Saya hendak dapat penjelasan daripada Menteri kerana apa yang kita khuatiri ialah semua pindaan yang dicadangkan melanggar ataupun dicampak keluar semua prinsip-prinsip yang memastikan tidak ada penganiayaan dan ketidakadilan seperti yang sudah dinyatakan di bawah seksyen 18A dan 18B.

Saya pun hendak minta Menteri membuat penjelasan tentang seksyen 20. Kita tahu di bawah undang-undang, *principle of chain of evidence*, bukti itu mesti ada kaitan dengan pesalah itu. Dalam seksyen yang sedia ada, *evidence gathered in the cause of investigation or during the raid* itu boleh diterima tetapi bukan pada bila-bila masa sahaja.

Begitu juga di bawah seksyen 24, *interception of communication*. Kalau sesuatu *communication* itu *can be intercepted*, *meaning evidence can be tempted* dan orang yang dapat *evidence* ini tidak perlu memberitahu mahkamah dari mana datangnya *evidence* ini. Maksudnya, kalau bukti-bukti palsu dikemukakan di mahkamah dan pihak pendakwa raya kata ini bukti mesti diterima, hakim mesti menerima bukti ini, ini akan membukakan semua orang kepada penganiayaan kerana bukti palsu yang dikemukakan pun mesti diterima. Itulah masalah yang kita sangat khuatiri iaitu akta ini akan menjadi bahan penganiayaan kepada sesiapa pun. *The rule of evidence which prevent, dengan izin, the forced evidence being produced is all thrown out the window. This is our concern*, kalau boleh dapat penjelasan Menteri.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Peguam itu cakap memang macam peguam, Yang Berhormat. Saya faham. Kalau Yang Berhormat Shah Alam itu tidak boleh saya faham.

Sebenarnya itulah yang saya sebut, Yang Berhormat. Walaupun barang itu boleh diterima tetapi dari sudut *relevancy* itu, itu yang ada hubung kait dengan dia punya *chain of evidence* Yang Berhormat sebut itu tadi. Kalau dia tidak ada kena mengena langsung walaupun boleh diterima, hakim masih boleh menolak tidak ada kena mengena dengan kes.

Yang Berhormat, itu pendapat Yang Berhormat. Ini pendapat saya. Undang-undang ini pun macam itu juga, peguam pun macam itu, Yang Berhormat. Itulah sebabnya

dalam sistem kita, Yang Berhormat boleh kata macam ini, yang ini boleh kata macam itu. Jadi akhirnya, hakim juga akan memutuskan sama ada *the chain of evidence is okay*, sama ada relevan ataupun tidak relevan, akan dipertimbangkan semua, Yang Berhormat.

Jadi berbalik kepada soalan seksyen 20 Yang Berhormat sebut itu, "*Walau bagaimana jua sekalipun diperoleh*". Ini juga Tuan Yang di-Pertua, kita melihat dari sudut *the realitinya* kenapa undang-undang ini dibuat. Jadi rasionalnya, jangan sewenang-wenang hendak baling sahaja kayu – kalau orang Sarawak kata, 'tikam ajak kayu'. Orang Sarawak angguk kepala. Jadi 'tikam ajak kayu, asal sik ada kena dengan orang, okey'. Itu kata orang Sarawaklah.

**Seorang Ahli:** Tak faham.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebab banyak yang cakap Arab, cakap apa itu, bolehlah cakap Sarawak. Lagipun cakap Melayu juga, versi Sarawak. Jadi yang dalam peraturan itu, baca peraturan itu sendiri, *English and Malay. Malay* saya, *Malay* Sarawak.

Balik kepada soalan seksyen 20, "*Walau bagaimana jua sekalipun diperoleh*". Ini sebabnya Yang Berhormat apabila situasi berlaku, ada pernah berlaku dan itulah kenapa ini dibuat. Ini sebabnya undang-undang *is a dynamic*, mengikut situasi keadaan semasa. Gubalan undang-undang mesti dibuat sedemikian rupa dan keputusan hakim pun *influenced by environment* dia. Mengambil kira situasi *social political* dan sebagainya.

Jadi saya tidak tahu sejauh mana dari sudut falsafahnya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, Menteri, sekejap.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya belum habis Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tidak, tidak, walaupun sedikit Yang Berhormat. Jadi, "*walaupun bagaimana sekalipun diperoleh*", ini berlaku apabila membuat *raid* dalam akta-akta lain umpamanya. Terdapat perkara-perkara yang ada hubung kait dengan keganasan, ada hubung kait dengan *terrorism* umpamanya. Kalau berjumpa perkara ini dalam situasi yang *general evidential law* mungkin akan ditolak oleh sebab tidak ada kena mengena dengan *raid* dia tadi, tetapi dalam undang-undang ini dikhususkan untuk undang-undang keganasan, menahan keganasan supaya boleh diterima sebagai bukti. Lagi kembali kepada *general protection* di bawah undang-undang *Evidence Act* itu lagi sama ada dia relevan ataupun tidak, sama ada dia ada hubung kait dengan *chain of evidence* dia sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas. Saya setuju.

Jadi dalam keadaan sedemikian, saya tidak melihat bahawa perkara ini satu perkara yang amat serius. Akan tetapi, walaupun saya setuju dari sudut perkataan dipakai itu *is very loose kind of language* – bahkan ada dalam bahasa digunakan di sini yang sepatutnya menggunakan, "*Hendaklah*" diguna "*Dipaksa*" dalam Bahasa Melayu, bahasa Inggeris yang berbeza dalam segi *translation* dia berbeza. Saya dapati bahawa memang ada sedikit perkataan-perkataan, istilah diguna tidak memuaskan hati.

Akan tetapi sebagai panduan Yang Berhormat, Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) ini digubal pada tahun 2012. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian dan juga sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, bahawa mana-mana undang-undang yang digubal selepas tahun 1967 mestilah sahinya dalam Bahasa Melayu di bawah Akta Bahasa Kebangsaan dan *referencenya* bahasa Inggeris. Maknanya, rujukan kita dalam bahasa Inggeris dan sah ialah Bahasa Melayu. Maknanya kita nilai dari sudut Bahasa Melayu di bawah Akta Bahasa Kebangsaan.

Itu di bawah seksyen 20. Maknanya tidak ada soalan-soalan lain, soalan itu macam mana dia dapat dan masih boleh dipakai dan digunakan dalam membuktikan satu-satu kes. Soalan *the weight of evidence, relevancy of evidence* berhubung dengan kes tersebut dibawa ke mahkamah, masih terletak di atas meja ataupun bahu hakim di mahkamah tersebut.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah perkara lain yang banyak dipertikaikan lagi? Itu perkara yang pokok yang banyak dipertikaikan.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Padang Serai bangun. Sila.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, merujuk kembali kepada seksyen 20 itu, isunya di sini adalah, "*All documents or things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged*". Jadi masalah yang timbul apabila perkataan "*howsoever obtained*" digunakan. Bermakna, apa jua cara pun. Bermakna, ia digubal secara begitu luas sehinggakan jika seksaan digunakan, jika deraan digunakan, jika apa-apa cara yang ekstrem digunakan, maka menurut perkataan di sini, ia masih perlu, *shall be admissible*, masih perlu diterima sebagai keterangan oleh mahkamah. Itu pertama.

Kedua, dengan adanya perkataan seperti itu, ia akan menggalak mereka yang terlibat dalam *law enforcement* untuk menggunakan taktik-taktik keras dan deraan seperti itu. Itu yang kita minta supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab mengapa perkataan seperti itu digunakan dan bagaimana hendak mengelak kesan-kesan seperti ini? Terima kasih.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri, boleh jawab sekali? Saya setuju dengan Menteri bahawa kalau *evidence* itu akhirnya ke mahkamah boleh ditolak. Akan tetapi dalam proses untuk mendapatkan maklumat itu, hak kita atau secara fizikal kita dianiaya. Lepas itu masuk mahkamah, mahkamah kata ini adalah *evidence under torture*, kita tolak. Akan tetapi proses sudah mengorbankan seorang itu. So, itu yang kita khuatir.

Kedua, dalam pengalaman, saya ingin cakap dalam pengalaman secara personel, ialah bila kita ditangkap atas sesuatu- saya pernah juga ditangkap sebab ada menyatakan saya ada bom, ada *rocket launcher*. Akan tetapi semasa soal siasat, tanya banyak soalan yang tidak ada kena mengena dengan bom kerana semua boleh digunakan.

#### ▪ 1810

So pegawai penyiasat itu dia pakai jala pukat. Semua perkara seperti isu *private*, isu mana dapat, bagaimana *you* belajar ini, kawan, semua senarai nama kawan yang kita ada kita kena senaraikan. Cara ini sebenarnya juga melanggar *privacy* kita dalam banyak isu. Ini yang kita rasa kalau boleh, ayat itu harus dikhususkan supaya ia relevan kepada keganasan dan bukan atas segala perkara yang ada terlibat. So ini yang kita minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya oleh sebab pengalaman yang begitu banyak mungkin dan pengalaman Yang Berhormat Batu pun banyak di hadapan polis, perkara ini mungkin dianggap tiap-tiap bukti yang didapati itu diambil secara paksa, *inducement* dan berbagai-bagai lagi. Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat, apabila kita membawa undang-undang ini ke Dewan ini, macam undang-undang pagi tadi, Yang Berhormat. Saya sendiri berasa curiga. Sebab itulah saya bersetuju untuk ditarik balik.

Akan tetapi undang-undang ini Yang Berhormat, saya cukup *confident* bahawa kita tidak akan menggunakan apa Yang Berhormat dalam situasi hipotetikal disebutkan di sini, mungkin dipaksa dan sebagainya untuk mendapatkan dokumen-dokumen dan dipaksa juga bermacam-macam. Saya cukup yakin mahkamah juga akan menilai bagaimana rupa bukti itu didapati daripada saksi tersebut. Jadi dalam keadaan sedemikian, itulah. Jaminan saya, itu sahaja Yang Berhormat bahawa kebijaksanaan hakim itu patutnya di luar bidang saya untuk memberi jaminan tetapi saya cukup yakin bahawa hakim akan menggunakan budi bicara dan kebijaksanaannya ...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Untuk menilai bukti-bukti yang dibawa sama ada yang diterima itu didapati menerusi *inducement*, *threat* ataupun paksaan secara paksa ataupun dipukul orang itu untuk mendapatkan bukti-bukti tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dengar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun menilai dan menitik beratkan agar perlunya supaya seorang hakim yang mengadili satu kes, mana-

mana kes juga ada kuasa untuk menolak sesuatu yang diperoleh secara jauh dan tidak sah.  
*I respect that.*

Akan tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, apabila undang-undang menyatakan bahawa hakim tersebut itu *shall*, tidak ada budi bicara, hakim itu terikat dengan undang-undang. Jadi walaupun hakim setuju bahawa perkara itu ialah satu perkara yang sebenarnya tidak betul, ada *operation* dan sedemikian tetapi dia tidak ada budi bicara kerana diikat oleh Dewan yang mulia ini. Jadi hakim akan kata "*I am a judge, I have to apply the law as he is. It is not for me to make law whatever it is my views*", dengan izin. So jadi apabila kita di sini kita terima bahawa ini satu perkara yang serius, kenapa pula kita mengikat tangan hakim dan bagaimana setelah tangan hakim diikat, kita hendak hakim tersebut ada budi bicara untuk menolak, walhal jelas beliau tidak boleh sedemikian, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah saya sebut daripada awal tadi dan saya tekankan lagi di sini bahawa peringkat penerimaan sesuatu bukti itu, satu *admissibility* of bukti itu sendiri masuk ke mahkamah atau di hadapan hakim. Di peringkat awalnya, undang-undang ini mengatakan hakim terpaksa menerima apa-apa bukti yang dibawa ataupun didapati sedemikian rupa dan diterima oleh hakim sebagai bukti dan tidak boleh ditolak begitu sahaja berlandaskan sebagaimana juga rakan-rakan ada menyebut umpamanya, *statement* yang diambil menerusi *caution statement* dan sebagainya tadi dinilai dulu dalam *trial within trial* dan mengetahui sama ada paksaan atau *inducement* dan pelbagai lagi, mendapatkan itu baru menilai sama ada *admissible* ataupun tidak *admissible*. Dalam undang-undang ini, untuk kes-kes keganasan, *admissibility no longer become an issue*. Itu sebenarnya.

Akan tetapi sebagai *confession* itu juga, macam *caution statement* itu juga, nilai *caution statement* itu juga akan dinilai oleh hakim, dilihat oleh hakim, adakah dia *the way of the evident* yang diterima menerusi *caution statement* ataupun *confession* itu ada nilai-nilai yang boleh diterima oleh hakim untuk mendatangkan satu *conviction* kepada orang yang dituduh.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** [Bangun]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [Bangun]

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Jadi dalam keadaan sedemikian, pada peringkat-peringkat soalan ini, saya cukup yakin semua peguam memahami peringkat-peringkat ini. Hanya peringkat yang pertama sahaja untuk *admissibility* itu, untuk menilai bukti masih terletak di tangan hakim.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya pun ada masalah untuk cuba menghadamkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bukan kerana saya bukan seorang *lawyer* tetapi saya perlu jelas di sini bahawa semua kami yang berada di sini tidak semestinya menjadi seorang peguam untuk memahami undang-undang ini kerana akta yang kita buat ini, Ahli Parlimen ialah mereka yang mencipta undang-undang ini. Jadi, tidak perlu untuk kita menyatakan bahawa hanya kelompok tertentu sahaja yang faham.

Secara mudahnya saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak mahu kata saya bukan *lawyer*, saya ini- sebab itu bukan isunya. Isunya di sini ialah kita menggubal undang-undang dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puchong. Apabila kita menggubal undang-undang Tuan Yang di-Pertua, hakim-hakim akan tertakluk kepada undang-undang kita ini. Begitu juga *lawyers*, mereka mungkin cuba mentafsirkan apabila kita meletakkan satu *clause* yang begitu ketat bahawa seolah-olah memaksa hakim untuk menerima walaupun dalam keadaan bukti itu diambil daripada paksaan ataupun diseksa dan sebagainya.

So saya minta kepada Yang Berhormat Menteri bahawa ini bukan isu sekadar istilah perundangan tetapi ia undang-undang yang kita cipta. Oleh sebab itu saya masih belum dapat menerima seksyen 20 ini kerana bagi saya ia telah melanggar hak asasi manusia dan ia akan menjadi benda yang terpaksa diterima oleh hakim sebagai satu

keterangan. Jadi saya mohon untuk kita tengok perkara ini dengan lebih jujur lagi. Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Soalan lebih jujur ini Yang Berhormat, saya tidak terimalah. Maknanya, kalau menerima undang-undang ini tidak jujur, jadi saya juga mengelak menggunakan perkataan-perkataan yang mempunyai *connotation* yang mungkin menyindir. Jadi saya cuba mengelakkan perkataan-perkataan sedemikian. Saya hendak *go down into the very basic*. Parlimen ini *is a respectable place* dan kita tidak payah bercakap *screaming* dan kita tidak payah bercakap macam riuh dan kita juga tidak menggunakan perkataan-perkataan yang menyindir. Itu pendapat Yang Berhormat. Pendapat saya, itulah tadi tetapi akhirnya, mahkamah juga yang akan menentukan. Saya masih boleh menerima.

Jadi itulah saya kata tadi saya boleh menerima *argument* daripada Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat Puchong berhubung dengan soalan undang-undang tetapi *rule of interpretation* juga menentukan bahawa sejauh mana hakim boleh menerima perkara-perkara yang relevan atau tidak relevan dalam apa yang diterima di hadapan mahkamah itu. Jadi ini masih boleh diguna pakai, Yang Berhormat. Itu sebenarnya penjelasan saya. Saya tidak mahulah sentuh. Betul, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Tidak semua orang yang duduk dalam Dewan Parlimen di mana-mana pun sama ada di Malaysia ataupun di England, tidak semuanya orang ada kelulusan ataupun berlatar belakang undang-undang. Bahkan jauh lebih baik juga kalau kita *multiple disciplines* dalam ini dari sudut sosial, kemanusiaan, politik dan pelbagai lagi untuk memberi percambahan idea itu daripada Yang Berhormat.

Akan tetapi saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

■1620

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, *I take exception*. Saya, *I take exception, because you study the English*. So, dengan izin, *I take exception to your statement that you are implying that we all must be lawyers before we can debate this bill*. I mean, if that is what you are trying to say, even if- yang mana tidak faham bahasa Inggeris, diamlah, jangan bercakap, bising. *Even if I am not qualified as a lawyer, it doesn't mean that the objections that I raised, you can just dismissed like that*. Please lah. *Let us have a first class Parliament*. Saya sudah kemukakan hujah-hujah yang bernas bagi pandangan saya. Kiranya saya silap, kemukakan hujah untuk menolak hujah saya. Jangan timbulkan Yang Berhormat Shah Alam ini bukan peguam. *That is irrelevant*.

Saya telah menyatakan isunya ialah *admissibility*. Soal kebolehterimaan bukti-bukti itu. Bukan soal relevansi. Kerana kalau ia boleh diterima pengakuan secara paksaan. Bagaimana kita boleh jamin akan berlaku keadilan? Hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri hujah yang sama yang dikemukakan oleh Amerika Syarikat untuk menghalalkan Guantanamo Bay, *circumstances*, sebab-sebab, suasana dan sebagainya. *Can we tolerate* apa yang berlaku di *Guantanamo Bay*, di mana seseorang yang ditahan, maka dipaksa bagi maklumat, bagi pengakuan dan sebagainya.

Begitu jugalah dalam persoalan ini. Kita kembali kepada prinsip *admissibility*, pengakuan yang diambil secara paksaan yang mana mahkamah sekarang ini terpaksa terima. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab soalan saya, saya sebagai Ahli Parlimen. Walaupun bukan lulusan undang-undang, ada hak untuk menyuarakan pandangan saya dan ada hak untuk mendapat jawapan yang jujur daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, saya sambung.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tunggu Yang Berhormat sebab cerita Yang Berhormat Shah Alam itu panjang. Bagi peluang saya mengulas. Saya baru habis menjawab Yang Berhormat daripada Parit Buntar sebenarnya. Saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat Parit Buntar sebut. Tidak perlu berlatar belakangkan undang-undang. Itu saya sebut Yang Berhormat. Bahkan, saya sebutkan lagi satu Yang

Berhormat, bahkan saya sebut satu lagi, saya sebut satu lagi, bahkan lebih elok, amat elok saya kata, kita mempunyai latar belakang pelbagai. Itu yang saya sebut.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri sebut juga, Yang Berhormat sebut juga... *[Dewan riuh]*

Sebut juga. Jangan ambil sebahagian, apa lagi yang Yang Berhormat Menteri sebut? Bila saya tengah keluar tadi. Yang Berhormat Menteri sebut yang mana soalan yang datang daripada Yang Berhormat Beruas, saya boleh terima dan bukan soalan daripada Yang Berhormat Shah Alam, dia bukan ada disiplin undang-undang. *I mean, don't start denying* lah. *We forget it*, tidak cakap soalan yang saya tanya, saya minta Yang Berhormat Menteri jawab, itu saja.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey, okey Yang Berhormat. Saya mengambil kira semua perbincangan sama pandangan Yang Berhormat sebut di Dewan ini. Itulah saya memartabatkan apa yang Yang Berhormat Parit Buntar sebut. Saya memartabatkan bahawa tiap-tiap pandangan itu adalah lebih baik, saya sebut. Lihat *Hansard* esok apa yang saya sebut. Jadi, Yang Berhormat kadang-kadangnya...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya dengar apa yang Yang Berhormat Menteri pada peringkat pertama. Memang Yang Berhormat Menteri memperkecilkan Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Menteri, *be a man*. Kalau salah, mengaku salahlah. Jangan hendak mempertahankan benda yang silap. Yang Berhormat sudah tahu silap, selepas itu baru Yang Berhormat Menteri cuba hendak pusing-pusing pula.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey, okey.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, *we have tell you enough*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, okey, Yang Berhormat, Yang Berhormat .

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, tolong jujur. Kalau salah, cakap salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita balik kepada soalan pokok Yang Berhormat.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Okey, mudah saja Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Kapar, Kapar.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya ini *gentleman* Yang Berhormat. Kalau ada *innuendos* ataupun apa benda yang dianggap itu ataupun apa kata orang dalam bahasa Malaysia, berguraulah. Kalau ada saya gurauan saya itu nampaknya menyinggung perasaan Yang Berhormat Shah Alam, saya tarik balik itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya pun. *I am also a man*. Kalau Yang Berhormat Menteri tarik balik, saya pun terima, *alhamdulillah*. Akan tetapi soalan saya tetap menunggu jawapan.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya hendak dengar daripada itu, apa soalan Yang Berhormat tanya tadi?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Ya, Kapar. Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya hendak jawab Yang Berhormat sebenarnya, *admisibility* dengan *relevancy*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang isunya ialah bukan *relevancy*.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat di luar, lihat *Hansard* esok. Saya panjang lebar panjang menjawab Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Padang Serai. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi ramai yang berbahas. Wacana yang dibawakan adalah secara spesifik. Yang Berhormat Menteri pula jawab secara meluas, tidak hendak menjawab secara spesifik. Yang Berhormat Menteri sendiri membuat keputusan bahawa saya terima, memang ada *lacuna* dan sebagainya. Akan tetapi saya percaya bahawa ini tidak akan disalah gunakan. Percaya. Yang Berhormat Menteri, *that is not an answer from a responsible Minister, please. We need some kind of standard. So, I am kecewa Yang Berhormat Menteri. I have to say this. I duduk sini, I ikut peraturan mesyuarat, I tidak langgar apa-apa peraturan mesyuarat, but I've to say this. It is very dissapointing. You are giving a very broad answer, weak answer where by, dengan izin, the question was very specific, termasuk soalan-soalan Yang Berhormat Shah Alam.*

*There is a difference between compel and voluntary, consent and does not consent. Please Minister, answer the question. Come on.*

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya masih boleh...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Boleh tambah.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Sebenarnya- tidak ada, *no, no.* Tunggu Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Hendak tanya boleh?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya bagi peluang, saya bagi peluang Yang Berhormat. Saya bagi peluang. Sebenarnya, tadi sudah panjang lebar menjawab soalan apa yang Yang Berhormat Shah Alam bangkit semasa menjawab Yang Berhormat Padang Serai. Sama ada saya itu betul ataupun salah, itu bukan saya untuk menentukan Yang Berhormat tapi berkeyakinan saya betul. Akan tetapi saya tidak adapun menyebut soalan Yang Berhormat Kapar bangkit berhubung dengan soalan, ada satu perkataan yang dia guna. Saya tidak pernah gunakan perkataan itu tadi.

Jadi, kalau kita hendak betul-betul spesifik Yang Berhormat, *I'm not going to scrutinise the word* yang Yang Berhormat sebut itu. Sebabnya saya mungkin kena *refer* balik *hansard* yang esok.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *No* Yang Berhormat Menteri, saya tidak kata Yang Berhormat Menteri gunakan. Yang saya katakan, dalam akta ini ada dan itulah yang telah dibahaskan. So, penggulungan Yang Berhormat Menteri kena balik kepada itu. Memang sah Yang Berhormat Menteri tidak gunakan. *That is what my disappointment. You agreed you didn't use and that is our question.*

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *You agreed.*

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau macam itu saya setuju. Saya boleh bersetuju, saya tidak pernah gunakan perkataan itu. Apa yang saya kata tadi...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri, *that means, you didn't answer our question. That is our question, you didn't answer our question.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, *I think* kita *repeat* balik ya. Kita *repeat* balik sekali lagi soalnya. Soalnya tadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk sekejap ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik, baik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, kita diberi peluang untuk berbahas dan sekarang ini giliran Yang Berhormat Menteri menjawab. Jadi, terpulang pada Yang Berhormat Menteri setelah menjawab, dapat memberikan kefahaman dan kepuasan hati semua wakil rakyat yang berbahas. Tidak ada peruntukan mana-mana yang membolehkan kita memaksa Yang Berhormat Menteri menjawab mengikut selera dan juga kehendak hati kita.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya belum habis lagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bagi pandangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya belum habis lagi.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak bagi pandangan saya, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, ikut peraturan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya minta...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Semasa saya sedang berucap, bercakap, Yang Berhormat Kapar kena duduk diam ya. Duduk, duduk ya. Terima kasih orang muda Kapar ya. Jadi, ya Yang Berhormat Ampang. Ya, saya sedang berurusan dengan Yang Berhormat Ampang sekarang. Yang Berhormat Ampang cakap apa? Apa yang ikut selera?

■1830

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya banyak kali dengar Yang Berhormat Ampang bercakap tanpa *mic* tetapi saya sabar.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak ada, cuma saya sebut...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Telinga saya dengar sebab sangat dekat dengan Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Betullah. Tuan Yang di-Pertua, saya *just* hendak *clarify*. Tadi saya cakap selera Yang Berhormat Kapar. Jadi, kita pun juga kena ikut selera Tuan Yang di-Pertua lah. Saya cakap macam itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin saya hendak penerangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum habis lagi, belum habis lagi. Kita diberikan masa yang cukup untuk kita berbahas tiga jam. Tiga jam kita berbahas untuk rang undang-undang ini. Yang Berhormat Menteri telah memberikan jawapan terhadap isu-isu yang telah dikemukakan oleh kita. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri banyak lagi isu yang hendak dijawab? Ya, tidak perlu *repeat* Yang Berhormat Menteri terhadap isu-isu yang telah dijawab. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya berurusan dengan Yang Berhormat Menteri.



**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta seminit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum, belum lagi. Saya belum bagi peluang lagi. Saya sedang berurusan dengan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam...

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya asas perbahasan yang banyak ditumpukan pada hari ini ialah satu berhubung dengan seksyen 18A dan selepas itu kita pindah kepada 18B, lepas itu kita pindah kepada seksyen 20. Itu sahaja yang banyak dibahaskan dan itu semua pada saya, saya sudah jawab.

Sama ada pendirian kerajaan yang saya sebutkan di sini sehaluan dengan apa Yang Berhormat sekalian percaya. Itu perkara lain, saya tidak boleh sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sendiri berkata bahawa saya tidak boleh memuaskan hati semua pihak. Bahkan kalau kita lihat Parlimen New Zealand Yang Berhormat, kalau Menteri bercakap tidak seorang pun boleh kacau sebenarnya. Dia cakap habis, bila dia habis dia duduk, tidak boleh, memang tidak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Jadi Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab?

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Saya sudah habis, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebenarnya Yang Berhormat Menteri belum menjawab satu isu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri telah- ya Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia belum jawab tadi satu isu, dia kata dia sudah menjawab tetapi satu belum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah jawab, sila tengok *Hansard* esok ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang *compelled*...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada isu lain Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** So dia belum jawab. Okey *on committee stages*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya ada isu lain.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** One after that ada. Okay, *committee stages no problem*. Tidak boleh lari.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Menteri sudah habis menjawab Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya hendak bagi pandangan saya. *Bill* ini baru disampaikan. Lepas itu Tuan Yang di-Pertua kata tiga jam kita telah bahas. Tadi saya tidak ada ruang untuk bahas. Lepas itu bila saya hendak soal tidak ada jawapan. So, Tuan Yang di-Pertua *bill* penting macam ini jangan lah *push*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey saya faham Yang Berhormat Kapar, sila duduk. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sekejap, sekejap. Kita hendak minta...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Yang di-Pertua, *standing order*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Peraturan Mesyuarat mana?

### USUL

#### **MENYERAHKAN RANG UNDANG-UNDANG KEPADA JAWATANKUASA PILIHAN**

**6.33 ptg.**

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Saya ingin hendak membawa *Standing Order 54* supaya usul ini di bawa ke *Select Committee* dan supaya diperhalusi agar semua Ahli Dewan mendapat manfaat daripada perbahasan kita dan untuk itu saya minta teman-teman daripada ini kalau ada 15 orang bangun dan tunjukkan bahawa kita minta supaya dibawa ke *Select Committee*. Terima kasih.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Setuju.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

*[Semua Ahli Pembangkang bangun]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** *Select Committee* sahaja.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi Yang Berhormat Setiu dengan Kinabatangan setuju tadi,

**Seorang Ahli:** Mana Yang Berhormat Kinabatangan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Peraturan 54(2)

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Yang di-Pertua, bawa lah *Select Committee*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya saya faham 54(2). Sila duduk Yang Berhormat sekalian. Baiklah Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terdapat juga Yang Berhormat daripada Sungai Petani yang telah mengemukakan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2) dan ada yang menyokong. Siapa menyokong tadi?

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Seremban telah menyokong. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya membawakan kepada Majlis usul Yang Berhormat Sungai Petani seperti yang dikemukakan tadi untuk diputuskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 54(2), usul ini hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Belah bahagi.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua minta belah bahagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Pokok Sena minta belah bahagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana telah lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian. Duduk ya, duduk, tenang, tenang, tenang. Saya akan baca setelah semua duduk. Kalau tidak ada peluang untuk melengah-lengahkan Dewan. Ya Yang Berhormat Kapar, yang lain duduk. Yang Berhormat Alor Setar. Okey.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab telah lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian, maka mengikut Peraturan Mesyuarat 46(4) saya memerintahkan supaya suatu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Loceng tidak berhenti lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum, belum lagi Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta dijelaskan belah bahagi ini untuk *Select Committee* atau pun tidak? Dua itu ya. Kena jelaskan nanti orang silap faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena, apa masalah? Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat saya belum panggil lagi untuk kira undi. Ya, sila Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Supaya jelas, belah bahagi ini ialah untuk ke *Select Committee* ataupun tidak. Itu tidak dijelaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita belah bahagian untuk sama ada kita bersetuju tidak dengan cadangan Yang Berhormat Sungai Petani untuk dibawa ke *Select Committee* di bawah peraturan 54(2). Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat. Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul 54(2) Yang Berhormat Sungai Petani berikut adalah keputusan:

Ahli-ahli yang bersetuju, 68 undi *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju, 81 undi *[Tepuk]*

*[Usul tidak disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan semula kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 5 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

### Fasal-fasal 6 hingga 9 [Pindaan] -

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Sungai Siput.

6.52 ptg.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, baca usul.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Usul saya ialah untuk buat pindaan pada empat fasal. Untuk fasal 6 berkenaan dengan seksyen 18B dimansuhkan. Pindaan pada fasal 7 berkenaan dengan seksyen 20 perkataan 'hendaklah' ditukar dengan perkataan 'boleh' dan perkataan ditambahkan jika hakim berpuas hati terhadap kesahihan bukti yang dikemukakan selepas perkataan sebagai keterangan.

Pindaan pada fasal 8, seksyen 22 perkataan "hendaklah" harus ditukar dengan perkataan "boleh" dan perkataan jika hakim berpuas hati terhadap kesahihan bukti yang dikemukakan selepas perkataan benda itu.

Akhirnya, pindaan pada fasal 9, subseksyen 24, dimansuh dan digantikan dengan subseksyen berikut mana-mana mahkamah harus mengambil segala langkah untuk memastikan *information* yang sensitif tidak dibongkarkan secara umum dalam usaha mahkamah menentukan kesahihan bukti yang didapati melalui kuasa-kuasa polis di bawah seksyen 6, Akta Ibu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila huraian.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, saya ingat kita sudah bincang semua isu ini dan saya rasa ada juga Ahli Parlimen daripada pihak kerajaan juga yang rasa ada *reconer* ada kelemahan.

**Beberapa Ahli:** Mana ada!

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, *check Hansard* tetapi saya rasa ini kita...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pandang ke muka Tuan Yang di-Pertua. Pandang ke depan. Pandang kawan-kawan, kawan-kawan kacau kita terganggu. Pandang ke hadapan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. So, kita ini hendak tukar macam dalam seksyen 20 dan 22 kita katakan kita kembalikan kuasa *discretion* kepada majistret ataupun hakim dalam mahkamah di mana kita tidak wajibkan dia terima apa yang dibawa oleh polis tetapi kita buka ruang untuk dia bawa bukti itu tapi kita serahkan balik pada hakim untuk menentukan adakah ini bukti yang sahih. Kita bukan wajibkan dia. Kita bagi dia ruang untuk buat keputusannya. Kita kembalikan peranan satu mahkamah balik kepada hakim sehingga sebabnya dan itu pun berkaitan dengan subseksyen 24(4) di mana hakim sekarang seksyen yang sedang berada dalam pindaan yang dikemukakan pada kita ialah hakim tidak boleh kerana dalam yang ditulis di sini adalah *no police officer has any obligation shall be under any obligation or liability in any proceedings to disclose*.

Jadi ertinya jika hakim tanya pegawai polis ataupun pegawai DPP dari mana *you* dapat bukti ini, apakah kesahihannya, adakah *you sure*, tidak boleh. Dia boleh kata saya tidak perlu jawab. So, inilah masalahnya. So, kita hendak bagi akta ini jadi lebih kuat. Ya. Jadi itulah sebabnya saya bawa pindaan-pindaan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk di bahas.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Padang Serai.

6.56 ptg.

**Tuan N. Surendran A/L Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, merujuk kepada pindaan yang baru dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput fasal 8 iaitu seksyen 22 yang ingin dipinda ini kalau kita lihat seksyen 22 *any list of documents which is been option howsoever obtained shall be admissible in court to prove the existence of the documents and things*.

Tuan Pengerusi, ini satu perkembangan yang jauh lain daripada undang-undang keterangan yang kita pernah ataupun yang ada sehingga ini di bawah undang-undang yang sedia ada. Ini kerana sekarang dengan menggunakan satu *list of documents* mencukupi untuk membuktikan adanya dokumen dan perkara-perkara tersebut ataupun *things* yang di *seized*.

Ini bermakna boleh kedudukan tertuduh akan dikompromi, akan prejudis secara serius kerana dengan jelas satu *list of documents* tidak mencukupi untuk membuktikan bahawa benda-benda itu wujud dan saya tidak pernah lihat fasal seperti ini sebelum ini yang boleh memberi realiti kepada benda yang kononnya wujud disebabkan ada *list of documents*. Sebab itu seksyen ini langsung tidak boleh dipakai dan saya sokong pindaan.

Yang lebih teruk itu 24(4) yang telah dicadang untuk dimansuh. Sudah pasti perlu dimansuh kerana kalau kita perhatikan 24(4) Tuan Yang di-Pertua, *"No person or police officer shall be under any duty, obligation compelled to disclose in any proceedings method, manner, procedure, means, devices used with regard to anything done under section 6; and (b) any matter relating to the monitoring, tracking or surveillance of any person."*

Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua apabila keterangan itu didapati keterangan itu akan digunakan terhadap tertuduh dalam kes ini. Ia boleh mencapai perbezaan antara sama ada tertuduh itu didapati salah ataupun dibebaskan. Di sini dengan adanya 24(4) kita tidak boleh soal *authenticity* keterangan yang kononnya telah didapati melalui teknik-teknik ini di mana peguam bela dan tertuduh langsung tidak diberitahu apakah cara dengan mana keterangan itu didapati. Apabila kita tidak tahu apakah cara dengan mana keterangan itu didapati mahkamah tidak boleh membuat keputusan sama ada keterangan itu boleh diterima atau tidak, atau ditolak ataupun keterangan itu boleh dipercayai ataupun adakah ia wujud, adakah ia *authentic*, adakah ia keterangan yang *difabricated*. Semua ini tidak boleh diputuskan oleh mahkamah.

Ini adalah satu prejudis yang amat sangat kepada tertuduh dan kalau seksyen seperti ini hendak dimasukkan dalam rang undang-undang ini lebih baik tidak ada perbicaraan langsung. Terus tangkap didapati salah masuk penjara sahaja. Apa gunanya kita ada sistem keadilan ataupun *Criminal Justice System* yang kononnya bertamadun, kononnya mengikut luns-lunas *common law* dan kononnya kita juga sebahagian daripada sistem undang-undang di negara Komanwel tetapi kita ada seksyen-seksyen seperti ini dan sini ingin saya juga menambah Tuan Yang di-Pertua bahawa kita perlu ingat...

■1900

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Saya ingin bertanya mengikut penilaian Yang Berhormat Padang Serai, peruntukan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini untuk menerima apa juga senarai dokumen dan juga barang-barang yang disita itu. Boleh ada peruntukan atau tidak dalam rang undang-undang ini untuk membolehkan yang dituduh ataupun peguamnya mencabar senarai tersebut dan akhirnya meminta supaya senarai tersebut bukan kekal dalam senarai tetapi ditunjukkan secara fizikal di dalam mahkamah.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai, terima kasih. Bagaimana peguam hendak mencabar atau tertuduh hendak mencabar apabila pindaan di bawah fasal 8 seksyen 22 jelas menyatakan *"Shall be admissible"*. *"Any list of documents and things seized or howsoever obtained whether before or after a person has been charged for a security offence shall be admissible as evidence in court to prove the existence of the documents"*. Maknanya tidak ada budi bicara. Oleh sebab itu kita kata pindaan-pindaan dan rang undang-undang yang sedang dibawa oleh kerajaan beberapa hari ini kesemuanya menghakis secara amat serius kuasa mahkamah. Ini diakui juga pagi tadi oleh beberapa orang rakan kita daripada Barisan Nasional. Tidak ada budi bicara

langsung pada pihak mahkamah untuk membuat keputusan mengenai *admissibility*. “*Shall be admissible...*”

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih. Saya kurang jelas apa yang dimaksudkan. Adakah yang dimaksudkan ialah bahawa apabila satu senarai dikemukakan dan dalam senarai itu dia sebut semua dokumen, lepas itu dengan adanya senarai maka terbukti bahawa dokumen-dokumen itu adalah wujud dan adalah benar dan tidak perlu bagi pihak polis untuk mengemukakan dokumen-dokumen itu sendiri sebagai bukti, hanya sekadar dengan memberikan satu senarai.

Maknanya kalau dia kata ada satu senarai senjata. Di senarai itu nombor satu ada dokumen-dokumen beli senjata. Kedua, ada invoice dan *Delivery Order* beli senjata. Ketiga, ada e-mel yang menunjukkan ada hubungan dengan Al-Qaeda dan sebagainya, lalu dia kemukakan senarai itu sahaja dan mahkamah kena terima bahawa senarai itu bukti, dokumen itu wujud, tak boleh dipertikaikan. Adakah itu yang dimaksudkan?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, kalau begini berhujah dekat mahkamah, takut hakim [*Ketawa*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Walaupun hakim takut tetapi tangan dah kena gari, dia tak boleh buat apa-apa... [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya nak tekankan, “*Shall be admissible*” ini *imperative*. Ada perbezaan dengan perkataan ‘*may*’. Akan tetapi sebentar tadi pada peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri menerangkan seolah-olah ada lagi kuasa lepas itu dia bawa hujah-hujah *irrelevant* atau *relevancy* tetapi untuk saya, *shall be admissible is imperative* bermaksud tak ada ruang-ruang budi bicara. Apa pendapat Yang Berhormat Padang Serai tentang isu *shall be admissible* sebab setahu saya, *it is imperative you shall be admissible, mandatory*. Terangkan, Yang Berhormat.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Kepada Tuan Pengerusi, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Shah Alam dan juga oleh Yang Berhormat Kapar, jawapan yang mudah adalah ya. Satu *list* dokumen menurut seksyen 22 ini adalah mencukupi untuk membuktikan bahawa hal-hal dokumen-dokumen itu atau benda-benda itu memang wujud dan pada akhir seksyen 22 dinyatakan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh dapat sedikit penjelasan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak tanya Yang Berhormat Padang Serai sama dengan Yang Berhormat Shah Alam tanya. Kalau saya baca di sini, dia dua mesti ada. “*Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita...*” bukan sahaja dokumen, bendanya mesti ada, perkataan “dan”.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Ketawa*]

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa ketawa pula Yang Berhormat Shah Alam? Tak baca? “*Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita atau walau...*” dan seterusnya tetapi tadi soalan Yang Berhormat Shah Alam, ada dia kata

kalau senarai sahaja cukup, barang tak ada pun tak apa. Jadi, dia mesti ada dua-dua dan itu yang saya faham. Yang Berhormat Padang Serai punya tafsiran macam mana?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, memang dua-dua sebab itu seksyen ini lagi teruk. Dua-dua dokumen dengan benda yang disita boleh dibuktikan kewujudannya hanya dengan menggunakan *list* dokumen, memang dokumen dan benda. Fakta bahawa ada benda membuatnya lagi teruk seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang, saya setuju.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Padang Serai...  
[Mengetuk mikrofon]

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam, tak payahlah ketuk-ketuk *mikrofon* itu, nanti rosak.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Ketawa] Baiklah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya nampak cuma saya nak dia habis dulu Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya sentuh sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya nak tunggu Yang Berhormat Padang Serai habiskan ayat dia barulah saya jemput. Itu yang saya tunggu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Okey, baik. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maksudnya Yang Berhormat Padang Serai, senarai dokumen dan benda maknanya senarai dokumen dan senarai benda. Dia tidak memaksudkan senarai dokumen dan benda maknanya benda itu dokumen itu, tak. Maksudnya senarai dokumen dan senarai benda. Kalau dikemukakan oleh pihak polis satu senarai, dia kata ada dokumen *invois* beli senjata.

Kedua, ada e-mel daripada Al-Qaeda dalam senarai itu. Maka polis tak perlu kemukakan dokumen-dokumen itu. Dia ada satu lagi senarai, senarai benda. Ini ada senjatanya, adanya *grenade launcher*, adanya C4, adanya sekian-sekianlah. Dia bagi senarai sahaja maka apabila ada senarai dokumen dan ada senarai benda dikemukakan, itu sudah memadai. Tak perlu dikemukakan dokumen itu sendiri dan benda itu sendiri sebagai bukti.

Senarai dokumen dan senarai benda dah cukup untuk membuktikan bahawa dokumen dan benda itu wujud dan apabila diterima oleh mahkamah, kita sebagai mana-mana peguam bela, dia tidak boleh mempertikaikan. Dia tak boleh kata "*Oh! Tak! Benda itu tak wujud*". Kena bawa dokumen itu tunjuk bahawa benda itu wujud. Bawa senapang itu, bawa *grenade launcher* itu, bawa C4 itu buktikan ia wujud. Hakim akan kata "*Tak perlu kerana senarai ini dah cukup untuk membuktikan ia wujud*". Betul ataupun tidak Yang Berhormat Padang Serai? Ini undang-undang rimba, lebih teruk daripada rimbalah. Saya ingat yang rimba pun tak pandai buat undang-undang macam ini.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagilah Yang Berhormat Padang Serai jawab.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Betul Yang Berhormat Shah Alam. Masalah dengan seksyen 22 itu seperti yang disebut tadi, perkataan yang digunakan adalah '*shall be admissible*' bukan '*may be admissible*' Bermakna apabila *list* dokumen dan benda-benda atau barang-barang tersebut diberi kepada mahkamah atau di tender kepada mahkamah maka mahkamah tidak ada budi bicara. *Shall be admissible* maknanya *produce a list of documents*, ia diterima dan itu menjadi bukti terhadap tertuduh itu bahawa dokumen-dokumen tersebut dan benda-benda tersebut wujud dan boleh digunakan untuk menyabit kesalahan terhadap tertuduh tersebut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ini yang menjadi masalah, Tuan Pengerusi. Seolah-olah penggubal rang undang-undang ini seolah-olah ada *love affair* dengan perkataan 'shall' ini *[Ketawa]* *Shall! Shall! Shall!* Semua *shall*. Perkataan 'may' tak ada di dalam *vocabulary* mereka.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak tanya seksyen 22.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak tanya seksyen 22. Tadi tafsiran yang kalau saya salah faham, tadi Yang Berhormat bersetuju dengan tafsiran yang dibuat oleh Yang Berhormat Shah Alam. Dia kata hanya *produce* senarai tak perlu benda. Ini kena baca sampai habis. "*Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita*". Bila benda itu yang disita, benda itu mesti ada barulah boleh bawa ke *court* dan bukan hanya pakai senarai sahaja. Macam mana yang dia kata dia dapat senarai senapang, mestilah ada senapang itu. Mesti nak kena tunjuk bukan sahaja cukup senarai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya dengar Yang Berhormat Padang Serai, saya nak tanya pendapat Yang Berhormat Padang Serai. Kira kita sekarang ini macam dah dalam mahkamah, kita *interpret the law* ini. Bukan kita buat undang-undang. Jadi saya nak tanya tafsiran, ini dah masuk tafsiran, Tuan Pengerusi. Dah kira tafsiran ini, betul tak betul tafsiran ini. Terima kasih.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih, saya jawab. Yang Berhormat Tanjong Karang, di sini ia menyatakan senarai dokumen dan benda. *Now* benda dan dokumen itu mungkin ada mungkin tidak ada, kita tidak tahu. Akan tetapi masalah dengan seksyen 22 adalah bahawa dengan mengemukakan *list* dokumen itu cukup untuk diterima oleh mahkamah bahawa benda dan dokumen itu wujud.

#### ■1910

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya Yang Berhormat Padang Serai, mengikut tafsiran saya, kalau di sini kata, "*Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita...*"—dan yang disita. "*Atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh.*" Disebut itu. Satu benda yang disita, bermakna barang-barang itu mesti ada. Betullah dikatakan *shall*, mesti diterima oleh mahkamah. Akan tetapi sekarang ini saya hendak tanya dan saya hendak tanya juga kepada, mungkin bukan kepada Yang Berhormatlah. Adakah barang-barang ini mesti ada buktinya? Dah kalau senarai ada, barang ada dan kita tidak boleh *questioned* macam mana barang ini dia dapat, macam mana barang ini disita, asal ada senarai dan juga barang, yang saya faham, mahkamah kena terimalah. Kena baca sampai habislah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tidak ketuk *mic* ya, saya tidak ketuk.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik. Saya ingat masalah yang salah faham ini ialah kerana baca tidak habis ayatnya. Dia kata, "*As the case may be that were not produced in court*". Saya baca ayat itu sepenuhnya. Saya baca bahasa Malaysia lah. Kalau tidak takut tidak faham pula... *[Membaca petikan]*

"*Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperoleh...*"—iaitu sama ada disita atau pun tidak.

"*Sama ada sebelum atau selepas seseorang telah dipertuduh atas kesalahan keselamatan hendaklah boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah untuk membuktikan kewujudan dokumen dan benda yang disita atau diperoleh itu...*"—maksudnya senarai itu adalah sebagai bukti kewujudan dokumen dan benda yang disita atau diperoleh itu.

"*Mengikut mana-mana yang berkenaan yang tidak dikemukakan di mahkamah oleh sebab sifat dokumen dan benda itu.*"



Walaupun ayat itu agak berpusing-pusing tetapi saya rasa semua orang boleh faham. Maknanya senarai itu sahaja yang dibawa, senarai dokumen dan senarai benda. Benda ini dikatakan disita ataupun tidak, tidak tahulah macam mana cara ia diperoleh tidak kisahlah, tetapi senarai itu bukti ia wujud dan benda-benda dan dokumen ini tidak perlu dibawa ke mahkamah seperti mana yang disebut, "*Tidak dikemukakan di mahkamah oleh sebab sifat dokumen dan benda itu*".

Maknanya senarai itu muktamad. Ia dikemukakan, ia wujud. Mahkamah kena terima senarai itu sebagai bukti kewujudan dokumen dan benda-benda tersebut. *No judicial freedom whatsoever* dan mana-mana peguam yang bertindak sebagai peguam bela, dia tidak boleh mempertikaikan sama ada bukti itu adalah sah atau sebaliknya. Apakah pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya setuju dengan itu. Jadi kepada soalan Yang Berhormat Tanjong Karang. Kalau benda-benda atau dokumen itu sudah disita, mesti ada. Itu poin oleh Yang Berhormat Tanjong Karang.

Akan tetapi jawapannya, bagaimanakah kita tahu ia wujud atau tidak? Pegawai polis mungkin akan memberi *list* menyatakan bahawa benda-benda ini telah disita tetapi sebagai pihak tertuduh dan peguam bela, kita ada hak untuk menyoal sama ada benar-benar ada atau tidak. Oleh sebab itu kita tidak dapat terima cara seksyen ini digubal, tidak betul. Suatu *list* dokumen sahaja sebagai bukti wujudnya benda-benda yang kononnya disita oleh pihak berkuasa. *We want to know* ada atau tidak. Oleh sebab itu kita ada permasalahan dengan seksyen 22 itu. Jawapan saya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ringkaskan. Yang Berhormat Padang Serai, ringkaskan.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ringkaskan. Berbalik kepada 24 tadi. Ini adalah mengenai *admissibility of intercepted communication and monitoring, tracking or surveillance information*, Tuan Yang di-Pertua.

Sekali lagi seperti yang saya sebut tadi. Apabila 24(4) menyatakan bahawa pihak polis tidak perlu memberitahu bagaimana *information* itu didapati, soalan yang amat besar mengenai apakah *information* itu benar *authentic* ataupun adakah ia direka? Soal-soal ini amat penting untuk kita pastikan bahawa memang tertuduh itu melakukan kesalahan tersebut. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua, kita mungkin menghadapi *miscarriage of justice* demi *miscarriage of justice* demi *miscarriage of justice*, dengan izin.

Oleh sebab itu bahayanya seksyen-seksyen seperti ini. Kita hendak pastikan bahawa tidak ada sesiapa yang secara salah didapati disabitkan kesalahan walaupun beliau tidak sebenarnya bersalah. Oleh sebab itu kita tidak boleh terima seksyen-seksyen seperti ini dan oleh itu saya menyokong sepenuhnya pindaan yang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Padang Serai, sedikit. Hanya saya hendak menyokong pandangan Yang Berhormat Padang Serai. Dalam zaman teknologi begitu cekap dan maju sekarang, untuk *fabricate electronic evidence* itu kalau tidak diberitahu proses untuk memperoleh, ia mudah dijadikan satu bahan yang menganiayai seseorang yang dituduh. Apakah pandangan Yang Berhormat Padang Serai?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Puchong bangun.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Ya, memang saya tidak pakar dalam isu teknikal mengenai teknik-teknik dan sebagainya, tetapi kita tahu ada banyak cara untuk mengubah media dan medium elektronik, *photoshop* dan sebagainya. Oleh sebab itu pentingnya kita mempunyai hak untuk menyoal bagaimana- jika undang-undang keterangan biasa terpakai, setiap *stage* mengenai *authenticity* sesuatu dokumen itu boleh kita soal. Oleh sebab itu di mahkamah hanya original sesuatu dokumen diterima dan jika original tidak diberi, ia menjadi isu dan mahkamah akan tolak dan akan label dokumen itu *for identification*, bukan sebagai *exhibit*. Bermakna, ia tidak akan diambil kira semasa mahkamah membuat apa-apa keputusan. Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong hendak bahas.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab-sebab ini, saya menyokong sepenuhnya usul pindaan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, berapa orang lagi minat?

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ringkaskan. Boleh lima minit seorang? Ya, saya hendak dengar anak muda Yang Berhormat Kapar.

**7.17 mlm.**

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi kesempatan untuk membahaskan juga pindaan terhadap rang undang-undang ini yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Siput.

Pertama sekali mengenai fasal 6 diminta supaya subseksyen 18B dimansuhkan. Tuan Pengerusi, saya amat setuju dengan cadangan ini kerana tindakan seksyen 18B ini sebenarnya memberi ruang seluas-luasnya untuk intimidasi terhadap seseorang terutamanya suami isteri. Kita kena soal tentang di manakah hak privasi yang wajar dinikmati oleh satu pasangan suami isteri. Kalau yang ini diluluskan, kita akan hidup seolah-olah isu maruah- ini hubungan antara suami isteri yang melibatkan isu maruah. Sekarang kita tidak ada batasan dan membiarkan sebegitu sahaja.

Saya tadi dengar secara teliti pada peringkat dasar penggulungan Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ada satu kes di Lahad Datu isteri hendak beri keterangan tetapi dibatasi oleh Akta Keterangan. Akan tetapi dengan satu kes sebegitu untuk datang dengan satu undang-undang yang sebegini luas, saya rasa rasional itu tidak memadai. Padahal dalam seksyen ini juga kita katakan bahawa, "*Terpaksa menzahirkan*". Itu perkataan pertama. Dalam subseksyen 2 pula, "*Walaupun orang yang membuat komunikasi itu tidak memberi kebenaran*". *The consent and compel, that was the issue* yang saya terangkan tadi.

■1920

Saya amat terkejut bila *just* satu kes di Lahad Datu, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dengan izin, *stretching your arms into a person's bedroom and under their blanket*. So, itu sesuatu yang perlu dikaji semula. Saya rasa undang-undang ini seperti undang-undang Komunis, seperti di China dan Laos. Tuan Pengerusi, saya dengan itu mengharapkan bahawa fasal 6 ini dimansuhkan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kapar. Saya ingat apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput ialah supaya 18B ini dimansuhkan sama sekali. Kalau kita lihat apa yang terkandung dalam 18B(1) disebut, "*Seseorang yang sedang atau pernah berkahwin terpaksa menzahirkan apa-apa komunikasi...*"

Di sini, bererti bahawa bekas suami ataupun bekas isteri yang mana dulu merupakan pasangan suami isteri tetapi telah pun bercerai, maka bekas isteri itu boleh dibawa untuk memberikan keterangan. Dalam kes-kes seperti ini, kita tidak menolak kemungkinan adanya perasaan dendam, lebih-lebih lagi kalau perkahwinan itu telah tamat atas sebab ketidakjujuran si suami. Pada ketika itu, bekas isteri boleh mengambil kesempatan untuk menyabitkan bekas suaminya dengan kesalahan-kesalahan keganasan. Dalam keadaan itu, ia merupakan suatu punca maklumat yang tidak sahih, yang boleh menyebabkan ketidakadilan dan kelaziman berlaku. Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat Kapar berhubung dengan itu?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya amat setuju dengan pendapat Yang Berhormat Shah Alam. Ini adalah kerana Tuan Pengerusi, kita sedang di Malaysia ini sedang cuba sedaya upaya kita untuk mengeratkan lagi hubungan di antara

suami isteri dengan wujudnya teknologi *WhatsApp* dan *Twitter* ini, hubungan di antara suami isteri menjadi renggang. Nampak gaya, *Home Minister* kita membuka lagi ruang ini secara terbuka. Kita kena cuba mengeratkan hubungan, di sini pula dia kata tidak apa, menaikkan lagi semangat kebencian rumah tangga. So saya rasa ini patut dikaji dan diteliti sedalam-dalamnya.

Memang saya bersetuju bahawa ruang ini akan membuka untuk seseorang membalas dendam atau menggunakan kesempatan untuk mengenakan bekas isteri atau bekas suami. Apabila kita gubal undang-undang ini, kita kena pastikan semua ruang yang membuka kepada situasi-situasi sebegini ditutup supaya tiada penyalahgunaan. Akan tetapi, saya amat terkejut bila undang-undang ini diterima pakai, akan membawa lebih penyalahgunaan seperti yang ditekankan oleh Yang Berhormat Shah Alam. Maka saya setuju dengan fasal 6. Ada lagi satu Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah lebih lima minit dah.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Saya disebabkan kesuntukan masa, kita terhad dengan masa, saya cuba gabungkan fasal 7 dan fasal 8. Tadi ada isu perkataan senarai dokumen dan sebagainya.

Saya cuba teliti tentang penerangan di Bahagian Huraian menyatakan bahawa "*Fasal 7 dan 8 masing-masing bertujuan untuk menggantikan seksyen 20 dan 22, Akta 747 untuk memperuntukkan kebolehterimaan dokumen atau benda yang disita atau walau bagaimana jua sekalipun diperolehi sama ada sebelum atau selepas seseorang telah dipertuduh atas suatu kesalahan keselamatan...*" dan di sini penting itu Tuan Pengerusi, "...kebolehterimaan senarai penggeledahan dokumen dan benda itu". Ini menunjukkan secara sah, benda itu tidak mungkin ada, dokumen itu tidak mungkin ada, tetapi senarai itu sudah cukup. Ini telah dihuraikan dalam Bahagian Huraian.

So saya rasa ini sekali lagi membuka kepada penyalahgunaan, kepada lakonan yang terluas, terbuka, pihak polis diberi kuasa yang amat luas. Saya amat tidak setuju dengan fasal ini dan saya minta budi bicara Dewan yang mulia ini supaya kita selitkan pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Maka dengan itu, saya menyokong usul pindaan yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas itu Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Puchong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab ya. Lima minit ya.

## 7.26 mlm.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu perkara. Saya memang menyokong cadangan pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput terutamanya terhadap pindaan pada fasal 6 yang mana beliau mencadangkan bahawa subseksyen 18B dimansuhkan.

Tuan Pengerusi, saya rasa semasa sesuatu pasangan berkahwin, kita buat satu *wedding vows*, dengan izin. Mungkin *wedding vows* ini berbunyi sebegini, "*I, who who who take you, who who who to be my wife or husband to have and to hold for this day forward for better or for worse, for richer or for poorer. In sickness any help, to love and to cherish for this day for what until dies do us apart*".

Akan tetapi saya rasa kalau kita izinkan ataupun memakai cadangan yang dicadangkan oleh Kementerian Dalam Negeri ini, saya rasa *wedding vows* ini perlu dipinda, perlu dipinda juga. *Wedding vows* ini hanya pakai sampai suami atau isteri ini didakwa di bawah SOSMA. Saya rasa ini tidak masuk akal dan saya rasa dalam undang-undang kita ada ini cakap *marital privilege*, suami isteri *privilege*. Ini sama dengan klien dan *lawyer confidentiality* juga dengan izin.

Di bawah undang-undang, apa yang dimaklumkan oleh seseorang kepada peguam dia, tidak boleh didedahkan di mahkamah. Akan tetapi dalam pindaan sekarang, dalam SOSMA ini, ia tidak menyatakan bahawa seorang peguam akan terpaksa untuk memberi keterangan di mahkamah tetapi sebaliknya seorang isteri ataupun seorang suami terpaksa memberi keterangan di mahkamah terhadap suami atau isteri beliau.

Saya rasa ini tidak adil. Kalau kita cakap bahawa *we want to take away this privilege*, dengan izin, saya rasa bagaimana dengan *privilege* di antara peguam dan juga klien dia? Adakah kita cakap bahawa *privilege* di antara peguam dan juga klien dia adalah lebih tinggi ataupun lebih besar daripada *privilege* di antara suami dan isteri? Saya rasa perhubungan di antara suami dan isteri ini adalah lebih suci. Perkahwinan ini adalah lebih suci. Jadi saya rasa fasal 18B ini haruslah dipinda. Kalau bukan, kita mesti perlu mansuhkan fasal ini.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kalau isteri atau suami itu sudi untuk memberi keterangan, kita mengizinkan dia beri keterangan di mahkamah. Itu saya setuju tetapi perkataan yang dipakai di sini adalah, '*shall be compelled*'. Ia bukan cakap bahawa seseorang isteri atau suami itu mempunyai satu pilihan. Kalau dia ada pilihan, dia sendiri yang pilih untuk memberi keterangan di mahkamah, itu bukan jadi satu isu dan memang betul bahawa *spouse privilege* ini, dengan izin, dia bukan *absolute* punya. Ya, dia bukan cakap, dia pakai sepanjang masa punya. Kita dalam undang-undang ada masa bahawa seseorang ini bolehlah memberi keterangan terhadap suami atau isteri dia tetapi yang ada sekarang *sensus* yang sangat spesifik seperti bahawa dalam satu persidangan yang mana isteri atau suami itu mangsa dan suami atau isteri itu didakwa di mahkamah.

#### ■1930

Jadi, dalam situasi sebegini kita perlu suami atau isteri untuk memberi keterangan di mahkamah supaya kita boleh mendakwa suami isteri itu ke mahkamah dan dia boleh dijatuhkan hukuman. Akan tetapi dalam situasi sekarang saya rasa kalau seseorang itu didakwa di bawah SOSMA, kita banyak sumber keterangan. Kita tidak perlulah paksa pasangan ini untuk memberi keterangan di mahkamah. Jadi, saya rasa saya menyokong sepenuh-penuhnya cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri sekurang-kurangnya buat pindaan terhadap fasal ini. *Cannot 'shall be complied', 'may give' that is okay*. Saya rasa saya harap Yang Berhormat Kinabatangan sokong pindaan ini kerana bini dia banyak. Jadi, risiko dia pun tinggi juga. Sekian, itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang. Lima minit ya, Yang Berhormat Sepang.

7.31 mlm.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk menyokong cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Sungai Siput.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

Berkenaan fasal 20, fasal 7, mengenai seksyen 20 itu dan juga fasal 8, mengenai seksyen 22. Saya dapati Tuan Pengerusi, apa yang berlaku sekarang ini ialah satu yang agak janggal, ganjil. Ini kerana dalam seksyen 20 itu, akta ini membenarkan cara yang agak *draconian* untuk menerima sesuatu dokumen atau benda yang disita dengan wujudnya perkataan 'walau bagaimanapun'. Jadi, apabila telah wujud satu seksyen yang *draconian* seperti ini, selepas itu wujud pula satu lagi seksyen 22 pula yang memasukkan satu peruntukan membenarkan hanya mengemukakan *list*. Ini boleh dikatakan dalam undang-undang dipanggil barang yang geledahlah, *list*.

Kalau kita dalam undang-undang ini ia ada barang-barang yang kita sita ini, kita memang kena bagi kepada orang yang dituduh. Akan tetapi dalam yang ini, dia yang saya-seperti mana yang diberitahu Yang Berhormat Shah Alam tadi, memang benda yang agak ganjil. Dalam seksyen 20, kita benarkan diguna apa sahaja cara. Maknanya, bagi saya dengan adanya seksyen 20 itu, sebenarnya memudahkan untuk mereka menerima apa sahaja, mengambil apa sahaja dokumen. Oleh sebab itu, bagaimana dengan keadaan dengan mudah mereka dapatkan dokumen- sekejap Yang Berhormat Shah Alam, tiba-tiba dokumen itu pula tidak diwajibkan untuk *produce* di mahkamah.

Jadi, saya merasa hairan dalam keadaan dari satu *power* yang begitu besar, satu *power* yang begitu drastik, *power* yang begitu *draconian*, untuk ambil apa sahaja dokumen dengan apa cara sahaja, selepas itu kamu tidak mahu pula *share* dokumen itu di mahkamah. Hanya cukup mengemukakan *list* sahaja. Jadi, *I have difficulty to reconcile between these two sections. In one hand, you have all powers to seize* barang dengan dokumen. Tiba-tiba, *you don't have to produce the document*. Jadi, ini satu perkara yang memang amat membingungkanlah.

Seterusnya, berkenaan dengan pindaan yang ingin dikemukakan di bawah subseksyen 24(4) berkaitan dengan pindaan pada fasal 9. Iaitu berkaitan dengan- saya baca dalam bahasa Inggeris senang sikit, "*Admissibility of intercepted communications and monitoring, tracking or surveillance information.*" Kalau kita lihat pindaan ke atas seksyen 24 ini, pertamanya ia telah *widened the scope*, *widened* iaitu dalam erti kata bukan sahaja *information* yang diambil oleh pihak polis, berkaitan dengan *intercepted communications*. Akan tetapi juga oleh mana-mana orang seperti mana pindaan kepada seksyen 6 itu iaitu daripada perkataan '*police officer*' kepada '*or any other person*'. '*Any other person*' ini, bagi kita terlalu *wide*. Maknanya, mungkin orang-orang yang ada bermusuhan dengan orang-orang yang kena tahan ini, orang-orang yang ada dendam dan sebagainya, kita boleh terima. Apabila- yes?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya masuk celah. Selepas itu saya tidak perlu untuk bahas lagi, terima kasih. Hanya dua perkara, saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat Sepang, kita sebagai pengamal undang-undang, mungkin boleh beri pendapat. Perkataan yang digunakan di kedua-dua seksyen 20 yang dicadangkan di bawah fasal 7 dan juga seksyen 22 yang dicadangkan di bawah fasal 8. Masalahnya adalah berkenaan dengan perkataan '*shall*'. Di mana kita tahu, kita sudah ulang beberapa kali, ia mandatori. Saya rasa kita ini khuatir bahawa ada kemungkinan salah guna kuasa. Oleh sedemikian, kita perlukan satu gerenti bahawa mahkamah akan mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada atau tidak, dokumen tersebut ataupun bahan yang di *seized* itu bahan yang dibawa secara sah ataupun di *seized* secara sah. Hanya setakat prosedur.

Yang Berhormat Sepang, apabila perkataan '*shall*' digunakan dan seorang tertuduh hendak mempertikaikan cara dalam mana ia diambil ataupun *seized*. Bagaimanakah beliau akan ataupun boleh melakukannya dalam mahkamah?

Jadi, apabila satu barang tersebut dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti dan oleh sebab undang-undang ini menyatakan perkataan '*shall*', adakah tertuduh pada masa itu ada kuasa ataupun ada jalan ruang untuk memanggil keterangan untuk menunjukkan bagaimana beliau kata benda itu diambil ataupun diperolehi melalui cara yang tidak sah? Adakah itu menjadi sebab atas mana perkataan 'mandatori' seharusnya tidak digunakan tetapi digantikan dengan perkataan yang lebih memberi kelonggaran supaya hakim boleh mendengar bantahan pada masa itu dan buat keputusan berkenaan kebolehterimaan pada masa itu, *ask oppose to 'wait'*. *That's the significant between 'admissibility' and 'wait'* seperti mana disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Itu soalan saya, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih pada sahabat saya Yang Berhormat Puchong. Bagi saya, berdasarkan seksyen 20 ini, *there are two words*, dua perkataan yang bagi saya menyebabkan tangan hakim itu terikat. Pertamanya, perkataan '*howsoever obtained*'. Ini memberi satu kuasa yang begitu luas kepada pihak yang menyita itu, mengambil barang-barang ini. Oleh sebab dia boleh mengambil barang dengan apa sahaja cara.

Keduanya, diikat dengan perkataan '*shall*'. Jadi, bagi saya bukan perkataan '*shall*' sahaja yang menjadi masalah di sini tetapi perkataan '*howsoever obtained*'. *In other words, we cannot challenge, we cannot dispute the manner, the goods and the documents seized*. Kita tidak boleh. Jadi, kita di situlah— maknanya, bagi seorang hakim, saya percaya rakan saya daripada Yang Berhormat Setiu pun boleh *confirm* ini, *dengan wujudnya seksyen 20* yang belum dipinda ini, ia akan menyebabkan hakim-hakim tidak *interested*, tidak berminat untuk mengetahui bagaimanakah cara dokumen itu didapati. Bagi dia, seksyen ini memberi kuasa kepada pihak yang menyita itu.

Okey, saya kembali kepada- yang lebih malang lagi pula, sepatutnya sudah ada kuasa sebegitu luas itu, apa salahnya kemukakan *list* itu dan *list* itu bagi kepada orang kena

tuduh dan kita hendak pastikan barang-barang yang diperolehi daripada seksyen 20 itu benar-benar wujud. Akan tetapi kalau kita tidak perlu kemukakan dokumen itu, tidak perlu kemukakan benda-benda yang kita sudah sita itu, apa yang boleh kita kata- macam mana kita hendak tahu sebagai orang kena tuduh, macam mana kita hendak tahu barang-barang yang dikatakan telah dapat itu betul-betul wujud? Ini satu perkara yang saya rasa tidak payah perlukan peguam...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Habiskanlah Yang Berhormat ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terakhirnya, seksyen 24 tadi saya kata. Seksyen 24 ini yang lebih lagi- saya boleh terimalah sekiranya polis, sebab polis ini mungkin mereka ada *equipment* yang mereka boleh *intercept*...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yes?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seksyen berapa Yang Berhormat, 24?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *I mean*, fasal 9, seksyen 24, pindaan itu, 24(2) ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** 24(4) ia ada buat ini. Saya hendak mengatakan tentang seksyen 24 ini iaitu fasal 9, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Fasal 9, fasal 9.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ya, fasal 9, minta maaf. Seksyen 24(4) itu menunjukkan bahawa secara jelas- ini yang sebelum pinda ini, "*No person or police officer shall be under any duty, obligation or liability or be in any manner compelled to disclose in any proceedings the procedure, method, manner or the means or devices used with regard to anything done under section 6; and any matter relating to the monitoring, tracking or surveillance by any person.*"

#### ■1940

Ini saya tak tahulah kalau ini pun kita kata kuasa ini memang tak *wide*, tak *draconian*, kita nak kata apa lagi? Cara pemilihan perkataan itu sendiri dah menunjukkan secara jelas. *Any duty, obligation, liability*, lepas itu *in any matter*, dia tak dipaksa. Suami dan isteri boleh dipaksa untuk *disclose document*, polis yang ambil yang - bagi kita undang-undang ini, dia *infringe privacy*. Tapi *anyway, police is not compelled. Not only police, even any person who supply the information intercept* ini pun, *is not obligated*. Dalam undang-undang, untuk di *question*, maknanya hakim tak perlu tanya macam mana dia dapat dokumen itu, macam mana cara dia. Macam mana mekanisme dia. Dia tidak perlu. Apa saja cara. Contohnya dia pasang peranti, dia pergi dekat rumah orang, dia menyamar jadi kontraktor, dia pergi pasang video ke apa-apa, lepas itu bila dia dapat dokumen itu, dia *anything*, dia boleh buat apa saja. Jadi saya rasa kalau begini punya pindaan memang patut dipinda.

Jadi, seksyen 24 yang dipinda oleh Yang Berhormat Sungai Siput ini adalah wajar disokong kerana kita minta mahkamah yang sepatutnya diberi peluang, diberi kuasa untuk menilai tindakan yang seperti ini. Jadi saya menyokong pindaan yang dicadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Dah habis, Yang Berhormat?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga meneliti pindaan yang diberi oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Biarlah saya menegaskan, saya tak perlu mengulas lagi sebab saya dah sebut tadi, Yang Berhormat secara panjang lebar. Dan saya tidak ada *variation* lain lagi yang sebenarnya. Jadi saya tegaskan berhubung dengan 18B, lagi sekali ini saya sebut, kita ini berhubung menegaskan bahawa kes yang tersebut di sini ialah kes keselamatan. Dan kes keselamatan ini pada kita amat penting kepada negara dan juga masyarakat keseluruhannya. Bukan dia terbuka kepada semua orang Yang Berhormat. Jadi

perbahasan kita di sini memikirkan bahawa pada hari esok, mana-mana orang sahaja, bukan orang yang terlibat dengan ketua pun, undang-undang ini juga boleh diguna pakai.

Jadi dengan keadaan yang sedemikian, saya bersetuju dengan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh sekali lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seksyen 18B ini memanglah saya cukup setuju dengan hujah-hujah dibagi oleh Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kulai tadi, hubungan keluarga suami isteri ini memang rahsia. Memang tak boleh. Tetapi dan saya amat bersetuju bahawa hubungan kerahsiaan suami isteri ini jika kita nak gunakan undang-undang biasa, suaminya kena dakwa kes bunuh kah, itu memang tak boleh terlibat. Akan tetapi ini ialah *special case*. Kes keganasan, kes keselamatan negara. Mana yang lebih penting? Rumah tangga ataupun keamanan dan juga keselamatan negara.

Ini bermakna dia kena pilih. Dia nak jaga rumah tangga dia ke, nak jaga keselamatan negara? Kalau dia tahu kata sebabkan suami dia atau isteri dia, yang boleh menyebabkan negara ini jadi huru-hara dan sebagainya. Apa guna. Ini yang saya nak, setuju kah Yang Berhormat kita kena bezakan sedikit di antara kepentingan keluarga dan juga kepentingan negara.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Dia perspektif kita membawa undang-undang ini ke Dewan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua ialah bahawa kita melihat bukan berhubung dengan komunikasi biasa di antara *husband and wife*, bukan. Soalan apa sahaja benda yang *sanity* perkahwinan itu masih dijagakan. Akan tetapi kalau si isteri itu, atau suami itu menerima maklumat daripada isteri bahawa aku akan pergi ke Syria ataupun pergi ke Iraq nak perang dan senjata kami ada disimpan dekat sini dan saya akan ambil senjata itu bawa ke Iraq. Perkara ini sahaja yang kita dibenarkan di bawah undang-undang ini, bukan soalan dia, *privacy of husband and wife* itu, Yang Berhormat. Jadi dia lebih jauh, lebih *narrow* lagi daripada apa yang didengar ataupun di hujah di dewan ini.

Jadi saya memberi *assurance* lah bahawa bukan soalan *the total sanity* perkahwinan itu yang dicabar di bawah undang-undang ini. Jadi dengan keadaan sedemikian saya masih boleh bersetuju, masih bersetuju bahawa kita kekalkan peruntukan di bawah 18B itu kerana interpretasi yang kita terima ialah amat *narrow* sekali berhubung dengan keselamatan negara. Jadi yang di bawah seksyen 20 pula, hendaklah ataupun boleh dan sebagainya dicadangkan di sini. Ini juga sama Yang Berhormat. Tadi kita dah bahas, saya dah panjang lebar cerita benda ini. Jadi, tak perlulah saya ulang kan sekali lagi dan saya tidak boleh bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Sungai Siput. Dan hanya saya boleh mengulas panjang lebar sedikit di bawah seksyen 22 ini.

Di bawah seksyen 22 ini, dia berhubung dengan saya nak pandang, nak lihat ini rang undang-undang dulu, Yang Berhormat. Interpretasi kami di bawah rang undang-undang ini ialah begini. Mana-mana senarai dokumen dan benda yang disita, yang disita, makna dia *the fact that* penyitaan sudah dibuat. Dan hakim dah berpuas hati bahawa yang barang itu memang sudah disita, dokumen itu memang sudah disita, ada di situ, hakim berpuas hati barang itu ada. Hanya apabila di bawa ke mahkamah, tak payahlah bawa *tank* ini, tak payahlah bawa *grenade launcher*, tapi bawa kita sahaja senarai yang hakim dah tahu.

*Grenade* itu, *tank* itu ada di sana, *grenade launcher* itu ada di sana, bom itu ada di sana, tak payah bagi mahkamah esok. Senarai ini sudah mencukupi untuk membuktikan bahawa barang yang dilihat hakim semalam dah mencukupi. Ini yang kita interpretasikan soalan seksyen 22. Jadi itu pandangan kita lah Yang Berhormat, saya mendengar, saya cukup teliti mendengar Yang Berhormat Padang Serai dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat lain termasuk daripada apa nama ini, termasuk Yang Berhormat daripada Shah Alam.

Semua saya dengar, Yang Berhormat. Tetapi interpretasi kita sebahagianlah. Sebenarnya berhubung dengan yang telah diketahui sendiri oleh hakim bahawa ada penyitaan, ada barang-barang dan barulah senarai apabila perbicaraan dibuat, senarai itu boleh, tak payah bawa lah senjata itu nanti esok. Bagi saya bagi peluang dengan Yang Berhormat Padang Serai dulu.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tetapi isunya bukan interpretasi Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isunya ialah apakah perkataan-perkataan di dalam seksyen 22 baru menyatakan. Dan perkataan-perkataan dalam 22, jelas menunjukkan *list of document shall be admissible as evidence in court to prove the existence of the document and the things*. Maksudnya hakim tidak ada ruang untuk berpuas hati, hakim mesti terima, hakim tidak ada apa-apa budi bicara, *shall be admissible*, itu perkataan jelas, tak ada ruang, tak ada *ambiguity* di dalam interpretasi. Jadi akhirnya Yang Berhormat, kita terpaksa juga menurut ataupun menurut interpretasi perkataan-perkataan yang ada di dalam rang undang-undang. Ini jelas bermakna tidak ada budi bicara bagi hakim. Mesti terima, *list* sahaja sebagai bukti dokumen dan barang. Itu isu dia, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya menyokong dan bersetuju dengan tafsiran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan, yalah, kalau *tank* dekat luar, tak akan nak bawa ke mahkamah? Hanya saya nak tanya, kalau pergi ke mahkamah, boleh tak peguam bela dia dibenarkan nak tengok, *tank* dia ada kah tak ada? Itu saya hendak tanya, boleh tak dibawa, katalah benda itu tak boleh bawa ke mahkamah, dia boleh nampak di depan mahkamah, senarai dan benda. Bukannya senarai sahaja, senarai dan benda. Tapi yang tak boleh bawa ke mahkamah tadi, *tank*, boleh tak pihak peguam kata nak minta kebenaran lah, nak pergi tengok *tank* itu? Ada ke tak ada?

■1950

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Kalau di bawah pentafsiran saya dan kami Yang Berhormat Tuan Pengerusi, bahawa pertama, fakta penyitaan dan barangan kewujudan barang ataupun apa-apa benda memang sudah dipastikan wujud. Dan kalau sebelum senarai ini di bawa ke mahkamah, tak perlu lah bawa *tank*, kapal terbang dia tak perlu bawa, kapal perang tak perlu bawa umpamanya. Bot-bot untuk dinaiki orang Lahad Datu tak perlu dibawa ke mahkamah Yang Berhormat. Jadi senarai ini sudah mencukupi kerana hakim bahkan termasuk peguam-peguam yang hendak melihat betul tak ada penyitaan dibuat. Itu daripada rangka kata yang pertama itu "Mewujudkan bahawa fakta penyitaan telah dilaksanakan dan dipastikan". Dan ini kita punya interpretasi walaupun perkataan selepas itu mengatakan "*shall be*" makna dia senarai itu *shall be accepted for the existence of the tank*, kapal perang di luar sana. Ini yang disebut dalam undang-undang ini. Jadi Yang Berhormat sama ada kita berbeza dengan undang-undang ini, kita kembali kepada hakim macam mana dia menginterpretasikan perkara ini kepada kita nanti. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat

Ahli-ahli Yang Berhormat masalah ialah bawah pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Sungai Siput dalam kertas pindaan hendaklah disetujukan.

[Pindaan dikemuka bagi diputuskan; dan tidak disetujukan]

[Fasal-fasal 6 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian dari rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada majlis sekarang]

[Majlis mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]



## RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PENERBANGAN MALAYSIA 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

7.54 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsinya dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperkemas dan memperkukuhkan industri penerbangan negara, terdapat keperluan untuk menubuhkan suatu Suruhanjaya Penerbangan yang bebas dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya seperti yang diperuntukkan bawah rang undang-undang yang dicadangkan. Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa ataupun *international best practices*, dengan izin, dalam mengawal selia industri penerbangan.

Skop, fungsi dan kuasa Suruhanjaya Penerbangan telah dirangka berdasarkan amalan terbaik antarabangsa daripada badan kawal selia negara-negara seperti United Kingdom, Ireland, Australia, Singapura, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat dan disuai padan dengan kehendak dan keperluan negara.

Suruhanjaya Penerbangan akan menjadi suatu badan kawal selia ekonomi yang pertama di Asia Tenggara yang mengawal selia secara komprehensif industri dan pengguna dalam sektor penerbangan. Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan ini sebagai satu badan kawal selia ekonomi akan memberi manfaat kepada industri penerbangan negara antara lain termasuklah pertamanya mempertingkatkan kestabilan industri penerbangan, kedua, kesaksamaan dan kesamarataan layanan kepada semua yang terlibat dalam industri penerbangan, ataupun *industry players*, dengan izin. Yang ketiga, peraturan dan proses membuat yang jelas. Dan yang keempat, rangka kerja persaingan yang disuai padan dengan industri penerbangan untuk mewujudkan platform persaingan yang sihat, yang stabil dan mampan.

Suruhanjaya Penerbangan adalah bebas dalam melaksanakan fungsi dan kuasanya serta mempunyai sumber kewangan sendiri, dengan izin *self-funded*, untuk membiayai operasinya melalui hasil seperti fi perlesenan. Bagi memastikan Suruhanjaya Penerbangan melaksanakan fungsinya dengan cekap dan berkesan, Suruhanjaya Penerbangan akan merujuk isu-isu berhubung teknikal dan keselamatan kepada pihak Jabatan Penerbangan Awam. Selain itu juga, Suruhanjaya Penerbangan akan menjadi pemudah cara dan menyelaras apa-apa isu yang ingin diketengahkan pihak industri kepada agensi kerajaan yang berkaitan dengan industri penerbangan negara.

Tadbir urus yang baik, *good governance* dengan izin, adalah asas utama Suruhanjaya Penerbangan. Dalam hal ini penubuhan dan pelaksanaan fungsi dan kuasa Suruhanjaya ini adalah berlandaskan kebebasan dan ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 14 bahagian merangkumi 105 fasal termasuk 3 jadual.

Bahagian I fasal 1 hingga fasal 2, mengandungi tajuk ringkas, permulaan kuat kuasa dan tafsiran. Akta ini akan mula berkuat kuasa pada satu tarikh yang ditetapkan oleh Menteri.

Bahagian II fasal 3 hingga fasal 16, memperuntukkan berhubung penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang selepas ini dirujuk sebagai Suruhanjaya. Suruhanjaya akan terdiri daripada antara tujuh hingga sembilan anggota-anggota seperti yang berikut; pertamanya, seorang Pengerusi Eksekutif yang dilantik oleh Perdana Menteri dan hendaklah terdiri daripada kalangan orang yang mempunyai pengalaman atau kepakaran dan profesionalisme dalam bidang ekonomi, kewangan, penerbangan,

perniagaan, pentadbiran atau bidang-bidang yang relevan dalam pelaksanaan fungsi Suruhanjaya.

Yang keduanya, dua orang anggota wakil kerajaan ataupun *ex-officio*, dengan izin iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri.

Dan yang ketiganya adalah, tidak kurang daripada empat dan tidak lebih daripada enam anggota lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri Pengangkutan selepas berunding dengan Perdana Menteri dan yang pada pendapat Menteri mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran, undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya.

Berhubung wakil Kerajaan, Perdana Menteri hendaklah melantik wakil ganti atau *alternate member*, dengan izin, untuk menghadiri mesyuarat Suruhanjaya sebagai wakil ganti sekiranya *ex-officio* tidak boleh menghadiri mesyuarat. Wakil ganti tersebut akan dianggap sebagai anggota Suruhanjaya.

Untuk memastikan anggota Suruhanjaya bebas dan tidak mempunyai kepentingan dalam pelaksanaan tugas sebagai anggota Suruhanjaya, mana-mana orang yang berikut tidak boleh dilantik sebagai anggota Suruhanjaya. Pertama sekali, orang yang memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan. Yang kedua, orang yang terlibat dalam apa-apa perniagaan atau apa-apa aktiviti yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan. Atau yang ketiganya, orang yang terlibat atau menjadi terlibat dalam apa-apa aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam menunaikan kewajipannya.

#### ■2000

Mana-mana anggota suruhanjaya selain anggota-anggota *ex officio* tidak boleh selama ia menjadi anggota suruhanjaya memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan sama ada yang dibayar saraan atau tidak tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis Perdana Menteri. Tempoh pelantikan anggota suruhanjaya tidak boleh melebihi tiga tahun, iaitu satu penggal dan layak untuk dilantik semula untuk tempoh maksimum dua penggal. Mana-mana anggota suruhanjaya yang telah tamat tempoh perkhidmatannya tidak boleh membuat apa-apa kontrak perkhidmatan atau melaksanakan apa-apa perniagaan atau aktiviti bagi tujuan keuntungan dalam atau berkaitan dengan industri penerbangan di Malaysia untuk tempoh dua tahun dari tamat tempoh perkhidmatan tersebut, dengan izin *cooling period*.

Suruhanjaya boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai, manfaat untuk membantu melaksanakan fungsinya dan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota dalam jawatankuasa tersebut. Anggota-anggota suruhanjaya dan anggota-anggota jawatankuasa adalah tertakluk kepada Kod Tata Kelakuan dan apa-apa pelanggaran Kod Tata Kelakuan tersebut akan dirujuk kepada Panel Disiplin.

Bagi prosiding disiplin di antara mana-mana anggota suruhanjaya, Panel Disiplin akan terdiri daripada tiga orang anggota yang akan dilantik oleh Perdana Menteri manakala bagi prosiding disiplin ke atas mana-mana anggota jawatankuasa, tiga orang anggota akan dilantik oleh Pengerusi Eksekutif.

Bahagian III iaitu Fasal 17 hingga 22 memperuntukkan berhubung fungsi dan kuasa suruhanjaya dan Pengerusi Eksekutif. Fungsi-fungsi suruhanjaya antara lain adalah:

- i. mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan termasuklah meningkatkan jaringan perhubungan secara global dan domestik bagi menggalakkan jaringan ekonomi, pembangunan, perdagangan, pelaburan dan pelancongan dan menggalakkan persaingan yang efektif dalam industri penerbangan;
- ii. menyediakan mekanisme perlindungan pengguna termasuklah menggalakkan persekitaran yang memberi pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan pada harga yang berpatutan

- kepada pengguna dan menyediakan mekanisme penyelesaian aduan pengguna;
- iii. menyediakan mekanisme penyelesaian pertikaian di kalangan pihak yang terlibat dalam industri penerbangan;
- iv. mengurus dan mentadbir penguntukan hak trafik;
- v. memantau penguntukan slot atau slot *allocation* dengan izin kepada syarikat penerbangan;
- vi. mengurus dan mentadbir obligasi perkhidmatan awam, *public service obligation* dengan izin; dan
- vii. sebagai pemudah cara dan penyelarap apa-apa perbincangan di kalangan pemberi perkhidmatan penerbangan antara pemberi perkhidmatan penerbangan dan agensi kerajaan yang lain atau di kalangan agensi kerajaan.

Bagi maksud kuasa suruhanjaya secara umumnya, suruhanjaya mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang perlu atau suai manfaat bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah akta. Kuasa tersebut termasuklah mengenakan *fee* atau caj bagi perkhidmatan yang disediakan oleh suruhanjaya. Dalam pelaksanaan fungsinya, suruhanjaya hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarah DCA berhubung apa-apa perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan atau perkara-perkara lain yang berkaitan. Ini adalah kerana perkara-perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan dalam industri penerbangan kekal di bawah bidang kuasa DCA serta suruhanjaya tidak mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

Bahagian IV, Fasal 23 hingga Fasal 24 melibatkan peruntukan yang berhubung dengan pekerja iaitu pelantikan pekerja, syarat perkhidmatan, tata kelakuan dan disiplin.

Bahagian IV, Fasal 25 hingga Fasal 34 melibatkan peruntukan berhubung kewangan. Terdapat dua kumpulan wang yang akan ditubuhkan iaitu:

- i. Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan yang digunakan bagi tujuan pembiayaan, pentadbiran dan operasi suruhanjaya. Antara sumber kewangan kumpulan wang ini termasuklah pendapatan daripada fi lesen atau fi lain, caj pentadbiran atau caj lain yang dikenakan oleh suruhanjaya; dan
- ii. Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam yang digunakan bagi tujuan membiayai apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh suruhanjaya bagi maksud mentadbir obligasi perkhidmatan awam. Antara sumber kewangan kumpulan wang ini ialah wang yang diperuntukkan oleh Parlimen bagi tujuan obligasi perkhidmatan awam dan apa-apa wang yang diterima oleh suruhanjaya bagi tujuan pembiayaan obligasi perkhidmatan awam.

Bagi memastikan ketelusan perbelanjaan daripada kedua-dua kumpulan wang ini, penyata akaun dan laporan kumpulan wang yang telah diaudit akan dibentangkan di hadapan kedua-dua majlis Parlimen selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

Bahagian VI, Fasal 35 hingga Fasal 46 memperuntukkan berkenaan rejim pelesenan dan kuasa suruhanjaya untuk mengenakan caj yang berkenaan. Rejim pelesenan di bawah bahagian ini ialah lesen perkhidmatan udara ataupun *air service license* dengan izin, permit perkhidmatan udara ataupun *air service permit* dengan izin, lesen pengendali aerodrom dan lesen pengendalian darat atau *ground handling* dengan izin. Penetapan caj *aeronautical* antaranya dengan izin *passenger service charge*, caj keselamatan, fi pendaratan ataupun *landing fee* dan fi parkir ataupun *parking charges* dengan izin yang kini dikawal selia oleh Kementerian Pengangkutan di bawah Akta Penerbangan Awam 1999 dan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 akan diletakkan di bawah bidang kuasa suruhanjaya.

Bahagian VII, Fasal 47 hingga Fasal 65 ialah peruntukan berkenaan persaingan. Rejim anti persaingan yang dikawal selia adalah larangan terhadap perjanjian anti persaingan, larangan terhadap penyalahgunaan kedudukan dominan ataupun *abuse of*

*dominant position* dengan izin dan kawalan penggabungan. Pada masa kini, persaingan dikawal selia oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia di bawah Akta Persaingan 2010 iaitu *Akta 712* dan dengan penubuhan suruhanjaya, fungsi kawal selia persaingan bagi industri penerbangan akan diletakkan di bawah suruhanjaya. Sehubungan itu, pemakaian *Akta 712* akan dikecualikan kepada industri penerbangan yang akan dikawal selia oleh suruhanjaya. Pengawal seliaan persaingan sektor penerbangan merupakan satu perkara yang kompleks dan rumit yang memerlukan pengetahuan dan kepakaran yang mendalam.

Dengan pelaksanaan Dasar Langit Terbuka ASEAN ataupun *ASEAN Open Skies* dengan izin kelak ia akan meningkatkan lagi keperluan untuk mengawal selia persaingan dalam industri penerbangan khususnya untuk menangani isu-isu berkaitan dengan kerjasama dan penggabungan antara syarikat penerbangan dan penyalahgunaan kedudukan dominan. Dalam hal ini, Akta Persaingan 2010 iaitu *Akta 712* tidak mengandungi peruntukan penggabungan *merger provision* yang merupakan elemen penting dalam pengawal seliaan persaingan antara syarikat penerbangan. Bahagian ini walau bagaimanapun tidaklah terpakai bagi aktiviti komersial, perjanjian atau penggabungan seperti yang diperuntukkan dalam Jadual 3 iaitu di antaranya sebarang perjanjian yang dibuat dengan kerajaan dan perjanjian yang melibatkan obligasi perkhidmatan awam ataupun *public service obligation* dengan izin.

Bahagian VIII, Fasal 66 hingga 67 ialah peruntukan berkenaan hak trafik dan penguntukan slot. Bagi maksud penguntukan hak trafik, suruhanjaya mempunyai kuasa untuk mentadbir dan mengurus penguntukan hak trafik yang diperoleh oleh Kementerian Pengangkutan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Bahagian IX, Fasal 68 ialah peruntukan berkenaan obligasi perkhidmatan awam. Fasal ini antara lain memperuntukkan suruhanjaya akan mengenal pasti kriteria yang diguna pakai dalam menentukan laluan obligasi perkhidmatan awam dan membuat penilaian jumlah perbelanjaan yang perlu dibuat dari Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam bagi memastikan laluan obligasi perkhidmatan awam adalah berdaya maju kepada syarikat penerbangan.

Bahagian X, Fasal 69 hingga Fasal 73 ialah peruntukan berkenaan perlindungan pengguna. Bagi perlindungan pengguna, fungsi memproses dan menyelesaikan aduan pengguna merupakan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 iaitu Akta 599. Dengan penubuhan suruhanjaya, sebarang aduan dan tuntutan pengguna mengenai perkhidmatan penerbangan akan dibuat kepada suruhanjaya. Dalam hal ini, suruhanjaya akan mewujudkan kod pengguna yang perlu dipatuhi oleh pihak yang memberikan perkhidmatan dalam industri penerbangan.

Bahagian XI, Fasal 74 hingga Fasal 78 ialah peruntukan berkenaan penyelesaian pertikaian di antara pemberi perkhidmatan. Adalah menjadi pra syarat bahawa apa-apa pertikaian yang dirujuk kepada suruhanjaya hendaklah diselesaikan melalui proses mediasi ataupun *mediation* dengan izin dalam tempoh 30 hari atau tempoh masa yang lebih panjang yang dipersetujui oleh suruhanjaya yang tidak melebihi 60 hari.

#### ■2010

Sekiranya pihak-pihak gagal untuk mencapai sebarang penyelesaian suruhanjaya akan mendengar pertikaian tersebut.

Bahagian XII fasal 79 hingga fasal 87 ialah peruntukan berkenaan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan oleh suruhanjaya. Suruhanjaya boleh memberi kuasa kepada mana-mana pegawainya untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan di bawah akta yang dicadangkan. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai semua kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran.

Bahagian XIII fasal 88 hingga fasal 99 ialah peruntukan am. Bahagian ini antara lain memperuntukkan seseorang yang terkilan dengan keputusan suruhanjaya di bawah Bahagian VI iaitu berhubung persaingan boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dalam masa tiga bulan dari tarikh keputusan itu diberitahu kepadanya. Bahagian ini juga memperuntukkan kuasa suruhanjaya untuk menjalankan agar melantik seorang juruaudit untuk menjalankan suatu audit ke atas mana-mana aspek industri penerbangan awam. Laporan juruaudit tersebut hendaklah dibentangkan oleh Menteri Pengangkutan dalam kedua-dua Majlis Parlimen.

Bahagian XIV fasal 100 hingga fasal 105 ialah peruntukan peralihan dan pengecualian dengan izin *transitional provision* yang memperuntukkan antara lain tiga perkara berikut:

- (i) mana-mana orang yang memegang lesen atau permit yang dikeluarkan di bawah Akta Penerbangan Awam 1999 atau Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996 atau melalui apa-apa hak trafik yang diperuntukkan kepadanya sebelum tarikh kuat kuasa akta ini dibenarkan sehingga tamat tempoh lesen atau permit tersebut untuk terus melaksanakan perkhidmatan;
- (ii) Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar yang dibuat antara kerajaan dengan MASwings Sdn. Bhd. hendaklah terus berkuat kuasa dan dipantau oleh suruhanjaya;
- (iii) mana pihak yang dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa perkhidmatan atau aktiviti di bawah perjanjian obligasi perkhidmatan awam atau perjanjian konsesi akan terus melaksanakan perkhidmatan tersebut sehingga tamat tempoh perjanjian tertakluk kepada terma dan syarat perjanjian.

Akhir sekali rang undang-undang ini akan melibatkan pemberian geran pelancaran dengan izin, *launching grant* sebanyak RM90 kepada suruhanjaya bagi dua tahun pertama operasinya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lima orang. Bolehlah tidak lebih daripada 15 minit seorang Yang Berhormat. [Disampuk] 15 minit pun *one hour* Yang Berhormat, *one hour plus*. Tidak apalah *plus, minus* 15 minit ya. Ya, Yang Berhormat Jerlun.

### 8.13 mlm.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* saya mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang diberikan untuk saya turut membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Saya kira dengan evolusi yang telah berlaku sejak daripada negara kita mula-mula mengadakan industri penerbangan daripada tahun 1960-an. Maka sudah sampai masanya, tepat pada masanya rang undang-undang ini diwujudkan iaitu untuk mewujudkan satu suruhanjaya bagi mengawasi, mengendali, mengurus industri penerbangan dalam negara kita. Jadi, izinkan saya untuk cerita sedikit sejarah berkaitan dengan evolusi industri penerbangan negara. Saya difahamkan kapal terbang yang pertama mendarat di negara kita ini adalah pada tahun 1911 di padang lumba kuda Jalan Ampang dibawa pilot oleh GP Fuller yang membawa kapal terbang jenis *Antoinette Monoplane*.

Kemudian seterusnya pada tahun 60-an diwujudkan *Malayan Airways* dan juga dengan adanya Sabah dan Sarawak yang menghubungi Semenanjung dan juga Singapura diwujudkan *Malaysia Airlines Limited*. Kemudian MAL ini telah pun bergabung dengan *Borneo Airways* pada tahun 1963 dengan menggunakan lima buah *Fokker Friendship*. Kemudian, pada tahun 1966 MAL telah pun berubah nama pula menjadi *Malaysia Singapore Airline (MSA)*. Di mana bermula daripada MSA ini penerbangan *regional* ke Manila ke Perth, Sydney, Taipei dengan menggunakan tiga *Boeing* dan juga dua F27. Pada tahun 1968 penerbangan pertama ke Tokyo dan juga pada tahun 1969 ke Bali dan seterusnya ke Madras serta Colombo di Sri Lanka.

Akan tetapi pada tahun 1971 perpisahan antara Malaysia dan juga Singapura pada tahun 1965 itu menyebabkan MSA juga terpisah. Maka diwujudkan Malaysian Airlines System (MAS) pada tahun 1972 dengan mempunyai 34 destinasi domestik dan juga enam destinasi *international*. Kemudian MAS juga telah pun bergabung menjadi ahli kepada *Orient Airlines Association*. Pada tahun 1975 diwujudkan majalah pertama *Wings of Gold* dan pada tahun 1976, MAS kali pertama menggunakan sistem komputer dalam *ticketing* dan sebagainya. Kemudian pada tahun 1985 MAS telah di *corporatized* dan dengan menawarkan RM70 juta saham kepada awam. Kali pertama juga MAS mewujudkan *hangar* sendiri di Subang. Pada tahun 1986 satu sejarah tercipta apabila MAS terbang *long road, long haul* ke LA, kemudian dinamakan pula penerbangan Malaysia ataupun Malaysia Airlines. Lebih daripada 100 destinasi dan juga pelbagai *awards* telah pun diterima oleh MAS selepas itu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam industri penerbangan hari ini Malaysia mempunyai lapan jenis syarikat-syarikat penerbangan seperti AirAsia, AirAsia X, Berjaya Air, Firefly, Malindo Air, MAS, MASwings dan yang terkini difahamkan baru-baru ini dilancarkan Fly Mojo di LIMA Langkawi. Kemudian kita juga mempunyai *chartered flight* seperti Eaglexpress, Layang-layang Aerospace, Sabah Air, Weststar dan sebagainya. Kemudian ada juga syarikat-syarikat pengendali kargo seperti Gading Sari, MASkargo, Transmile, Neptune Air. Sehingga hari ini Malaysia mempunyai 62 lapangan terbang kecil dan besar iaitu 24 di Semenanjung dan 38 di Sabah dan Sarawak. Di mana 38 daripada 62 lapangan-lapangan terbang ini adalah mengendalikan perkhidmatan membawa penumpang secara berjadual. Kemudian, kita juga mempunyai lapan lapangan terbang komersial bertaraf antarabangsa.

Selain daripada itu, sudah tentulah negara juga mengendalikan pelbagai jenis *private airlines* dan juga helikopter *services* ataupun perkhidmatan helikopter. Kemudian KLIA yang diwujudkan kini telah menjadi salah satu *airport* yang agak sibuk iaitu diklasifikasikan di kedudukan ke-12 yang tersibuk di dunia, mengendalikan lebih 47 juta penumpang pada tahun 2013. Kargonya pula melebihi 680,000 metrik tan kemudian bilangan pergerakan *aircraft commercial* di KLIA sahaja pada tahun itu berjumlah lebih daripada 325,000 dan *aircraft movement in total* di KLIA lebih daripada 326,000.

Kita difahamkan antara sektor-sektor paling sibuk di Malaysia ini adalah Kuala Lumpur-BKI, KUL-BKI atau Kuala Lumpur-Kota Kinabalu yang juga katanya menjadi *route* ataupun laluan ke-45 tersibuk di dunia, diikuti Kuala Lumpur-Kuching. Kemudian, saya sebut tadi beberapa syarikat pengendali helikopter seperti *Helistar Plus*, *MHS Aviations*, *Eurocopter*, *Solaire*, Helipad Tasik Titiwangsa dan sebagainya.

## ■2020

Selain daripada itu, dalam industri ini, kita juga terlibat dalam industri penyelenggaraan kapal terbang dan juga helikopter dan ada juga industri pengeluaran bahagian-bahagian atau *parts* untuk *aircraft* dan sebagainya, dan termasuk juga hari ini banyak diwujudkan kolej dan universiti yang menganjurkan program *engineering* dari segi *aircraft maintenance* dan sebagainya yang terdapat lebih kurang tujuh kolej dan juga universiti.

Selain daripada itu, sudah tentulah kita juga terlibat dalam *aviation* ataupun *avionic maintenance*, pengurusan dan sebagainya. Ini menampakkan bahawa industri penerbangan negara ini cukup besar dan sudah tentulah melalui wujudnya rang undang-undang ini akan dapat memastikan bahawa industri ini dapat dikawal selia dengan lebih mantap dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyentuh sedikit seksyen 17(1) rang undang-undang ini yang menyatakan untuk memastikan apa jua bentuk nilai ekonomi, bantuan-bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimaksimumkan ataupun di*optimize*. Maka, sudah tentulah kita mengharapkan nilai ekonomi yang maksimum dapat diwujudkan, dapat digunakan terutama sekali oleh syarikat-syarikat penerbangan dan sudah tentu kita tidak dapat mengelak daripada bercakap berkaitan dengan MAS di mana kita tahu bahawa perkembangan, seperti yang telah saya sebutkan tadi, sehinggalah ke hari ini.

Namun, sejak daripada tahun 1998, kita melihat pelbagai skim penstrukturan semula syarikat telah dibuat, namun kelihatan macam tidak bermaya. Pengarah urusan datang dan pergi. Ada pengarah urusan juga sehingga hari ini menjadi Menteri tetapi MAS tetap juga

rugi. Apa yang saya bimbangkan sekali ialah apabila MAS ini rugi, orang anggap itu sebagai normal. Malahan kalau buat untung pun mungkin kerana kita menjual aset.

Saya tidak berhasrat untuk mendalami tajuk ini sebab saya tahu ada lagi rakan-rakan lain yang akan bercakap. Namun, dalam industri kita juga berbagai-bagai cara telah dibuat untuk mengatasi kehilangan ataupun kemerosotan, *loses* ini, diwujudkan Penerbangan Malaysia Berhad (PMB) di mana dibelikan kapal terbang, kemudian dipajak semula dan sebagainya. Pelbagai cara tetapi yang kita sedar bahawa ramai di kalangan *the powerful* CEO ataupun MD ini macam *untouchable* dengan izin. Kemudian, macam-macam telah terjadi sehinggalah hari ini MAS telah pun dibawa untuk menjadi *private* untuk diberikan suntikan dan sebagainya.

Selain daripada MAS, sudah tentu AirAsia juga dengan *tagline* nya, "*Now everyone can fly*", kita tahu bahawa walaupun AirAsia ini menghadapi masalah untuk mengekalkan keuntungan tetapi dari segi *services*, perkhidmatan dan juga *timingnya* agak boleh tahan jika dibandingkan dengan syarikat lain. Namun, kita juga sedar kadang-kadang kita mendengar AirAsia ini terlalu *demanding* sehingga hendak wujudkan *airportnya* sendiri, hendak kendalikan sendiri. Maka diwujudkan KLIA2 yang menjadi hab kepada *low cost aircraft*, *air carriers* ini. Akan tetapi kita sedar bahawa katanya dengan permintaan yang lebih-lebih daripada AirAsia ini menyebabkan kos untuk menyiapkan KLIA2 ini lebih tinggi daripada jangkaan awal.

Kita juga sering mendengar kadang-kadang *charges* yang *exorbitant* dengan izin. Kadang-kadang seorang petani yang hendak naik kapal terbang ini oleh kerana *now everyone can fly*, semua petani dan juga nelayan mungkin ada anak di Kuala Lumpur hendak naik kapal terbang bawa begnya lebih, kemudian dicajkan dengan pelik-pelik sehinggalah mereka ini terkejut, tidak dapat pilihan maka terpaksa membayar.

Satu lagi ialah *airliner* ini kalau mereka lambat, kita kena tunggu tetapi kalau kita lambat, kita akan ditinggalkan. Jadi inilah isu-isu. Jadi dalam perkara...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sekejap sahaja.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerlun.

Tadi Yang Berhormat Jerlun ada sebut mengenai bagaimana syarikat penerbangan AirAsia yang memohon atau meminta lapangan terbang sendiri dan telah pun diberikan. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jerlun mengenai Lapangan Terbang Subang yang kita tahu memang banyak bilangan penerbangannya dan juga banyak syarikat penerbangannya, domestik dan juga *international*, tetapi suasana dan juga kondisi lapangan terbang itu amat-amat tidak selesa. Saya ingat dulu Yang Berhormat Pendang pernah bangkitkan. Dengan panasnya, dengan tidak selesa, kemudahan pun tidak ada dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat untuk lapangan terbang ini? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Saya hendak masuk tajuk itu. Saya setuju dengan Yang Berhormat.

Cabaran yang kita hadapi dalam perkara 17(1)(b) iaitu berkaitan dengan perlindungan pengguna, pertama, sudah tentulah perkara-perkara berkaitan dengan kelewatan. Kadang-kadang kelewatan kalau setakat setengah jam ini saya ingat sudah jadi normal tetapi ada juga kelewatan yang berjam-jam. Saya sendiri berpengalaman pada minggu lalu. Saya sudah *check-in* di Alor Setar tetapi oleh kerana diberitahu kata cuaca buruk dan sebagainya, kapal terbang pun tidak *takeoff* lagi dari Subang hendak ke Alor Setar dan kita diberitahu tidak tahu pukul berapa, jadi saya buat keputusan naik kereta. Jadi saya balik rumah ambil kereta dan bawa sendiri kerana nak menghadiri sidang Parlimen. Itu adalah benda-benda yang pada saya perlu dilihat oleh Suruhanjaya ini.

Juga, perkara berkaitan saya sebut tadi, kalau kita lewat, dia akan tinggalkan. Lewat lima minit pun dia tutup kaunter dan dia kata *no more*. *And then* dia suruh pergi beli tiket untuk *next flight*, *they will charge* RM400. Kemudian kalau dia yang lambat, kita tunggu. Kadang-kadang kita tunggu, macam saya di *Airport Alor Setar* memang menjadi masalah sebab tidak berapa selesa dan sebagainya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** *[Bangun]*

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Sibuti, hendak celah juga? Okey, sila.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Kita mempunyai pengalaman AirAsia ini supaya pihak Suruhanjaya mengambil berat pasal ini kerana kita di Miri hendak pergi ke Kuala Lumpur ini ataupun pergi ke destinasi lain, berbaris di kaunter. Oleh kerana orang terlalu ramai, cara mereka itu, mereka timbang dulu barang kita, kemudian baru *check-in* dan sebagainya, maka lewat. Kita sampai ke kaunter, kaunternya sudah tutup. Katanya tutup tetapi kapal terbang belum sampai lagi. Kita kena sudah itu. Terpaksa beli tiket baru. Apa pandangan Yang Berhormat pasal ini? Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Sibuti dan masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Inilah perkara-perkara yang saya sebut tadi antara lain contoh macam perbezaan *online check-in*, *kiosk check-in*, *on over the counter check-in*. Semua ini selalunya kalau orang kampung ini memang tidak ada pilihan melainkan mereka pergi ke kaunter *check-in* dan diberi *charges* mungkin RM7 hingga RM8 dan sebagainya.

Kemudian, berbalik kepada satu perkara lagi yang menghadapi cabaran kepada kita adalah berkaitan dengan *cancelation* ataupun pembatalan penerbangan. Kalau kita naik MAS ini, dulunya saya ingat diberilah bilik tetapi hari ini saya ingat di *low cost carrier* ini tidak ada dalam tajuk itu dan kita terpaksa cari jalan kita sendiri.

Kemudian, sudah tentulah satu perkara lagi yang amat-amat penting tetapi mungkin tidak masuk dalam bidang kuasa Suruhanjaya ini kerana katanya perkara yang berkaitan dengan *safety*, keselamatan penumpang masuk dalam DCA. Namun, ada juga kita sendiri melihat mungkin tahun lepas kapal terbang Malindo terbang, *take off* hendak ke Kota Bharu, tiba-tiba orang boleh ambil gambar enjin sebelahnya sedang terbakar. Benda-benda inilah yang kadang-kadang menggerunkan dan menakutkan kita.

Saya hendak rujuk kepada Yang Berhormat Kota Bharu. Saya amat setuju. Saya pun *very regular*. Saya dan Yang Berhormat Pendang dan semua ini kita selalu balik hujung minggu. Kadang-kadang seminggu, kalau tidak ada Parlimen pun dua atau tiga kali kita ke Kuala Lumpur. Kita menggunakan Subang ini sebab dari segi kemudahan ataupun *convenience factor*. Namun, Subang hari ini memang sudah sibuk. Selain daripada *airport* untuk FireFly dan juga Malindo, kemudian ada juga Berjaya Air, kemudian ada...

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Minta celah sikit.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Sila Yang Berhormat Pendang.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jerlun. Dalam menjawab soalan saya tahun yang lalu mengenai kemudahan-kemudahan di Terminal Subang, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa *renovation* akan dimulakan penghujung tahun lalu. Penghujung tahun 2014. Sampai sekarang pun tidak berlaku sebarang perubahan. Mungkin dibuat tahun 2015 pula selepas ini, tahun 2016 pula.

#### ■2030

Jadi rasakan bahawa ini suatu perkara yang tidak betul. Jawapan yang diberikan tidak benar oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pada ketika itu.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang, masuk dalam ucapan juga. Seperkara lagi sudah tentu perkara yang tidak selesa seperti disebut. Saya ingat untuk *immediate action*, *immediate* perkara yang boleh dibuat, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pun ada sendiri, kena *improve the aircond*, *aircond system* ia terlalu panas dan mungkin disebabkan terlalu ramai penumpang, minta supaya dinaik taraf sistem penghawa dingin di situ.

Kemudian satu lagi perkara yang saya kira agak pelik dan kadang-kadang menjadi lawak iaitu *security check*. Kita sekarang ini sampai kena buka tali pinggang, semualah. Apa pun kena buka, kecuali seluarlah kan. Tapi kita lalu, *scanner* tetap bunyi. Dia pun *check* lah, *check* apa semua dan *anytime* di mana-mana pun *you* keluar tetap bunyi. Jadi apakah *scanner* ini berfungsi? Jadi setiap kali kita lalu mesti merah. Jadi saya pun hairan,



duit syiling kita sudah buang, telefon tentulah, tali pinggang, apa bentuk jam pun buang tapi dia tetap bunyi. Jadi kita pun kadang-kadang dok senyum sebab sudah seminggu dua kali, tiga kali *dok* lalu, kita jadi lawak *no. It's a* macam *mockery*. Jadi saya minta kalau boleh, tidak kiralah sementara rang undang-undang ini lulus, dilaksanakan,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** ...Memang pihak kementerian kena ambil tindakan segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat saya tahu banyak yang masih boleh dibahas...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Hendak habis sudah, hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** ...Tetapi masa....

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Hendak habis, hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sila gulung.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *The last one, last one.* Selepas itu akhir sekali mintalah *upgrade* Subang ini sebab betullah dulu mungkin kita kata Subang ini hendak jadi macam *second minor airport* lah tapi sebenarnya *demand* untuk Subang kalau Yang Berhormat Menteri pun tahu dari segi *volume* saya ingat memang...

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** ...Mudah kepada penumpang. Lebih ramai yang tertarik ke Subang dan minta supaya ia dapat di *upgrade* daripada segi *parking*, daripada segi sistem...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Masa sudah habis Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** ...Letaknya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak Yang Berhormat Stampin, saya cakap Yang Berhormat Stampin tidak boleh mencelah. Terima kasih.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Tidak payah mencelah lah hendak habis sudah. *Sat* lagi peluang dekat dia, saya ucapkan terima kasih dan saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

### 8.32 mlm

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan bagi saya membahar, turut mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015. Saya pertamanya ingin mengucapkan tahniah atas inisiatif ini kerana saya sedar bahawa dalam negara-negara di serantau Asia Tenggara, ASEAN khususnya tidak mempunyai sebuah agensi serantau bagi memantau keselamatan sistem penerbangan ataupun koordinasi, kawalan trafik tidak seperti di Eropah.

Saya juga amat terkesan kerana Yang Berhormat Menteri terbaru kita bagi Menteri Pengangkutan telah memberikan akhirnya setelah tiga tahun berlalu Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat laporan tentang kejadian kegagalan sistem radar di Terminal Subang yang saya pinta sejak tahun 2012 dan juga dengan izin *ICAO Project Report on Compliance of the Apron, Runway and Taxiway; and Associated Movement Area at KLIA2*. Jadi saya benar-benar hargai dan saya harap semua Yang Berhormat Menteri dapat mengikuti jejak langkah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya kita boleh mengenal pasti tindakan susulan selepas daripada keputusan yang diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya teliti daripada suruhanjaya yang dicadangkan oleh kerajaan dan jelas satu perkara utama yang harus wujud apabila berkait dalam sebuah

suruhanjaya penerbangan ini adalah kredibiliti. Maksudnya kita mahu khususnya jawatan Ketua Pengarah Eksekutif yang bakal dipilih nanti adalah seseorang yang mempunyai pengalaman khusus dari bidang *geotechnical*. Itu yang ada antara permohonan yang diberikan oleh beberapa pihak di *various stakeholders* Tuan Yang di-Pertua.

Kata mereka sekiranya Ketua Pengarah itu dipilih daripada latar belakang yang sesuai, maka suruhanjaya ini mampu memahami keperluan, membina landasan kapal terbang atas permukaan yang selamat. Justeru kita tidak akan melalui masalah yang dialami apabila KLIA2 tidak sampai enam bulan menemui beberapa masalah yang serius. Permukaan rekah dan sebagainya. Semua ini disertakan dalam laporan dan saya pasti juga Yang Berhormat Menteri juga maklum.

Maka saya juga, ini semua membawa kepada persoalan yang terutama. Pertama kenapakah diletakkan suruhanjaya ini di bawah pantauan Perdana Menteri, bukan Kementerian Pengangkutan? Kalau dilihat sistem pemantauan di Malaysia, kita ada dua entiti yang besar. Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) dan keduanya tentulah antara agensi yang paling saya minati *The Department of Civil Aviation*, Jabatan Penerbangan Malaysia. Maka banyak antara keputusan yang diambil termasuk tanggungjawab sudah lah bertindih dan MAHB ini dilihat sebagai berpihak dan saya sedar sebelumnya ada beberapa *internal tension* dengan izin Tuan Yang di-Pertua antara MAHB dan DCA.

Maka, desas desus yang menggambarkan kemungkinan bekas Pengarah Urusan MAHB selama 11 tahun yang kini penasihat bagi MAS dan juga Pengerusi Corporate Development Centre dengan izin yang bakal mengendalikan penstrukturan, antara kerja-kerja penstrukturan MAS itu adalah Tan Sri Bashir Ahmad ya. Mungkin dipilih sebagai Pengarah Eksekutif. Ini amat membimbangkan, kenapakah? Kerana sebelumnya *they had a history*, Tony Fernandes dengan Tan Sri Bashir ini memang ada konflik dalaman, kadangkala dari luaran juga kerana tertumpah di luar dan saya tidak mahu pengendalian suruhanjaya akan terpalit dengan apa-apa kontroversi atau dilihat tidak mempunyai kredibiliti atau berat sebelah, ini penting.

Jadi sesiapa yang dipilih itu, saya fikir sudahlah kita tidak mahu diletakkan di bawah bidang kuasa Perdana Menteri tetapi itu dipilih diletakkan dalam struktur sebegitu. Maka jawatan yang tuan punya badan yang memegang jawatan pengarah eksekutif itu amat lah penting dan saya harap ya kepuasan ini Yang Berhormat Menteri dapat bantu memberi tekanan secukupnya. Kalau dilihat di bawah fasal yang diperkenalkan pun amat membahayakan, kenapa? Kerana sebelumnya dalam semua turutan tanggungjawab DCA di bawah Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 1996.

Saya rujuk kepada seksyen 102 (1), di mana semua permohonan kelulusan atau keputusan atas rayuan yang berkenaan sebelum, yang belum selesai di hadapan Yang Berhormat Menteri atau Ketua Pengarah Penerbangan Awam (DCA) *Head* hendaklah pada tarikh yang ditetapkan diuruskan oleh suruhanjaya di bawah akta ini. Jadi bila masa Ketua Pengarah Eksekutif suruhanjaya ini adalah individu yang sudah ada sejarahnya dilihat tidak *independent*. Maka saya fikir ini akan mencalarakan imej kita sendiri. Itu perkara pertama Tuan Yang di-Pertua. Jadi bila berkait dengan isu ini tentunya sejarah terdahulu yang akan saya bangkitkan di sini adalah juga berkait dengan kredibiliti.

Saya pergi kepada kes yang melibatkan Jabatan Penerbangan Awam (DCA), *Department Civil Aviation*. Sebelumnya walaupun di peringkat awal saya hargai laporan tetapi yang saya bimbang adalah *track record* yang melibatkan DCA ini. Pada tahun 2012, ketika itu ada beberapa siri pendedahan yang melibatkan Terminal Subang menghadapi masalah berkait dengan sistem yang diguna pakai oleh radar mereka. Kalau secara khusus disebut *human machine interface fitted to the National Air Traffic Control Centre* (NATCC). Jadi rungutan utama yang saya bangkitkan juga kepada DCA ketika itu adalah sejak ia dipasang pada 13 Disember 2011, ia menghadapi masalah dan penyelidikan yang saya lakukan mendapat keputusan bahawa kebanyakan projek kontrak diberikan menerusi tender terus. Itu pertamanya.

DCA sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan sistem radar yang baru. Tuan Yang di-Pertua kerana itulah membawa balik kepada isu kredibiliti, bila mana DCA mengalami satu episod, banyak rungutan dibawa bahawa sistem ini tidaklah yang terbaik.

## ■2040

Syarikat yang membawa sistem *software* ini adalah Selex Sistemi Integrati S.p.A yang masih lagi meneruskan kerja-kerja penyelenggaraan. Ketika itu, saya juga dapati bahawa syarikat yang sama inilah yang dipilih untuk menyelenggarakan sistem radar kita adalah syarikat yang terpalit di negara Itali. Di mana Jabatan Penerbangan Itali (ENAV) telah disiasat dalam satu kes rasuah yang melibatkan ENAV, Selex Sistemi Integrati dan syarikat utamanya Finmeccanica.

Di negara Panama pula, syarikat Selex ini telah dibatalkan kontraknya kerana gagal menyediakan radar. Ini adalah isu-isu yang tidak dapat kita bawakan dalam Parlimen. Kenapa? Bila saya bawakan sejak 2012 sekalipun, akhirnya keputusan yang diambil, kontraktor yang diambil tidak ada ruangan yang dapat kita ubah atau pun dasar yang dapat kita ubah supaya tender terbuka dilaksanakan. Apatah lagi bagi sesuatu yang memberi kesan yang besar terhadap keselamatan ruang udara kita. Ini belum saya pergi lagi tentang kes-kes.

Kalau tadi Yang Berhormat Jerlun sebut Malindo. Ini belum lagi kes-kes lain MH370, MH17 dan juga krisis-krisis lain yang melibatkan ruang udara kita. Makanya, saya tidak berniat untuk menyebutnya semua pada hari ini Tuan Yang di-Pertua. Yang saya pinta, berbalik kepada tindakan susulan. Bila masa kita ada suruhanjaya baru? Kita ada komitmen, kerajaan hendak menukar *the way things has been*. Jadi, tidak boleh sama sekali individu seperti Bashir atau sesiapa pun yang terpalit dengan kontroversi seperti beliau dipilih untuk mengepalai suruhanjaya ini.

Saya juga dengar kritikan yang melibatkan AirAsia oleh Ahli-ahli Parlimen di sebelah sana. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kena faham. Sejak awal krisis kontroversi melibatkan LCCT dan juga KLIA 2 selepasnya. Kita sebagai Ahli-ahli Parlimen sedar ada sebuah *masterplan*, *blueprint* yang disediakan berkait dalam pembinaan landasan kapal terbang. Akan tetapi akhirnya bila tidak ada struktur yang jelas, tidak ada keterbukaan, maka keputusan dipilih lagi untuk dibina sehinggalah membawa banyak komplikasi di KLIA 2.

Maka, sebagai kesimpulan yang saya minta pada hari ini, bila masa disebut tentang semua objektif-objektif yang utama hendak memperbaiki imej, hendak memastikan disampaikan dibelanjakan RM90 juta *just for initial funds purposes* Tuan Yang di-Pertua. Belum lagi mengambil kira keperluan lain. Maka, saya mahu juga dijelaskan apakah KPI, apakah hasil-hasil yang diharapkan daripada penubuhan suruhanjaya ini. Berapakah anggaran keuntungan yang bakal diraih dalam enam bulan pertama setelah suruhanjaya ini beroperasi.

Semua ini harus diperincikan. Kalau tidak, akhirnya kita bersetuju untuk membelanjakan jumlah yang begitu besar dengan nama-nama, personaliti-personaliti yang kita tidak ketahui akan dipilih atau pun tidak, tanpa berasa yakin bahawa perbelanjaan itu bukanlah satu pembaziran. Jadi, pertama saya pohon agar jawapan-jawapan ini diberikan dan saya juga mahu tahu dari segi struktur, apakah perbezaan antara Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dengan Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang sedia ada.

Memang kalau dilihat secara kasar, penjelasan Menteri tadi menunjukkan bahawa DCA akan berada di bawah pantauan suruhanjaya. Akan tetapi apakah jaminan juga bahawa tugas-tugas mereka ini tidak mampu dicampur aduk dengan kepentingan atau kemahuan politik.

Yang terakhir, adalah contoh yang saya beri bila berkait tentang pertikaian pelancaran Malindo Air sebelumnya mendapat lesen. Ini kerana pada September 2012 Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri melancarkan Syarikat Penerbangan Malindo. Akan tetapi pada hakikat, Malindo hanya diberikan lesen perkhidmatan udara oleh DCA pada 28 Februari 2013. Maksudnya, beberapa bulan, lebih kurang lima bulan setelah dilancarkan. Jadi, pada saya pelancaran dilakukan sebelum DCA menjalankan audit kelewatan kepada syarikat tersebut. Maka, bagaimanakah kita boleh yakin bahawa suruhanjaya ini berani mendepani cabaran, termasuklah tekanan sama ada syarikat-syarikat yang baik dengan Perdana Menteri atau pun syarikat-syarikat yang baik dengan Menteri dan dapat berdiri teguh untuk memastikan keselamatan rakyat dan ruang udara itu dijadikan keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, daripada saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor.

#### 8.45 mlm

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan di atas inisiatif untuk mewujudkan sebuah Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang saya fikir ia sebagai satu lonjakan untuk mempertingkatkan lagi industri penerbangan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sejak penerbangan pertama di negara kita yang dilakukan oleh GP Fuller yang mendaratkan pesawat Antoinette Monoplane miliknya di Lapangan Lumba Kuda di Ampang pada tahun 1911, industri penerbangan negara terus mengalami transformasi membanggakan. Kini meletakkan industri penerbangan kita setaraf dengan United Kingdom dan Amerika Syarikat. Tidak dapat dinafikan, pertumbuhan dalam industri penerbangan perlu disokong oleh pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan serta kestabilan politik dan bebas daripada sebarang bentuk malapetaka semula jadi dan buatan manusia. Di mana faktor-faktor tersebut yang menentukan kesihatan perdagangan dan pergerakan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, industri penerbangan secara global mengalami pertumbuhan pesat di rantau Asia Pasifik iaitu mencecah 50% dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini dan dijangka terus meningkat sehingga 200% 20 tahun lagi. Dengan peningkatan pesat industri penerbangan ini, Malaysia berpotensi sebagai hab penerbangan di rantau ini. Sememangnya industri ini dapat memberi kesan yang berganda kepada ekonomi Malaysia memandangkan permintaan terhadap penumpang dan kargo udara semakin meningkat.

Saya difahamkan bagi tempoh Januari hingga Julai 2013, jumlah penumpang di lapangan terbang seluruh negara bertambah kepada 43.9 juta berbanding 38.6 juta penumpang bagi tempoh yang sama pada tahun 2012. Majalah *Airliner World* keluaran Jun 2014 melaporkan, daripada 30 lapangan terbang antarabangsa utama di seluruh dunia, hanya tiga lapangan terbang yang mencatatkan pertambahan peratusan dua angka berdasarkan jumlah trafik penumpang.

Lapangan terbang itu ialah di Kuala Lumpur 19.1%, di Dubai 15.2% dan Istanbul 13.6%. Kejayaan pertambahan peratusan penumpang yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 2013 juga membanggakan yang mencecah 40,498,127 di tangga ke-20, memintas Shanghai di tangga 21 seramai 47,189,849 penumpang dan di San Francisco di tangga ke-22 iaitu 44,945,760 orang penumpang seperti yang dilaporkan oleh *Airports Council International*.

Biarpun begitu, satu realiti yang menyedihkan ialah imej industri pelancongan pastinya telah tercalar dengan dua tragedi pesawat MH370 dan MH17 yang menjadi sebahagian sejarah hitam, bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga kepada dunia. Malah, kemalangan pesawat AirAsia QZ8501 di Laut Jawa turut dikaitkan dengan jenama penerbangan tambang murah Malaysia yang menjadi saingan beberapa syarikat penerbangan tambang murah yang lain. Justeru itu, sudah pasti kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan, badan berkanun, GLC yang berkaitan dengan pelancongan dan pengangkutan udara harus melakukan tindakan lebih aktif untuk memulihkan semula imej penerbangan negara.

Sehubungan dengan itu, saya percaya RUU yang bertujuan untuk menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia atau *Malaysian Aviation Commission* adalah juga sebahagian daripada usaha murni ini.

#### ■2050

Suruhanjaya Penerbangan Malaysia untuk mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam adalah satu langkah penting dalam proses mentransformasikan industri penerbangan negara dalam proses memulihkan semula imej penerbangan negara. Saya berharap suruhanjaya ini juga dapat memainkan

peranan yang sama seperti SPAD iaitu untuk merancang dan membuat polisi serta mengawal selia pengangkutan awam udara di negara ini.

Malah, suruhanjaya ini juga boleh menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan undang-undang. Suruhanjaya ini juga harus memainkan peranan penting dalam usaha membaik pulih industri penerbangan Malaysia yang mana saya lihat usaha ini sebagai salah satu agenda utama kerajaan ketika ini. Saya juga berharap agar suruhanjaya ini dapat menjaga kepentingan rakyat daripada dimanipulasikan oleh mana-mana syarikat penerbangan yang ada di negara kita. Dalam konteks ini, Suruhanjaya ini juga boleh menyerupai SPAD iaitu;

- (i) kuasa merancang iaitu melakar pelan induk yang komprehensif, bersepadu dan mapan bagi pembangunan infrastruktur;
- (ii) kuasa mengawal selia iaitu bagi memantau mengawal selia tahap dan perkhidmatan yang diberikan oleh operator melalui pelesenan; dan
- (iii) penguatkuasaan iaitu kuasa bagi menguatkuasakan adalah dalam lingkungan audit siasatan....

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan boleh? Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan untuk baik pulih imej identiti dan kepentingan rakyat industri penerbangan ini yang mana apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bagaimana pertambahan dari sudut perkembangan penumpang dan sebagainya begitu menggalakkan. Sepatutnya dalam keadaan apa yang disebut oleh Yang Berhormat itu sepatutnya kapal terbang kita syarikat penerbangan tidak sepatutnya mengalami kerugian. Tetapi realiti yang berlaku bagaimana 4,000 orang pekerja yang akan diberhentikan di bawah Syarikat Penerbangan MAS.

Saya dimaklumkan oleh STAR yang bekerja di bawah syarikat AirAsia sendiri, di mana apabila mereka memohon untuk bercuti, ini contoh bagaimana kegagalan pengurusan sistem penerbangan untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja. Contohnya seorang staf kakitangan AirAsia yang cuti ambil MC satu hari dia akan dipotong elaunnya RM250 sehari. Apa sebenarnya pandangan Yang Berhormat sepatutnya yang disediakan oleh kerajaan terutama dalam isu pemberhentian pekerja-pekerja MAS yang mereka terkapai-kapai apakah pampasan yang akan mereka dapat, apakah kebajikan mereka dapat. Jadi sepatutnya kerajaan sebetul-betulnya untuk menjaga kepentingan rakyat, sepatutnya semua perkara ini diambil perhatian, bukan apabila kita berlaku dalam keadaan semacam ini baru hendak menilai balik. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ringkaskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya meneliti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Sudah pastinya sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, rang undang-undang ini diwujudkan dan juga suruhanjaya ini diwujudkan untuk memastikan bahawa kepentingan yang juga sebagai satu *one stop center* untuk membantu dan juga menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan kebajikan khususnya dalam konteks industri penerbangan. Sudah tentu saya lihat sebagai permulaannya sebagaimana yang saya sebutkan tadi yang mana penguatkuasaan itu ialah kuasa bagi menguatkuasakan adalah dalam lingkungan audit siasatan, pembatalan dan penggantungan lesen, menyita dan penalti kepada pengendali sebagaimana dalam Bahagian IV rang undang-undang ini yang mana dari segi pelesenan dan caj. Ini saya lihat sebagai satu usaha bagi pihak kerajaan untuk menjaga kepentingan mana-mana pihak dalam industri penerbangan dan juga dalam konteks pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan keanggotaan suruhanjaya dalam rang undang-undang ini supaya ahli-ahli yang dipilih mempunyai pengalaman atau menunjukkan keupayaan dan profesionalisme dalam perkara yang berhubungan dengan ekonomi kewangan, penerbangan, perniagaan, pentadbiran undang-undang atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan fungsi suruhanjaya. Saya juga berharap agar pemilihan anggota suruhanjaya juga berkecuali di mana pembinaan mereka adalah penting bagi memastikan suruhanjaya ini bebas daripada sebarang pengaruh dan sekali gus

membolehkan industri penerbangan negara menjadi industri yang dinamik untuk semua syarikat penerbangan. Saya juga berharap agar suruhanjaya ini meletakkan...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya tekun mendengar penerangan Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Tetapi saya tidak berapa yakin ada ketelusan di sini sebab keseluruhannya suruhanjaya ini dikawal oleh Perdana Menteri. Apa pendapat Yang Berhormat Kuala Selangor, terima kasih.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Malam ini dia penuh psikologi pula tanya. Saya ingin nyatakan di sini sebagai kerajaan dan juga suruhanjaya yang bertanggungjawab, sebab itu apabila diperkenalkan rang undang-undang ini sudah tentunya dalam kaedah bagaimanapun ianya harus bebas dan berkecuali walaupun diletakkan di bawah sebuah kementerian, di sini saya mencadangkan diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan untuk mewujudkan satu koordinasi di antara DCA, MAB dan sebagainya. Sehubungan dengan itu saya lihat...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat setuju bahawa keseluruhan suruhanjaya ini perlu diletak di bawah Kementerian Pengangkutan. Saya mempunyai naluri yang sama. Boleh tidak Yang Berhormat Kuala Selangor mencadangkan kepada kementerian bahawa suruhanjaya ini perlu diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan dan bukannya Jabatan Perdana Menteri sebab ia akan membawa penyalahgunaan, penyelewengan dan sebagainya.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Kapar jangan prejudis di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tetapi saya melihat Yang Berhormat Kapar menyokong apa yang saya katakan sebab itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan yang penuh bertanggungjawab agar suruhanjaya ini diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan supaya...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Saya rasa cukuplah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sebab Yang Berhormat kata saya prejudis, saya hendak memperbetulkan. Boleh?

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Tidak apa, saya faham. Selepas ini Yang Berhormat Kapar boleh meneruskan hujah selepas ini.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tanpa prejudis.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya suruhanjaya ini diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan bagi mewujudkan satu konsesi supaya akhirnya yang paling penting dengan adanya suruhanjaya ini, kita ingin memastikan di samping industri penerbangan itu dinaiktarafkan dalam konteks ekonomi, tetapi yang paling penting kebajikan rakyat khususnya pengguna-pengguna yang menggunakan penerbangan dalam negara kita tetap terbela dan terjaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat langkah penubuhan suruhanjaya ini juga melengkapi Dasar Penerbangan Nasional yang bakal digubal oleh kerajaan di mana Yang Amat Berhormat Pekan semasa membentangkan Bajet 2014, telah mengumumkan akan mengubah satu Dasar Penerbangan Nasional yang mana bertujuan untuk mengukuhkan satu ekosistem dan rangkaian perkhidmatan dalam industri penerbangan.

Apatah lagi kita dalam sasaran untuk menarik 28 juta orang ketibaan pelancong antarabangsa. Sememangnya banyak negara dengan rekod cemerlang ditempa industri penerbangan negara. KLIA tersenarai lima teratas lapangan terbang di dunia serta terpilih empat kali bagi kategori lapangan terbang terbaik dunia. Terminal penerbangan tambang murah LCCT pula dipilih sebagai Pusat Penerbangan Asia Pasifik sebagai lapangan terbang tambang murah bagi tahun 2006. Penerbangan Malaysia pula meraih lebih 100 anugerah pelbagai rekod amalan dan perkhidmatan sejak sedekat yang lalu. Air Asia pula mengalami kemajuan drastik dan kini memperluaskan liputan destinasi ke seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya berharap agar kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah drastik dan efektif untuk terus menjadikan industri penerbangan negara terus berkembang maju serta menjadi hab penerbangan utama di negara kita. Dengan itu saya mohon menyokong Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**8.59 mlm.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara amnya saya ingin berkata bahawa saya amat mengalu-alukan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Saya rasa sudah lama kita menunggu sebuah suruhanjaya ini, tetapi *better late than never*. Tetapi pada masa yang sama, seperti apa yang telah disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Lembah Pantai dan ada disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor, kita mempunyai *lame dark Minister of Transport* di mana kalau kita lihat jalan raya memang bukan dalam bidang kuasa *Minister of Transport*,

■ 2100

Kita lihat kereta api sudah dikeluarkan daripada penguasaan *Minister of Transport*. MRT, LRT bukan *Minister of Transport*. Hendak minta lesen teksi bukan *Minister of Transport*, hendak uruskan saluran sealiran bas bukan *Minister of Transport*. Saya hanya boleh *speculate* sebab pihak sebelah sana belum ada jawapan yang kita dengar bahawa keadaan ini berlaku kerana *Minister of Transport* ini merupakan satu jawatan secara konvensi yang diberikan kepada Presiden MCA. So, oleh sebab MCA ini walaupun dalam tangga ketiga di dalam Parlimen ini dia tidak dipercayai dan tidak diberikan kuasa yang cukup besar dan sekarang kita lihat antara sedikit-sedikit tanggungjawab yang ada sama dengan Presiden MCA ini penerbangan (*aviation*) pun akan dikeluarkan daripada tanggungjawab beliau.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hendak tambah sedikit dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dan saya minta komen juga. Bukan sahaja teksi, LRT, lebuh raya pun bukan dan juga sekarang sampai port, kita punya pelabuhan semuanya telah diserahkan kepada Syed Mokhtar Al-Bukhary. Apa komen Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Memang pelabuhan telah pun diswastakan tapi nasib baik PKA (Port Klang Authority) masih bawah kawalan *Ministry of Transport* tapi itu sebab tidak ada orang hendak, sudah bankrap kerana PKFZ. Saya lihat *commission* ini undang-undang dibentangkan dari Pejabat Perdana Menteri. *Membership of the Commission. Commission shall consist of the following members the Executive Chairman who shall be appointed by the Prime Minister. Lepas itu dia punya ahli not less than four but not more than six other members who shall be appointed by the Minister.* Nasib baik *Minister of Transport* boleh *appoint* tetapi *after consultation with the Prime Minister*. [Ketawa]

Kita lihat suruhanjaya-suruhanjaya yang lain Suruhanjaya Syarikat di bawah KPNDKK, kita lihat Suruhanjaya Tenaga di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Menteri mempunyai kuasa sepenuhnya tidak perlu rujuk kepada Perdana Menteri tetapi Suruhanjaya bagi bidang pengangkutan kena rujuk kepada Perdana Menteri. Saya tidak faham. *We have trying to have a integrated holistic transportation agency* tetapi nampaknya Kementerian Pengangkutan lebih baik jadi satu jabatan dalam Jabatan Perdana Menteri daripada menjadi satu kementerian sendiri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ketereh bangun, hendak bagi Yang Berhormat?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Boleh tanya sedikit? Hendak tanya Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah dengar prinsip *collective responsibility* kan? Saya juga hendak tanya adakah Yang Berhormat sebut tentang

kurangnya kepercayaan diberi kepada Presiden MCA itu serupa dengan DAP tidak percaya Presiden PAS.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kita tidak bagi tanggungjawab kepada Presiden PAS tetapi di sini tanggungjawab tidak diberikan kepada Menteri yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas port folio tersebut. *[Tepuk]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Cukup, cukup. 15 minit. Sudah bagi ramai. Saya hendak teruskan. Dan saya rasa dalam isu *collective responsibility*...*[Dewan riuh]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kalau berani bagi laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau berani bagilah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Saya pun hendak tanya kenapa...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Confirm* tidak berani Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takut Yang Berhormat petaling Jaya Utara. Kalau berani bagilah. *Confirm* takut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Sotong, sotong.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak takut, saya tidak takut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takut, *confirm* takut.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Petaling Jaya Utara mana takut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Takut! Kalau tidak takut bagi. *Confirm* takut.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua ada masa.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Confirm* dalam Dewan ini Yang Berhormat Petaling Jaya Utara takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara tidak bagi jalan duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Petaling Jaya Utara tidak berani hendak takut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *Confirm, confirm.* Kita *confirm*kan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara takut. Kalau berani bagi.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Boleh tanya? Fasal jalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi 10 minit tambahan saya bagi.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sudah *confirm* takut. Takut. Bagi ruang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Teruskan Yang Berhormat.



**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua kata teruskan. Saya akan teruskan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okeylah kalau tidak bagi *confirm* Yang Berhormat Petaling Jaya Utara takut.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Pendek sahaja, pendek sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mengenai isu...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Kalau dia tidak bagi kita *confirm* dia takut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada baiknya kita *stick* kepada RUU Yang Berhormat. Kalau hendak *psychic* itu yang bahaya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini penting. RUU ini dibawa oleh Jabatan Perdana Menteri dan kita bimbang kerana Jabatan Perdana Menteri sudah cukup banyak tanggungjawab. Kita perlu ada *collective responsibility*...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bagi Yang Berhormat Tanjong karang Yang Berhormat?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Di mana tanggungjawab diagihkan kepada semua Menteri yang ada. Kenapa semua dilingkungi dalam Jabatan Perdana Menteri?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Suka hati dialah dia Perdana Menteri!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Suka hati dia? Ini cara Barisan Nasional. Suka hati Perdana Menteri. Saya hendak teruskan antara satu perkara yang saya hendak bentang sedikit...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Helo, DAP sama PAS pun tidak percaya. Sokong hududlah. *You* pun tidak sokong cakap banyak. Cerita fasal Perdana Menteri. *You* baliklah *you*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua kata rujuk kepada RUU. Hudud tidak ada dalam RUU ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** 15 minit sahaja.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Jangan cakap Perdana Menteri lah! Jangan cakap Perdana Menteri!

[Dewan riuh]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup, cukup. Duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang ini bukan hudud, yang ini bukan hudud. Boleh tanya? Ini tidak ada kaitan hudud.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ha, itu Yang Berhormat Puchong sudah sampai *backup*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya tadi dengar Yang Berhormat kata seolah-olah MCA ini macam tidak ada tempat. Tempat yang ketiga saya dengar tadi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Selangor DAP ada 15 kerusi, PAS ada 15 kerusi kenapa parti PKR boleh jadi Menteri Besar. Macam mana? Kalau dari segi politiknya Yang Berhormat boleh pandang rendah kepada MCA ini?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *Where is the fairness?*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *Where is the fairness?*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukannya bagi, dia bukan bagi. Ini bukan fasal dia bagi. PKR tidak percaya.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sama Yang Berhormat Shah Alam pun tidak percaya Yang Berhormat petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, saya hendak teruskan. Isu Selangor saya bahas di Selangor. Saya hendak teruskan mengenai isu...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau pandai cakap, pandailah jawab. Jawablah dahulu! *You are gentlemen*. Buat apa *you* tolong Yang Berhormat Shah Alam. Yang Berhormat Shah Alam cakap tidak boleh percaya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** DAP 15 kerusi, PAS 15 kerusi...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Tidak payah. Orang tanya dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang kita tahu UMNO 12 kerusi sahaja. Betul tidak? *[Ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Itu bukan jawapan, itu bukan jawapan. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam duduklah!

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, di negeri Selangor...

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Yang Berhormat Shah Alam penipu!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** MCA kosong.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** UMNO 12 sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduk.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mengenai isu Ketua Setiausaha...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terus kepada rang undang-undang Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ... Kementerian Pengangkutan yang secara automatik dilantik di dalam Suruhanjaya saya rasa isu ini perlu diteliti semula. Bukan kerana saya bantah beliau dilantik dalam Suruhanjaya tetapi beliau juga merupakan pengarah dalam MAHB dan saya rasa isu ini Yang Berhormat Menteri akan dapat jawab kerana kalau menjadi pengarah dalam MAHB dan juga menjadi pengarah ataupun *commissioner* dalam suruhanjaya ada percanggahan dari segi kepentingan.

Menerus kepada satu isu lagi iaitu isu jawatan *chief executive* ataupun *executive chairman* yang sekarang disebut bahawa Tan Sri Bashir Ahmad mungkin akan dilantik sebagai *chief executive* dan saya hendak merujuk kepada satu laporan dalam *The Edge Financial Daily* hari ini yang memetik *quotation* daripada analisis-analisis yang ada di luar antaranya dia sebut *the executive chairman has to be someone independent they can act accordingly to take care all stakeholders of the industry*. Kata *aviation analysis*. Satu lagi *the executive chairman should not be someone from MAHB if Bashir is appointed as executive chairman, I think MAHB will have a bigger voice in the commission*.

## ■2110

Ini merupakan antara isu-isu ataupun kerisauan antara industri yang telah pun dibangkitkan dalam media.

Saya nak bangkitkan satu isu lagi iaitu laporan yang telah pun dibentangkan oleh Jawatankuasa PAC dalam Dewan ini mengenai isu KLIA2, projek yang dilaksanakan oleh Malaysian Airport Holdings Berhad di mana pada masa itu, 11 tahun ...

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baru bangun, nak bagi Yang Berhormat?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tak, biar sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tak bagi, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Janganlah takut, *gentleman* lah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tak takut, saya takut masa sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia lima minit lagi tinggal, lima minit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya takut masa saya sahaja, saya tak takut.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Masa Yang Berhormat Parit Sulong nak berucap lagi bagi dekat dia.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak apa, tak apa. Lepas ini dah tak ada belah bahagi dah, *no problem*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, ya.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Tak ada belah bahagi lepas ini.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat PJU. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat PJU daripada segi *independent Aviation Commission* ini, keanggotaannya cuma persoalannya kita mesti melantik seorang yang berpengalaman, seorang yang memahami industri. Jadi adakah Yang Berhormat PJU bersetuju bahawa pengalaman Tan Sri Bashir berpuluh-puluh tahun dalam MAS, dalam MAHB sekiranya kita keluarkan penglibatannya secara *direct* dengan MAHB, dia sekurang-kurangnya *meet the qualification* untuk menganggotai *Aviation Commission* ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Daripada segi pengalaman sahaja, kriteria pengalaman, memang dia mempunyai pengalaman dalam bidang *aviation* tetapi saya ingin juga menyebut di sini takkan di seluruh Malaysia hanya satu orang sahaja yang layak untuk memegang jawatan *Executive Chairman* dan saya membantah pelantikan beliau jika beliau dilantik adalah kerana skandal KLIA2 RM4 bilion ini masih belum diselesaikan.

Dalam laporan PAC ini dengan jelas dia sebut projek KLIA tidak mengikut perancangan asal untuk membina sebuah lapangan terbang tambang murah bagi menggantikan LCCT sebelum ini, ini laporan PAC ya. Sebaliknya selepas penaiktarafan dan peningkatan kos pembinaan yang tidak dijangka, KLIA diubah takrif sebagai konsep lapangan terbang hibrid. Akibatnya, KLIA2 mengancam kedudukan KLIA sebagai lapangan terbang utama Malaysia manakala Malaysia kehilangan satu peluang keemasan untuk membangun sebuah hab penerbangan tambang murah yang paling berdaya saing di rantau Asia Pasifik.

Dalam laporan ini juga terdapat pelbagai, berpuluh-puluh isu yang telah pun terbangkit dalam KLIA yang merupakan kesalahan bagi pihak MAHB. Saya hanya memetik beberapa perkara sahaja. MAHB mengubah ketetapan pelan induk KLIA 1992 yang

disediakan oleh Anglo Japanese Corporation Berhad yang menyatakan bahawa pembesaran lapangan terbang KLIA sepatutnya dibina di kawasan KLIA Utara. Pelan induk KLIA 1992 telah mendapati bahawa keadaan tanah di KLIA Utara yang kukuh adalah sesuai untuk pembinaan terminal tambahan.

Akan tetapi, MAHB telah mengambil keputusan untuk membina terminal KLIA II di kawasan KLIA Barat. Penemuan pelan induk KLIA 1992 adalah kawasan KLIA Barat mempunyai tanah paya gambut yang terlalu lembap dan memerlukan kerja-kerja kejuruteraan yang berat untuk memulihkan keadaan tanah kawasan tersebut. Akibatnya, kos penambakan dan kerja-kerja tanah *of works* mencecah kos berjumlah RM860 juta walaupun peruntukan asal hanyalah RM35 juta. Ini adalah sebab utama mengapa KLIA2 menjadi RM4 bilion.

Yang lain, ada disebut di sini, pemendapan di apron dan *taxiway* berterusan sehingga kini walaupun KLIA II bermula beroperasi pada 2 Mei 2014 mengakibatkan air bertakung apabila hujan lebat. Masalah ini bukan sahaja meningkatkan kos penyelenggaraan tetapi juga memberikan imej negatif kepada negara.

Satu lagi yang paling penting, Netherland Airport Consultant telah dilantik sebagai jururunding lapangan terbang telah mencadangkan reka bentuk *finger pier* untuk LCCT2 ataupun KLIA2. Akan tetapi, MAHB mengambil keputusan untuk memilih syarikat arkitek yang mencadangkan konsep satelit. Perunding kata *finger pier* tetapi MAHB pilih yang konsep satelit dan dalam antara satu penemuan dalam perbincangan PAC, Tan Sri Jamilul Hussein merupakan syarikat *KLIA Consult* telah datang untuk memberikan testimoni dan dia sebut "*Out of eight that participated*" atau "*lapan syarikat yang mengambil bahagian dalam tender untuk membina KLIA2, only one did not follow the finger pier concept*" iaitu RAP dikeluarkan sebut kita hendak cadangan *finger pier*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat .

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Daripada lapan yang mengambil bahagian, hanya satu sahaja tidak memenuhi permintaan *finger pier concept but came out with the satellite concept and this guy won*. Dia menang. So ini merupakan antara satu kesalahan daripada pihak MAHB di mana Tan Sri Bashir Ahmad merupakan Pengurus Besar ataupun *managing director* dalam syarikat tersebut dan menyebabkan kerugian kepada negara pada hari ini. *This is a ...*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Cepat ya.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat PJU, adakah *finger pier concept* itu berbanding dengan *satellite concept*, berapa beza kosnya dan sejauh mana *limit of authority* lah untuk Tan Sri Bashir ini nak luluskan perbezaan *design* dan juga kos itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini daripada PAC *report* ya, konsep *satellite* memerlukan bangunan yang lebih tinggi iaitu lima tingkat berbanding dengan dua tingkat untuk merangkumi sebuah *sky bridge* untuk menyambung bangunan terminal dengan satelit. *So because of that, the cost increase 'many floor'* Kita macam nak bina *sky bridge because we wanted the sky bridge so we created that channel. The five floors will cost a lot more. So...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ya, saya nak gulung. Tadi ada gangguan sikit, bagi sikit untuk saya *reply*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, masuk masa Yang Berhormat itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey. Banyak perkara lagi boleh dibaca dalam laporan PAC tetapi antara satu syor yang telah pun dikeluarkan oleh PAC adalah untuk menggesa kerajaan mengarahkan Jabatan Audit Negara membuat pengauditan menyeluruh ke atas segala penemuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atas dasar kepentingan kerajaan. Laporan ini dikeluarkan pada 25

November 2014, tahun lalu. Sampai hari ini syor daripada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara tidak dihiraukan.

Ini jawatankuasa bawah Parlimen, Legislatif. Pihak Eksekutif tak ambil kira langsung. Sampai hari ini kita tunggu-tunggu. Ada syor yang lain, kita syorkan supaya menggesa MAHB supaya tidak mengenakan ataupun menaikkan sebarang kadar dan caj melebihi kadar inflasi di KLIA untuk mendapatkan semula pulangan atau hasil yang telah dibelanjakan dalam pembinaan KLIA.

Kesemua syor yang kita keluarkan ini kita perlukan satu *endorsement* daripada *Auditor General* dan *Auditor General* kita mendapati bahawa tidak ada kuasa untuk masuk melainkan ada *instruction* atau arahan daripada Kabinet. Kita nak tahu kenapa Kabinet sampai hari ini tak nak mengarahkan *Auditor General* masuk walaupun skandal ini begitu besar dan kita akhir sekali, dalam PAC, kita juga menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Awam *so we support this called* negara yang benar-benar bebas. *That's important* dan dianggotai individu yang tidak mempunyai kepentingan dalam mana-mana syarikat penerbangan atau pernah menjawat jawatan kerajaan yang berkaitan dengan industri penerbangan bagi mengelak berlaku kepentingan konflik dengan pihak berkepentingan.

Dalam perkara ini, saya rasa Tan Sri Bashir Ahmad telah pun dikecualikan, *cannot be appointed as the executive chairman for simple reason* sebagai Pengerusi Eksekutif bagi suruhanjaya penerbangan ini, beliau akan terlibat dalam apa-apa siasatan kepada skandal KLIA2 yang masih belum selesai.

#### ■2120

*So, it becomes a conflict of interest. Until such a time where the issue of KLIA2 has been resolved* dan perkara-perkara yang telah dibangkitkan dalam laporan cukup tebal ini diselesaikan Tan Sri Bashir Ahmad tidak boleh dilibatkan dalam apa-apa kerja dalam Suruhanjaya Penerbangan ini. *[Tepuk]* Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pandan.

#### 9.20 mlm.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia. Saya alu-alukan pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ini yang tepat pada masanya apatah lagi dalam keadaan negara Malaysia dan rakyat telah terpaksa berdepan dengan beberapa tragedi dan masa yang getir, yang bersabit dengan industri penerbangan kebelakangan ini. Dalam tempoh tidak sampai dua tahun, kita terpaksa dengan tiga tragedi kapal terbang. Kita juga berdepan dengan masalah kewangan MAS yang kronik sehingga melibatkan RM6 bilion wang rakyat yang terpaksa disuntik dan juga sehingga sekarang nasib kakitangan MAS seramai 6,000 orang masih lagi menjadi persoalan.

Malah saya berpendapat sepatutnya rang undang-undang ini dibawa jauh lebih awal kerana negara kita melalui satu proses perkembangan industri penerbangan yang rancak, lebih 10 tahun yang lepas pun. Akan tetapi penswastaan itu yang melibatkan AirAsia, kemudiannya Malindo dan beberapa penerbangan-penerbangan yang terus diumumkan sekarang, penswastaan dan perkembangan itu berlaku tanpa ada satu kerangka undang-undang yang boleh menjadi dengan izin, *regulator*. Jadi oleh sebab itu saya sebenarnya berpendapat sepatutnya rang undang-undang sebegini dibawa 10 tahun yang lepas dan bukannya pada kali ini.

Industri penerbangan di Malaysia ini akan terus berkembang dan untuk ia berkembang bagi kepentingan rakyat, satu prasyarat yang paling utama ialah ia mesti boleh bersaing secara adil. Mana-mana syarikat swasta yang mahu mengusahakan kapal terbang, penerbangan, mestilah mempunyai ruang dan diberikan sepenuh peluang untuk bersaing di antara satu sama lain. Jaringan pengangkutan udara yang berkembang dengan baik adalah baik untuk rakyat kerana kita dipisahkan oleh Laut China Selatan.

Jaringan pengangkutan darat juga masih lagi terputus-putus contohnya sekarang ini lebih mudah dan lebih murah untuk penduduk di Kelantan contohnya, menggunakan

khidmat kapal terbang berbanding dengan mengambil pengangkutan darat kerana tiadanya satu lebuh raya yang terus daripada Pantai Barat ke Pantai Timur, terus ke Kelantan. Begitu juga di kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Maknanya menaik taraf dan meluaskan lagi khidmat penerbangan untuk kegunaan rakyat ini adalah salah satu strategi pengangkutan yang sepatutnya diutamakan oleh kerajaan dan untuk memastikan itu berjaya tidak boleh lari daripada memastikan bahawa ada persaingan yang adil dan saksama bagi mana-mana syarikat yang mahu turut serta.

Oleh sebab itu kita mesti bermula, sementara saya melihat dan memuji pembentangan ini tetapi saya ragu-ragu dan kurang yakin kalau persaingan dan kesaksamaan itu adalah prasyarat utama untuk memastikan strategi ini berjaya, tingkah laku kerajaan itu saya kurang yakin. Mungkin rang undang-undang boleh dibuat tetapi kalau perangai dan juga tingkah laku kerajaan tidak mengutamakan ketelusan, persaingan dan juga kesaksamaan maka segala undang-undang ini akhirnya tidak akan berkesan.

Oleh sebab itu, saya hendak tarik perhatian Dewan, ia mesti bermula daripada kesungguhan dan iltizam kerajaan yang ada di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Pekan. Terutamanya dalam bab-bab bersabit dengan penerbangan awam yang digunakan oleh kerajaan ini perlu ada bukti bahawa pentadbiran beliau ini akan mengutamakan ketelusan dan juga persaingan.

Oleh sebab itu saya tidak boleh lari daripada menarik perhatian Dewan kepada kontrak-kontrak penerbangan yang melibatkan kerajaan iaitu subjek utama saya ialah jet peribadi yang digunakan oleh Perdana Menteri dan juga Jemaah Menteri. *[Disampuk]* Sebab kalau betul kerajaan serius untuk memastikan bahawa persaingan ini saksama, telus dan terbuka sepatutnya ia mesti dimulakan dengan kontrak penerbangan dan perkhidmatan jet yang diambil oleh kerajaan dan Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Sebaliknya yang dibuat oleh Perdana Menteri dan juga pimpinan ialah menganugerahkan secara rundingan terus kedua-dua kontrak ini kepada sebuah syarikat yang sama. Ada dua kontrak. Satu kontrak membeli jet baru, satu kontrak yang dipanggil operasi penyenggaraan dan juga pengurusan. Kedua-dua ini diserahkan secara rundingan terus kepada sebuah syarikat yang dipanggil Jet Premier One Sdn. Bhd. Tidak ada sebarang kontrak atau tender terbuka. Hanya orang itu dan saya tidak tahu kenapa syarikat itu yang diberikan kontrak. Jumlah kontrak yang diberikan kepada sebuah syarikat itu, kontrak beli jet baru RM465 juta. Kontrak penyenggaraan, operasi dan pengurusan jet ACJ319 sedia ada akan disambung bagi tempoh tujuh tahun sehingga tahun 2022 bernilai RM400 juta. Kontrak penyenggaraan jet yang baru ACJ320 bagi tempoh 15 tahun bernilai RM690 juta.

Maknanya sebuah syarikat itu dengan hanya menguruskan dua buah kapal terbang peribadi yang digunakan oleh pembesar dan pimpinan negara bagi tempoh 15 tahun akan mendapat RM1.4 bilion tanpa ada tender terbuka. *[Dewan riuh]* Kalau dibuat tender terbuka, sudah tentu lebih banyak syarikat-syarikat lain yang boleh turut serta dan saya yakin itu akan menyemarakkan lagi industri dan sektor penerbangan. Kalaulah rang undang-undang ini bertujuan untuk menyemarakkan sektor penerbangan awam kita, bukankah yang paling baik kerajaan mesti menunjukkan teladan dengan memastikan kontrak-kontrak penerbangan awam kerajaan itu mestilah dilakukan secara telus melalui tender terbuka yang saya mohon supaya Menteri jawab selepas ini.

Kemudian, apabila kita lihat kepada rang undang-undang bukan sahaja tabiat yang menolak ketelusan itu ditunjukkan dalam amalan sekarang dalam rang undang-undang juga ada tabiat yang menolak ketelusan apabila ia bersabit dengan kontrak-kontrak penerbangan kerajaan. Contohnya, Ahli Dewan perlu tahu kalau yang belum baca, baca balik. Ahli Dewan perlu tahu bahawa pada kala semua khidmat penerbangan awam daripada helikopter, kapal besar, kapal kecil semua perlukan lesen dan permit daripada suruhanjaya ini tetapi sebarang kontrak penerbangan yang melibatkan kerajaan dikecualikan daripada lesen ataupun permit daripada suruhanjaya ini.

Saya hendak tanya menteri kenapa perlu dikecualikan? Apakah kapal terbang Perdana Menteri dan isteri hendak naik ini tidak perlu lesen? Kenapa kapal terbang yang melibatkan kerajaan tidak perlu lesen dan permit daripada suruhanjaya sedang semua yang lain perlukan permit dan lesen daripada suruhanjaya?

Saya bukan *jealous*, kalau ada orang hendak kata ini cemburu. Saya bimbang kalau rang undang-undang ini sepatutnya untuk menjamin mutu, untuk menjamin kualiti keselamatan.

Sepatutnya yang perlu dipastikan ada lesen dan permit adalah penerbangan yang melibatkan Menteri, Perdana Menteri dan keluarganya kerana kita hendak pastikan penerbangan itu selamat seperti Yang Berhormat Baling sebut sebelum ini. Beli jet baru hendak bagi selamat tetapi beli jet baru tak bagi lesen dan permit, macam mana hendak selamat?

■2130

**Seorang Ahli:** Oh, bahaya itu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya ada beberapa lagi. Tak lama dah ya, Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Keluar tajuk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tak keluar tajuk. Saya hendak kembali juga kepada rang undang-undang ini.

Oleh sebab itu sementara kita menyokong, perlu ada kerangka rang undang-undang yang mengawal industri seperti ini tetapi dia tidak boleh lari daripada roh yang paling utama kalau kita hendak berjaya iaitu mesti telus, mesti saksama dan mesti terbuka. Itu yang saya paling bimbang sekali apabila membaca rang undang-undang ini kerana tidak ada satu klausa ataupun fasal pun yang memberi jaminan dan komitmen bahawa kuasa yang diberikan kepada Suruhanjaya ini akan dilaksanakan dan juga tanggungjawab itu akan dipikul dengan penuh ketelusan, dengan penuh keterbukaan dan juga dengan izin, *transparent and accountable manner*.

Oleh sebab itu kalau tidak ada satu pun fasal yang menyentuh mengenai keterbukaan, yang menyentuh mengenai ketelusan, yang menyentuh mengenai kebertanggungjawaban, macam mana kita hendak yakin bahawa Suruhanjaya ini apabila ia berfungsi kelak ia akan dapat menjalankan tugasnya dengan memastikan persaingan itu berlaku dengan adil dan saksama?

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini pada kala ia memberi kuasa yang cukup besar kepada Suruhanjaya iaitu Suruhanjaya mempunyai kuasa mutlak untuk memberi lesen dan permit dan juga segala peraturan yang lain, tidak langsung disebut atau diperincikan malah tidak diberikan prinsip pun bagaimanakah pemilihan ataupun mekanisme lesen atau permit ataupun syarikat-syarikat penerbangan baru itu akan dinilai demi menjamin keterbukaan, ketelusan dan kesaksamaan. Maknanya apa dia?

Kalau kita tidak berhati-hati, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang baru ini akan menjadi lubuk emas kepada sesiapa yang mengawalnya kerana di dalam tangan Pengerusi dan mereka yang mengawal Suruhanjaya ini ialah permit untuk diberikan kepada sesiapa yang hendak buka syarikat kapal terbang baru. Kalau kita tahu bahawa Malaysia memang kita hendak jadikan hab penerbangan dan kita tahu lebih banyak syarikat memerlukan lesen untuk membuka syarikat penerbangan baru, bukankah cara yang terbaik untuk kerajaan ialah memastikan mekanismenya adalah secara bidaan terbuka ataupun telus supaya mana-mana syarikat yang berkebolehan dan berkemampuan secara kewangan dan teknikal boleh membuka syarikat penerbangan.

Akan tetapi oleh kerana prinsip keterbukaan dan ketelusan itu tidak disebut atau dimasukkan langsung di mana-mana tempat dalam rang undang-undang ini, maknanya kuasa itu adalah kuasa mutlak yang boleh digunakan sesuka hati oleh Pengerusi ataupun sesiapa yang mengawal Suruhanjaya ini. Jadi, ini sudah tentu akan melibatkan dan mengundang pelbagai tuduhan mengenai kroni kapitalisme dan juga hanya rakan-rakan tertentu yang mendapat lesen.

Oleh sebab itu saya minta supaya Yang Berhormat Menteri ambil perkara ini secara serius. Mungkin suruhanjaya-suruhanjaya lain yang melibatkan pemberian *bandwidths* dengan izin, telekomunikasi, kita tidak ada, jadi kita tidak sempat minta supaya dia dimasukkan. Kali ini saya minta juga sokongan rakan-rakan Barisan Nasional supaya di dalam rang undang-undang ini dijelaskan secara terperinci pemberian lesen syarikat kapal terbang baru mestilah dibuat secara telus, secara terperinci mengikut mekanisme yang mengambil kira kemampuan teknikal dan kewangan, bukannya menyerahkan kuasa bulat-bulat kepada Suruhanjaya kerana itulah...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** ...Yang akan menyebabkan makin berkembangnya rasuah selepas itu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Pandan, boleh mencelah sikit?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sekejap sahaja ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lepas Yang Berhormat Kelana Jaya, Yang Berhormat Pandan gulung ya. Terima kasih.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Pada fikiran saya, saya sudah tengok AirAsia itu *market cap* dia lebih kurang RM6.2 bilion, MAS punya *market cap* RM4.8 bilion dan *ground crew, ground operations* semua di bawah Suruhanjaya ini. Pada fikiran saya, saya rasa industri ini lebih kurang RM15 bilion sampai RM20 bilion. Setuju atau tidak?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Suruhanjaya ini seperti yang saya sebut adalah suruhanjaya yang akan menjadi begitu berkuasa, bukan sahaja dari segi nilai tetapi jumlah pekerja dan juga nyawa rakyat yang terlibat terutamanya kalau penerbangan awam ini dilebarkan di Sabah dan Sarawak. Jadi sebab itu kita perlu teliti betul-betul dan pastikan kerana risiko kewangan, risiko nyawa dan risiko reputasi negara seperti mana yang kita alami dalam setahun, dua tahun yang lepas yang berkait dengan sektor penerbangan ini adalah risiko yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak gulung dengan menyebut perkara-perkara berikut. Selain daripada dua, tiga kebimbangan itu, saya juga ingin mencadangkan supaya perkara-perkara berikut dititikberatkan dan dimasukkan di dalam pindaan yang Yang Berhormat Menteri boleh bawa kembali ke Dewan.

Pertama, dari segi perlindungan pekerja industri. Rang undang-undang sedia ada ini menyebut tentang perlindungan syarikat penerbangan, menyebut tentang perlindungan dan kepentingan pengguna, menyebut tentang perlindungan lapangan terbang tetapi tidak sebut tentang perlindungan pekerja-pekerja dalam industri yang ada dalam 20,000 ke 30,000 orang itu di kala soal kebajikan pekerja MAS yang akan dipecat ini adalah satu perkara yang sensitif. Saya mencadangkan dan mohon supaya Yang Berhormat Menteri ambil kira perkara itu supaya dipegangkan dan dimasukkan di dalam akta ini bahawa Suruhanjaya ini juga bertanggungjawab untuk melindungi nasib pekerja-pekerja kerana kita tahu industri penerbangan adalah satu industri yang selalu menghadapi risiko kewangan yang menyebabkan orang kena pecat.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga bimbang kerana rang undang-undang ini tidak menyentuh langsung mengenai perkara bersabit keselamatan ataupun dengan izin, *health and safety*, sedangkan industri penerbangan adalah industri yang paling sensitif dengan soal keselamatan ini. Saya minta supaya Yang Berhormat Menteri kembali rujuk semula dengan kumpulan teknikal supaya sekali lagi prinsip dan komitmen dan peraturan mengenai keselamatan dan teknikal penerbangan itu dimasukkan dan dipegangkan di dalam rang undang-undang, bukannya diperincikan di dalam peraturan-peraturan kecil yang ditetapkan kemudian oleh Suruhanjaya ini.

Terakhir, saya ingin mengajak Dewan supaya meneliti dengan baik-baik kuasa besar yang diberikan terhadap Suruhanjaya ini kerana Suruhanjaya ini mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan harga tambang, yuran dan segala yang berkaitan dengan industri penerbangan. Saya tidak yakin bahawa jika kuasa ini dipusatkan ke dalam satu suruhanjaya itu adalah baik untuk industri dan untuk rakyat keseluruhannya. Saya cadangkan supaya untuk membantu rakan kita Yang Berhormat Bentong di Kementerian Pengangkutan, sebahagian kuasa itu perlulah dipecahkan di antara Suruhanjaya dan juga kementerian bagi memastikan dengan izin, ada *check and balance*, Tuan Yang di-Pertua. Bukan semua kuasa yang bersabit dengan harga tambang, yuran, cukai semua dipusatkan di dalam Suruhanjaya ini.

Jadi akhir sekali, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri sementara saya mengalu-alukan rang undang-undang ini, saya juga mohon supaya perkara-perkara tadi dibawa balik, pindaan dibawa semula dan yang paling penting soal mengenai ketelusan, kesaksamaan dan keterbukaan persaingan ini perlulah dimasukkan



terus ke dalam rang undang-undang supaya ahli-ahli Suruhanjaya nanti tidak mempunyai kuasa mutlak untuk buat sesuka hati seperti yang pernah kita lihat sebelum ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching, boleh 10 minit?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Dan Yang Berhormat Bayan Baru. Ya, singkat ya. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

■2140

9.40 mlm.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015.

Saya ingin merujuk kepada fasal 17 iaitu salah satu fungsi Suruhanjaya itu khususnya mengawal selia perkara ekonomi yang berhubungan dengan industri penerbangan awam termasuklah satu, untuk memperbaiki perhubungan di peringkat global dan tempatan supaya dapat menggalakkan pertalian ekonomi, integrasi dan pertumbuhan, trend pelaburan dan pelancongan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri dan selepas penubuhan Suruhanjaya tersebut terhadap *flight connectivity* kepada Sarawak.

Pada masa kini walaupun Lapangan Terbang Kuching dipanggil *Kuching International Airport* tetapi hanya beberapa destinasi *international* yang *direct flight* dari Kuching ke negara asing. Hanya terbang ke Singapura, Brunei, Pontianak sahaja. Kalau kita dari Sarawak hendak pergi dari Kuching, tidak perlu sebut tempat lain Sibu atau Miri lagi. Dari Kuching, *capital* Sarawak itu, hendak pergi ke Jakarta, kita perlu pergi ke Kuala Lumpur dan balik semula pergi ke Jakarta. Hendak pergi ke Hong Kong, kita pun terpaksa melalui KL atau KK.

So, daripada segi *international flight from* Kuching ke tempat lain negara asing amatlah kekurangan. Sungguhpun Kerajaan Negeri Sarawak telah beberapa kali sebut atau membuat aduan supaya menambahkan penerbangan ke destinasi negara asing tetapi nampaknya, segala aduan mereka sering diabaikan oleh kementerian. Hampir hari ini masih amat kekurangan *international flight* dari Kuching. Ini amatlah menyusahkan penduduk-penduduk di Kuching dan di Sarawak. Kita terpaksa pergi ke KL ambil – naik itu *connecting flight* ke tempat-tempat lain.

Saya diberitahu bahawa menurut angka-angka yang diberi oleh kerajaan, lebih kurang 4 juta pelancong yang melancong hendak pergi ke Sarawak. Tidak mungkin 4 juta pelancong itu datang ke Sarawak kerana kita tidak ada lebih *international flight* pergi ke Kuching. Oleh itu, saya seru kepada Suruhanjaya yang akan ditubuhkan pada masa kelak itu supaya memberi perhatian kepada seruan orang Sarawak terhadap menambahkan lagi lebih *international flight from* Kuching atau Miri atau Bintulu or Sibu ke negara-negara asing.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]**

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya juga ingin menyebutkan di sini bahawa dulu kita...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua orang Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Penampang dan juga Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** *I think* Yang Berhormat Stampin dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Stampin, sila.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bandar Kuching, saya ada satu *observation*, dengan izin. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching, mungkin kita boleh dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya merujuk kepada laman web AirAsia. Di situ ia mengatakan, pada *first release* pada 25 November 2013, yang ia punya tajuk berkata '*3 million Free Seats on airasia.com*'. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching, kalau kita boleh dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri juga. Apa maksudnya '*3 million Free Seats*'? Ini kerana dalam Suruhanjaya Penerbangan Malaysia yang akan ditubuhkan ini, perenggan kedua ada satu seksyen iaitu perjanjian antipersaingan. Jadi, betulkah *3 million free seats* ini memang boleh kita dapati daripada AirAsia? Kalau betul, bagus kerana di Sarawak, memang banyak penduduk Sarawak kita perlukan persaingan ini supaya boleh mendapat tiket dengan murah.

Akan tetapi saya ghairah kerana setahu saya AirAsia hanya ada lebih kurang 183 buah kapal terbang iaitu jenis A320. Biasanya kapal terbang ini hanya boleh menampung 180 orang penumpang. Jikalau semua, *the whole flight 183*, kapal terbang ini membawa 180 orang penumpang, ia hanya boleh membawa 32,000 ataupun lebih kurang 33,000 orang penumpang sahaja. Jadi bilakah ia akan *provide 3 million free seats* ini? Jadi tajuk '*3 million free seats*' ini, adakah ia betul-betul *3 million free seats* ataupun *technically* betul sampai *seat* ia telah diambil hanya beberapa buah *seat* telah pun dibeli, selepas itu ia tidak *free* lagi? Ini kerana *3 million free seats* ini hanya di *offer* dari Mei 2014 sehingga Januari 2015, hanya enam bulan sahaja. Jadi hendak pandangan Yang Berhormat Bandar Kuching. Terima kasih.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Untuk menambah sahaja dengan hujah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, setujukah Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa dengan izin, *to ensure the interest of Sabah and Sarawak is in the Commission or at least in the aviation business*, setujukah Yang Berhormat Bandar Kuching bahawa keahlian *Commission* ini sepatutnya juga dengan izin, ditambah dengan *participation* dari Sarawak dan Sabah? *At least* dua *representation* dari Sabah dan dua *representation* dari Sarawak. *So that the interest of Sabah and Sarawak will be catered for this industry. Thank you.*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, untuk menjawab Yang Berhormat Penampang, ini spirit *bordernization* yang kita mesti sering sentiasa mengingatkan Kerajaan Pusat ini supaya mereka tidak lupa itu satu syarat Perjanjian Malaysia.

Untuk menjawab kepada Yang Berhormat Stampin, itu mungkin adalah satu *marketing gimmick* sahaja yang diadakan oleh AirAsia. Akan tetapi saya percaya bahawa kalau *marketing gimmick* itu tidak membayangkan fakta-fakta yang benar, yang merupakan satu penipuan atas *consumer* dan saya harapkan Yang Berhormat Menteri boleh membuat siasatan atas iklan *3 juta free seats* yang dibuat oleh AirAsia itu.

Akhirnya, saya ingin menyebutkan bahawa lebih kurang 10 tahun atau 15 tahun lalu, kita dari Kuching ada *direct flight* ke Perth, Australia. Akan tetapi, selepas satu tahun atau dua tahun, *flight* itu pun dibatalkan. Alasan yang diberi oleh MAS ialah ia tidak *profitable*, tidak ada *demand*. Saya harap ini tidak akan jadi satu alasan yang diberikan untuk menafikan orang Sarawak daripada menikmati lebih banyak *international flight*. Ini kerana kalau kita hendak menumpukan hanya atas *profitability* sesuatu *flight schedule* atau *flight line*, maka MAS sudah mengalami kerugian berjuta, berbilion, berpuluh-puluh tahun tetapi kerajaan masih menyelamatkan MAS dengan menyuntik berbilion-bilion ringgit.

■2150

Kalau kerajaan boleh menampung kerugian MAS yang begitu besar, kenapa tak boleh memberi sedikit *convenience* kepada orang-orang dari Sarawak. Oleh itu, sebagai kesimpulan saya harapkan suruhanjaya yang akan ditubuhkan masa kelak itu, memberi lebih lah perhatian ke atas membuka kan lebih banyak *international flight* dari Kuching ke negara asing. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**9.51 mlm.**

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Saya, ucapan saya sedikit sahaja kerana saya ingin *touch* tentang isu *decentralization*. Sebab saya nampak bahawa Suruhanjaya Penerbangan ini sekali lagi adalah satu pemusatan kuasa ke bawa Jabatan Perdana Menteri iaitu Perdana Menteri sendiri. Oleh kerana kita nampak fasal-fasal yang telah di daripada fasal 5 sampai ke fasal 22, semuanya adalah memberi kuasa-kuasa yang lebih tentang pelantikan, tentang segala pengurusan kewangan dan sebagainya kepada lantikan Perdana Menteri dan juga di bawah selepas berunding dengan Perdana Menteri.

Ini bermaksud bahawa kuasa yang ditinggalkan, sedikit kuasa yang tertinggal dalam Kementerian Pengangkutan telah dipusatkan ke Jabatan Perdana Menteri dan juga Perdana Menteri. Kita nampak bahawa beberapa tahun yang lalu, selepas Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ditubuhkan, kita nampak bahawa pemindahan kuasa yang begitu besar kepada Jabatan Perdana Menteri. Kononnya pada masa itu Menteri kata nak adakan satu *integrated transportation system, land support system*. Akan tetapi apabila SPAD ditubuhkan, lepas itu, kita tidak nampak ada kemajuan atau *improvement* yang *significant*. Malah, banyak isu, isu teksi dan sebagainya tidak boleh diselesaikan.

Kalau kita nampak dalam dunia sekarang, kita tahu bahawa *integrated transportation system* itu penting, di mana daripada *air transport*, sampai ke *land transport*, sampai ke *sea port*, sampai ke *public transport*, sampai ke *all these courier systems* dan sebagainya kena disatukan. Akan tetapi sekarang, apabila kita memindah satu suruhanjaya, menubuhkan satu suruhanjaya bagi kepada satu menteri di bawah Jabatan Perdana Menteri, lepas itu SPAD diberi kepada SPAD *Chairman* dan kita nampak bahawa MAHB bagi kepada satu syarikat, diwastakan, lepas itu pelabuhan-pelabuhan diwastakan kepada Tan Sri Syed Mokhtar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong bangun.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan Yang Berhormat Bayan Baru. Kita melihat ini sebagai satu hakisan kuasa Menteri Pengangkutan. Akan tetapi mengapa tiada sebarang bantahan daripada MCA yang sanggup menerima penubuhan satu suruhanjaya untuk supaya kuasa-kuasa menteri dapat dihakis dengan begitu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu yang saya rasa sungguh pelik. Tadi saya nampak ada Yang Berhormat Bentong ada duduk di sana. Sebenarnya saya hendak bangun dan tanya dia? Kenapa serah kuasa kepada Jabatan Perdana Menteri? Itu, *you don't have the fighting spirit* ke? Kalau orang nak ambil kuasa daripada bidang kuasa kamu, tak *fight* ke? Malah datang sini duduk dengar, sekarang kita minta- okeylah saya rasa Yang Berhormat Ayer Hitam lebih bagus lah. Yang Berhormat Ayer Hitam tolong *fight* lah. *You* kena *fight* sedikit. Tak akan lah serah kuasa kepada Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri, betul tak? *[Dewan riuh]* Mungkin, minta lah bagi kepada *you* lah kuasa ini kalau boleh semua kasi *you* lah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bayan Baru. Ada dua yang bangun ni, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini malu tau, malu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada dua yang bangun. Mana satu?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Bagi Yang Berhormat Jelutong, lepas itu Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Bayan Baru tolong tanya kepada Menteri dari segi bagaimana suruhanjaya ini akan diperbadankan. Saya lihat dan saya dengar tadi seolah-olahnya suruhanjaya yang

baru ini akan diperbadankan untuk menyesuaikan seseorang personaliti yang tertentu. Saya rasa apabila kita tubuhkan suruhanjaya ini, kita nak naikan martabat Malaysia sebagai satu hab penerbangan, bukan sahaja di serantau, malah di seluruh dunia. Apatah lagi kita sedang menghadapi cabaran *open sky policy* bagi semua pesawat yang datang ke mari dan keluar daripada Malaysia .

Jadi, saya rasa kita cuma tumpu kepada seseorang yang tertentu, sebagai bakal calonnya, saya rasa kita harus menaburkan lebih luas lagi pukuk kita supaya kita dapat mencari calon yang lebih elok. Satu cadangan daripada saya supaya Yang Berhormat Bayan Baru dapat tonjolkan kepada Yang Berhormat Menteri. Bagaimana kita memberi pertimbangan yang setimpal, katakan Datuk Ir. Koh Tsu Choon, bekas Ketua Pengarah DCA, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Pengangkutan dan beliau sebagai seorang *engineer* yang bertauliah, Ir. Beliau juga telah ditempatkan di ibu pejabat ICAO di Switzerland. Sekarang beliau ditugaskan sebagai *investigator in charge* untuk kemalangan MH370. Janganlah calon-calon macam Ir. Koh Tsu Choon ini, diketepikan kerana dia anak Cina. Biar kita menang kerana beliau adalah juga seorang anak Malaysia. Apa pendapat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Selepas itu, Yang Berhormat Bayan Baru gulung ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Bayan Baru, hanya satu soalan sahaja. Saya nak tanya pada Yang Berhormat Bayan Baru, kalau ikut daripada akta ini, rang undang-undang ini, berkaitan dengan *consumer complaint* ya, bawah seksyen 70. Di mana kita tahu pengguna ini adalah kira boleh dikatakan *customer* kepada *aviation service* ini. Akan tetapi dalam ini, dalam seksyen 71, 72, apabila *complaint* dibuat oleh *consumer* ini, kalau sekiranya *complaint* itu ditolak, mereka kena bayar kos, kena bayar pula kepada *commission*, kepada mereka yang di *complaint* itu. Kemudiannya kalau seseorang yang membuat *complaint* itu, *commission* rasa benda itu *backlashes* atau *frivolous*, kena bayar pula penalti RM200. Lepas itu, kalau tak bayar pula denda itu, boleh kena bawa ke Mahkamah Tinggi pula. Adakah ini sesuai dengan- adakah ini satu yang wajar dibenarkan? Bukankah ini menyebabkan orang takut nak buat *complaint*? Bayangkan kalau *consumer*, orang yang kali pertama naik kapal terbang, makcik-makcik sekarang ini kan, mereka nak bayar RM200 itu. Keduanya, adakah bayaran ini kena GST atau tidak?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab kedua-dua Yang Berhormat Jelutong dan juga Yang Berhormat Sepang dalam penggulangan nanti.

Tadi saya kata *decentralization*. Saya rasa sekarang harus ada satu *reform, reform* ini- saya setuju dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia, *no issue*. Saya pun setuju dengan SPAD. Akan tetapi sekarang bidang kuasa kena haruslah kembali kepada Kementerian Pengangkutan kerana kita perlukan satu *integrated transportation system*. Di mana ia mempunyai satu kementerian yang boleh mempunyai kuasa untuk mengawal semua daripada *sea transport, air transport, logistic*, dan juga *public transportation*. Ini adalah hala tuju dan saya telah dengar banyak kali daripada ahli-ahli *civil servant* dalam Kementerian Pengangkutan merungut bahawa apabila ada isu, minta SPAD respons. SPAD tidak respons dan tidak kerjasama sesama sendiri. Itulah masalah yang di antara kalau kita *chopped*, kita *cut* sedikit untuk jabatan lain, kita ambil kuasa daripada satu *ministry* yang begitu penting. Okey, saya juga nak minta Yang Berhormat Menteri jawab juga tentang DCA. Dengan adanya suruhanjaya ini, maka DCA akan dipindah ke penguasaan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia.

#### ■2200

Jadi ini bermaksud bahawa satu lagi kuasa diambil daripada MOT. Saya dengar bahawa kerana kita mempunyai sektor penerbangan yang begitu pesat membangun dan DCA harus mendapat perhatian yang cukup penting terutamanya selepas nahas-nahas yang terjadi sepanjang satu, dua tahun ini, minggu lepas pun ada isu nahas helikopter. Jadi ini adalah sesuatu yang kita perlu *monitor, invest into* DCA. Saya difahamkan bahawa DCA sekarang ia *underworked and overstaff*, sedikit ya, sekejap, sekejap.

Dia ada isu tentang Tuan Yang di-Pertua, ini penting ya, kerana kita semua ambil kapal terbang, so saya hendak beritahu. Sekarang staf-staf DCA mereka perlu *monitor traffic flow* dan mereka *qualification* perlulah sekurang-kurangnya *pilot*, ada yang *senior staff*, dia kena *pilot*. Tetapi kerana sekarang kalau menjadi *pilot* lebih lumayan daripada menjadi kakitangan DCA, jadi DCA tidak dapat menarik bakat-bakat *pilot* ke dalam DCA untuk bekerja dalam DCA. Jadi dia menghadapi masalah dan yang masuk kebanyakannya adalah juruterbang helikopter. Jadi ini menyebabkan bahawa kita mempunyai kekurangan bakat dan kita perlukan *investment* yang lebih baik dalam DCA dengan *equipment* yang lebih baik terutamanya di rantau ini adalah rantau di mana cuaca yang kurang baik selalu berlaku. Apa yang berlaku kepada Air Asia Indonesia itu adalah kerana cuaca yang tidak baik. Jadi ini akan selalu berlaku di rantau ini. Jadi saya minta kalau boleh DCA tolonglah, kementerian beri perhatian kepada DCA, kebajikan mereka, bagi *training* yang secukupnya dapatkan bakat-bakat yang boleh menjaga keselamatan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okay, last sekali.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sedikit sahaja. Tentang DCA.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** DCA, okay.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Bayan Baru menyebut mengenai DCA yang mungkin akan kehilangan kedudukannya apabila suruhanjaya ini dibentuk. Saya melihat sendiri dan saya mengharap supaya DCA ini diperkemas diperkukuhkan lagi kerana tumpuan hari ini ialah atas keselamatan penerbangan maka DCA mempunyai peranan yang penting. Tetapi apabila saya melihat, di dalam suruhanjaya ini wakil kerajaan di dalam suruhanjaya ini ada dua orang, seorang dari Jabatan Perdana Menteri dari EPU mungkin dan seorang lagi dari Kementerian Pengangkutan.

Saya tidak ada isu dengan Kementerian Pengangkutan tetapi apakah tidak boleh dicadangkan supaya wakil daripada Kementerian Pengangkutan ini adalah seorang pegawai yang terlibat dengan industri penerbangan khususnya, mungkin dari DCA dan bukan semestinya mana-mana wakil yang sekarang dicatatkan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Yang boleh datang dari seorang Pegawai Tadbir Diplomat (PTD) ya yang mungkin kehebatan dia bukan dalam bidang penerbangan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krai kerana daripada segi sektor penerbangan ini, sektor yang cukup *expert*, *expert field*, dia bukan sembarangan.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Bayan Baru, boleh saya sentuh sedikit Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey boleh.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Aspek keselamatan memang lah begitu penting tetapi kemalangan tetap berlaku, *accidents do happen*. Dan khususnya di luar kawalan kita. Mengikut statistik kemalangan atau kematian disebabkan oleh penerbangan, *air accident* adalah 11 juta. Satu dalam 11 juta. Padahal *accident* kereta itu sendiri ada 5,000 dalam satu. Satu dalam 5,000.

So ini bermakna kebarangkalian kita untuk kemalangan dan kematian itu lebih tinggi membawa kereta ke *airport* ataupun daripada *airport* ke rumah daripada statistik kematian akibat *air accident*. Jadi bermakna keselamatan itu perlu diperkukuhkan bukan sahaja di peringkat penerbangan tetapi dalam *road accident* itu yang begitu tinggi. Kita mahukan supaya aspek ini tidak dibesarkan sangat kerana sudah tentu aspek keselamatan ini penting tetapi bukanlah menjadi satu perkara yang kalau kita lihat statistik pun kita tahu bahawa tidak menjadi satu ukuran untuk kita melihat kepada aspek keselamatan ini, *especially* dalam perkara yang di luar kawalan kita. Itulah yang dinamakan *accident*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okay terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Isunya adalah *prevention is better than cure*. Kita kena dapatkan *the best talent into this aviation sector*. Kita hendak menjadi *aviation hub* jadi kena ada orang yang

*competitive* dan jaga keselamatan dan kebajikan. Ini statistik, kalau kita kata statistik *one over 11 million*, kenapa 3 nahas terjadi dalam masa 1 atau 2 tahun ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi *last* sekali, adalah isu tentang *Penang Airport Expansion*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bayan Baru, sudahlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Kita telah minta supaya *runway airport* Penang dilebarkan, dipanjangkan untuk menampung pesawat yang lebih besar dan juga *air flight logistics* yang lebih besar kerana kepesatan industri di Pulau Pinang. Kementerian Pengangkutan telah berjanji untuk melebarkan. *Plan* sudah ada, *blueprint* sudah ada pengambilan tanah sudah jadi, sudah siap tetapi sampai sekarang duit belum diluluskan. Kita hendak minta supaya Menteri jawab, kalau boleh jalanlah. Okey kerana duit banyak dalam Suruhanjaya Penerbangan Malaysia. Kita minta supaya diperbanyakkan *direct flight* ke negeri Pulau Pinang.

Kita tak ada isu dengan *not profitable route*. Penang adalah satu tarikan pelancongan, Penang adalah satu tarikan industri yang pesat. Penang adalah tempat yang ramai keluar masuk melalui *airport* Pulau Pinang. Jadi tak ada isu tentang *profitable*. Jadi saya minta kalau boleh *liberalized*, kalau hendak *liberalized* seperti *ASEAN Open Skies Agreement*, *liberalized* juga tentang *direct flight* ke Pulau Pinang. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**10.08 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali izinkan saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ini iaitu Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat Bayan Baru dan juga lain-lain Yang Berhormat yang mencelah, dengan izin.

Ada banyak isu-isu yang telah dibangkitkan. Ada isu polisi dan ada juga isu-isu yang berkaitan dengan peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini. Ada juga isu yang dibangkitkan merupakan isu-isu operasi dan spesifik kepada syarikat penerbangan MAS dan juga Malaysia Airports.

Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya *address* dengan izin, tiga isu utama yang telah dibangkitkan iaitu pertamanya tentang Menteri yang bertanggungjawab. Keduanya tentang fungsi suruhanjaya berbanding dengan DCA dan Kementerian Pengangkutan. Dan ketiganya tentang komposisi suruhanjaya yang banyak telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Pertama sekali, tentang Menteri yang bertanggungjawab. Saya minta maaf mungkin saya tidak berapa jelas semasa saya membuat pembentangan tadi. Tetapi hasrat kita dan tujuan kita dan jelas termaktub dalam rang undang-undang ini yang menyatakan bahawa Menteri yang bertanggung jawab adalah Menteri Pengangkutan.

**Seorang Ahli:** Dengar itu, dengar, dengar.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Itu hakikatnya. Ini memang amat jelas sekali. Keduanya, tentang perbezaan...

■2210

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** [Bangun]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [Mencelah]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Bagi saya habiskan dahulu, kemudian boleh. Tuan Yang di-Pertua, untuk membezakan antara suruhanjaya, DCA dan kementerian, suruhanjaya secara umumnya akan mengawal selia aspek ekonomi industri penerbangan negara dan bagi maksud kawal selia aspek ekonomi industri penerbangan negara ini, AC berperanan antara lain, pertama adalah untuk menggalakkan industri penerbangan yang lebih efisien dan berdaya saing dengan menyediakan persekitaran pasaran yang lebih kompetitif dan kedua, melindungi hak pengguna termasuk memastikan mereka mempunyai pilihan terhadap perkhidmatan penerbangan yang berkualiti serta pada harga yang kompetitif.

Daripada segi Kementerian Pengangkutan pula, mereka menetapkan dasar dan pembangunan sektor penerbangan secara keseluruhan dan ia masih kekal menjadi tanggungjawab MOT, Kementerian Pengangkutan dan keduanya suruhanjaya berperanan untuk memberikan nasihat dan maklum balas berhubung dengan penggubalan dasar dan pelan pembangunan oleh kementerian dan perkara-perkara berkaitan seperti pengangkutan hak, trafik udara dan laluan obligasi perkhidmatan awam.

Manakala Jabatan Penerbangan Awam pula ataupun DCA, perkara-perkara berhubung kawal selia daripada aspek teknikal dan aspek keselamatan adalah dikekalkan di bawah bidang kuasa DCA. Jadi kita tidak mengambil alih fungsi-fungsi teknikal, fungsi-fungsi keselamatan daripada DCA. Dalam pelaksanaan fungsi suruhanjaya, suruhanjaya hendaklah merujuk kepada Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam berhubung dengan apa-apa perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan atau perkara-perkara lain yang berkaitan. Ini adalah kerana perkara-perkara yang melibatkan teknikal dan keselamatan dalam industri penerbangan kekal di bawah bidang kuasa DCA. Jadi itu adalah perbezaan antara ketiga-tiga suruhanjaya, DCA dan juga kementerian.

Daripada segi komposisi, ingin saya perelaskan di sini bahawa ada tiga kumpulan keahlian suruhanjaya. Pertama sekali Pengerusi Eksekutif, keduanya ex-officio dan ketiganya ahli-ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Perdana Menteri. Ini ada empat hingga enam orang. Untuk Pengerusi Eksekutif ini, ia dilantik oleh Perdana Menteri dan ex-officio ini ia dari dua jawatan iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan dan juga Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi.

Terdapat soalan mengapakah Perdana Menteri diberikan kuasa untuk melantik Pengerusi Eksekutif dan bukannya Menteri Pengangkutan. Ini adalah untuk memastikan terdapatnya kawalan dan imbalan ataupun *check and balance* dengan izin dan ketelusan dalam pelantikan Pengerusi Eksekutif kerana pelantikan adalah berdasarkan kriteria tertentu seperti yang kita nyatakan dalam rang undang-undang. Tambahan pula tanggungjawab dan keputusan suruhanjaya ini akan memberikan kesan yang merentasi pelbagai sektor di luar aspek pengangkutan seperti perlindungan pengguna, pelancongan, perdagangan dan juga penyelesaian pertikaian dan adalah wajar Pengerusi Eksekutif ini dilantik oleh Perdana Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bangun, sila.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri, soalan pendek sahaja. Pertama, memang betul dalam rang undang-undang ini Menteri yang diberikan tanggungjawab Menteri Pengangkutan tetapi yang membentangkan dari Pejabat Perdana Menteri ini merupakan satu mesej. Kedua, daripada segi pelantikan merupakan peranan yang paling penting oleh Menteri, pelantikan dibuat oleh Perdana Menteri. Segala pelantikan lain yang dibuat oleh Menteri Pengangkutan perlu dirunding terlebih dahulu dengan Perdana Menteri dan kalau ada apa-apa perubahan ataupun perubahan daripada segi jawatan Pengerusi Eksekutif juga dilantik oleh Perdana Menteri. So, Perdana Menteri disebut banyak kali dalam rang undang-undang ini.

So, pada seseorang yang membaca rang undang-undang ini, Menteri Pengangkutan hanya merupakan pentadbir sahaja. Dia macam Ketua Setiausaha manakala Perdana Menteri yang sebenarnya berkuasa dalam rang undang-undang ini, itu kedua dan ketiga, Perdana Menteri disebut sebagai diberikan tanggungjawab untuk melantik Pengerusi Eksekutif itu tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut bahawa itu merupakan satu *check and balance*. Perdana Menteri hendak *check and balance* Menteri Pengangkutan? Itu nampak macam tidak berapa betul. Menteri dengan pengerusi sudah macam ada *check and balance* tetapi kenapa Perdana Menteri pula yang buat pelantikan?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pandan tadi adalah betul daripada segi keperluan mewujudkan suruhanjaya ini memang telah lama diperlukan. Saya sudah hampir dua tahun menyertai Kabinet dan sebagai sekretariat kepada Majlis Ekonomi telah banyak perbincangan diadakan untuk mewujudkan Suruhanjaya Penerbangan ini. Ini juga telah dibangkitkan apabila kita ataupun pihak Khazanah membentangkan *plan recovering* dengan izin Malaysia Airlines System Berhad di mana ada dua sokongan yang diperlukan daripada pihak kerajaan dalam konteks perundangan.

Pertama sekali untuk mewujudkan satu akta Malaysia Airlines System Berhad untuk membolehkan *new co.* beroperasi pada struktur yang baru dan keduanya adalah penubuhan suruhanjaya penerbangan. Ini merupakan dua keperluan yang telah diminta untuk membolehkan Malaysia Airlines ini dipulihkan semula. Kalau kita lihat dalam konteks fungsi suruhanjaya ini, dia lebih daripada fungsi yang sekarang ini dilaksanakan oleh kementerian dan juga oleh DCA. Ini termasuklah isu-isu kepenggunaan dan yang penting juga adalah isu berkaitan dengan *dispute resolution* dan juga isu-isu berkaitan dengan persaingan. Sebab itulah saya telah diminta untuk membantu dalam penggubalan ini dan menjadi sebagai koordinator *because it's a cost cutting issues* Tuan Yang di-Pertua dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi keanggotaan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) yang dikatakan sebagai mempunyai *conflict of interest* kerana beliau kini merupakan Pengarah Malaysia Airports Holdings Berhad adalah penting agar kita merujuk balik fasal 5(3), rang undang-undang yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh menjadi anggota suruhanjaya sekiranya memegang jawatan atau pekerjaan dalam atau berhubung dengan perkhidmatan penerbangan. Oleh itu, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan perlulah meletak jawatan dalam Malaysia Airports Holdings Berhad atau memilih salah satunya. Sekiranya KSU tidak mengetuai suruhanjaya, fasal 6 membenarkan pelantikan anggota bersilih ganti. Daripada segi sebagai *intention*, apabila beliau dilantik sebagai ahli suruhanjaya, beliau perlu meletakkan jawatan dalam Malaysia Airports Holdings Berhad. Ini bermakna *conflict of interest* akan dielakkan.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Cuma satu pertanyaan untuk tujuan penjelasan. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri, adakah itu bermaksud bahawa ahli dalam pihak pengurusan ataupun Pengerusi Eksekutif itu telah pun dikenal pasti seolah-olah beliau terpaksa meletakkan jawatan dari Malaysia Airports Holdings Berhad, itu yang saya minta penjelasan secara tetap.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi adalah tentang kedudukan ex-officio. Apa yang saya sebutkan tadi ada dua ex-officio, Ketua Pengarah EPU dan juga Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan kalau dia sebagai Pengarah Malaysia Airports dan dia perlu meletakkan jawatan di Malaysia Airports. Bukan kedudukan Pengerusi Eksekutif dan berbalik kepada isu pelantikan Pengerusi Eksekutif, banyak desas desus yang didengar oleh pihak pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana.

■2220

Jadi saya sendiri tidak tahu pun tentang isu-isu ini masih dalam pertimbangan dan akan diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Bagi saya kita jangan lah *pre-empt* tentang isu kerana adalah jelas bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melantik mereka yang dirasakan mempunyai kelayakan dan pengalaman yang sesuai seperti yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri memang hendak *pre-empt* supaya kalau lantik susah hendak ubah nanti. So kena *pre-empt* dulu beritahu dia, harap pihak Perdana Menteri akan melantik orang yang sesuai nanti. Terima kasih.

[Dewan riuh]



**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ini sudah di media ada, *The Star* ada, dan *The Edge* ada semua ada. So, saya bawa ke Parlimen betul lah. Saya tanya.

[Dewan riuh]

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua izinkan saya meneruskan. Yang Berhormat Jerlun ada membangkitkan tentang isu-isu berhubung pengguna industri penerbangan berkenaan caj-caj bagasi, kelewatan dan sebagainya. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, rang undang-undang ini mengadakan peruntukan khusus mengenai perlindungan pengguna dan jika terdapat apa-apa aduan tentang perkhidmatan berhubung industri penerbangan, pengguna bolehlah membawa aduan tersebut kepada suruhanjaya dan ini peruntukan dalam Bahagian X rang undang-undang tersebut. Daripada segi pemeriksaan keselamatan, pemeriksaan keselamatan yang dijalankan oleh Malaysia *Airport* dipantau oleh DCA dan ia mengikut protokol NX 17. Iaitu berkenaan dengan *Aviation Security* dengan izin yang telah ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization* (ICAO) dengan izin.

Yang Berhormat Lembah Pantai, telah membangkitkan tentang kredibiliti Pengerusi Eksekutif dan serupa juga dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat PJ Utara dan saya rasa memohon agar janganlah kita *pre-empt* berikan peluang kepada Perdana Menteri untuk melantik mereka yang berkelayakan dan yang berpengalaman.

Berkenaan dengan isu sistem radar DCA yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai. Sistem radar DCA sekarang dipasang oleh *Selex Sistemi* sedang berada dalam keadaan yang baik dan penyelenggaraan dilakukan oleh syarikat tempatan iaitu *Advance Air Traffic* dapat memastikan keadaan sistem radar berada dalam keadaan yang baik.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga membangkitkan isu tentang KPI ataupun kebaikan suruhanjaya kepada industri penerbangan seperti mana yang telah dinyatakan dalam ucapan pembentangan saya tadi. Suruhanjaya ini perlulah antara lain pertamanya mempertingkatkan kestabilan industri penerbangan. Keduanya, kesaksamaan dan kesamarataan layanan kepada semua yang terlibat dalam industri penerbangan, ketiganya, peraturan dan proses membuat keputusan yang jelas dan keempat, rangka kerja persaingan yang sesuai dengan industri penerbangan.

Tentang isu transpirasi yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan, suruhanjaya tidak akan berpihak kepada mana-mana satu industri penerbangan dalam perjalanan fungsi bidang kuasanya dan dalam memberi keputusan. Keputusan yang dibuat dan alasan keputusan akan dibuat secara telus dan akan dimaklumkan kepada industri secara jelas. Dari segi...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri mencelah. Mencelah ya. Sudah tentu itu jawapan yang akan diberikan oleh mana-mana Menteri. Sudah tentu kita akan bertindak secara telus dan terbaik. Cuma kalau kerangka dan prinsip itu tidak dimasukkan di dalam rang undang-undang ini, maknanya kita serahkan bulat-bulat kepada pengerusi dan suruhanjaya untuk buat keputusan. Oleh sebab itu saya minta ini bukan soal jaminan ke apa, saya minta supaya prinsip ketelusan dan mekanisme ketelusan itu dimasukkan terus bukannya di biarkan terbuka seperti yang ada sekarang. Dengan izin *is open ended*, seperti yang ada di dalam rang undang-undang sekarang.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya baru hendak jawab. Fasal 98(2)(a), memberi kuasa pada suruhanjaya untuk membuat peraturan berhubung pengawalan lesen ataupun permit termasuklah kelayakan orang-orang yang memohon syarat lesen ataupun permit dan peraturan-peraturan-peraturan yang dibuat akan menyatakan kriteria ketelusan keputusannya dan alasan keputusan akan disiarkan. Oleh itu, peraturan-peraturan akan memperincikan mekanisme pemberian lesen permit.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Mohon Yang Berhormat Menteri ya. Akhir sekali bab itu. Saya faham itu selalunya yang berlaku dengan suruhanjaya. Parlimen, badan penggubal yang tertinggi ini hanya menyerahkan kuasa bulat-bulat kepada suruhanjaya yang kemudiannya memperincikan peraturan mekanisme dan lain-lain. Sebab itu kali ini saya mohon menteri dan kerajaan ubah sedikit supaya kuasa untuk menetapkan dengan izin *parameters* dan prinsip itu kuasa yang kita pegang di Parlimen. Bukannya kita

hanya menggubal satu undang-undang untuk bagi kuasa kepada suruhanjaya kemudian suruhanjaya macam mana hendak perincikan peraturan dan lain-lain.

Sebagai contoh kalau contohnya dalam syarikat, dalam sektor korporat, kita ada piagam yang jelas kalau *health and safety charter*. *Charter* itu jelas dan sebarang peraturan itu mesti merujuk kepada *charter* itu yang itu yang tidak ada di dalam rang undang-undang ini yang saya mohon supaya dimasukkan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam proses kita mewujudkan suruhanjaya ini, kita mengambil pakai tradisi-tradisi yang lalu di mana memandangkan Suruhanjaya ini akan dipenuhi oleh mereka-mereka yang pakar dalam bidang ini, maka penetapan peraturan-peraturan diserahkan kepada suruhanjaya tersebut. Ini tidak berbeza dengan pendekatan kita buat dengan Suruhanjaya Sekuriti dengan Suruhanjaya Persaingan, Suruhanjaya Komunikasi dan sebagainya.

Cuma saya hendak minta dengan Yang Berhormat Pandan jangan suka sangka buruk seperti isu enam biji kereta BMW yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang mana didakwa kerajaan Malaysia membeli kereta-kereta tersebut. Yang sebenarnya, mungkin semua lupa bahawa kerajaan Malaysia bakal menjadi tuan rumah kepada persidangan ASEAN dan ini memerlukan kereta-kereta untuk digunakan oleh ketua-ketua kerajaan dan syarikat BMW telah pun menjelaskan bahawa mereka sebenarnya menaja kereta-kereta tersebut. Bagi izin sebab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang mana satu? Yang Berhormat Kapar ya.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kapar. Sila.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Pandan tadi dikatakan sebagai syak wasangka buruk. Mengapa ini tidak dianggap sebagai preventif? Mengapa tidak mahu cegah sebelum berlakunya sesuatu di luar dugaan. Apa yang dibawa itu ada maksud memang kita nampak secara meluas kuasa diberikan sepenuhnya kepada Perdana Menteri, suruhanjaya dibentuk oleh Perdana Menteri. Mengapa tidak mahu ambil skop-skop untuk preventif *measure*? Penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Kapar...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Menteri berani sentuh, Menteri kena beranilah bagi laluan sedikit.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan, Yang Berhormat Pandan ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri kata sangka buruk. Tuan Yang di-Pertua soalan-soalan yang 1MDB itu lah konon nya Yang Berhormat Menteri kata sangka buruk yang sehingga sekarang ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pandan, ya, ya. Yang Berhormat Pandan. Duduk Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau kami tidak tanya sampai bankrap negara ini dijadinya. Yang itu Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Mana wang daripada 1MDB. Yang Berhormat Menteri tidak jawab. Lain kali....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Lain kali biar Yang Berhormat Menteri bersangka baik. Orang tanya dengan baik supaya jangan jadi 1MDB sekali lagi.

*[Dewan riuh]*

■2230

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Sudah habis?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu Bandar Kuching, berbangkit tentang penerbangan antarabangsa. Dari segi penentuan destinasi penerbangan antarabangsa akan ditentukan oleh syarikat penerbangan berdasarkan kepada perancangan dan kemampuan syarikat penerbangan. Walau bagaimanapun, pihak suruhanjaya boleh dalam menjalankan peranannya sebagai penasihat kepada Kementerian Pengangkutan berhubung dengan polisi dan perancangan, memberikan apa-apa juga syor berhubung dengan rangkaian perhubungan penerbangan ke tempat-tempat yang strategik.

Dalam isu 3 juta tempat duduk percuma yang telah ditawarkan oleh AirAsia itu...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan...

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Ini merupakan kempen pemasaran AirAsia dan suruhanjaya kelak akan memantau dan memastikan kempen *super* ini benar dan suruhanjaya mempunyai kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang antara lainnya, bagi menangani isu mengenai ketelusan harga tiket.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Okey.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya menunggu dari tadi jawapan Yang Berhormat berkaitan dengan kebajikan para pekerja yang dijamin di bawah suruhanjaya ini, yang mana kita tahu banyak berlaku kezaliman yang ada sekarang, di samping pembuangan para pekerja, kebajikan kepada staf-staf yang ada, jaminan. Apa jaminan yang ada dalam suruhanjaya ini untuk memastikan setiap syarikat penerbangan ini dapat memberi jaminan yang terbaik untuk para pekerja, termasuk patuh syariah yang beberapa kali kami bangkitkan dalam Dewan ini supaya patuh syariah termasuk pemakaian, penjualan arak dan sebagainya, menjadi agenda yang penting terutama melibatkan pekerja Islam yang sangat sensitif.

Jadi sejauh mana kepatuhan maqasid syariah yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, jika suruhanjaya ini dilindungi di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, yang kata hendak patuh kepada maqasid syariah dan sistem penerbangan ini, di mana fasanya dalam suruhanjaya ini. Minta penjelasan.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri, kalau boleh Yang Berhormat Stampin, sedikit pandangan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekali lagi saya ingin menjelaskan di sini bahawa suruhanjaya ini akan diletakkan di bawah kuasa Menteri Pengangkutan dan bukan di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kecuali pelantikan Pengerusi Eksekutif seperti yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Dalam konteks kebajikan pekerja-pekerja, isu-isu tersebut adalah di bawah perundangan-perundangan yang lain. Jadi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tentang nasib 6,000 orang pekerja MAS, yang isu ini telah saya sentuh semasa saya membentangkan Rang Undang-undang Malaysia Airline System Berhad (Administration) tempoh hari.

Ini berikutan dengan proses untuk memilih mereka yang bakal diserapkan di bawah syarikat yang baru ataupun *newco* dengan izin dan ia melalui satu proses yang terbuka. Mereka yang tidak terpilih akan diberi peluang untuk dilatih semula, akan diberi peluang mendapat pampasan yang setimpal dan banyak program yang dilaksanakan oleh *Corporate Development Center* dengan izin, bakal membantu mereka untuk mendapatkan

pekerjaan yang baru ataupun sekiranya mereka mahu menjadi usahawan, akan ada program-program untuk membantu mereka melalui peralihan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Stampin bangun. Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Mengenai harga. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kalau boleh meminta Yang Berhormat Menteri juga memantau harga-harga tiket penerbangan di dalam Sarawak. Ini kerana Sarawak ini, rangkaian penerbangan kurang. Kadang-kadang tiket dari Kuching ke Sibu ataupun Kuching ke Miri lebih mahal daripada tiket dari Kuching ke Kuala Lumpur. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memperhatikan isu ini juga. Terima kasih.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Stampin. Isu-isu tersebut bakal dipantau oleh suruhanjaya daripada segi *fare pricing* dengan izin, dan lain-lain isu berkaitan dengan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, tentang isu kos yang perlu dibayar oleh pengguna apabila membuat aduan seperti yang dinyatakan dalam fasal 71 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sepang. Sebenarnya rang undang-undang ini tidak memperuntukkan mengenai pembayaran kos bagi apa-apa aduan yang dibuat. Fasal 70 menyatakan aduan boleh dibuat kepada suruhanjaya. Kos yang disebut di bawah fasal 71 ialah berhubung dengan aduan yang menyusahkan atau remeh (*frivolous or vexatious*) dengan izin. Selain itu kos yang perlu dibayar ialah kos kepada pihak yang bagi pihaknya keputusan itu dibuat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit Yang Berhormat Menteri. Sikit ya. Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada seksyen 71 itu, kos itu kalau sikit, tengok fasal 71(2), "*Dalam menentukan aduan itu, anggota itu atau jawatankuasa itu boleh menghendaki supaya kos dibayar kepada orang yang bagi faedahnya keputusan itu dibuat.*" Maknanya kalau orang yang buat aduan itu kepada seseorang, kalau aduan itu ditolak, dia kena bayar kos.

Jadi pertamanya, kita hendak tahu kos ini *win and fancy of commission*. Maknanya dia boleh dikenakan beberapa kos yang dia hendak. Keduanya, mana-mana orang yang didapati telah membuat aduan yang menyusahkan dan remeh. Persoalannya, *how do we determine* remeh dan menyusahkan ini? Bagi saya, syarikat penerbangan ini, apa saja aduan daripada pengguna ini kita tidak boleh kata remeh dan menyusahkan *because they are entitled to raise any* aduan. So kalau kita ada peruntukan seperti ini, bukankah ini menyebabkan kita macam *preventive*, daripada awal lagi kita hendak wujudkan satu *fear* untuk orang buat aduan. Kena bayar denda, kena bayar kos dan kalau kos itu pula tidak dibayar, boleh pergi Mahkamah Tinggi pula, bukan Mahkamah Majistret.

Kalau bayangkan RM200 hendak bayar fi pun kena bayar pergi Mahkamah Tinggi. Silap-silap kena *engage lawyer* pula. Jadi tidak fasal-fasal kena bayar yang *unnecessary*. Sepatutnya bagi saya, kita patut tubuhkan satu tribunal yang lain ataupun *you* boleh masukkan satu lain. Buat apa kita terus menakut-nakutkan pengguna ini, sedangkan pengguna yang membantu syarikat *aviation* ini dengan kita bayar tiket dan sebagainya. Tiba-tiba kita buat aduan, kita kena bayar denda, kita kena fi. Bukankah ini satu nampak sangat kita tidak hendak ini.

Selepas itu macam mana kalau sekiranya aduan itu dibuat daripada *commission* sendiri? Aduan dibuat oleh *commission*, siapa hendak dengar pula? Kalau ini dia kata aduan mengarah kepada apa-apa perkhidmatan penerbangan seksyen 70. Bagaimana kalau dia buat aduan kepada *commission* yang gagal dalam bertindak kepada *aviation* industri ini? So, macam mana ini? Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, benda ini kena jelaskan betul-betul ini. Jangan setakat dengar jawapan daripada pihak belakang itu sahaja. Mesti kena faham. Ini bukan sangka buruk ini, kalau bersangka buruk patut sebab ini kerajaan buruk. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi adalah ini berkenaan dengan aduan yang kalau gunakan bahasa Inggeris adalah *frivolous* ataupun *vexatious* dan ini biasanya terma yang biasa digunakan dalam perbicaraan di mahkamah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *What they did face in court, this one not court, commission. Macam mana you determine itu, what is the formula?*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Dalam konteks yang kalau hendak disebutkan dalam seksyen 71(2), "*Dalam menentukan aduan itu, anggota itu atau jawatankuasa itu boleh menghendaki supaya kos dibayar kepada orang yang bagi faedahnya keputusan itu dibuat.*" Maknanya kalau *ruling* itu *in favor of that person* dengan izin. So, they can be awarded cost dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan jawab soalan. Ini baca balik jawapan tadi. Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *How do you determine 'bad version' and scandalous* itu? Itu saya hendak tahu, apa dia? Selepas itu, kenapa kita kena bayar kos? Saya rasa sebelum ini, dulu tidak ada *commission* ini, kita ada buat peti aduan, boleh buat aduan dan sebagainya. Ini sekarang ini hendak buat aduan, mesti kepada *commission*. Selepas itu, *commission* pula dikenakan syarat. Kalau *you* kalah, kena bayar fi. *Even* kita pergi Mahkamah Industri untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kalau kita kalah pun tidak kena bayar kos. Ini daripada mana ini?

Kalau kos ini, bayangkan kalau 1,000 orang buat aduan ataupun berapa ribu orang buat aduan, RM100 hingga RM200, kalau 10,000 sudah berapa sudah? Dia pula dapat duit. Kita buat aduan kepada dia, dia pula dapat duit. Ini apa punya undang-undang ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Selepas itu, ada dikenakan GST atau tidak? Sudah tentulah GST lagi. Yang Berhormat Menteri, jawab betul-betul Yang Berhormat Menteri, ini jangan main-main.

*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Habis Yang Berhormat? Habis?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa banyak isu-isu yang telah dijawab...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dijawablah. Dijawab.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Adakah...

■2240

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Baik tak payah jadi Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Jawatankuasa]*

*[Fasal-fasal 1 hingga 34 dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

### Fasal-fasal 1 hingga 34 -

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

10.41 mlm.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ringkas saja ya.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, ada 100 seksyen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Fasal 1 hingga 34.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** 34, okey. Pertama sekali saya ingin bangkitkan adalah tentang kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri. Dalam fasal 5(1), pelantikan Pengerusi Eksekutif adalah terletak kepada beliau. 5(1)(b)(ii) pun Jabatan Perdana Menteri di bawah beliau. (1)(c), empat orang anggota sehingga enam orang anggota pun dilantik selepas berunding dengan beliau. Ini perlu dikaitkan dengan fasal 8 di mana Pengerusi Eksekutif dan semua anggota suruhanjaya yang telah dilantik ini dibayar saraan dan elaun oleh Perdana Menteri. Bermaksud bukan sahaja lantikan tetapi elaun dan saraan juga dikawal selia oleh Perdana Menteri. Ia menunjukkan seolah-olah total *control* oleh Perdana Menteri, itu yang pertama. *[Disampuk] Powerful, very powerful.*

Bila dikaitkan pula dengan 15(2) berkenaan, fasal 15 adalah berkenaan dengan tata kelakuan. Panel tatatertib hendaklah terdiri daripada orang yang berikut dalam hal prosiding tatatertib terhadap mana-mana anggota suruhanjaya, tiga orang hendaklah dilantik oleh Perdana Menteri. Lagi sekali kita ada satu fasal tata kelakuan mereka juga dilantik oleh Perdana Menteri. *That means* / lantik suruhanjaya, selepas / lantik tatatertib, bila suruhanjaya buat sesuatu, orang saya juga yang duduk sana hendak kawal selia.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Adakah Yang Berhormat Kapar setuju bahawa kesemua ini, semua kuasa di bawah Perdana Menteri ini adalah sebab Menteri yang sepatutnya bertanggungjawab ke atas pengangkutan ini tidak berguna.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Setuju, setuju

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya memperbaiki ayat yang digunakanlah. Tidak berwibawa, mungkin perkataan yang lebih sesuai. Akan tetapi di sebalik ini semua Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, saya rasa penekanan perlu diberikan kepada *absolute power* yang saya tengok terlalu banyak sampai gaji, elaun, lepas itu penubuhan, lepas itu kawalan tatatertib, semua di *control by one man*. Itu yang bahaya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Setujukah tidak berwibawa itu sama makna dengan tidak berguna? *[Ketawa]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ini perkataan seerti.

Saya ingin juga masuk ke fasal 17, fungsi suruhanjaya. Walaupun Yang Berhormat Pandan telah menerangkan lebih lanjut, saya hendak tekankan dari sudut fasal terutamanya fasal 17(1)(a) perkataan terakhir '*pelaburan*'. Dalam 17(1)(a) pelaburan satu ayat sahaja tetapi 17(1)(a)(iv) untuk menggalakkan pelaburan yang tepat pada waktunya dan siapa yang menubuhkan suruhanjaya ini, Perdana Menteri lagi sekali. Kita ada *track record* pelaburan kita dalam 1MDB yang dipersoalkan. Sekarang kita bagi kuasa yang mutlak kepada suruhanjaya ini untuk membuat pelaburan, tidak diawasi oleh mana-mana kementerian atau mana-mana badan termasuk mahkamah. Itu yang perlu dipertimbangkan.

Saya ingin membawa perhatian Tuan Pengerusi kepada fasal 22. Apabila katakan pengerusi eksekutif mungkin terasa ada sesuatu yang tidak betul, mungkin dia tak nak melakukan jawatan, jawatan itu boleh diganti oleh perjalanan sementara fungsi pengerusi eksekutif boleh melantik mana-mana anggota suruhanjaya buat sementara waktu untuk

bertindak sebagai pengerusi eksekutif. Kuasa di balik kepada Perdana Menteri sebab fasal 22(c) mengatakan apabila pengerusi eksekutif kerana apa-apa sebab lain tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya, tiada orang yang terperinci apa-apa sebab lain, dengan izin, *it's very rage it's very broad*. Kita bagi kuasa, kita bagi definisi yang terlalu terbuka, terlalu luas. Ini akan membuka lakonan dan penyalahgunaan.

Saya teruskan dengan fasal 25, ini kena mengena dengan Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan. Satu kumpulan wang yang dikenali sebagai Kumpulan Wang Suruhanjaya Penerbangan yang hendaklah di takdir dan dikawal oleh suruhanjaya yang ditubuhkan. Kita bagi satu dana untuk ditadbir tanpa kawalan, tanpa penyelewengan dan kalau rujuk kepada fasal 25(2)(b), mereka juga boleh melakukan perundangan subsidiari. Saya ingin Yang Berhormat menerangkan tentang perincian ini.

Pada waktu yang sama Tuan Pengerusi, 25(e) kita perlu beri penekanan. Tadi ada beberapa Yang Berhormat kata boleh berlaku penyelewengan. Saya hari ini memulakan beberapa seksyen yang belum membuktikan boleh berlakunya penyelewengan, bermula dengan fasal 25(e) di mana mengatakan bahawa jumlah wang yang dipinjam oleh suruhanjaya di bawah seksyen 30. Saya membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada seksyen 30. Seksyen 30 mengatakan kuasa untuk meminjam, suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa meminjam dalam apa-apa bentuk dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Kita pada beberapa abad ini, kita tahu Menteri Kewangan adalah juga Perdana Menteri. Tuan Pengerusi dah senyum, dia tahu hala tuju saya.

**Seorang Ahli:** Dia pun faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya ringkaskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Apa-apa wang yang diperlukan oleh suruhanjaya bagi memenuhi mana-mana obligasi atau bagi menunaikan mana-mana fungsi atau kuasa di bawah akta ini. Itu seksyen 30. Selepas itu menarik kalau balik kepada seksyen 26(e). Fasal 26(e) mengatakan membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 30 dan bunga yang dia kena bayar atas wang yang dipinjam itu. Dalam kata lain, kita boleh pergi ke satu organisasi, kita pinjam, terma sendiri, syarat sendiri, selepas itu kita paksa bayar balik pinjaman itu dan tiada persoalan yang boleh ditanya, sebab suruhanjaya ini mutlak, suruhanjaya ini mempunyai kuasa yang luar biasa Tuan Pengerusi.

#### ■2250

Terakhir Tuan Pengerusi, seksyen 29 akaun bank, cuba tengok akaun bank. *"Suruhanjaya hendaklah membuka dan menyenggarakan akaun atau akaun-akaun dengan mana-mana bank di Malaysia sebagaimana yang difikirkan patut oleh suruhanjaya. Tiap-tiap akaun hendaklah dikendalikan mengikut apa-apa cara yang dibenarkan oleh suruhanjaya bagi maksud ini dari semasa ke semasa"*. Apa lagi kalau bukan kuasa mutlak Tuan Pengerusi. [Disampuk] Ada bisikan mengatakan *license to corrupt*. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, orang muda Kapar ringkaskan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Akhir sekali, yang ini semua digolongkan di bawah fasal 32 sebab saya ada sampai fasal 34 saya berhenti dekat fasal 32 Tuan Pengerusi. Di mana fasal 32 mengatakan bahawa tertakluk pada akta ini suruhanjaya hendaklah menentukan tatacara kewangannya sendiri. Apa-apa yang kena-mengena dengan wang semuanya adalah kuasa mutlak daripada pinjam, daripada melabur, daripada buka akaun, daripada tatacara kewangan, *absolutely* suruhanjaya. Benda-benda ini tidak boleh dibawa ke mahkamah, tidak boleh di bincang oleh badan yang lebih besar termasuk kementerian. So, ini untuk saya seolah-olah satu imuniti yang mutlak, satu kuasa yang mutlak, memang boleh wujud penyelewengan kalau tidak dikawal selia. Saya menuntut jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara lepas itu Yang Berhormat Kuala Krai dan Menteri jawab.

10.51 mlm.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya merujuk kepada terutamanya kepada fungsi suruhanjaya iaitu fasal 17. Saya merasa dalam fungsi suruhanjaya terutamanya mengenai "*Mengawal selia perkara ekonomi yang berhubung dengan industri penerbangan awam...*" Ada pelik sedikit sebab hanya Suruhanjaya Penerbangan sahaja di mana fungsi-fungsi suruhanjaya adalah *to promote efficient economic and profitable operation*. Di mana keuntungan syarikat-syarikat yang ada dalam industri merupakan antara fungsi bagi suruhanjaya. Sama ada MAHB, Malaysian Airlines atau *ground handling services*. Apa sebabnya keuntungan syarikat-syarikat ini menjadi satu fungsi kepada suruhanjaya yang sepatutnya menjadi *regulator*. *Regulator* sepatutnya *regulate* apa yang adil dan baik untuk negara kita dan bukannya untuk menentukan supaya syarikat-syarikat ini mendapat keuntungan.

Kalau katakan MAHB akibat pembinaan KLIA2 yang terlalu mahal RM4 bilion menyebabkan kerugian dalam tahun-tahun yang akan datang kerana *depreciation* yang terlalu tinggi. Adakah suruhanjaya ini bertanggungjawab untuk memulihkan keuntungan bagi MAHB dengan meningkatkan cukai penerbangan? Ini menjadi satu perkara yang pelik kerana dalam fungsi-fungsi suruhanjaya yang lain di Malaysia dan juga fungsi-fungsi suruhanjaya di luar negara sama ada Amerika Syarikat ataupun United Kingdom. Dalam perkara yang sama, tidak ada tugas suruhanjaya untuk memastikan ataupun mengambil kepentingan keuntungan syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri. So, ini membimbangkan kerana ia akan menimbulkan percanggahan antara fungsi-fungsi bagi industri dengan fungsi kedua bagi suruhanjaya ini iaitu memperuntukkan suatu mekanisme bagi perlindungan pengguna termasuklah apa yang disebut dalam fungsi-fungsi ini.

Bila ada percanggahan antara pengguna dengan industri, siapa dapat *priority*? Sebagai kerajaan, yang paling penting pengguna. Saya hendak berikan satu contoh, contohnya adalah apa yang berlaku di Sabah sekarang, Terminal 1 dan Terminal 2. AirAsia guna Terminal 2, yang lain MAS terutamanya guna Terminal 1. MAHB ingin supaya AirAsia dipindah ke Terminal 1 tetapi masalah Terminal 1 sudah sesak tidak cukup untuk *expansion*. Mengapa MAHB hendak AirAsia pindah ke Terminal 1? Dia punya sebab jelas sebab Terminal 1 *airport taxes* lebih tinggi. Keuntungan kepada MAHB lebih tinggi. Akibatnya, walaupun Terminal 1 terlalu sesak, walaupun Terminal 2 masih sedia ada, mereka meminta AirAsia pindah ke Terminal 1. Bukan AirAsia sahaja yang bantah, *Malaysian Airline* pun bantah. Mereka bantah kerana kalau AirAsia datang mereka pun sempit, tidak cukup tempat untuk melayan pelanggan-pelanggan mereka.

Dalam perkara ini ada kepentingan untuk negara kita juga. Apa kepentingan? Kalau AirAsia terpaksa pindah ke Terminal 1 kos tiket bagi AirAsia meningkat, pelancong-pelancong dari luar negeri terutamanya dari China akan terus menurun. Sekarang jumlah penumpang daripada China ke Kota Kinabalu sudah menurun dengan cukup mendadak. Saya rasa rakan-rakan kita dari Sabah semua tahu. Kalau perkara ini dibenarkan berlaku ataupun desakan *lobbying* daripada MAHB dilayan oleh pihak kementerian dan sekarang oleh suruhanjaya. AirAsia terpaksa pindah, pelancongan negara kita akan terjejas juga. So, dalam perkara ini fungsi-fungsi yang berlaku akan bercanggah. Apa yang akan diberikan keutamaan? Saya harap Menteri akan jawab di sini bahawa pengguna dan juga kepentingan strategik negara termasuk penarikan pelancong ke negeri Sabah akan diberikan keutamaan. [Disampuk] Sabah, Sarawak, Sarawak tidak ada masalah pelanggan China. Akan diberikan kepentingan supaya keperluan negara dapat terjaga.

Ini juga saya bawa balik kepada pelantikan Pengerusi. Satu perkara yang saya sempat sebut tadi antara satu sebab lagi. Tan Sri Bashir Ahmad tidak boleh dilantik. Pihak sebelah kata sangkaan jahat tetapi kita perlu ada sangkaan tersebut kerana sebelum ini sudah banyak perkara berlaku. Di mana kita disebut sangkaan jahat tetapi selepas itu mendapat tahu benar. Seperti 1MDB, saya sudah bahas di sini lebih kurang tiga empat tahun sekarang kita tahu semua benar tetapi saya tidak hendak sebut 1MDB sini. Saya hendak sebut Tan Sri Bashir Ahmad sekarang merupakan pihak yang membina KLIA2 dengan kos RM4 bilion. Kalau beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif bagi Suruhanjaya Penerbangan ini, beliau akan ada kepentingan untuk memberikan tambahan cukai penerbangan di *airport* kita. Supaya MAHB dapat balik pulangan dan dapat balik keuntungan yang lebih untuk menjustifikasikan perbelanjaan RM4 bilion tersebut.

Kita tidak boleh memberikan satu peluang tersebut kepada Tan Sri Bashir. Kita perlu siasat dahulu perkara yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara



yang terdiri daripada majoriti pihak sebelah, rakan-rakan sebelah sana. Tadi Menteri tidak jawab, saya juga harap Menteri akan jawab sama ada Kabinet akan mengarah supaya Ketua Audit Negara akan menjalankan siasatan dalam perkara KLIA. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**10.59 mlm.**

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di peringkat jawatankuasa. Pertamanya mengenai keanggotaan suruhanjaya yang terdiri daripada pengerusi eksekutif, dua wakil kerajaan dan empat, lima atau enam ahli-ahli lain yang memang diketahui terlibat atau mempunyai kemahiran profesionalisme dalam urusan yang berkaitan dengan penerbangan supaya mereka dapat melaksanakan fungsi mereka dengan baik.

■2300

Saya ingin bertanya, dalam peruntukan lain dalam rang undang-undang ini, mereka yang dilantik ini tidak boleh memegang apa-apa jawatan dalam industri penerbangan awam atau mana-mana jawatan yang lain yang boleh menjejaskan kebebasan mereka. Kalau hendak pegang juga, mesti mendapatkan kebenaran Menteri kah atau Perdana Menteri. Saya rasa Perdana Menteri. Kuasa Perdana Menteri terlalu besar.

Maksud yang saya hendak bangkitkan di sini ialah ini merupakan satu kedudukan yang menyebabkan mereka kehilangan jawatan-jawatan lain atau kerja-kerja lain dalam bidang ini sekiranya mereka sanggup menerima tawaran duduk dalam *Commission* ini. Jadi seharusnya mereka ini diberikan *remuneration* yang setimpal sesuai dengan kehilangan pendapatan daripada kedudukan asal mereka dalam mana-mana syarikat yang berkaitan dengan penerbangan. Apa yang dicatat dalam rang undang-undang ini ialah mereka hanya diberikan elaun, berbeza dengan Pengerusi Eksekutif yang diberikan *remuneration* dan juga elaun-elaun. Sedangkan kalau mengikut syarat-syarat yang diletakkan bagi mereka yang ingin duduk dalam Suruhanjaya ini, mereka tidak ada pendapatan yang lain. Kelihatannya begitu. Jadi sudah tentulah di dalam peruntukan ini, mereka juga harus diletakkan di situ *remuneration* dan bukan hanya elaun sahaja. Itu dari segi klasifikasi pendapatan mereka.

Mungkin Menteri akan menjawab elaun ini pun banyak. Akan tetapi bagi tujuan keselamatan *tenure of services*nya, maka saya hendak mencadangkan supaya dimasukkan juga bagi Anggota Suruhanjaya ini bukan setakat elaun tetapi *remuneration* sama macam yang diberikan kepada Pengerusi Eksekutif walaupun ahli *Commission* ini tidak ada satu jawatan eksekutif. Itu yang pertama.

Kedua, saya bersetuju supaya mana-mana Ahli Suruhanjaya ini yang berhenti tidak melibatkan diri dan tidak boleh melibatkan diri di dalam industri pengangkutan awam ini untuk satu tempoh. Di dalam fasal 11 disebut, "*Tidak boleh dalam masa dua tahun dari pemberhentian keanggotaannya membuat apa-apa kontrak perkhidmatan atau menjalankan atau terlibat dalam apa-apa perniagaan atau aktiviti lain yang dijalankan bagi maksud keuntungan dalam atau yang berhubungan dengan perkhidmatan penerbangan awam*".

Jadi sudah tentulah maksud di sini, mereka itu apabila berhenti, kemungkinan ada lagi *residual decision* yang dibuat semasa di dalam *tenure*nya, dalam jawatan tersebut, yang boleh menyebabkan satu *conflict of interest*. Jadi dua tahun itu mungkin satu masa yang sesuai supaya apa juga keputusan Suruhanjaya semasa dia di dalamnya, dua tahun itu sudah selesailah, tidak ada kaitan lagi dengannya.

Akan tetapi, itu bagi mereka yang kita lihat ada kepentingan tetapi bagi yang dibuang atas sebab-sebab yang lain, misalnya kebankrapan ataupun sakit, hilang kewarasan tetapi selepas dia diberhentikan, waras semula. *Who knows?* Dalam bidang perubatan, masalah-masalah psikiatri ini Tuan Pengerusi, boleh dirawat. Pada satu ketika dia mungkin ada psikosis atau sakit jiwa tetapi dengan rawatan yang ada pada hari ini, psikosis yang menyebabkan dia hilang jawatan ini dirawat, jadi beliau harus meneruskan kerjayanya dalam bidang yang dia tahu iaitu penerbangan.

Jadi kalau kita tetapkan dalam tempoh dua tahun ini beliau tidak boleh terlibat dalam urusan penerbangan awam ini, jadi kita sudah menutup suatu punca pendapatan bagi

seorang rakyat kita. Jadi saya minta penjelasan sama ada akan ada pengecualian kepada orang-orang tertentu yang diberhentikan daripada *Commission* ini untuk terus terlibat di dalam urusan penerbangan awam.

Seterusnya Tuan Pengerusi, dalam fungsi Suruhanjaya pada fasal 17 dalam rang undang-undang ini, disebut bahawa antara tugas ataupun fungsi utama Suruhanjaya ini ialah, "*Untuk memperbaiki perhubungan di peringkat global dan tempatan*" sampai akhir ayat. Saya rasa ini satu fungsi penting bagi Suruhanjaya ini.

Di Kelantan Tuan Pengerusi, kita lama sudah menuntut ataupun memohon supaya pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan supaya mengambil tindakan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Pengkalan Chepa supaya ia boleh menerima ketibaan dan pelepasan kapal-kapal terbang yang lebih besar daripada Airbus 320 ataupun Boeing 737 yang hari ini, inilah kapal terbang terbesar yang boleh sampai ke lapangan terbang ini. Ini kerana kalau kita lihat, walaupun tidak disebut tadi oleh rakan-rakan kita yang berbahas mengenai lapangan terbang yang sibuk dan yang banyak menerima penerbangan keluar dan masuk, salah satunya ialah yang di Kota Bharu ini. Akan tetapi oleh kerana lapangan terbangnya terhad dan tidak boleh menerima kapal terbang yang besar seperti Airbus 330 atau Boeing 777 atau yang lebih besar daripada itu, maka keupayaan Kota Bharu untuk berkembang menjadi sebuah pusat pelancongan dan industri dan membolehkan orang-orang luar datang *direct* daripada destinasi-destinasi luar negara, maka ia mengehendkan pembangunan.

Jadi saya mengharap sangat Menteri boleh memberi jaminan bahawa kuasa ataupun fungsi Suruhanjaya ini dapat kita lebarkan untuk memberi peluang supaya lapangan terbang di Pengkalan Chepa itu dapat diperbesarkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Akhir sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia ada berapa? Ada 34 ya? Saya sampai 24 sahaja. Suruhanjaya ini boleh melantik pekerja-pekerja mereka sendiri. Fasal 23 dan 24. Saya ingin bertanya, apakah pekerja-pekerja ini terikat dengan skema perkhidmatan awam ataupun suruhanjaya bebas untuk membentuk skim perkhidmatan mereka sendiri dengan gaji ataupun saraan yang berbeza dengan perkhidmatan awam? Ini kerana ini akan memberikan juga satu implikasi kalau ia berbeza besar. Akan menimbulkan sedikit masalah dengan kakitangan awam yang lain. Jadi soalnya, adakah ia sama dengan skim perkhidmatan awam ataupun akan diwujudkan skim perkhidmatannya sendiri?

Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 11.09 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa isu yang telah dibangkitkan. Isu yang berkenaan dengan komposisi ataupun pelantikan Ahli Suruhanjaya, banyak isu-isu tersebut telah saya sebutkan tadi.

Tentang isu fasal 16 yang telah dibangkitkan, tentang pelantikan, isu tatatertib anggota, itu kita perlu kekalkan untuk dilantik oleh Perdana Menteri. Ini adalah kerana untuk mendengar isu-isu berkaitan dengan anggota. Definisi anggota itu sendiri termasuklah Pengerusi Eksekutif yang dilantik oleh Perdana Menteri. Oleh sebab itulah kita sarankan agar panel tatatertib itu turut dilantik oleh Perdana Menteri.

#### ■2310

Untuk fungsi pelaburan Suruhanjaya, berkenaan dengan fasal 31, pelaburan hendaklah dibuat dengan persetujuan Menteri Kewangan. Jadi ada dapat keperluan untuk mereka mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan sebelum membuat pelaburan. Cuma saya hendak jelaskan di sini yang dimaksudkan adalah pelaburan dalam konteks

yang disebutkan tadi itu sebenarnya adalah pelaburan dalam industri penerbangan, bukanlah pelaburan yang dibuat oleh Suruhanjaya sendiri.

Fasal 22 tentang pelantikan Pengerusi Eksekutif oleh Perdana Menteri dan oleh itu sekiranya terdapat kekosongan, adalah wajar Perdana Menteri melantik mana-mana anggota untuk sementara waktu, untuk menjalankan tugas sebagai Pengerusi Eksekutif. Dalam konteks kuasa untuk meminjam, perlu dijelaskan di sini bahawa kuasa meminjam itu adalah untuk membolehkan Suruhanjaya menjalankan aktiviti-aktiviti ataupun fungsi-fungsi mereka dan pinjaman hendaklah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan. Jadi maknanya, dalam konteks *powers*, dengan izin untuk meminjam, ini biasanya dilaksanakan untuk membolehkan mereka *tied over*, dengan izin sekiranya ada terdapat kekangan kewangan sementara dalam operasi. Kuasa ini biasanya sama dengan diperuntukkan di dalam pelbagai suruhanjaya yang telah pun diwujudkan sebelum ini.

Untuk fasal 32 tentang tatacara kewangan, walaupun Suruhanjaya Penerbangan menentukan tatacara kewangannya sendiri, fasal 34 subseksyen 2 rang undang-undang memperuntukkan bahawa akaun dalam kumpulan dan Kumpulan Wang Perkhidmatan Awam ataupun penyata akaun Suruhanjaya dan laporan aktiviti-aktiviti mereka perlu dibentangkan ke Parlimen. Bagi maksud pembentangan tersebut, fasal 34(3) rang undang-undang menyatakan bahawa Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] adalah terpakai.

Tentang isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, antara yang lain iaitu tentang *reference*, dengan izin kepada perkataan 'keuntungan'. Kalau kita lihat fungsi dalam seksyen 17(1)(a)(ii), ini adalah untuk mengelakkan persaingan yang berkesan. Maknanya kalau kita ikutkan dalam konteks persaingan ini, kadangkala wujudnya situasi yang mana syarikat-syarikat penerbangan mengadakan *predatory pricing*, dengan izin yang mana tujuannya adalah untuk membolehkan pesaing-pesaing mereka tidak berdaya maju dan tutup dan selepas itu mereka akan memonopoli pasaran tersebut. Jadi biasanya *reference* kepada keadaan keuntungan itu untuk membolehkan industri ini berkembang secara *sustainable*. Jadi untuk mengelakkan isu-isu seperti *predatory pricing*, dengan izin.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Perkara *predatory pricing* telah pun disebut dalam perkara fasal 53 yang mana syarikat-syarikat tidak dibenarkan untuk - dalam Bahasa Inggeris, *abuse of dominant position* daripada segi *predatory pricing* dan lain-lain perkara. So kenapa pula kita perlu masih ada perkataan 'keuntungan' dalam fungsi Suruhanjaya? Apa yang kita bimbang macam ini. Saya tidak bimbang *predatory pricing*, *that is good, that is fine*. But saya bimbang, kalau ada syarikat yang lemah, lemah bukan kerana *predatory pricing* tetapi lemah daripada segi *efficiency* ataupun ada penyelewengan dalam syarikat dan mengakibatkan syarikat itu mengalami kerugian dan fungsi Suruhanjaya ini adalah untuk mencari jalan keluar ataupun melindungi syarikat sebegitu. Terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, sesuatu yang berkaitan juga Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat, tujuan kita memperbadankan Suruhanjaya ini ialah supaya ada satu badan yang memainkan peranan *regulator* dalam satu industri yang begitu pesat membangun. Jadi saya hendak tanya juga sama ada model ini seperti mana yang telah digunakan menerusi SKMM yang mana kuasa untuk menjaga spektrum dijadikan satu instrumen untuk mengumpul dana bagi negara ataupun suruhanjaya itu sendiri.

Bagi Suruhanjaya Penerbangan itu, instrumen untuk membuat pendapatan kewangan adalah menerusi Bahagian VIII yang disebut sebagai Hak Trafik Udara dan Penguntukan Slot dan kalau kita masuk ke bahagian satu lagi, di Bahagian IV yang menunjukkan semua pelesenan dan caj termasuk fi dan sebagainya. Jadi, dalam rang undang-undang ini tidak disebut apa yang akan digunakan menerusi instrumen-instrumen tersebut, pelesenan, caj dan juga kuasa hak udara dan sebagainya dan peruntukan slot itu. Apabila wang itu dapat dikumpul, bagaimana ia akan digunakan untuk memampakan perkembangan industri penerbangan di Malaysia sehingga Malaysia menjadi satu hab penerbangan yang begitu penting di rangkaian antarabangsa? Itu yang tidak disebut dalam rang undang-undang.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Balik kepada isu keuntungan, kita perlu melihat secara keseluruhan. Dalam apa juga industri, untuk memastikan bahawa industri itu dapat menarik pelabur supaya industri itu dapat berkembang secara mampan, secara jangka masa panjang adalah penting bahawa industri itu sendiri *profitable*. Ini disebabkan kalau kita benarkan satu situasi yang mana *over competition* ataupun *predatory pricing* dan sebagainya yang mana keadaannya adalah terlalu punitif dan kos operasi terlalu tinggi yang mana mereka yang beroperasi dalam industri tersebut tidak mendapat keuntungan dalam jangka masa panjang, ia tidak akan *viable*.

Jadi, kebolehan Suruhanjaya untuk menarik pelabur-pelabur untuk membuat pelaburan dalam industri penerbangan sama ada dalam bentuk *routes*, dengan izin penerbangan ataupun aerodrum ataupun untuk lapangan terbang, mungkin tidak tercapai. Itulah spirit dan *intention* yang disebutkan dalam subseksyen 17 ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri. Habis?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ada isu tentang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krai daripada segi isu fungsi sekali lagi Suruhanjaya ini dalam konteks pelebaran ataupun penambahbaikan Lapangan Terbang Kota Bharu dan sebagainya, itu merupakan isu-isu yang bakal diambil kira oleh kerajaan secara keseluruhan dalam pembangunan masa akan datang.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Last question.*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah habis?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Sudah habis.

*[Fasal-fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

### **Fasal 35 [Pindaan] -**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa fasal 35 rang undang-undang dalam teks Bahasa Kebangsaan dipinda dengan menggantikan sub fasal 2 dengan sub fasal yang berikut. Subseksyen 1 tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia di bawah terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh kerajaan.

### **■2320**

Tuan Pengerusi, pindaan ini bertujuan untuk menyelaraskan teks bahasa Kebangsaan dengan teks bahasa Inggeris. Pindaan ini adalah perlu untuk memastikan keselarasan antara teks bahasa Kebangsaan dan teks bahasa Inggeris yang mana subseksyen 2 ini memperkatakan tentang pengecualian kepada semua Syarikat Penerbangan Asing daripada kehendak untuk mendapatkan lesen di bawah rang undang-undang ini.

Sebagai contoh, Etihad atau Emirates tidak dilesenkan oleh Suruhanjaya Penerbangan tetapi oleh negara yang berkenaan. Etihad dan Emirates sebagai contohnya, dibenarkan untuk membuat penerbangan di Malaysia selaras dengan perjanjian perkhidmatan udara dua hala atau pun *air services agreement*, dengan izin, yang telah ditandatangani dengan Kerajaan Malaysia. Selaras dengan Dasar Langit Terbuka, perjanjian *bilateral* akan digantikan dengan perjanjian pelbagai hala atau *multilateral* oleh Anggota ASEAN. Pindaan perlu dibuat kepada teks bahasa Kebangsaan untuk memperuntukkan suatu skop yang lebih luas dan tidak hanya fokus kepada *air services agreement* untuk menangani keperluan untuk meminda rang undang-undang apabila

perjanjian dirunding semula. Ini adalah seperti yang dinyatakan dalam teks bahasa Inggeris.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

11.21 mlm.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak ada apa, cuma kita menerima teks ini di atas meja kita. Betul ya, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dibaca oleh Menteri tadi tetapi saya *compare* dengan apa yang dicatat dalam kertas ini lain bunyinya. *So, either the minister was quoting wrongly or the text is wrongly typed compared* dengan apa yang saya ada di sini. 2 subseksyen 1, tidak terpakai bagi orang-orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia, (d) mengikut terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh kerajaan. Yang dibaca oleh Yang Berhormat Menteri tadi lain.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri, fasal 35.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, yang mana yang sebetulnya ini?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Saya rasa saya baca yang sama Tuan Pengerusi.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Bukan, *I can remember what you read*. Subseksyen 1 tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia di bawah terma-terma. *You said 'di bawah terma-terma'. The text say, (d) mengikut terma-terma. Yang mana?*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** *You have a copy of this on your table, you can...*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila jawab Yang Berhormat Menteri.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Maaf Tuan Pengerusi,...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, boleh baca semula.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Dalam teks ucapan ada sedikit kesilapan. Jadi, saya bacakan, subseksyen 1 tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari satu tempat di Malaysia mengikut terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, hendak bahas lagi?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, nampaknya *amendment* ini hendak di *amend* lah ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak perlu? Ini berbeza dengan apa yang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Apa yang kita dapat notis itu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah minta Yang Berhormat Menteri untuk betulkan balik ucapan pindaan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kena ada notislah kalau macam itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Notis yang kita terima ini berbeza dengan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...bukan kesilapan yang besar dan tidak disengajakan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dalam rang undang-undang banyak titik pun tidak boleh hendak ubah. Ini salah ini. Saya minta Parlimen...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, tidak mematuhi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payahlah, tidak perlulah Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kena edar balik.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tarik balik, tarik balik. Buat baik-baik, bentang lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tarik balik dan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Kita Parlimen tidak boleh sia-sia macam ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat...

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini Parlimen, jangan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kalau ini Parlimen Yang Berhormat, ikut peraturan. Saya sudah minta bila Yang Berhormat Kuala Krai bertanya sama ada teks itu sama dengan teks yang diedarkan, Yang Berhormat Menteri menjawab dan itulah jawapan Yang Berhormat Menteri. Bukan ada kesilapan yang besar.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, saya tidak habis lagi bercakap Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang dibaca masih tidak sama dengan yang kita...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Apabila saya minta Yang Berhormat Menteri untuk membacakan balik, Yang Berhormat Menteri telah membacakan semula dan memohon maaf di atas kesilapan teks yang asal ketika membaca. Jadi, itu jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya ingat berpuas hatilah Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi,...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat ...

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi, satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri kerana teks 35 subseksyen 1 dan 2 itu begitu berbeza di antara teks bahasa Melayu dan teks bahasa Inggeris. *The context is completely different*, dengan izin. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri perelaskan kerana subseksyen bahasa Melayu yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri itu adalah bertujuan untuk syarikat-syarikat penerbangan luar negara seperti Etihad. Akan tetapi kalau dibaca dalam bahasa

Inggerisnya, 35 subseksyen 2, ini bermakna seperti yang saya sebut dalam ucapan saya tadi. Bahawa mana-mana syarikat penerbangan atau orang yang ada kontrak perkhidmatan dengan kerajaan, tidak memerlukan lesen. Itu adalah dua perkara yang sangat berbeza.

Jadi, sementara saya faham pindaan yang Menteri bawa dalam bahasa Melayu, minta supaya Menteri tengok kerana *the context* tersangat lah berbeza. Ini salah *translation completely* ini.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu maksudnya kita tidak boleh *bulldoze* banyak *bill*. Lebih baik kita tangguhkan *meeting* ini supaya kita betulkan. Kita tidak lakukan *justice* kepada rakyat yang memilih kita.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bila kita tengah malam macam ini, hendak luluskan empat lagi *bill*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, *point of order*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, duduk sekejap. Ya, Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, *point of order*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, peraturan berapa Yang Berhormat Puchong?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** 12(2) dan (3). Tuan Pengerusi, sekarang pukul 11.30 malam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, itu saya faham Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, ini bukan main-main Tuan Pengerusi. Ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, saya pun tidak main-main dan kita tidak main-main di sini Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya, saya faham tetapi apa yang saya hendak tahu adalah kenapa kita hendak buat sekadar ini? Kita ada lagi empat rang undang-undang yang perlu dibicarakan dan dinyatakan supaya ianya dibicarakan sampai habis. Maknanya, sampai pukul tiga, pukul empat pagi. Lepas itu esok kita ada rang undang-undang yang cukup penting kepada semua iaitu Akta Hasutan. So, kenapa ianya dibuat sekadar ini? Saya faham memang ada kuasa pada pihak Tuan Pengerusi untuk *extend sitting* tetapi ianya tidak masuk akal sekiranya kita sebagai Dewan Rakyat, kita hendak *bulldoze* semua *bill*, duduk sini sampai pukul empat, pukul lima pagi. Bagaimana kita hendak berhujah atau membawa hujahan yang bernas berkenaan dengan pindaan-pindaan ini? Ini undang-undang, ini Parlimen, ini kita menggubal undang-undang yang akan ada kesan terhadap orang ramai.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya rasa bila orang ramai mengundi kita ke Parlimen dengan tujuan supaya kita dapat melihat dengan teliti undang-undang,

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat Batu.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Debat dengan baik untuk...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Batu, duduk lah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** ...untuk kebaikan negara kita. Sebagaimana Tuan Pengerusi. Saya pun tengok Tuan Pengerusi pun duduk sana, *I think 6 hours.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Akan tetapi kenapa kita perlu buat sedemikian? Itulah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sebenarnya sehingga 5.30 tetapi sekarang kita mendebatekan *if it is very urgent*. Okay tetapi apakah *urgency*? Kenapa kita *bulldoze* ini? Ini saya lihat satu trend yang tidak seharusnya diberikan galakan...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tambahan lagi, AG yang tidak buat kerja betul-betul dalam *drafting law* ini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ada kesilapan-kesilapan begini, kita tidak boleh jawab.

■2330

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita rasa tidak puas hati.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *I think we should stand up and say something. Why like this?*

[Dewan riuh]

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *Why is it*, ini Parlimen melenting, ini melenting.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Why do we want to...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *People will drive very bad law.*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Empat, lima hari, kita dapat berapa *bill*?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja tangguh mesyuarat...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, *we have to consider this.*

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching dan Yang Berhormat yang lain, biar saya berurusan dengan Yang Berhormat Puchong. Yang lain duduk diam Yang Berhormat. Yang lain duduk diam Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini kuasa speaker tak penting.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain duduk Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dengan keadaan ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ini kuasa speaker.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No this is confirm...*

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang lain duduk. Yang Berhormat, yang lain duduk Yang Berhormat.



**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Sikit sana sudah tidur. Semua orang letihlah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tarik balik untuk diedar semula....

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Mana Yang Berhormat Menteri, Menteri usul. Tangguh mesyuarat.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Mengikut negara ya, kita akan pinda selepas kita luluskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat duduk Yang Berhormat duduk. Ya, duduk. Saya hendak berurusan dengan Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat ya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada, ini masalahnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduklah Yang Berhormat...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kalau Yang Berhormat Kinabatangan berdiri untuk berucap...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Padang Besar tidurkah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Duduk Yang Berhormat Batu, duduk Yang Berhormat Seputeh, duduk.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tengok, separuh sudah tidur.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi sudah sebut Peraturan 12(1) memang kuasa Speaker dan pertanyaan Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri yang menjawabnya. Sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Pengerusi, macam mana kita hendak luluskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup-cukup. Tidak payahlah hendak berlebih-lebih Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Macam mana kata luluskan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi terpaksa di luar Tuan Pengerusi bagi saya luar *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Puchong, saya sudah buat keputusan, mesyuarat kita diteruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya belum buat pertanyaan lagi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sudah faham Yang Berhormat cukup. Sila Yang Berhormat.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, ini menjadi masalah dia. Saya rasa ini satu perkara penting, *at least listen to me*. Saya minta sebab-sebab.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kenapa ianya diadakan sedemikian Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah, cukuplah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya minta Tuan Pengerusi di bawah Peraturan 12(2) ada kuasa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ada kuasa untuk *suspend sitting of Parliament*. Saya hendak tanya Tuan Pengerusi kenapa...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak perlulah Yang Berhormat, tidak perlu macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Speaker tidak boleh buat, kita tidak boleh bahas, *what is the purpose?*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat mempersoalkan kuasa saya Yang Berhormat.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tetapi kita tidak boleh bahaskan.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sampai pagi pun bahaslah. Sampai pagi pun bahaslah.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah. Ya, ya. Duduk diamlah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, biarlah kita bertanggungjawab. *[Dewan riuh]* BN mana bahas, dia melulus sahaja. Tidak bahas pun. Lulus sahaja tutup mata.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang lain diam, yang lain diam. *[Mengetuk dengan tukul]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Diam Yang Berhormat, yang lain duduk. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bagaimana kita hendak hujahkan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya sebut sekali lagi, saya sudah buat keputusan mesyuarat kita diteruskan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Teruskan macam mana Kita tak boleh baca!

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Siapa yang berdegil-degil...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *This is a bill...*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada Peraturan 42, ada Peraturan 44. Ada Peraturan 42, ada Peraturan 44.

**Seorang Ahli:** Lawan tetap lawan!

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tunggu saya dulu turun.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat yang lain duduk. Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Klang dan yang lain-lain, saya ingatkan sekali lagi saya tidak akan teragak-agak ikut Peraturan 42 dan 44.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan salah guna. Jangan salah guna *Standing Order*, Tuan Pengerusi jangan salah guna.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan ugut, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Jangan kemudi di sebalik *Standing Order*. Jangan kemudi di sebalik *Standing Order*.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tanya kena ugut. Saya sebagai Ahli Parlimen saya hendak bawa perkara ini, *how do you debate all these?* Ini undang-undang, ini bukan main-main. Ini undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, yang lain duduk, yang lain duduk. Sila Yang Berhormat Puchong.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Jangan ugut saya, jangan ugut saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya bangkitkan isu ini kerana saya khuatir...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Seputeh...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Menteri kurang ajar dengan saya, saya kurang ajar balik dengan dia. *You don't tell me to shut up!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat, Yang Berhormat lain duduk diam, Yang Berhormat Kapar. Darah muda bersabar sedikit. Yang Berhormat lain, Yang Berhormat sebelah kanan Yang Berhormat Ketereh pun duduk Yang Berhormat. Saya hendak berurusan dengan Yang Berhormat Puchong, selepas itu saya buat keputusan, keputusan saya adalah muktamad. Ya, Yang Berhormat Puchong sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Mike* pun sudah tidak boleh pakai, pukul 12.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya sila, sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Baling ada masalah kah Yang Berhormat Baling?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Baling *why don't you just keep quiet for a change, fed up of hearing your voice*. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya apabila kita, membawa usul untuk kita panjangkan sesi pendengaran, sesi Parlimen. Eh! *Come on members of Parliament of other side also*, apa ini? Sampai pukul 12...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat, sila berurusan dengan Speaker sekarang.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya lah, tetapi jangan ugut saya. Minta jangan diugutkan. Tadi diugut dengan 44, *to me it's not a matter*, hendak *suspend, suspend*. Tetapi saya hendak sebut di sini tujuan saya bangkitkan adalah untuk bertanya.

Tuan Pengerusi *do you have a conscious?* Itu soalan dalam hati saya sebagai Ahli Parlimen. Saya tanya soalan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak payahlah...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ada orang di luar yang duduk di dalam kafeteria yang tidak tahu apa *bill* yang dibahaskan sekarang kerana mereka tidak tahu *what is actually been said in this Dewan*. Sekarang pukul 12. Kenapa kita perlu teruskan *debate* ini sehingga pukul 4 pagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, saya sudah faham. Cukuplah Yang Berhormat sila duduk.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Bukan cukup. Saya tengok ada peruntukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat cukuplah, saya sudah faham.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Soalan saya begini, kalau tidak ada asas yang baik untuk kita mempercepatkan, kalau tidak ada asas untuk kita duduk di sini sampai pukul 4 pagi?

*[Dewan riuh]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Pengerusi, giliran saya untuk bertanya ini.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Pengerusi, *point of order*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Saya tengok sehingga Yang Berhormat Menteri pun buat kesilapan.

**Seorang Ahli:** Apalah. Kalau malas balik rumah, kalau fikir *weight* itu...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *Point of order, point of order*.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kalau Pakatan Rakyat tidak sebut...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat Puchong...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Orang-orang *backbenchers* semua tidak tahu.

*[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Sudahlah, sudahlah.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Kita yang bangkitkan!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Puchong, saya sudah faham.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *Who knows everything through*, inilah *first class Parliament* yang kita sebut. Tuan Pengerusi, *you respect, this is not the way*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat, terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sedikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh. Peraturan berapa?

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya hendak tanya Tuan Pengerusi kenapa tiba-tiba perkara ini berbangkit? Tidaklah pelanjutan perbincangan ini diputuskan berdasarkan kepada usul yang telah dibentangkan.

■2340

Saya faham kita pun kasihan juga pembangkang bila tidak ada ketua macam itulah. Bila tidak ada Ketua Pembangkang dia mengantuk secara tiba-tiba.

[Dewan riuh]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *What kind of standard! What kind of standard!*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukup Yang Berhormat cukup. Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup. Saya hendak layan Yang Berhormat Sungai Siput. Lepas Yang Berhormat Sungai Siput Yang Berhormat Menteri jawab. Ya, Yang Berhormat Sungai Siput. Peraturan mesyuarat Yang Berhormat Sungai Siput.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mana boleh.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** 80(A) berkenaan dengan menghina Parlimen. Bila kita *debate* macam ini lewat ertinya pihak yang buat keputusan ini *actually* tidak perlu idea daripada Ahli Parlimen. Hanya *rubber stamp* sahaja. Pada masa ini kita lagi bawa buku-buku...[Dewan riuh]

Ini saya kasihan kepada negara kita dan undang-undang yang akan kita luluskan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** So, saya rasa macam ini kita pergi selepas 12 malam mana kita akan bahas, mana kita akan ambil masa. Mana kualitinya? Jadi ini penghinaan pada Parlimen.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sungai Siput saya sudah faham.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Jadi saya rasa pihak yang buat keputusan hendak habiskan lapan buah *bill* malam ini saya ingat ertinya *you* tidak *respect* Parlimenlah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat, cukup. Duduk Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Kita bincang atau tidak bincang, faham atau tidak faham, *it's not important*. So, apakah caranya kita dapat tahu siapakah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey Yang Berhormat. Cukup, cukup Yang Berhormat Sungai Siput cukup. Duduk.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan, saya mahu tengok apa cara kita rujuk masalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, saya berpendapat tiada pelanggaran di bawah 80(A) Yang Berhormat. Yang Berhormat sila teruskan.

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, yang diedarkan ada dua muka surat satu dan dua. Muka surat satu teks bahasa kebangsaan. Itu yang betul. Teks dua yang ada sedikit kesilapan yang *English language text* yang pada perkataan "*the*" itu sahaja tetapi yang teks bahasa kebangsaan yang ada di depan Ahli-ahli Yang Berhormat semua adalah yang betul yang saya sudah bacakan tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih.

[Fasal 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, bagaimana kalau sudah ada silap kita boleh main luluskan begitu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sudah dibetulkan Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia punya terjemahan sudah lari. Tidak guna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bagaimana ini? Boleh cincai sahajakah? Ini Parlimen cincaikah?

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tuan Pengerusi, *it has to be done in the proper way*. Bukan cara macam ini. Cara yang betul.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Kalau dipinda lagi sekali apa salahnya? Apa susahnya? Bukannya susah. .... isu satu lagi. *That's all*.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pandan ialah *text translation* dalam kertas biru tidak betul.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Apa yang susah sangat? *We are serious here*. Bukan main-main.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Teks bahasa kebangsaan macam ini, *English language text* macam ini. Apa dia ini?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui.

*[Pindaan dikemukakan dan bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini menghina Parlimen kalau macam ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah macam ini. Kalau sudah salah, salahlah. Apa ini?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya minta untuk belah bahagian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa ini belah bahagi?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya minta untuk belah bahagian.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, kerana lebih daripada 15 orang bangun meminta diadakan belah bahagian. Maka mengikut peraturan 46(4) saya memerintah supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak ada orang minta belah bahagi!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Oh, tidak ada minta belah bahagi. *Allright*. Tidak ada minta belah bahagi tidak apalah. Lebih suara yang bersetujulah. Pindaan disetujui.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia bukan belah bahagi. Benda yang tidak betul nak belah bahagi macam mana.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Bendanya salah Tuan Pengerusi.

*[Fasal 35 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Proceed, proceed* Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang salah jadi rang undang-undang.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, *point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, I cannot take the rule like this. Look at everybody is standing.*

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Pengundian sahaja tidak boleh membetulkan apa yang tidak betul.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Minta tarik balik esok bentang balik. Apa susah hendak dibetulkan?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sabarlah. Tidak minta pengundian tidak payah.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Just* betulkan pindaan itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita *proceed.*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tarik balik, betulkan *statement.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, biar kita ini bertanggungjawab sebagai Ahli Parlimen. Benda yang salah, salahlah. Jangan main *bulldoze!*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Apa yang susah sangat. Tangguh sekejap suruh buat betulkanlah. Hendak luluskan yang salahkah Tuan Pengerusi? Mana boleh. Betulkan dahulu.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Saya ... pembetulan ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa yang cakap ramai-ramai? Cakap sorang. Sudah selesai sudah tadi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tarik balik *and present* balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah putuskan mesyuarat diteruskan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tuan Pengerusi, saya perlukan pembetulan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Pengerusi, *two days ago* Yang Berhormat Arau *also extended it from 9.30* hingga selesai perbahasan.

*[Fasal-fasal 36 hingga 105 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Jadual jadi sebahagian daripada rang undang-undang.]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah macam itu sedikit-sedikit bangun.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Pengerusi, ada orang hendak bahas.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Pengerusi, *I am standing! I am standing to debate!* Saya berdiri untuk bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak boleh layan macam ini semua bangun memekik.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *I didn't say. I am standing.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Satu orang minta belah bahagi lepas itu seorang tidak minta belah bahagi. *You cannot be like this.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak hendak dengar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Apa tidak dengar? *I am standing* Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *I'm fair, I'm fair.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Amended is all not on our table Tuan Pengerusi. Amended question is not on our table.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *I was standing.*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Do you understand?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Pengerusi, tidak naikan cokmar pun.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, bahas bukan macam ini caranya. Sorang-sorang. Saya sudah panggil fasal-fasal. Sudah baca fasal-fasal.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *I stood.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *How many stood up?*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Me.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Duduklah, yang tidak hendak bahas duduklah.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** *You understand how to debate.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa memekik-memekik?

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** *Amend* pun salah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa hendak memekik-memekik pada Tuan Yang di-Pertua?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Macam mana? Setiausaha pun mengantuk?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak. Jangan macam itu Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tidak, fasal dia hendak melajakkan. Kalau tidak tegur tadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Semua hendak tuduh salah. Yang *you* bangun macam ini pun salah.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Mana boleh apa?

*[Dewan riuh]*

Ikut orang sahaja. Otak tidak ada. Ambil jalan mudah semua. Semua hendak ambil jalan mudah. Kalau boleh tidak ada bahas, semua lulus. Apa punya Parlimen ini? Allah Yang Berhormat Ketereh 'reko' semua. Tidak berapa hendak *centre* belaka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita sudah sampai fasal 36 hingga 105.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** 35!

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Krai duduk Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Hendak membetulkan!



**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah memekik, tidak payah memekik. Tidak payah memekik. *You have been acting like that.* Tidak payah memekik. Baik, hendak bahas mana? Okey, saya boleh balik kita bahas.

#### **Fasal-fasal 36 hingga 105 -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Hendak bahas? Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**11.49 mlm.**

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih. Saya bimbang bila saya hendak bahas perkara yang saya hendak bahas adalah mengenai isu persaingan...

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi *point of order* saya tadi belum *settle* lagi *point of order*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey. Cuba tertib duduk. Saya hendak dengar *point of order*. Ikut tertib.

**Tuan N. Surendran a/l Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Pengerusi, di bawah 12(2) yang kita sebut tadi kita masih belum dapat jawapan iaitu Menteri ada di dalam Dewan tadi dan kita tahu tiga lagi *bill* yang serius termasuk *bill* KWAP yang memerlukan perbahasan yang teliti telah *dischedule* untuk malam ini juga.

■2350

Mungkin 4 pagi-5 pagi kita habis. Jadi kalau Menteri ada di sini, kita tak nak timbulkan...

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain-lain diam. Kita dengar, biar-biar. Kita dengar.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** ... Jadi kalau Menteri ada di sini, kita tak timbulkan Tuan Yang di-Pertua, patut Menteri memberi penerangan mengapa perlu *rush* semua *bill* ini malam ini juga. Menteri ada tetapi tak ada jawapan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tak payah, cukuplah. Yang Berhormat....

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua perlu diberi ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya faham. Okey, duduklah ya. Saya faham.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** ...Perlu diberi tahu kepada kita kenapa.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jam pagi tadi kita bawa satu usul yang memutuskan bahawa kita akan berbahas sehingga selesai.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar, duduk Yang Berhormat. Sehingga selesai Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran. *We have approved that. The House already* luluskan usul itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh tarik balik.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, kita dah luluskan usul itu. Jadi sekarang kita proses dulu, kita *proceed* sehingga di mana. Soal untuk menarik ...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang]:** Boleh usulkan lagi.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Yang susah ini kalau Speaker bercakap, semua bercakap. Soal untuk menarik rang undang-undang, itu kuasa kepada Menteri dan kementerian berkenaan. As Speaker, saya jalankan tugas sesuai dengan keputusan yang kita luluskan pagi tadi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Maknanya perbahasan sehingga Rang Undang-undang D.R.18. Jadi kalau selagi tidak ada usul daripada kementerian untuk menarik mana-mana undang-undang, sebagai Speaker, saya terpaksa jalankan prosiding ini.

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** *No, no.*

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju, sebab itu saya kata Yang Berhormat Arau perlu menjawab. Menteri perlu menjawab. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah, tak payah. Yang Berhormat tak ada kuasa macam itu untuk paksa Yang Berhormat Arau, paksa kementerian menarik. Tak boleh. *We will proceed* sampai di mana kalau ada usul...

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, *we're entitled to ...*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *No, I don't think so.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kalau ada usul, ada usullah. Kalau tak ada usul, tak ada usul.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab itu pagi tadi kita bawa usul untuk menangguhkan mesyuarat sehingga selesai D.R.18/2015.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Arau pergi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat ya, cukuplah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Please understand, understand here.* Ya, Yang Berhormat PJ Utara.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua, dua hari lepas kita luluskan satu usul selepas itu dibawa usul yang baru.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ha, pandai pun.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Pada asalnya 9.30 malam ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kecuali ada usul lain yang membatalkan usul yang terdahulu. Pandai pun.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya. Itulah sebabnya kita minta.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak boleh minta Menteri macam itu pada ketika ini, tak boleh.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Mengapa pula tidak boleh?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *Can we ask him ... You sanggup bangkrap?*

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya sebagai Speaker, saya jalankan tugas mengikut usul yang kita luluskan.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, kita minta supaya dijelaskan kenapa ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak payah. Tak boleh minta penjelasan macam itu.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Bila ianya diluluskan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Usul kerajaan yang dibuat oleh kerajaan, usul kerajaan. Kita dahulukan mengikut seksyen 15...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, kita faham. Betullah kita faham tetapi apa salahnya kita minta supaya ianya diperjelaskan. Apa sebab ianya perlu dipercepatkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak apalah. Tak ada *standing* macam itu Yang Berhormat, cukuplah ya. Yang Berhormat PJ Utara, selesaikanlah Yang Berhormat PJ Utara ya.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Arau, *show your authority*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tak boleh macam itu Yang Berhormat ya. Okey, yang lain duduklah ya. Kita dengar Yang Berhormat PJ Utara. Yang Berhormat Kapar, duduklah Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, seperti apa yang kita dapat tahu tadi mengenai fasal yang baru diluluskan, ada perkara-perkara penterjemahan yang jelas tidak betul. Bukan *full stop* tak betul, bukan koma tak betul, bukan *capital* tak betul, *small letter* tak betul. Jelas maksud bercanggah, *opposite* dalam rang undang-undang kita dan saya bimbang itu kita dapat tahu kerana kita baca tadi. Selalu kita buat *study of the law*, kita *assume the translation* adalah betul. So kita baca yang bahasa kah yang bahasa Inggeris?

Akan tetapi sekarang kita tahu ada percanggahan, ada kesalahan yang jelas. Bukan yang sikit-sikit, yang jelas dan kita di Dewan ini masih nak luluskan undang-undang ini. Ini merupakan satu suruhanjaya penerbangan yang akan dibaca oleh semua pihak seluruh dunia. Bayangkan dunia yang baca bukan dalam bahasa Malaysia tetapi dalam bahasa Inggeris dan kalau kita baca yang salah dan kita tak tentu sama ada *translation* ini betul kah salah, patut kah? Apa keperluan? Kita dah tunggu *bill* ini bertahun-tahun, satu suruhanjaya untuk sektor penerbangan. *What's the urgency*, apakah perkara yang mendesak *such that* kita perlu meluluskan malam ini? Tinggal sikit lagi sahaja.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Menteri boleh bentangkan perubahan ataupun *amendment* esok dan kita boleh luluskan dalam pada bulan Jun pun tak lewat. Perkara ini bukan *urgent*. *This is not a war*. Kalau kita ada peperangan, kita perlukan izin daripada Parlimen, kita duduk sampai pukul tiga pagi pun tak apa tapi ini bukan perkara sebegitu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat PJ. Utara, saya nak tanya Yang Berhormat PJ Utara. Yang pertama sekali, bil ini bil penting. Yang keduanya, ini menunjukkan bahawa sama ada kementerian bawa tidak serius ataupun *drafter* tidak serius. Maknanya andaian yang kementerian ataupun *drafter draught* ada, *anything that we put on the table definitely we approve*. Ini masalahnya. Sebab itu kita katakan apa-apa juga yang dibawa ini biarlah cermat kerana kita berkali-kali kata kita bukan *rubber stamp* but kita harus teliti kerana *at the end of the day*, pengguna-pengguna di luar, *at the end of the day*, orang yang akan menggunakan. *At the end of the day*, rakyat dan juga lain-lain yang akan menggunakan undang-undang ini akan melihat bahawa pada saat-saat ini, sekumpulan Ahli Parlimen telah meluluskan satu rang undang-undang dan jadi undang-undang dan inilah kualiti kita. Tidakkah malu kita? Inilah masalahnya Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Yes, jawablah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat PJ Utara, duduk dulu Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk membawakan usul bawah Peraturan Mesyuarat 90(2).

### **USUL**

#### **MERENTIKAN KUAT KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 90(2)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 90(2) dan dengan persetujuan Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan usul untuk merentikan kuat kuasa Peraturan Mesyuarat 12 iaitu bagi membolehkan Majlis Mesyuarat menamatkan perkara yang patut diselesaikan pada hari yang berkenaan juga.”

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, ada yang menyokong?

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat PJ Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Itu sebabnya saya tanya kepada rakan-rakan yang ada di sebelah sana. Kita tadi meluluskan satu pindaan yang sudah diakui salah.

**Seorang Ahli:** Sudah dibetulkan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mana ada diperbetulkan. Ada kah dibentangkan atas meja kita diperbetulkan? Tidak ada.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, nak bagi Yang Berhormat Tanjong Karang ke Yang Berhormat?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat PJ Utara, Yang Berhormat PJ Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa kalau di sebelah sini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat PJ Utara, nak bagi Yang Berhormat Tanjong Karang?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak tanya. Ini serius, ini serius.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Serius ya.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat. Saya dengar hujah PJ Utara, ada logiknya hujahannya. Kita tak boleh nafikan ada yang agak *contradict* tapi saya nak tanya Yang Berhormat PJU, kalau kita tak silap, di bawah Akta Bahasa Kebangsaan 1967, kalau ada mana-mana undang-undang yang *contradict* di antara terjemahan antara bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, maka yang terpakai ialah terjemahan bahasa Melayu. Sahih. Ini bawah akta. Jadi bermakna kalau ada percanggahan, mungkin kesilapan *translate* dan sebagainya maka bahasa Melayu *prevail*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seksyen 6, Akta Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** [Bangun]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Akta Bahasa Kebangsaan 1967 kalau tak silap saya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Seksyen 6 Akta Bahasa Kebangsaan.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ya, seksyen 6. Ha, kita dah ada akta. Kalau misal kata ada tersilap, ini dalam akta, menjamin. Kalau ada apa-apa juga percanggahan terjemahan antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris, maka bahasa Melayu yang terpakai. Kalau dalam terjemahan, bahasa Melayu ini *contradict* dengan apa yang undang-undang asal yang boleh mengelirukan, saya boleh terima tapi kalau setakat terjemahannya tak tepat, maka Akta Bahasa Kebangsaan terpakai, seksyen 6. Apa yang kita nak bahas dekat sini?

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar ya, sebentar.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Ini bawah Akta Bahasa Kebangsaan, Yang Berhormat.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Saya nak tanya Yang Berhormat PJU, setuju tak dengan apa yang saya cakap? Itu yang saya nak tanya Yang Berhormat PJU.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya akan jawab.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Okey.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, memang betul. Setuju kah Yang Berhormat PJ Utara kalau ada percanggahan di antara *English* dengan bahasa, yang bahasa itu akan *prevail* tetapi ini adalah satu *attitude* yang sangat *irresponsible*, tidak bertanggungjawab.

[Dewan riuh]

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sebab kita tahu sudah salah, kita masih luluskan dalam Dewan ini. Ini adalah sikap yang amat tidak bertanggungjawab.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang, seorang. Seorang, seorang Yang Berhormat.

## ■ 0000

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini adalah Barisan Nasional, ini *attitude* Barisan Nasional. Tahu salah, masih lulus kerana pelabur-pelabur yang datang akan baca yang *English version*. *You know that the English version is wrong and you proceed to approve it...*

[Dewan riuh]

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sorang-sorang Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Lenggong duduk. Sorang-sorang Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, hendak bagi jalan? Yang lain duduk Yang Berhormat, yang lain duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Seremban dia menghina akta. Akta Bahasa Kebangsaan, Dewan yang luluskan. Dia menghina undang-undang negara kita. Ini masalah pentadbiran. Dia menghina undang-undang negara. Ini sudah termaktub bawah Akta Bahasa Kebangsaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Yang Berhormat Pandan, duduk Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bagaimana seseorang boleh menghina undang-undang negara kita? Yang Berhormat Bandar Kuching, bagaimana Berhormat Bandar Kuching boleh hina? Sudahlah lagu Negaraku pun tidak mahu hormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Akta Bahasa Kebangsaan pun tidak mahu hormat. Ini undang-undang, ini akta. Kita kena hormati undang-undang yang sedia ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara? Ya, yang lain duduk. Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi...

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Stampin, kalau tidak larat, baliklah Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Apa kau hendak bising-bising.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** *You have four more bills...*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Stampin, balik. Tidak payah tunggu. *Come on*lah Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Stampin, yang lain duduk Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Ahli yang lain duduk. Yang Berhormat Tanjong Karang, duduk Yang Berhormat. Duduklah, duduk.

[Dewan riuh]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Ahli yang lain, duduk Yang Berhormat. Apa yang berlaku di luar bukan dalam Dewan Yang Berhormat, tidak apa. Ahli yang lain duduk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli yang lain duduk Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Pengerusi, sebenarnya saya hendak ajukan soalan kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara untuk sahkan perkara berikut. Sebenarnya kesilapan ini bukan sahaja kesilapan terjemahan. Ini kesilapan makna yang sangat berbeza daripada yang dibentangkan oleh Menteri tadi. Draf di dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris bagi fasal 35 dan juga fasal 36 ...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** [Bangun]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa, tidak payah bangun. Sorang-sorang. Yang Berhormat Kapar duduk, Yang Berhormat Shah Alam duduk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Subseksyen (2) itu mempunyai maksud yang sama. Saya bersetuju dengan apa yang dibentangkan oleh Menteri iaitu syarikat-syarikat penerbangan luar negara oleh sebab mereka telah dilesenkan dan permit itu juga diberikan oleh kerajaan mereka, mereka tidak memerlukan lesen Kerajaan Malaysia. Masalahnya, draf yang dibentangkan di dalam yang asal dan kemudian dibentangkan pula di dalam pindaan, bukan sahaja bagi fasal 35(2) tetapi fasal 36(2) yang belum diluluskan salah, tidak mempunyai makna yang sama. Itu masalahnya.

Jadi saya minta supaya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tolong terangkan kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, ini bukan soal Akta Bahasa Kebangsaan. Ini akta rang undang-undang yang maknanya lain daripada yang dimaksudkan oleh kerajaan.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Tambah sedikit.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Biar saya tambah sedikit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, ya. Ahli yang lain duduk. Tidak apalah, selepas ini nanti Menteri jawablah, persoalan-persoalan yang dikemukakan nanti dijawab.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Baik terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingat biar kita baca yang 35(2) yang dalam bahasa Malaysia, yang kalau kita kata bahawa yang bahasa Malaysia adalah rujukannya, maka kita baca yang dalam bahasa Malaysia. Okey, lesen perkhidmatan udara 35(2). So (2) ini dia kata, "Subseksyen (1) tidak terpakai bagi kepada pengendali syarikat penerbangan yang dinamakan oleh negara selain Malaysia yang merupakan pihak ..."...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, 35 sudah lepas Yang Berhormat. Fasal 36 sekarang, pergi 105.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, ini fasal teks fasal Bahasa Kebangsaan ini yang 35. Dia tulis sini 35.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Fasal 36 hingga 105.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sini, yang diberi di sini ialah 35.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah selesai tadi Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Tidak mengapalah ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Pandan tadi bahawa perkara ini juga berlaku dalam fasal 36(2) yang sama di mana kedua-dua bahasa dalam *bill* ini tidak mempunyai makna yang sama. Saya rasa untuk menjawab Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi merupakan pindaan kepada teks bahasa kebangsaan. Bukan teks bahasa Inggeris. Pindaan yang dibawa tadi kepada teks bahasa kebangsaan. So itulah yang kita pertikaikan.

Kita hendak ubah teks bahasa kebangsaan kepada untuk menyelaraskan kepada teks bahasa Inggeris yang salah. Macam mana? So kita ada perkara yang berlaku yang

sama dalam fasal 36 sekarang dan saya sebenarnya tidak tahu sama ada yang lain betul atau tidak betul. Adakah kita perlu lewat malam di sini untuk membetulkan bahasa? Saya hendak merujuk dan saya harap pihak Menteri akan dapat menjawab dan memberikan jaminan tidak ada penterjemahan yang salah lagi dalam seluruh bil. Kalau tidak, mungkin bil ini sudah cacat. Kita Parlimen luluskan *bill* cacat.

Saya hendak merujuk isu... [Disampuk] Parlimen OKU. Bahagian VII, fasal-fasal mengenai persaingan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Menteri sama ada dalam fasal persaingan ini, satu pentas persaingan yang adil dan bebas akan diberikan bukan sahaja kepada syarikat-syarikat penerbangan seperti Air Asia, Fly Mojo, Malindo dan lain-lain, tetapi juga kepada pengendali ataupun *operator of airports*. Buat masa ini, kita mempunyai sebuah syarikat di mana kerajaan mempunyai kepentingan iaitu Malaysia Airport Berhad yang boleh disebut mempunyai monopoli di seluruh negara kecuali satu dua lapangan terbang seperti Skypark dan juga Senai International Airport.

Adakah selepas ini, pihak kerajaan akan melalui Suruhanjaya Penerbangan ini, akan membolehkan supaya kesemua lapangan terbang yang ada di Malaysia diberikan peluang dan ruang kepada semua pengurus lapangan terbang seperti MAHB, Senai Airport dan lain-lain untuk mengambil bahagian dalam satu tender secara terbuka untuk menguruskan lapangan-lapangan terbang yang ada di Malaysia sekarang.

Ini merupakan satu perkara penting kerana Yang Berhormat Pandan tadi telah pun sebut, tidak ada rangka kepada pihak suruhanjaya untuk menentukan perkara-perkara sebegini. Sepatutnya kita mempunyai satu rangka mengenai persaingan di negara kita di dalam bidang penerbangan, termasuk dalam lapangan terbang yang ada di Malaysia.

#### ■0010

Kita harap pihak Yang Berhormat Menteri akan memberikan jaminan supaya semua lapangan terbang kita akan diberikan hak pengurusan kepada syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam satu tender terbuka persaingan seperti apa yang disebut dalam rang undang-undang ini, supaya pengguna akan dapat menikmati perkhidmatan yang paling baik dari segi kualiti dan juga yang paling murah. Buat masa ini MAHB telah pun menyerahkan permohonan untuk menaikkan cukai penerbangan kepada Kementerian Pengangkutan.

Nasib baik Kementerian Pengangkutan sehingga hari ini masih belum meluluskan permintaan tersebut. Kita harap permintaan tersebut tidak akan diluluskan sebaliknya kita patut membuka ruang persaingan untuk mengurus lapangan terbang yang ada di Malaysia kepada semua pihak. Biar pihak yang memberikan perkhidmatan dengan caj yang paling rendah dengan mutu yang tertentu melalui *service level agreement* diberikan kuasa untuk menjalankan pengurusan di lapangan-lapangan terbang ini. Ini penting kerana ini akan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Boleh gulung? Ini akan membawa dua kebaikan. Nombor satu, penekanan harga kepada rakyat akan menurun. Sekarang kita sudah ada GST semua barang. Kita hendak kurangkan harga beban kepada rakyat, persaingan antara semua syarikat-syarikat ini akan dapat menetapkan supaya harga berpatutan yang paling rendah dapat dicapai. Nombor dua, kita ingin supaya kita menjadi hab penerbangan bagi serantau Asia Pasifik dan cara untuk menjadi hab tersebut, antaranya faktor yang paling utama adalah kadar cukai penerbangan. *The lower it be it is, the more competitive we are.*

Antara perkara yang menyebabkan jumlah pelancong dan jumlah pengguna sistem penerbangan di Malaysia meningkat, melonjak bukan meningkat, melonjak dengan begitu tinggi adalah kerana masuknya syarikat-syarikat penerbangan kos tambang rendah ke Malaysia seperti AirAsia, Malindo dan lain-lain. Kalau kita dapat teruskan ataupun terus menurunkan harga kos penerbangan di Malaysia, saya rasa ia akan hanya membawa lebih banyak pelanggan dan juga pelancong ke negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Pandan, selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab ya.



**12.13 pg.**

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri bersabit dengan penjelasan awal yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang saya faham maknanya tetapi masalahnya pindaan yang dibentangkan dan juga teks-teks yang ada ini mengelirukan dan tidak akan membawa makna itu kepada orang yang membacanya. Kalau tengok kepada teks asal 35(2) yang sepatutnya diikuti juga dengan fasal 36(2) kerana ia mengenai perkara yang sama.

Yang Berhormat Menteri tadi menerangkan bahawa subseksyen ini diadakan untuk mengecualikan syarikat-syarikat penerbangan dari luar negara dari keperluan mendapatkan permit dan lesen di bawah rang undang-undang ini kerana mereka telah pun diberikan lesen oleh kerajaan masing-masing. Saya faham yang itu dan itu kena pada tempatnya.

Masalahnya, rang undang-undang di dalam bahasa Inggeris tidak menyampaikan makna tersebut. Makna di dalam fasal 35(2) dan 36(2) dalam bahasa Inggeris menyatakan bahawa kalau difahami dengan cara ia ditulis, seolah-olah mana-mana syarikat ataupun kontrak yang membabitkan Kerajaan Malaysia tidak memerlukan lesen ataupun permit oleh di bawah rang undang-undang ini. Apa yang saya agak kecewa, saya khuatir kalau kementerian dan pihak kerajaan membuat silap yang lebih besar. Sudahlah teks bahasa Inggeris ini tidak menyampaikan makna yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi pindaan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri tadi untuk 35(2) itu cuba menterjemahkan teks bahasa Inggeris yang salah itu ke dalam teks bahasa Melayu dan menggantikan teks bahasa Melayu asal yang betul. Itu yang masalahnya.

Saya tidak ada masalah dengan soal lambatkah apa. Bagaimana kita hendak meluluskan rang undang-undang ini selepas negara kita menjadi terkenal dengan tragedi-tragedi yang membabitkan penerbangan kita, kalau ini langsung tidak mencerminkan apa yang dikehendaki oleh kerajaan. Apatah lagi apabila syarikat antarabangsa baca dan mengikuti prosiding kita pada malam ini, tidakkah itu akan memalukan kerajaan dan negara apabila telah terang berlaku kekeliruan dan kesilapan di pihak kerajaan tetapi Yang Berhormat Menteri tidak mahu menarik balik dan kembali dengan teks yang betul. Saya hanya minta yang itu.

Saya faham makna Menteri dan kerajaan dan saya percaya perlu dikekalkan. Akan tetapi telah berlaku kesilapan di pihak kakitangan dan kementerian yang sepatutnya teks asal yang betul bahasa Melayu yang patutnya kekal dia buang. Dia ambil teks yang diterjemahkan daripada teks bahasa Inggeris yang salah. Jadi saya mintalah supaya fasal 35(2) dan 36(2) ini diperbetulkan balik dan kembali. Kalau tidak kita akan menjadi bahan ketawa bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi seluruh dunia. Yang Berhormat Shah Alam hendak mencelah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Pandan. Saya telah membaca kembalilah apa yang telah ditegur oleh Yang Berhormat Pandan dan saya nasihatilah Yang Berhormat Menteri secara ikhlas untuk baca balik dan memang ada kesilapan. Saya tak kisah kalau Parlimen hendak terus lulus, luluskan esok pagi kita buat PC lah dan kita tunjuklah. Bagaimana dalam keadaan letih, mengantuk, tak boleh beri tumpuan, kesilapan yang nyata. *If the Minister will only try to read and understand.*

Jangan dilihat sebagai satu usaha untuk sekadar menimbulkan isu. Ada kesilapan yang serius di mana terjemahan yang sepatutnya yang betul itu diambil terjemahan yang salah yang daripada Inggeris yang salah itu diterjemahkan balik. So, saya haraplah, saya tak tahu lagi macam mana hendak ceritakan. Akan tetapi kalau perlu, *maybe we can sit down outside, have a cup of coffee, I can show you where it is wrong.* Akan tetapi kalau hendak luluskan juga, silakanlah. *I mean this is your government, you luluskan.* Esok pagi, kita buat PC kita tunjuklah. *That's all,* terima kasih.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Hendak tambah sikit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kapar bangun.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya, Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat. saya ingin membawa perhatian Yang Berhormat dan Tuan Pengerusi kepada fasal 50(a). Dalam bahasa Malaysia ia berbunyi, "*terdapat faedah yang signifikan yang dapat dikenal pasti dari segi teknologi*". Dalam bahasa Inggeris pula, "*the significant identifiable technological*". Perkataan "*fiable*" dekat sini tak ada dalam bahasa Inggeris. Ini lagi satu bukti, seperti Yang Berhormat Shah Alam kata, luluskanlah. Kalau ini yang hendak, silakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kapar, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Saya tidak akan memanjangkan Tuan Pengerusi. Cuma saya rasa ini rang undang-undang yang baik, yang kedua-dua pihak menyokong dan oleh sebab sensitifnya soal penerbangan ini kepada negara kita, saya hanya minta ini bukan soal politik untuk Yang Berhormat Menteri tarik balik dan bentangkan balik, kerana ia melibatkan syarikat penerbangan antarabangsa. Kalau ia melibatkan syarikat kita pun tak apa lagi.

Ini adalah klausa yang khusus untuk lesen yang melibatkan syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa. Kalau ia mengelirukan dan tak sampai maknanya itu, maka sudah tentu rang undang-undang ini ada lompong yang besar kerana lebih daripada separuh daripada mereka yang terlibat dalam industri penerbangan di negara kita ini adalah syarikat-syarikat daripada luar negara. Dengan itu sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

■ 0020

12.20 tgh. mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang seksyen 35 subseksyen 2 itu kita telah pun membuat pindaan dan ia telah pun dipersetujui. Pindaan tersebut memang betul, berdasarkan kepada muka surat satu yang telah diedarkan tadi. Manakala fasal 36(2) adalah betul, tidak ada pindaan yang perlu dibuat dan teks bahasa kebangsaan dan teks bahasa Inggeris tidaklah bercanggah. Fasal 36 ini tidak sama dengan fasal 35. Fasal 36 menyebut tentang *Air Service Permit* (ASP) dan fasal 35 adalah mengenai *Air Service License*. So, ada dua peruntukan yang berbeza. Untuk *comment* seksyen 50 tadi, ia betul. Saya sudah baca dan betul dan nasihat daripada *AG Chamber* berikan adalah betul. So, tidak ada pindaan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, soalan terakhir Yang Berhormat Menteri. Kalau itu jawapan Yang Berhormat Menteri, saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan kepada Dewan ini apa sebenarnya makna dan juga tujuan fasal 35 subseksyen 2 dan fasal 36 subseksyen 2. Apa sebenarnya, maknanya?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah diterangkan tadi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Baiklah Yang Berhormat, baiklah Yang Berhormat.

*[Fasal 36 hingga 105 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya. Yang Berhormat Menteri tidak jawab soalan saya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Pengerusi, saya ingat to be fair...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah selesai Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya ucap panjang lebar tentang persaingan tadi tetapi tidak jawab soalan saya langsung.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat Menteri boleh terangkan lagi, apa salahnya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, sudah selesai Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir. [Kulim-Bandar Baharu]:** Biarkan Yang Berhormat Menteri terangkan, biar Yang Berhormat Menteri terangkan. Apa salahnya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa salahnya? Kalau kita betul apa salahnya terangkan lagi sekali Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya pun sokong. Harap boleh diterangkan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ini kelaklah Tuan Pengerusi, ini kelak. Kita tengok kedua-dua pihak pun minta Yang Berhormat Menteri bercakap...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Apa salah kita terangkan lagi sekali?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya sokong Yang Berhormat Tanjong Karang, saya mungkin salah. Jadi, Yang Berhormat Menteri tolong terangkan apa makna 35(2) dan 36(2) itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada tambahan, sebentar, sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pandan. Tak apa terangkan balik semula...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada penjelasan lanjut lagi Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Sri Abdul Wahid Omar:** Tuan Yang di-Pertua, menurut seksyen 35(2), subseksyen (1) ini tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mengendalikan perjalanan berjadual ke atau dari satu tempat di Malaysia mengikut terma-terma mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh kerajaan. Ini berkaitan dengan *Air Service License*, dengan izin. Manakala seksyen 36(2) seperti yang tercatat seksyen 1 ini tidak terpakai bagi orang yang dibenarkan untuk mendirikan perjalanan yang tidak berjadual ke atau dari suatu tempat di Malaysia di bawah terma-terma, mana-mana perjanjian atau perkiraan yang dibuat oleh kerajaan. Jadi, yang saya sebutkan tadi bezanya adalah satu, *Air Service License* dan satu lagi *Air Service Permit*. Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak faham, faham tidak? *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak apalah Yang Berhormat. Setakat itulah Yang Berhormat.

**[Fasal-fasal 36 hingga 105 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]**

**[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]**

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Rang undang-undang dilaporkan dengan ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]**

## RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2015

### Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga

12.25 tgh. mlm.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Selepas ini Yang Berhormat...

**Datuk Chua Tee Yong:** Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia Kedua (CMP2) yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 April 2011 telah menggariskan strategi dan inisiatif utama untuk memastikan perkembangan pesat sektor pasaran modal Malaysia di samping mewujudkan satu rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal yang lebih dan teguh. Bagi tujuan ini pihak Suruhanjaya Sekuriti sentiasa menjalankan kajian dan semakan dengan mengambil kira trend terkini rangka kerja pengawalseliaan bagi tujuan mewujudkan sebuah rangka kerja yang lebih teguh, kukuh dan sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Justeru, pihak Suruhanjaya Sekuriti ingin mencadangkan agar pindaan dibuat kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sedia ada. Cadangan pindaan ini juga mengambil kira maklum balas yang telah diberikan oleh pegawai-pegawai penilai Program Penilaian Sektor Kewangan atau *Financial Sector Assessment Program* (FSAP) dengan izin, dari Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia atau *World Bank*. Secara keseluruhannya Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2015 akan:

- (i) mengemas kini dan menyeragamkan tadbir urus Suruhanjaya Sekuriti agar selaras dengan prinsip-prinsip dan objektif pengawalseliaan undang-undang sekuriti yang telah dikeluarkan oleh Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (IOSCO);
- (ii) memperkukuh dan memperluaskan skop penyeliaan Lembaga Pemantau Audit (AOB);
- (iii) mengukuhkan kuasa pengawasan dan pengawalseliaan Suruhanjaya Sekuriti; dan
- (iv) membuat pindaan kecil dan berbangkit kepada akta sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti telah menunjukkan tahap pematuhan yang tinggi dalam melaksanakan objektif dan prinsip-prinsip pengawalseliaan undang-undang sekuriti yang telah dikeluarkan oleh IOSCO berdasarkan penilaian yang telah dibuat oleh IMF dan *World Bank* di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan yang lalu. Berdasarkan penilaian yang dibuat Suruhanjaya Sekuriti telah diberikan penarafan terbaik iaitu penarafan mematuhi sepenuhnya atau *fully implemented* bagi hampir kesemua prinsip dan objektif yang telah digariskan.

Pihak pegawai penilai juga telah mencadangkan agar peruntukan-peruntukan tadbir urus suruhanjaya untuk disemak dan dikemas kini bagi memastikan pematuhan terhadap objektif dan prinsip-prinsip pengawalseliaan undang-undang sekuriti IOSCO tersebut. Setelah mengambil kira maklum balas di atas, pihak Suruhanjaya Sekuriti telah menjalankan penyemakan semula terhadap semua peruntukan tadbir urus Suruhanjaya Sekuriti berbanding peruntukan-peruntukan berkaitan agensi-agensi lain di bawah Kementerian Kewangan. Antara cadangan pindaan ini ialah akan memperuntukkan perkara-perkara berikut:

- (a) memperuntukkan konsep Lembaga Suruhanjaya Sekuriti atau *Board of SC* untuk menggantikan konsep ahli suruhanjaya;
- (b) memperuntukkan dengan jelas pengasingan fungsi lembaga, anggota lembaga dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti;

- (c) memperkenalkan kriteria dan alasan yang jelas bagi pelantikan kehilangan kelayakan dan pembatalan pelantikan seseorang anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti;
- (d) memperkenalkan tatacara tingkah laku bagi anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti;
- (e) memperjelaskan tempoh pelantikan seseorang anggota Lembaga Suruhanjaya Sekuriti;
- (f) memperjelaskan kuasa Suruhanjaya Sekuriti untuk menubuhkan atau menyertai mana-mana badan korporat selaras dengan fungsi Suruhanjaya Sekuriti.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bahagian 3A Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 mengandungi peruntukan-peruntukan bagi penubuhan dan fungsi Lembaga Pemantau Audit. Bahagian 3A ini juga memperuntukkan bahawa Lembaga Pemantau Audit hanya memantau juru audit yang mengaudit entiti berkepentingan awam atau *public interest entity* dengan izin. Senarai identiti berkepentingan awam ini adalah diperuntukkan di bawah Jadual 1 akta sedia ada. Pada masa ini entiti berkepentingan wang adalah termasuk syarikat awam tersenarai dan permohonan lesen pasaran modal tertentu sahaja.

#### ■2430

Walau bagaimanapun, senarai entiti berkepentingan awam ini tidak merangkumi entiti-entiti pasaran modal yang lain yang jatuh di bawah pengawalseliaan Suruhanjaya Sekuriti seperti Bursa Malaysia, *Federation of Investment Managers Malaysia* dan juga produk persaraan modal seperti skim unit amanah dan skim persaraan swasta. Sebagai entiti-entiti yang penting di bawah pasaran modal, penyata kewangan entiti-entiti ini turut dirujuk dan digunakan oleh para pelabur pasaran modal.

Oleh itu, rang undang-undang bercadang untuk meluaskan senarai entiti berkepentingan awam dan memperkenalkan terma kumpulan wang jadual di bawah Jadual 1 akta sedia ada untuk merangkumi institusi-institusi pasaran modal dan produk pasaran seperti yang telah disebut tadi.

Selain itu, mengambil kira fungsi yang dijalankan oleh *reporting accountant* dalam penyediaan satu laporan yang berkaitan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam, pihak Suruhanjaya Sekuriti juga mencadangkan agar bidang kuasa Lembaga Pemantauan Audit diperluaskan untuk merangkumi pengawalseliaan terhadap *reporting accountant*.

Justeru, rang undang-undang akan meminda seksyen 31B, 31C, 31L, 31M dan 31Z akta sedia ada untuk membolehkan pihak Lembaga Pemantauan Audit untuk memantau kerja-kerja yang dilaksanakan *reporting accountant* dan mengenakan apa-apa tindakan ke atas *reporting accountant* tersebut jika perlu.

Bagi memastikan Lembaga Pemantauan Audit dapat menjalankan operasi dengan lebih lancar, penjelasan beberapa fungsi dan kuasa pengawalseliaan yang boleh dijalankan oleh Lembaga Pemantauan Audit adalah perlu.

Bagi tujuan ini, rang undang-undang juga akan meminda Bahagian III akta sedia ada yang antara lain akan:

- (i) menjelaskan skop pemeriksaan Lembaga Pemantauan Audit untuk merangkumi penilaian kecukupan dan kesesuaian bukti audit *sufficiency and appropriateness in of the audit evidence*, dengan izin, yang digunakan oleh juruaudit;
- (ii) memperuntukkan kuasa kepada Lembaga Pemantauan Audit untuk mengarah juruaudit mengambil langkah pemulihan untuk membetulkan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam laporan pemeriksaan Lembaga Pemantauan Audit;
- (iii) memberi kuasa kepada Lembaga Pemantauan Audit untuk berkongsi penemuan auditnya dengan syarikat yang melantik juruaudit tersebut sekiranya perlu; dan
- (iv) membuat pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang akan meminda gubalan seksyen 126 akta sedia ada untuk menjelaskan kuasa pemeriksaan Suruhanjaya Sekuriti ke atas semua yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti tanpa merujuk kepada gelaran lazim mereka dan meluaskannya untuk merangkumi orang-orang yang menjalankan khidmat luar fungsi-fungsi, *outsource functions* dengan izin, atau sesuatu kewangan atau syarikat bagi orang yang dikawal selia tersebut.

Rang undang-undang juga akan meminda seksyen 135 akta sedia ada bagi memperluaskan pemakaian seksyen ini kepada orang yang bersubahat untuk memusnahkan atau merosakkan apa-apa rekod dan dokumen yang diperlukan oleh Suruhanjaya Sekuriti yang boleh dihukum dengan pemenjaraan mandatori dan denda selaras dengan seksyen 371 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Rang undang-undang juga akan meluaskan obligasi kerahsiaan sedia ada di bawah seksyen 148 kepada anggota Lembaga Dana Pembangunan Pasaran Modal dan jawatankuasanya dan mana-mana orang yang menghadiri sesuatu mesyuarat lembaga atau jawatankuasa itu.

Rang undang-undang juga bercadang untuk memperkenalkan seksyen 148A yang baru untuk mentadbir kebolehterimaan keterangan dalam prosiding penguatkuasaan sivil oleh Suruhanjaya Sekuriti. Seksyen ini akan memperuntukkan dengan jelas dokumen dan maklumat yang dilindungi daripada proses penzahiran termasuk keterangan saksi selaras dengan keputusan mahkamah 1979 di dalam kes *Rosdi vs Pendakwa Raya*. Perlindungan yang sama juga diperuntukkan di bawah perintah 94 undang-undang mahkamah di Singapura untuk prosiding sivil oleh *Monetary Authority of Singapore*.

Rang undang-undang juga akan memperkenalkan seksyen 148B yang baru bagi mengenakan satu obligasi kerahsiaan terhadap sesiapa yang menerima maklumat berkenaan hasil penyeliaan Suruhanjaya Sekuriti. Contohnya, laporan analisa risiko syarikat broker saham.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Artikel 41 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, negara-negara anggota hendaklah menjalankan apa-apa langkah yang dipersetujui oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, sebagaimana yang sedia maklum, Malaysia telah dipilih sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC). Pada masa ini, Suruhanjaya Sekuriti tidak memberi kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada mana-mana yang dilesenkan, didaftarkan, diiktiraf atau diberi kuasa di bawah mana-mana undang-undang sekuriti apabila Kerajaan Malaysia dikehendaki untuk menerima pakai langkah-langkah untuk menguat kuasa keputusan menurut Artikel 41 tersebut.

Justeru, rang undang-undang akan memperkenalkan seksyen 160A yang baru bagi membolehkan Suruhanjaya Sekuriti untuk melaksanakan sesuatu keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu termasuk pembekuan akaun sekuriti, wang dan aset orang-orang atau entiti-entiti yang ditetapkan di bawah resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

#### Pindaan-pindaan kecil dan berbangkit -

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga bertujuan untuk menjadikan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 sebagai sumber rujukan perundangan tunggal yang menggariskan perkara-perkara berkaitan tadbir urus, fungsi dan kuasa Suruhanjaya Sekuriti di bawah undang-undang sekuriti.

Justeru, rang undang-undang akan memperkenalkan Bahagian IIIA dan IIIB Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 yang baru. Bahagian IIIB yang baru memperuntukkan peruntukan berkaitan Majlis Penasihat Syariah. Bahagian IIIA pula memperuntukkan peruntukan berkaitan pengurusan risiko sistemik dalam pasaran modal. Kedua-dua bahagian ini dipindahkan kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 sedia ada ke dalam akta ini untuk memperuntukkan pengumpulan semua kuasa-kuasa am Suruhanjaya di bawah undang-undang sekuriti ke dalam satu perundangan.

Rang undang-undang juga akan memperkenalkan seksyen 31ZJ yang baru untuk membolehkan Majlis Penasihat Syariah mengeluarkan sesuatu keputusan tentang apa-apa perkara berkaitan dengan transaksi atau perniagaan pasaran modal Islam melalui inisiatif sendiri tanpa perlu menunggu rujukan dari mana-mana pihak.

Rang undang-undang juga akan membuat pindaan yang berbagai dan berbangkit daripada perkara-perkara di atas kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 seperti berikut:

- (i) Membuat pindaan bagi menggantikan nama Suruhanjaya Sekuriti kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan bagi menggantikan nama Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 kepada Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 bagi tujuan penjenamaan sebagai Suruhanjaya Sekuriti bagi Malaysia;
- (ii) memotong seksyen 151 akta sedia ada memandangkan ia telah diperuntukkan di bawah seksyen 27 yang baru seperti yang diperkenalkan di bawah rang undang-undang ini; dan
- (iii) menggantikan seksyen 151A akta sedia ada dengan seksyen baru 151A yang akan memperuntukkan rujukan tunggal bagi semua peruntukan yang berkaitan kebolehterimaan oleh mahkamah akan segala minit mesyuarat dan dokumen yang ditandatangani oleh Pengerusi.

Peruntukan kecualian dan peralihan -

Rang undang-undang ini juga memasukkan peruntukan kecualian dan peralihan untuk menangani isu-isu yang boleh berbangkit berikutan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan. Fasal-fasal yang lain dalam rang undang-undang ini adalah pindaan kecil atau berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat. *Point of order*, Yang Berhormat ya?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, *Point of Order 80*. Saya baca, "*Kepada Jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa kuasa, hak-hak dan kebebasan Majlis*". Pada saya, melanjutkan sesi ini selepas 12 tengah malam menjejaskan hak saya dan tanggungjawab saya untuk baca, bahas dan beri idea. [Tepuk] Jadi, mengikut P.M. 80A, dikatakan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kuasa Majlis untuk menghukum.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Ya, untuk perbuatan menghina Majlis. So, saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Apa perbuatan menghina Majlis, Yang Berhormat?

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Saya rasa ini satu hinaan bila tanggungjawab saya dijejaskan dengan melanjutkan semacam ini. Jadi saya mahu dapat nasihat Tuan Yang di-Pertua, jika saya nak kemukakan satu *objection* esok kepada Jawatankuasa ini, adakah saya kena sebut Yang Berhormat Labis sebagai Menteri yang bawa ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Kita mahu tanya, nasihat saja. Ataupun Yang Berhormat Arau sebagai Menteri yang *in charge of parliament*? Siapa yang saya kena tujukan? Siapa yang buat keputusan ini untuk melanjutkan ini? Saya mahu tahu siapa. Itu sahaja.

■0040

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya rasa tidak terpakai 80A dalam konteks ini Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tidak apa. Saya mahu cuba. Saya hendak hantar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita menjalankan prosiding ini melalui usul yang telah kita sendiri luluskan sepanjang hari ini. Kita bermesyuarat memanjangkan usul dibuat oleh usul pagi tadi iaitu Peraturan Mesyuarat 12(1), kemudian tiba jam 12 tengah malam tadi kita luluskan suara majoriti usul untuk melalui Peraturan 90(2). Tidak ada soal kita melanggar sebarang peraturan dan tidak ada soal kita menghina, Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua, macam ini. Satu usul macam itu boleh direversekan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita sudah luluskan Yang Berhormat.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Boleh direversekan, boleh direversekan tetapi tidak di...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Boleh direversekan melalui satu usul.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Yes.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab itu saya katakan Yang Berhormat, kita telah luluskan usul untuk melanjutkan sehingga selepas 12 tengah malam melalui usul yang kita sendiri luluskan melalui majoriti.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jadi tidak ada soal. Saya terima *point of order* Yang Berhormat, tetapi saya tidak boleh terima bahawa kita harus memberhentikan ataupun kita menangguhkan Majlis.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan. Saya tidak minta berhenti tetapi saya mahu tahu, jika saya mahu tujuan *complaint* ini, siapa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itulah yang saya katakan tidak ada perlanggaran. Kita melanjutkan tempoh perbahasan melalui usul yang kita sendiri luluskan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan Tuan Yang di-Pertua. Pada saya, ini satu penghinaan atas tanggungjawab saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa. Yang Berhormat ada hak untuk mengemukakan peraturan mesyuarat. Itu yang saya katakan ini adalah keputusan saya bahawa kita tidak ada melanggar sebarang peraturan Dewan.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Bukan, tetap melanggar peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa, *fair*.

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Akan tetapi sekat hak saya, tanggungjawab saya untuk berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Itu pada pendapat Yang Berhormat, okey. Sebab itu saya jelaskan kepada Yang Berhormat sekarang ini bahawa yang sedang kita lakukan ini adalah melalui usul-usul yang kita sendiri luluskan secara majoriti. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Ya, Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, kita masih belum diberitahu, satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Kita masih belum diberitahu,



mengapa perlu kerajaan *bulldoze* begitu banyak *bill* dalam masa satu hari sehingga 3.00 pagi atau 4.00 pagi? *They are just asking for an answer. Why is there complete silence, dengan izin? Itu sahaja yang kita minta. Mengapa perlu? What is the reason? Mengapa?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, kenapa tidak faham ini?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Why? Why?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kenapa tidak faham ini Yang Berhormat?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu sahaja. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak Yang Berhormat. Kenapa tidak faham?

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kenapa tidak faham?

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Saya bertanya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sebab tidak faham...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pada satu ketika..

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Why? Why?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang lain duduk.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Mengapa? Mengapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan bangun, jangan bangun.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak, saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** *Then you see, no one answer.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya tidak apa. Seorang Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak tahu. Saya hendak mencelah daripada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Seorang Yang Berhormat, seorang Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Okey, sudah, ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pada satu ketika, kita juga luluskan begitu. Akhirnya, undang-undang yang kita luluskan ditarik balik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tidak ingin mengulang-ulang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Dan dipinda kemudian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak ingin mengulang-ulang Yang Berhormat. Saya katakan bahawa...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Akan tetapi kita tidak faham.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Kita tidak melanggar peraturan. Soalnya...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isunya bukan peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak puas hati...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isunya adalah tanggungjawab kita sebagai Ahli Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat tidak pusa hati kerana perbincangan hingga larut malam. Saya katakan, kita mengikut peraturan perjalanan Parlimen. Prosiding kita sekarang ini mengikut peraturan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Jangan ...majoriti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang kita sendiri luluskan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan sendiri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *You must not agree with it...*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kita separuh daripada Parlimen tidak setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tetapi kita luluskan melalui suara majoriti Yang Berhormat. Cukuplah.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Separuh daripada kalangan kita tidak setuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin. Sudah selesai sudah.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Dan kita tidak ada paksaan. Kalau siapa-siapa hendak balik, boleh balik. Betul atau tidak Yang Berhormat Jasin?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Who gives responsibility?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin. Tidak apalah Yang Berhormat, cukuplah, cukup.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Isunya ialah *responsibility*.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Kalau *responsibility*, tunggulah. Kalau ini satu *responsibility*, *that is the way*. Biar ... *you wait*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Baling, Jika ada pelanggaran peraturan, saya katakan berhentikan tetapi saya katakan tidak ada pelanggaran.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Bukan isu pelanggaran. Isu itu adalah tanggungjawab kita supaya kita boleh luluskan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya cukup Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** ..Dengan cergas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah. Itu pendapat Yang Berhormat. Ya Yang Berhormat Jasin.

**12.43 mlm.**

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita orang kerajaan ini kerja kuat. *[Dewan riuh]* Apa pun, rang undang-undang ini...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia *not to work hard but to work smart. That is the idea.*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Ya *work smart like* Yang Berhormat Sepang, *work smart like* Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Bagan, *all went back already.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *You get the best result. Not buat cincai-cincai.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Shah Alam, tolong ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Cincai-cincai macam ini bukan kerja kuat. *[Dewan riuh]*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini sudah cukup bertepatan sekali dalam usaha kita untuk menjaga kepentingan dan juga keyakinan pelabur dalam pasaran modal.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Sekuriti ini adalah satu badan yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelia semua pasaran modal seperti yang pertamanya, bursa saham. Kedua, broker saham. Seterusnya, kepada semua *unit trust* dan keempatnya, semua derivatif dan juga tidak ketinggalan, Skim Persaraan Swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012, Malaysia telah dinilai oleh badan-badan antarabangsa iaitu daripada tabung dana antarabangsa (IMF) dan juga Bank Dunia di bawah program penilaian sektor kewangan (FASP). Walaupun sebenarnya Malaysia pada ketika tersebut telah mencapai tahap penilaian tinggi dan cemerlang di bawah program tersebut, tetapi atas nasihat daripada pegawai-pegawai FASP telah mencadangkan beberapa penambahbaikan yang boleh dibuat oleh SC supaya kita dapat mencapai satu tahap yang lebih cemerlang lagi. Oleh itu, cadangan di bawah RUU ini dibuat untuk menyeragamkan tadbir urus *Securities Commission*, dengan izin, agar ia selaras dengan prinsip-prinsip dan objektif pengawal selia dan juga undang-undang sekuriti yang dikeluarkan oleh organisasi Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, kita dapati bahawa selain daripada kita mengambil kira maklum balas daripada FASP, pihak Suruhanjaya Sekuriti juga telah menjalankan penyemakan semula terhadap semua peruntukan tadbir urus *Securities Commission* berbanding dengan peruntukan-peruntukan tadbir urus agensi-agensi di bawah Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, pindaan-pindaan yang telah dicadangkan di bawah rang undang-undang ini adalah sebenarnya memastikan saranan-saranan yang telah dibuat oleh badan-badan antarabangsa dapat kita laksanakan dengan sempurna. Seterusnya, ini juga akan memastikan supaya pihak *Securities Commission*, dengan izin, dapat menjalankan fungsi-fungsinya sebagai pengawal selia pasaran modal dengan lebih efisien, dengan lebih objektif, dan juga dengan lebih berkesan lagi.

Saya dapati bahawa pindaan-pindaan yang lain RUU ini juga untuk memberi kuasa kepada pihak *Securities Commission* untuk menjalankan apa-apa juga langkah yang wujud di bawah bidang kuasa SC bagi melaksanakan tanggungjawab Kerajaan Malaysia untuk menunaikan arahan yang dikeluarkan di bawah Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC).

Jadi soalan saya kepada pihak Menteri, sebelum ini, pihak *Securities Commission* tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk melaksanakan pembekuan dalam apa-apa juga yang disenaraikan dalam resolusi *United Nations Securities Commission* ini, iaitu daripada Klausu 62. Jadi saya hendak tanya setakat ini, apakah yang telah didapati daripada SC tentang apa juga senarai-senarai di bawah resolusi tersebut yang kita dapati, misalnya daripada orang-orang perseorangan, daripada organisasi ataupun daripada negeri-negeri yang telah tersenarai dalam resolusi tersebut?

#### ■0050

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Setakat mana sebenarnya tahap penguatkuasaan SC dalam memastikan bagi tujuan kita menjaga

kepentingan pelabur-pelabur terutamanya, dengan izin, *market conduct* terutama dalam kesalahan yang ada hubung kait dengan pasaran modal.

Seterusnya, apa bentuk penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak SC supaya kita dapat menentukan semua pergerakan pasaran sesuatu kaunter, dengan izin, *unusual market movement*. Oleh sebab ini amat penting kerana kita hendak menjaga kepentingan pelabur-pelabur supaya bukan sahaja mereka meyakini SC sebagai Suruhanjaya Pengawalseliaan, bahkan kita hendak tentukan supaya mereka tidak akan menanggung kerugian.

Seterusnya, setakat mana penilaian yang dibuat oleh *Securities Commission* berhubung apa juga permohonan untuk IPO sama ada ia menepati daripada segi kuantitatif dan juga kriteria-kriteria yang telah disenaraikan oleh pihak *Securities Commission*.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun hendak tahu juga sama ada orang-orang yang terlibat dengan AMLA. Sebelum mereka dijatuhkan hukum sama ada, ada pembekuan dibuat. Oleh sebab ini penting dalam usaha kita memastikan supaya kepentingan mereka sentiasa kita jaga.

Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin melihat bahawa Perkara 44. Sebelum ini, ini kita hendak menunjukkan bahawa kesungguhan kerajaan pada ketika ini dalam memperkenalkan rang undang-undang ini adalah cukup bertepatan bagi menjaga kepentingan-kepentingan pelabur dan juga keyakinan mereka. Sebelum ini, menteri sebenarnya tidak boleh ataupun- minta maaf. Menteri dibolehkan membatalkan apa juga pelantikan-pelantikan Ahli-ahli Lembaga tanpa sebab-sebab yang munasabah. Akan tetapi dengan rang undang-undang ini kita dapati Perkara 44, seseorang ahli lembaga hendaklah pada setiap masa bertindak secara jujur demi kepentingan suruhanjaya dan menggunakan usaha yang munasabah dalam menunaikan fungsinya. Maknanya, kita telah menepati supaya kita dapat meyakinkan kehendak-kehendak orang ramai.

Seterusnya, Perkara 5. Seseorang anggota Lembaga tidak boleh menyalahgunakan apa-apa juga maklumat yang diperolehi atau menggunakan apa-apa pengaruh yang tidak wajar oleh sebab kedudukannya untuk mendapat secara langsung atau tidak langsung sesuatu kelebihan bagi dirinya, ini yang penting, ataupun bagi mana-mana orang lain.

Kalau kita lihat pula pada perkara seterusnya, Perkara 13 untuk kita pembatalan pelantikan. Kita dapat lihat bahawa dalam konteks ini menteri dibolehkan pada bila-bila masa membatalkan pelantikan anggota-anggota Lembaga sekiranya anggota itu daripada 'A' sehinggalah kepada 'E'. Maknanya, kalau ia tidak menepati kehendak apa-apa juga peraturan-peraturan *Securities Commission*, maka menteri boleh pada waktu tersebut, membatalkan pelantikan anggota-anggota Lembaga. Kita dapat lihat...

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Bila saya mendengar penghujahan Yang Berhormat Jasin tentang RUU yang berkaitan dengan Akta Suruhanjaya Sekuriti, saya ada terbaca mengenai Penggal 3C iaitu berkaitan dengan penubuhan Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam.

Saya fikir ini satu inisiatif yang sangat baik, terutama dalam meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara untuk melonjakkan lagi pasaran modal Islam di peringkat dunia. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Jasin, dengan adanya penubuhan Majlis Penasihat Syariah ini sebagaimana Yang Berhormat Jasin telah nyatakan sebentar tadi tentang prinsip-prinsip pasaran modal yang telah digerakkan oleh Bank Dunia dan juga IMF. Adakah nanti dengan adanya Majlis Penasihat Syariah bagi pasaran modal Islam ini boleh bercanggah dengan apa yang telah digerakkan dan dilaksanakan oleh Bank Dunia dan juga IMF. Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya cukup minatlah dengan hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Oleh sebab sekurang-kurangnya ia memberikan kita banyak maklumat. Ini kerana dalam Perkara 31Z(i) ini, sebenarnya telah menyebut dengan begitu

terang sekali. Suruhanjaya boleh menubuhkan sesuatu Majlis Penasihat Syariah dan Majlis Penasihat Syariah tersebut boleh menentukan tatacaranya sendiri. Ini menunjukkan kita mempunyai model kita sendiri yang sepatutnya bukan sahaja menepati apa juga kehendak-kehendak pasaran modal pada ketika ini, bahkan untuk menjaga kepentingan semua pihak.

Hanya satu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikitlah. Oleh sebab Malaysia pada ketika ini, di bawah peruntukan ini cukup bertepatan sekali. Ini kerana kedudukan negara kita sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Dengan adanya rang undang-undang ini, setakat mana kita boleh menarik pasaran modal ataupun *investment*, dengan izin, daripada pelabur-pelabur luar supaya lebih merancakkan lagi pasaran modal kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

12.54 pg.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam rang undang-undang ini, akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Terutamanya, menumpukan perhatian kepada sebuah badan yang tertakluk di bawah akta ini iaitu *the Audit Oversight Board*. Fungsi *Audit Oversight Board* ini adalah untuk memantau syarikat-syarikat audit yang diperlukan untuk mengaudit syarikat-syarikat yang diklasifikasikan sebagai *public interest entities*. *Public interest entities* ini, termasuklah buat masa ini seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, syarikat-syarikat yang tersenarai di Malaysia, bank-bank, syarikat-syarikat insurans, syarikat-syarikat takaful, Bank Islam, agensi-agensi, institusi-institusi kewangan dan lain-lain syarikat yang mempunyai *capital markets and services license* yang mengambil bahagian dalam perniagaan mengenai *securities, derivatives* dan pengurusan pelaburan, *fund management*.

Saya ingin supaya tafsiran *public interest entities* ini diperluaskan. Oleh sebab *public interest entities* ini tidak hanya terlingkung syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia ataupun bank-bank di negara kita. Syarikat-syarikat *public interest entities* sepatutnya juga melingkungi syarikat-syarikat, terutamanya syarikat-syarikat besar, GLC's yang tidak tersenarai. Ini sebab ada juga banyak syarikat GLC yang mempunyai kepentingan awam, yang menguruskan berbilion-bilion ringgit di Malaysia yang merupakan *public interest entities* ataupun syarikat kepentingan yang lebih penting lagi dari antara syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Syarikat-syarikat ini termasuk syarikat-syarikat seperti 1MDB yang mempunyai ataupun yang menggunakan jumlah wang yang cukup besar, lebih besar daripada GLC-GLC yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Sebarang audit yang dijalankan kepada syarikat-syarikat seperti 1MDB perlulah dijalankan dengan standard yang lebih tinggi. Seperti standard yang digunakan kepada syarikat-syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia ataupun syarikat-syarikat institusi kewangan di Malaysia. Saya hendak merujuk kepada 1MDB sebagai contoh, di mana pihak *auditor* bagi 1MDB telah gagal dalam tugasnya untuk mengaudit syarikat 1MDB dengan cekap dan teliti. Kita harap supaya dalam perkara sebegini ia dapat...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin bangun, hendak bagi jalan?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Boleh?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kejaplah, kejaplah. Audit sebegini dapat dirujuk kepada *Audit Oversight Board*. Oleh sebab *Audit Oversight Board* mempunyai kuasa yang lebih besar dan penalti yang lebih tinggi dapat dikenakan kepada syarikat-syarikat audit. Dengan *Audit Oversight Board*, kita harap supaya sesiapa yang mengaudit syarikat macam 1MDB akan menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih bertanggungjawab ataupun lebih berkesan, lebih teliti dan berjaga-jaga, berwaspada. Antara perkara-perkara yang dibuat oleh- *you* hendak tanya dulu?... [Bertanya kepada Yang Berhormat bagi Jasin] Okey.

## ■0100

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih sahabat saya. Sebenarnya undang-undang yang kita bentangkan ini adalah untuk mengawal selia Suruhanjaya Sekuriti. Dalam Suruhanjaya Sekuriti ini satu daripada skop kerja dia selain daripada penambahbaikan tadbir urus rang undang-undang ini juga bertujuan untuk memperluas dan memperkukuhkan skop penyeliaan lembaga pemantauan audit kerana kepada ahli pasaran modal. Pertama tadi saya sebut tadi bursa saham, broker saham, yang ketiganya kalau Amanah Saham *Trust Fund* lepas itu *derivative* dan juga Sistem Saraan Swasta. Jadi tidak ada hubung kait dengan MDB. Jadi janganlah kita bawa perkara yang tidak ada hubung kait dengan rang undang-undang ini, Yang Berhormat. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya rasa perkara ini cukup berhubung kait kerana 1MDB telah pun mengumpul wang melalui pasaran bon dengan cukup besar. Hanya satu sebab sahaja buat masa ini 1MDB tidak termasuk dalam lingkungan *Audit Oversight Board* kerana ia tidak tersenarai itu sahaja tetapi kepentingannya sama dengan syarikat yang tersenarai. So itu sebabnya kita minta supaya tafsiran bagi akta ini *for public interest entities*. Siapa boleh sebut 1MDB bukan *public interest entities*, memang *public interest entities* tetapi ia tidak ditafsirkan...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat rang undang-undang ini hanya berkaitan dengan pasaran modal Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada. Ada kaitan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Bukan syarikat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Apabila 1MDB tidak mampu membayar hutang mereka apa terjadi? Kadar faedah yang perlu dibayarkan oleh Petronas untuk bon mereka meningkat. *Currency* ataupun mata wang ringgit kita menurun antara akibatnya yang utama yang disebut-sebutkan oleh semua media, media antarabangsa bukan media sini, media antarabangsa ialah kerana 1MDB tidak mampu membayar hutang mereka dalam masa yang ditetapkan.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Sefaham sayalah daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ialah bahawa sekiranya 1MDB tidak diletak di bawah akta ini ataupun rang undang-undang ini maka seharusnya ia diletakkan. Oleh sebab ia mempunyai satu impak yang besar terhadap pasaran modal itu sendiri. Oleh sebab ia menggunakan duit yang dengan jumlah yang besar yang datangnyanya daripada orang ramai ataupun daripada kerajaan yang merupakan harta negara. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya sambung sedikit Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sambung sedikit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kena sambung ya tidak payahlah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Skop kerja ini adalah hanya terlibat kepada mereka yang dilesenkan oleh SC sahaja. Syarikat yang tidak ada lesen di bawah SC kerana itu baru boleh diaudit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Public interest entities* ini tafsirannya adalah mengikut *schedule*. Kita hanya meminta supaya tafsiran ini diperbesarkan untuk melingkungi syarikat-syarikat kerajaan yang besar yang tidak disenaraikan yang mempunyai kepentingan awam, itu sahaja. Ini penting kerana kita melihat daripada kerja-kerja yang dibuat oleh pihak pengaudit *auditor* oleh 1MDB jelas tidak mencukupi. Nombor satu ada beberapa perkara yang syarikatnya pada masa itu tahun 2010 iaitu KPMG tidak buat dengan baik. Kita mendapat tahu bahawa *auditor* bagi 1MDB yang pertama, Eng Sen Yang meletakkan jawatan mereka pada bulan lebih kurang Julai-Ogos, tahun 2010.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [Bangun]

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kenakah biar saya habislah. Bukan perlu tanya, hendak tanya, tanya sekarang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat mengenai 1MDB ini. 1MDB ini kita sudah tahu sudah pun diumumkan PAC akan siasat, kemudian Audit Negara akan siasat. Yang Berhormat pun sudah kena saman kalau saya tidak silap dengarlah oleh Yang Berhormat dari Pekan. Jadi boleh tidak kita tunggu bila kita dapat laporan-laporan yang betul daripada kita baca laporan Sarawak kah apa yang kita tidak tahu kesahihannya. Boleh tidak kita tunggu bila selesai esok. Saya sudah cakap Yang Berhormat kalau esok laporan itu tidak betul saya pun akan sokong Yang Berhormat tetapi biarlah kita dapat fakta yang betul dahulu. Yang Berhormat salah seorang anggota PAC esok *grill* lah siasatlah baik-baik dan bentang dekat kita. Kita kalau benda itu betul kita katalah betul. Ini Yang Berhormat cakap berdasarkan fakta-fakta daripada media entah betul, entah tidak kita pun tidak ada kepastiannya. Itu yang saya hendak tanya Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Sama ada saya boleh tunggu, tidak boleh tunggu jawapannya tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini menuju... *[Disampuk]* Janganlah, janganlah. Rang undang-undang ini menuju...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Debating.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kepada *Audit Oversight Board* yang mengawal selia pihak *auditor* kepada syarikat-syarikat berkepentingan. Saya membahaskan di sini kerana kerja-kerja, fungsi-fungsi *auditor* yang menjalankan audit kepada syarikat-syarikat yang berkepentingan kepada rakyat. So 1MDB ini hanya merupakan satu contoh yang saya ingin bawa untuk menunjukkan bahawa perkara ini penting.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, hendak bagi jalan?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So saya hendak bahas tentang perkara ini untuk menjaga dan mengawal selia *auditor-auditor*...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Okey, okey saya sokong Yang Berhormat teruskanlah bahas tetapi janganlah menyeleweng 1MDB- dok ulang berpuluh-puluh kali itu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak bentangkan kerja yang dibuat oleh *auditor* dalam syarikat 1MDB tentu saya sebut 1MDB...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya lah.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kalau Yang Berhormat tidak hendak dengar, Yang Berhormat boleh pergi duduk di luar.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ini hendak masuk pun Yang Berhormat pertikaikan kerja-kerja Audit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya tidak ada ruang untuk membahaskan di sini janganlah bagi tahu saya apa yang saya boleh faham saya tidak boleh bahas. Kalau tidak hendak dengar duduklah luar tidak apa kita boleh bincang nanti.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Bukan tidak boleh dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya pun ada hak juga untuk dengar. Ya saya dengar, saya dengar. Yang Berhormat jangan lupa di luar sana pun, saya boleh dengar, tahu walaupun, saya tidak ada dalam. Saya duduk dekat kabin pun saya dengar, tahu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dekat luar sana tidak boleh dengar?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Di luar, saya di kabin.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dekat luar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Tanjong Karang duduklah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat cakap berulang-ulang. Dahulu sudah cakap 1MDB, ini cakap lagi. Bagilah peluang selesai dulu kes audit, PAC selesai- esok bentang dalam Dewan ini, sudah ada fakta.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Pandan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Bersetujukah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bahawa apabila kerajaan membentangkan satu rang undang-undang ataupun pindaan tujuannya ialah untuk menambah baik sesuatu institusi itu. Jadi rang undang-undang ini dibentangkan untuk memastikan pasaran sekuriti dan pasaran modal yang di bawah Suruhanjaya Sekuriti ini menjadi lebih baik. Bersetujukah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bahawa segala masalah yang berlaku di dalam 1MDB itu akan mempunyai kesan besar kepada segala pasaran modal yang ada dalam negara kita ini. Oleh sebab itu kita tidak boleh lari daripada bercakap mengenai 1MDB apabila kita bercakap mengenai pasaran modal.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** 100% setuju. Biar saya balik kepada KPMG, biar saya habis cepat, *you* boleh balik rumah cepat sedikit tidak payah tunggu.

Nombor satu iaitu bila Eng Sen Yang meletakkan jawatan pada bulan Julai-Ogos tahun 2010, kerjanya diambil alih oleh Syarikat KPMG. Dalam jangka masa satu bulan sahaja, dalam bulan September, dilantik KPMG menjadi *auditor* yang baru. Pada 3 Oktober, KPMG dapat menandatangani Laporan Audit tersebut. Macam mana syarikat yang mempunyai pembiayaan melebihi RM5 bilion pada masa itu, Laporan Audit boleh diluluskan oleh sebuah syarikat Audit dalam jangka masa satu bulan sahaja. Ini merupakan satu tanggungjawab yang tidak dijalankan dengan baik oleh Syarikat KPMG. Kalau Syarikat 1MDB ditafsirkan sebagai syarikat PIE, Syarikat KPMG akan dikawal selia dengan lebih ketat.

Perkara yang kedua yang KPMG tidak buat ialah, tidak melaporkan perkara-perkara yang saya tidak akan ulangi seperti RM700 juta yang dikeluarkan daripada syarikat usaha sama 1MDB PetroSaudi tanpa dilaporkan dalam Laporan Audit. Ia tidak dilaporkan dan ini merupakan satu *negligence* daripada pihak *Auditor*. Nombor tiga, untuk membantu supaya Syarikat 1MDB ini tidak perlu melaporkan perkara-perkara seperti RM700 juta yang dikeluarkan daripada syarikat tersebut.

#### ■0110

Syarikat KPMG membantu untuk mengesahkan bahawa jumlah pelaburan sebanyak RM1 bilion tersebut ke dalam syarikat usaha sama itu diubah menjadi sebuah pinjaman kepada PetroSaudi. Akan tetapi pinjaman ini diberikan kepada syarikat usaha sama yang dulu yang telah pun menjadi anak syarikat penuh kepada PetroSaudi hanya dengan jaminan daripada *PetroSaudi International Limited*. *PetroSaudi International Limited* merupakan satu syarikat yang ditubuhkan di Arab Saudi dengan *paid up capital* kurang daripada USD150,000. Sebuah syarikat yang *paid up capital* kurang daripada USD150,000...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Dapat menjamin..

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(1). Sekarang ini kita sedang membincangkan pindaan akta. Saya hendak baca Peraturan Mesyuarat 36(1). Seseorang Ahli Dewan apabila membahaskan rang undang-undang yang meminda akta induk, hanya perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang itu sahaja yang dibenarkan bercakap dan tidak kepada perkara yang melibatkan akta induk. Ini kalau kita hendak cecutkan masa. Jadi berbincang kepada pindaanlah. Hendak marah kita benda yang sama dalam 1MDB tidak habis-habis.



**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, betul sahaja. Perkara-perkara yang dipinda sahaja, Yang Berhormat. Itu memang betul.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tadi *Audit Oversight Board*, bukan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Perkara-perkara yang dipinda sahaja.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tadi *Audit Oversight Board*?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Peraturan Mesyuarat 36(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada dalam *Audit Oversight Board*. Dalam ini, *Audit Oversight Board*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apalah ya. Kalau...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Perkara asas di sini. *Audit Oversight Board*.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, sebenarnya..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sebentar, Yang Berhormat. Sebentar. Sebentar Yang Berhormat. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Audit itu Tuan Yang di-Pertua, saya sambung..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mendapatkan penjelasan ya. Bagi pencerahan tentang perkara-perkara yang dipinda sama ada *Audit Oversight Board* itu termasuk dalam pindaan, Yang Berhormat?

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Memang *Audit Oversight Board* terdapat dalam pindaan. Akan tetapi daripada segi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, kebanyakan yang ditanya sebenarnya patut ditanya kepada MIA kerana mereka yang sebenarnya mengawal juruaudit-juruaudit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak apa, Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Saya bahas dalam *Audit Oversight Board*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat memang perkara-perkara yang dipinda sahaja Yang Berhormat. Jadi sekarang ini saya sudah meminta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Perkara yang Yang Berhormat sedang bahas itu terkeluar daripada skop pindaan. Jadi tidak apalah.

Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, tidak apa. Bahas. Kemudian balik kepada pindaan-pindaan Yang Berhormat ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya bahas tentang pindaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tetapi perkara yang...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak jelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya bahas tentang pindaan di mana *Audit Oversight Board*, pentafsiran itu perlu diperlonggarkan untuk melindungi syarikat-syarikat *public interest*- tidak ada salah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Okey, you listen to my explanation.* Yang itu Yang Berhormat bahaskan lebih kurang 20 minit tadi. Kemudian apabila ada *point of order* dari Yang Berhormat Tanjong Karang, saya sendiri, Yang Berhormat dengar, saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada perkara yang dibincang, Yang Berhormat bawa itu termasuk dalam skop pindaan atau tidak. Yang Berhormat Menteri bangun dan perelaskan kepada kita ia tidak termasuk dalam pindaan. Jadi bererti Yang Berhormat, Yang Berhormat *have to stick to 36(1)*, bahawa bincang dan bahas perkara yang termasuk dalam pindaan. *It is very fair.* Okey? Terima kasih.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya akan teruskan dan saya rasa hairan kenapa yang sebelah sana itu membangkitkan ataupun takut tentang perkara 1MDB dibangkitkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah berintonasi begitu, Yang Berhormat. Tidak perlulah. Yang Berhormat, tidak perlu.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak perlu.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya teruskan perbahasan saya. Ini peringkat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, tidak perlu buat intonasi macam itu ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tuan Yang di-Pertua, *with due respect, this is* peringkat dasar. Sebenarnya *I don't even need to restrict to Audit Oversight Board.* Ini Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Apa-apa yang saya sebut tentang Suruhanjaya Sekuriti, saya boleh bahas dalam dasar ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *No, no. You must understand.* Jangan bergaduh. *You listen to me.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *I* pun tidak mahu bergaduh. Sudah lewat. Sudah tidak mahu bergaduh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Jangan bertengkar dengan Tuan Yang di-Pertua. *You listen to me carefully.*

Saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Menteri *confirm*, sahkan bahawa perkara Yang Berhormat bawa itu terkeluar. Jadi nasihat saya, Yang Berhormat balik kepada perbahasan yang terangkum dalam pindaan sahaja, Yang Berhormat. *Very fair.* Tidak payah bergaduh.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya teruskan.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, boleh celah sedikit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi?

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, sedarkah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bahawa terdapat sebuah syarikat namanya Edra Energy yang kepunyaan 1MDB, dan akan disenaraikan tidak lama lagi. Akan tetapi nampaknya *U-turn* sudah sekarang. Tidak mahu senarai, mahu dijual oleh CIMB. Adakah ini mungkin untuk keluar daripada *Audit Oversight Board* ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Bukankah *Audit Oversight Board* itu terkeluar, Yang Berhormat. Terkeluar.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *No, no, no. Audit Oversight Board is the essence of the bill.*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, apa yang dijelaskan tadi? *You say it is part of it, or terkeluar?*

**Datuk Chua Tee Yong:** *Audit Oversight Board*, dalam. Akan tetapi yang dia mengatakan KPMG buat salah apa semua itu, *I think that's under MIA*. Dia bukan di bawah sini, sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *Allright. Okey, fair ya.*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *Audit Oversight Board* mengawal selia syarikat-syarikat Audit dan ini merupakan sebahagian besar daripada pindaan yang dibawa ke sini. So, saya hendak pertikai cara syarikat-syarikat audit mengaudit syarikat-syarikat berkepentingan dan yang berkepentingan kepada saham-saham yang dimiliki oleh orang ramai. Saya minta supaya kementerian akan melonggarkan tafsiran tersebut untuk masukkan syarikat-syarikat milik kerajaan yang mempunyai bon-bon yang boleh mengancam sistem kewangan di Malaysia. *It's a direct link with the act. It is not even like trying to make dotted line across the world. It is a direct link to the act.*

Saya sebut tadi, pinjaman yang dibuat oleh 1MDB kepada syarikat PetroSaudi hanya atas jaminan daripada *PetroSaudi International* yang hanya mempunyai *paid-up capital* sebanyak USD150,000. Tidak sampai USD150,000 atas pinjaman RM1.2 bilion. Ia tidak dicatat atau disebut dalam *Audit Report* KPMG. KPMG juga telah lalai dalam kerja-kerja mereka kerana mereka telah tidak melaporkan bahawa perjanjian untuk mengubah daripada saham ke pinjaman telah berlaku selepas tarikh terakhir untuk Laporan Audit iaitu 31 Mac...

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Saya bersetujulah bahawa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara cuba untuk *widen the scope of Audit Oversight Board* ini kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kerajaan. Contohnya macam 1MDB. *I think you have said your point but I think, you are dragging the detail discussion of 1MDB into...*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *No, no, no. Listen, listen. I want to explain to you. No, no. It is okay to debate but what I want to try to tell you this Securities Commission Act, the Audit Oversight Board under Securities Commission actually limited to these four activities that we have pasaran modal. Now, kalau you hendak masuk 1MDB ini, we can discuss this 1MDB, I think we have discussed many times. But what I want to stress, if you talk about 1MDB ini owned by the government, do you know that the government owned almost 45 companies dalam MKD. So, kalau you hendak masuk, you masuk semua dalam itu, you can put your suggestion. But I think you are dragging the transaction 1MDB which currently all of us know that it is now under AG and also under PAC. That's it...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *First time I'm being told in the Parliament how I should debate a valid point.* Saya teruskan. Saya tidak panjang. Sikit lagi sebab saya fokus khusus kepada...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, boleh gulung Yang Berhormat ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya banyak gangguan. Banyak orang hendak ajar saya macam mana hendak bahas di sini. Okey, hanya satu sebab saja ia 1MDB. Kalau tidak dia orang tidak biarkan. Okey, saya hendak habiskan.

■0120

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada 2, 3 *point* lagi. Okey, dalam *where was I?* Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani selepas tarikh akhir tarikh okey, laporan tersebut tidak masuk sebaliknya KPMG membantu syarikat tersebut untuk melaporkan bahawa semua perjanjian itu ditandatangani pada 31 Mac. Maksudnya KPMG membantu syarikat tersebut menjalankan satu penyelewengan ataupun *fraud*. Okey. KPMG dan Ng Sen Yang sepatutnya di bawah *International Standard On Accounting Auditing* yang diiktiraf oleh *Malaysian Institute of Accountant* disebut dengan izin, *there is responsibility of the auditors to maintain professional skepticism throughout the audit and to identify and access the risk of material statement due to fraud and to report to the responsible authorities*.

Perkara ini tidak berlaku dan ini juga merupakan juga satu kesalahan oleh pihak *auditor*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu bangun, hendak bagi?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara fasal *Audit Oversight Board* ini cuma satu saya hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara khusus kepada penyelewengan konon-kononnya yang dilakukan oleh *auditors* yang kita pun tidak dapat kepastian. Kita setuju bukan hendak *dictate* cara perbahasa Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara adakah Yang Berhormat Petaling Jaya Utara bersedia untuk membuat laporan polis kepada KPMG dan semua badan ini supaya mereka ini dapat disiasat dengan secara sebetulnya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya telah nombor satu buat laporan polis dua minggu sebelum sesi Parlimen ini, itu nombor satu. Nombor dua saya telah pun membuat laporan...

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Laporan polis kes KPMG.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Dengarlah. Saya telah pun, laporan terhadap 1MDB termasuklah semua pihak yang terlibat dalam perkara tersebut. Tidak perlu saya namakan satu-satu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** *You claim* KPMG, *you claim* KPMG.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *No, no, you* salah. *You* menuduh ada penyelewengan.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Tanjong Karang, cukup. Saya nak habis.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Dalam Audit. *You* buat report .....

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Biar saya habis. Biar saya habis. Nombor dua saya telah pun membuat laporan mengenai KPMG kepada *Malaysian Institute of Accountants* tapi saya mendapati bahawa apa pun *Malaysian Institute of Accountants* tidak ada gigi. So, tidak banyak dia boleh buat okey daripada segi pemantauan ataupun penalti. Manakala *Audit Oversight Board* kuat dia punya *restriction* dan *sanction* termasuk boleh mengenakan penalti sebanyak RM500 ribu dan lain-lain penalti yang ada juga dalam pindaan hari ini okey. So, saya harap supaya...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Syarikat-syarikat kerajaan. Polis sudah lapor tentang 1MDB. Semua yang terlibat dalam polis termasuklah.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Utara boleh tidak kita *be specific*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** / ada sebut KPMG dalam laporan polis saya. Saya boleh bagikan satu *copy* selepas ini. Jangan bimbang.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Tak, sebab Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dia kalau kita tengok sejarah, *Arthur Andersen* terbatal ataupun dilupuskan kerana keagalannya untuk *audit- so*, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Utara ini dia bukan benda kecil...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Bukan.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** ...Benda besar. Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kalau betul-betul ini, lapor polis *specifically* KPMG yang tidak membuat audit secara profesional. Itu *better*. Daripada kita cuma bercakap.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Dalam laporan....

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat PJU, Yang Berhormat PJU...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tidak payahlah.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat PJU, sikit.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Saya hendak habis.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat PJU.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat. Duduk.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan hendak ambil kerja Parlimen. Kan sudah *report* lepas ini hendak buat apa, PC, bantai apa hendak tengok, fasal dia saman tak saman *you* pula. Janganlah pusing-pusing benda yang sama.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sudah, sudah, sudah. Terima kasih.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat PJU.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Yang Berhormat Tanjong Karang pun tidak payah pusing-pusing yang sama.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat PJU, KPMG yang Yang Berhormat PJU mengagung-agungkan, KPMG pun skandal mereka sendiri. KPMG sendiri mempunyai skandal mereka sendiri. KPMG sendiri mempunyai skandal mereka sendiri tahun 2014 yang Yang Berhormat PJU mengagung-agungkan... [*Dewan riuh*]

Itu yang saya kata. Seolah-olah tidak ada ini...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Faham tidak apa yang saya bahas dekat sini. Saya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Siapa yang mengagung-agungkan. Dia tidur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, duduklah Yang Berhormat Shah Alam. Ya, Yang Berhormat PJ Utara habiskan Yang Berhormat ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Okey, Saya hendak habis. Cepat-cepat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, ya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *Just short one.* Saya cuma keliru sedikit tadi Yang Berhormat PJ Utara sebut tentang KPMG tetapi pada 16 Mac *KPMG International* telah menafikan penglibatan mereka dalam 1MDB. Boleh bagi pencerahan dalam perkara ini?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** KPMG Antarabangsa yang ada di Switzerland tidak menafikan. Mereka hanya kata mereka tidak berkaitan dengan KPMG Malaysia. Dia kata itu KPMG Malaysia punya fasal, itu tidak berkaitan dengan KPMG Antarabangsa. Kita ada perjanjian di mana apa yang berlaku di KPMG Malaysia, itu dia punya fasal. Itu penafian yang dikeluarkan oleh KPMG Antarabangsa di Switzerland. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua....

**Beberapa Ahli: [Menyampuk]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah hendak habis Yang Berhormat, hendak habis sudah ya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Oh, akhir sekali bukan KPMG saja. Delloite okey. Delloite saya ringkas saja. Pada dua tahun kebelakangan ini KPMG telah pun meletakkan jawatan, diambil alih oleh syarikat yang baru, Delloite dan Delloite buat kerja yang lebih kurang sama, tidak memuaskan dalam dua sudut.

Nombor satu semua wang yang diragui, yang dilaburkan di *Cayman Island* daripada RM7.2 bilion yang melalui Petro Saudi itu dan tambahannya USD 1.5 bilion melalui *1MDB Global Investment*. Kesemuanya diletak sebagai *level 3 investment*. Daripada segi sudut audit memang ada *level 3 asset* iaitu aset-aset yang tidak diketahui secara benar nilai dia. Akan tetapi kalau RM13 bilion di klasifikasi sebagai *level 3*, sepatutnya *auditor* menjalankan penyiasatan yang lebih teliti kerana kalau apa-apa yang tidak tepat, tidak senonoh yang berlaku dengan RM13 bilion itu, syarikat itu akan terjejas. Wang akan tidak mencukupi untuk membayar hutang sebanyak RM42 bilion.

Ini tidak dijalankan oleh pihak *auditor* dan kini kita terpaksa melalui Kementerian Kewangan mengeluarkan wang tambahan untuk menyelamatkan 1MDB. Kalau Delloite menjalankan tugas mereka dengan baik sama ada wang di *Cayman Island* ataupun wang di 1MDB Global, kita mungkin hari ini tidak perlu membahaskan mengenai 1MDB. Nombor dua akhir sekali okey, bagi tahun 2014 Audit, ia ditandatangani pada 5 November tahun lalu- 5 November tahun lalu pihak Delloite berkata 1MDB cukup sihat. *It doesn't have any going concern*. Ia tidak ada sebarang *emphasis of matter*, ia Laporan Audit tidak dibuat pengecualian ataupun *it is not a qualified Audit Report*.

Akan tetapi, pada hujung bulan November, pada bulan yang sama, 1MDB tidak mampu membayar hutang mereka sebanyak RM2 bilion. So, jelas pihak Delloite tidak menjalankan tugas mereka dengan baik dan kita harap bagi segala mungkin bukan semua syarikat kerajaan. Saya setuju memang banyak syarikat kerajaan. Bukan semua syarikat kerajaan tetapi syarikat kerajaan yang mengambil pinjaman yang besar melalui *capital markets* di Malaysia ataupun di antarabangsa, syarikat-syarikat sebegini perlu dilingkungi bawah akta ini supaya kerja-kerja Audit yang dijalankan oleh pihak *auditor* dapat dikawal selia dan hukuman yang dikenakan kepada sesiapa *auditor* yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik, dapat dikenakan kepada pihak yang bertanggungjawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kelana Jaya.

1.29 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Lepas itu Yang Berhormat Menteri boleh jawab.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mata saya sudah merah, tekak saya sakit, sudah lewat ini. Jadi saya akan membuat perbincangan saya. Terima kasih lah kerana memberi saya *opportunity* ini untuk dasar ya. Perbincangan dasar. Perbincangan saya pendek saja sebab banyak sudah diceritakan oleh Yang Berhormat PJ Utara tadi. Jadi mak saya selalu beritahu. Emak, betul mak saya beritahu.

Dengan izin, *when you have nothing bad to say, keep it very short. So I will try to keep it very short* ya.

#### ■0130

Suruhanjaya Sekuriti adalah satu-satunya badan yang mempunyai dana sendiri ataupun dia dapat dana dia daripada levi dan juga fi yang dikenakan kepada syarikat yang disenaraikan. Dalam pengalaman saya sebagai seorang peguam korporat lebih 20 tahun, *dealings* saya dengan *Securities Commission* banyakkann baik, elok. Memang *Securities Commission* adalah betul-betul profesional dan saya telah meneliti akta ini. Didapati apa yang dia hendak buat adalah baik dan saya ada beberapa isu dengan pindaan yang kecil-kecil. Selepas itu, di *committee stage* saya akan bahas lebih tentang isu itu.

Bagi saya, isu yang terpenting ialah Suruhanjaya Sekuriti mempunyai *financial independence*. Seharusnya semua badan kerajaan utama, khasnya seperti MACC perlu mengamalkan *financial independence* juga kerana daripada *Securities Commission*, kita lihat, apa *result* adanya *financial independence* ialah, kita lihat kakitangan mereka baik, komitmen mereka ada dan tidak ada *political interference* yang banyak. Ini penting untuk menjaga Bursa Malaysia dan juga menjaga semua sekuriti dan *derivative* yang ada di negara ini.

Apa yang penting bagi saya daripada segi kakitangan Suruhanjaya Sekuriti. Saya mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan pelantikan Datuk Ranjit Ajit Singh sebagai *Chairman* pada tahun 2012. Pelantikan ini menunjukkan bahawa dengan adanya *financial independence*, satu-satu badan kerajaan boleh mengamalkan sistem meritokrasi. Kita tahu di Malaysia ini bangsa Singh tidak banyak. Cuma lebih kurang 100,000, tetapi untuk mendapat seorang seperti Datuk Ranjit Ajit Singh untuk mengambil tempat yang penting sekali adalah satu *achievement* yang baik bagi *Securities Commission*.

Saya tahu bahawa Datuk Ranjit Ajit Singh mengamalkan ataupun bekerja di dalam *Securities Commission* selama 20 tahun. Jadi bagi saya, saya minta semua badan untuk *move away, move towards financial independence*, tidak payah diletakkan di bawah Perdana Menteri punya *control* dari segi kewangan. Dengan mengikut cara apa yang dibuat oleh *Securities Commission*, saya harap kerajaan akan lebih bertanggungjawab, lebih telus dan terdapat lebih transparenasi.

Saya akan mengakhiri perbahasan saya dengan dua soalan sahaja. Kita tidak bagi Yang Berhormat Menteri jawab satu, dua soalan sahaja. Apa yang penting, saya hendak tanya berapakah kes kesalahan berlaku pada tahun 2014? Kalau Yang Berhormat Menteri boleh beritahu, cerita sedikitlah tentang apakah *result*nya. Itu sahaja, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

#### 1.33 pg

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Terima kasih kepada tiga Yang Berhormat yang turut membahaskan rang undang-undang pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan beberapa soalan yang sebenarnya ada juga ditanya oleh Yang Berhormat Kelana Jaya, terutamanya daripada segi penguatkuasaan.

Nombor satu, daripada segi soalan sama ada terdapat organisasi atau nama-nama yang mungkin pada masa sekarang telah dibekukan setelah boleh dikatakan mendapat nasihat daripada *United Nations Security Council*. Pada masa sekarang masih belum ada entiti tersebut, maka tujuan kita membuat pindaan ini adalah untuk memastikan pada masa akan datang jikalau terdapat keperluan ini, kita mempunyai akta-akta yang sudah diluluskan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Datuk Chua Tee Yong:** Nombor dua, daripada segi kriteria-kriteria untuk IPO. Sebenarnya dia banyaklah, tetapi daripada segi ringkasan sebenarnya dia memfokuskan kepada kriteria kuantitatif seperti rekod prestasi keuntungan, kedudukan kewangan yang sihat, penjagaan teras yang dikenal pasti, piawaian takbir urus yang baik dan integriti pengarah dan juga pengurusan yang mempunyai kesinambungan dan keupayaan. Maka daripada segi kriteria-kriteria, dia sebenarnya mempunyai *guideline* dan *guideline* ini sebenarnya terletak di dalam laman web SC yang boleh dimuat turun.

Selain itu, terdapat juga pertanyaan mengenai Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram atau AMLA ini. Sebenarnya terdapat peruntukan di bawah AMLA di mana seseorang itu yang dibekukan aset, mereka boleh membuat permohonan bagi memastikan sebahagian aset mereka dilepaskan bagi memastikan bahawa kebajikan mereka adalah sebenarnya terjamin.

Mengenai isu-isu langkah-langkah untuk memantau pergerakan harga saham. Jika terdapat perubahan luar biasa di pasaran saham, Bursa Malaysia akan mengeluarkan pertanyaan aktiviti pasaran luar biasa untuk memastikan syarikat yang terbabit menzahirkan maklumat-maklumat kepada pelabur-pelabur untuk menjelaskan pergerakan harga saham tersebut.

Daripada segi isu yang dibangkitkan mengenai tindakan penguatkuasaan SC. Sebenarnya dari tahun 2010 hingga 2014, 22 orang individu telah dijatuhkan hukuman penjara antara satu hari hingga 12 tahun untuk pelbagai kesalahan undang-undang sekuriti. Dari tahun 2010 hingga tahun 2014 juga, mahkamah juga telah mengenakan jumlah denda sebanyak RM27 juta hasil sabitan kesalahan undang-undang sekuriti tersebut.

Mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat PJ Utara. Walaupun bidang kuasa *Audit Oversight Board* hanya meliputi juruaudit yang mengauditkan entiti yang berkepentingan awam dalam mendaftarkan juruaudit ini, *Audit Oversight Board* harus mempertimbangkan sama ada mereka layak dan sesuai. Oleh itu, *Audit Oversight Board* akan melakukan segala ada yang dalam bidang kuasa undang-undang untuk menguatkuasakan pematuhan dengan piawaian pengauditan dan etika oleh juruaudit yang berdaftar dengan *Audit Oversight Board*.

Sama ada perlunya definisi entiti berkepentingan awam diluaskan untuk merangkumi GLC dan entiti lain satu keputusan polisi yang perlu dipertimbangkan kerana satu kriteria yang konsisten perlu diwujudkan supaya kita tidak mengambil *negate reaction*. Kita sedia maklum semua juruaudit ditadbir oleh MIA sebagai badan profesional. Oleh sebab pengauditan 1MDB yang saya tahu, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara telah membuat boleh dikatakan kompelin kepada MIA, maka adalah wajar bahawa MIA diberi ruang dan masa untuk meneliti perkara ini. MIA sebenarnya tidak dihalang daripada segi penyiasatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]



**Fasal 8 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

1.39 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya baca cadangan pindaan saya, fasal 8.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila, sila.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Pinda seperti di bawah. Pindaan seksyen 4, 5 dengan menambah selepas perkataan "dirinya" perkataan "keluarganya". Rasional untuk pindaan ini ialah untuk memastikan kesemua Ahli Lembaga Suruhanjaya tidak ada apa-apa peluang untuk memberi kepentingan kepada keluarga mereka ataupun *no meaning*. Itu sahaja.

■0140

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pindaan Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah dibentangkan sekarang terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dalam Kertas Pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui]*

*[Fasal 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

**Fasal 10 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

1.42 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal 10 dipinda seperti di bawah:

- (i) pindaan seksyen 5(1)(a) dengan menambah selepas perkataan menjadi. Perkataan "seorang pengarah atau.."; dan
- (ii) seksyen 5(2) dibatalkan.

Rasional untuk pindaan seksyen 5(1)(a) ini ialah untuk memastikan seseorang yang dilantik sebagai Ahli Lembaga tidak boleh menjadi pengarah syarikat PLC ataupun *Public Listed Company*, dengan izin.

Bagi pembatalan seksyen 5(2) ia tidak masuk akan sebab sekiranya seseorang daripada *Finance Ministry* adalah juga seorang pegawai syarikat PLC ini, mungkin tidak timbul dan lebih baik ialah kalau terdapat satu percanggahan perkara ini, lebih baik Yang Berhormat Menteri memilih orang lain menjadi ahli lembaga. Pohon disetujui.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sekarang terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbincangan]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujui. Pindaan dikemukakan dan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui]

[Fasal 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Fasal 11 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

#### Fasal 16 dan 17 [Pindaan] -

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

1.44 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Fasal 16 dipinda seperti di bawah. Pindaan seksyen 11 dengan menambah selepas perkataan dibincangkan, perkataan-perkataan berikut. Dengan syarat orang yang hadir sedemikian tidak mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung dalam perkara tersebut. Kalau dibenarkan, saya buat rasional dia dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Lembaga memang boleh menjemput seseorang untuk perbincangan tetapi sesiapa yang dijemput itu perlulah tidak ada kepentingan peribadi. Ini penting untuk dimasukkan untuk memastikan semua adalah *above board*.

Fasal 17 dipinda seperti di bawah. Pindaan seksyen 13 dengan menambah selepas perkataan tersebut dengan perkataan-perkataan, "...dan tidak berhak mengundi dalam apa-apa perkara yang dibincangkan". Rasionalnya ialah ia penting untuk membuat satu *disclosure* bahawa seseorang lembaga mempunyai kepentingan itu tetapi tidak mencukupi. Ahli Lembaga itu perlu juga tidak diberi kuasa untuk mengambil bahagian mengundi apa-apa yang dibincangkan sebab dia ada kepentingan. Ini terdapat dalam rang Undang-undang Aviation tadi. Jadi saya minta kalau boleh untuk membuat pindaan ini lebih baik, lebih elok, jangan dibenarkan orang yang ada kepentingan itu untuk mengundi dalam perkara-perkara ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya sekarang terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

1.45 pg.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Tuan Pengerusi, saya rasa tidak adil kalau kita tidak memberikan sokongan kepada kedua-dua pindaan yang dicadangkan kerana *naturally* perkara itu mesti diambil berat kerana kalau tidak *adopt* perkara tersebut, ia mungkin akan menjadi satu keadaan di mana orang-orang yang tidak patut ataupun orang yang patutnya *declare* dia punya *interest* akan terlibat sama dalam membuat keputusan. Jadi saya rasa perkara ini patut sudah ada dalam *bill* ini. Jadi kalau tidak ada, apa yang dibawa oleh Yang Berhormat Kelana Jaya itu saya rasa tepat dan munasabah untuk disokong. Kalau tidak sokong, saya rasa *something wrong* dengan belah sana.

Lagipun malam masih muda [Ketawa] Esoknya hari Khamis, bukan Jumaat. Jadi Yang Berhormat Arau tidak ada sebab untuk- jadi saya menyokong penuh dengan pindaan ini dan kita akan berjuang habis-habisan untuk memastikan pindaan ini akan diterima.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Jasin ingin mencelah, sila.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Sila. Ha, hendak mencelah.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Pengerusi, kalau saya jadi sahabat Yang Berhormat Kelana Jaya, saya tidak hendak buang masa lah. Kerana perkara ini telah terkandung dalam akta cukup terang sekali.

Perkara 16 ada sebut lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat berdasarkan kepada kepakaran, pengalaman dia tetapi orang yang dijemput di sini, tetapi orang yang hadir sedemikian tidak berhak mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangan telitian tersebut. Jadi sudah terang ada dalam rang undang-undang, buat apa kita buat hal lagi Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai. Ini sebabnya malam masih muda.

**Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]:** Duduklah, malam masih muda.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ini *floor* saya. Saya *offer* kepada...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya *offer* kepada Yang Berhormat Kelana Jaya untuk bahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak boleh, Yang Berhormat Kelana Jaya.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tidak boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kelana Jaya bukan Menteri.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Boleh, terima kasih. Kawan baik saya Yang Berhormat Jasin ini berada dalam TPPA dengan saya tetapi dia baca salah- 16 itu saya tidak bawa untuk isu mengundi- 17 isu mengundi. Sila Yang Berhormat baca baik-baik pindaan itu *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya atas penjelasan. Saya pun hendak jelas macam itu tadi *[Ketawa]* Kalau saya tahu penjelasan yang sama, baik saya sendiri jelas tetapi oleh sebab malam masih muda, jadi saya rasa saya mohon supaya rakan-rakan sebelah sana *for the first time*, menyokong.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, Shah Alam bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Kuala Krai, saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krai untuk memberi penjelasan. Kalau Yang Berhormat Kuala Krai tidak boleh jelas, kita kembalikan kepada Yang Berhormat Kelana Jaya *[Ketawa]* Yang 16 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya tadi, Tidak yang sebelum itu yang 16 itu kan. Ada juga yang disebutkan tentang pengisytiharan kepentingan? So yang 16 itu ialah berhubung dengan pengisytiharan kepentingan ataupun orang-orang yang dipanggil walaupun dia ada kepakaran tetapi dia tidak boleh ada kepentingan dalam urusan itu kerana walaupun atas alasan kepakaran, tetapi dia punya kepentingan, keterlibatan dia itu perlu diisytiharkan. Saya rasa iaitu juga satu cadangan yang baik tetapi mungkin oleh sebab malam masih muda lalu dia orang pun tidak berminat untuk memikirkannya. Apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, saya rasa pindaan yang dicadangkan itu jelas. Ertinya kehadiran dia itu boleh datang sebagai pakar tetapi kalau ada dua orang pakar, satu yang ada kepentingan, satu tidak ada kepentingan kita benarkan yang tidak berkepentingan. Yang berkepentingan itu yang dicadangkan supaya

tidak dibawa masuk ke dalam perbincangan ini. Saya yakin Yang Berhormat Kelana Jaya pun itu yang benda yang dia akan *explain*...

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** [*Mengangguk kepala*]

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Dia mengangguk sudah itu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu sahaja ya?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi ada lain, ada lain-lain? [*Ketawa*]

■0150

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Krai habis ya?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Jadi, kalau tidak ada saya mohon kita sokong cadangan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

1.50 pg.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Chua Tee Yong]:** Tuan Pengerusi, cadangan pindaan fasal 16 mengenai pindaan seksyen 11, pindaan ini tidak perlu dimasukkan kerana orang dijemput untuk menghadiri mesyuarat lembaga adalah tidak layak untuk mengundi, seperti Yang Berhormat Jasin kata. Selain itu, keputusan muktamad hendaklah dibuat oleh Lembaga secara kolektif yang tertakluk kepada kehendak bahawa lembaga haruslah pada setiap masa bertindak secara jujur dan demi kepentingan suruhanjaya seperti yang diperuntukkan dalam cadangan subseksyen 4(4).

Mengenai cadangan pindaan fasal 17 di mana saya hendak baca ini Yang Berhormat Kelana Jaya mengatakan pindaan seksyen 13 dengan menambah selepas perkataan "tersebut". Masalahnya saya tidak dapat cari perkataan "tersebut" Yang Berhormat. Tidak tahu dari mana perkataan tersebut muncul dan mungkin Yang Berhormat Kuala Krai atau Yang Berhormat Shah Alam boleh tunjukkan kepada saya perkataan tersebut itu datang dari mana... [*Dewan riuh*] Maka pindaan ini tidak dapat dijalankan kerana perkataan "tersebut" tidak wujud dalam cadangan fasal ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dalam Kertas Pindaan hendaklah disetujui.

[*Pindaan dikemukakan bagi diputuskan; dan tidak disetujui*]

[*Fasal-fasal 16 dan 17 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

[*Fasal 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang*]

**Fasal 19 [Pindaan] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Kelana Jaya.

1.52 pg.

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Fasal 19, seksyen 15(a) dibatalkan, 15(b) dibatalkan, 15(e) dibatalkan, 15(f) dan 15(i) dibatalkan, seksyen 15(f)(2) dibatalkan, seksyen 15(h) dibatalkan, seksyen 15(i) dibatalkan. Alasannya senang. Tadi kita sudah dengar bahawa *securities* dan *derivative industries* sebenarnya *capital market* adalah lebih besar daripada isu sekuriti dan *derivative* sahaja. Ia termasuk insurans, termasuk *trust fund*. Jadi kalau kita gantikan sahaja dengan cara ini ia tidak *complete*. Jadi, saya pohon Yang Berhormat Menteri semak semula sama ada ia cukup

merangkumi apa yang dimaksudkan itu dengan menggantikan secara begini. Terima kasih. Mohon disokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam kertas pindaan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kelana Jaya dalam kertas pindaan hendaklah dipersetujukan.

*[Pindaan dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui]*

*[Fasal 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Fasal-fasal 20 hingga 64 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri Kewangan sila.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M 62**

- **Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015**
- **Rang undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015**
- **Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan; "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2015, dan Rang undang-undang Kumpulan Wang Persaraan (Pindaan) 2015 seperti yang tertera di No. 6 dan No. 7 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang".

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah. Saya jemput Timbalan Menteri Dalam Negeri.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Seri Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan; "Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015, seperti yang tertera di No. 8 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini ditangguhkan bacaan kali yang kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat yang akan datang". Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 9 April 2015.

*[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.57 pagi.]*